BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2014 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Kestabilan Kewangan
PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2014

13 Tinjauan Keseluruhan
14 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah
20 Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah dalam Negeri
25 Mengurus Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan
28 *Rencana: Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik*
41 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan
48 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi di Luar Negeri
53 Kesalinghubungan Sistem Perbankan dengan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)
56 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Memastikan Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap
68 Memperkukuh Industri Insurans dan Takaful
71 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
73 Memajukan Agenda Rangkuman Kewangan
75 Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
77 Perkembangan Serantau dan Antarabangsa
78 *Rencana: Akaun Pelaburan di bawah IFSA*
83 Pembangunan Modal Insan Secara Berterusan

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

89 Memperkukuh Rangka Kerja Kehematan
96 Memelihara Integriti Sistem Kewangan
100 Aktiviti Penguatkuasaan
102 *Rencana: Pengurusan Risiko Siber*

AMALAN PASARAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

109 Mengurus Risiko Pengguna Kewangan
113 *Rencana: Keberkesanan Lembaran Penzahiran Produk Dalam Mempengaruhi Keputusan Kewangan yang Berdasarkan Maklumat yang Mencukupi*
119 Mengukuhkan Mekanisme Penyelesaian untuk Pengguna
120 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab

Laporan Sistem Pembayaran

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

127 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
130 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit
136 Mempertingkatkan Kerjasama Merentas Sempadan dan Serantau

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Tahun 2014 dicirikan oleh keadaan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu berikutan prospek pertumbuhan global yang kurang optimistik, prospek dasar yang berbeza-beza oleh pihak berkuasa monetari utama dan penurunan harga minyak yang mendadak. Sepertimana ekonomi lain di rantau ini, sistem kewangan Malaysia telah menerima kesan daripada susulan peralihan dalam mudah tunai global ekoran penilaian semula risiko oleh para pelabur dalam persekitaran semasa. Namun, peralihan mudah tunai global ini diiringi pembezaan yang lebih jelas merentas negara.

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan perkembangan ini, disokong oleh pengantara kewangan yang kukuh dan proses pengantaraan yang berfungsi dengan cekap. Ini seterusnya telah menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta. Pasaran kewangan domestik yang lebih maju dan asas pelabur institusi domestik yang meluas turut menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan dalam tempoh ketidaktentuan yang semakin meningkat. Justeru, keadaan yang teratur terus dapat dikekalkan dalam pasaran-pasaran tersebut. Meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam kos pendanaan runcit dan kos antara bank menjelang akhir tahun 2014, yang sebahagiannya mencerminkan pelarasan yang dibuat oleh bank terhadap piawaian mudah tunai baharu yang bakal dilaksanakan, namun mudah tunai dalam sistem perbankan masih lebih daripada mencukupi. Keputusan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank berdasarkan andaian kejutan kredit dan pendanaan yang ekstrem membuktikan tahap daya tahan sistem perbankan yang tinggi. Pada tahun 2014, risiko dalam sektor isi rumah dan harta tanah juga telah berkurang berikutan langkah-langkah fiskal dan kehematan makro yang dilaksanakan dahulu.

Pada masa akan datang, pengurusan kestabilan sistem kewangan akan memberi tumpuan kepada beberapa cabaran yang timbul daripada implikasi perubahan keadaan ekonomi global dan domestik ke atas sistem kewangan, dan juga penyesuaian terhadap pembaharuan pengawalseliaan yang meluas. Ini bagi memastikan tidak wujud kesan yang tidak teratur kepada proses pengantaraan kewangan. Pengurangan tahap kompleksiti piawaian antarabangsa dan penambahbaikan terhadap tahap kesinambungan pasti akan memudahkan pelaksanaan piawaian ini yang lebih berkesan. Untuk melaksanakan perubahan yang dirancang terhadap piawaian teras, Bank akan mempertimbangkan kesesuaian penggunaannya dalam konteks domestik. Di samping itu, perhatian akan ditumpukan pada usaha memastikan pengaturan yang melindungi kestabilan kewangan terus mengambil kira dengan secukupnya sifat pengantaraan kewangan yang sering berubah, termasuk peranan pasaran modal dan institusi kewangan bukan bank yang kini semakin penting selain aktiviti kewangan merentas sempadan yang bertambah.

Justeru, Bank terus mengekalkan tahap kewaspadaannya yang tinggi, yang melibatkan pengawasan penyeliaan terhadap institusi kewangan yang lebih intrusif. Tumpuan khusus diberikan untuk memastikan piawaian pemberian pinjaman dan peruntukan pinjaman bank kekal kukuh. Pembaharuan pengawalseliaan yang utama, khususnya yang berkaitan dengan pakej pembaharuan Basel III, juga terus dilaksanakan secara berhati-hati, dengan pengawasan yang rapi terhadap kesannya sepanjang tempoh peralihan. Pada tahun 2014, langkah-langkah penting telah diambil untuk mengukuhkan pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan, untuk menambah baik penilaian risiko dan mengurangkan kesan arbitraj pengawalseliaan yang mungkin timbul daripada penggunaan piawaian kehematan yang berbeza merentas sektor kewangan.

Bank juga akan terus mengkaji semula dengan lebih kerap metrik risiko yang digunakan dalam penyeliaan kumpulan kewangan dan pemantauan risiko terhadap kestabilan kewangan, serta mengambil kira sumber-sumber baharu risiko penularan dan saluran penyebarannya. Penilaian risiko dan ujian tekanan Bank, seperti yang dihuraikan dalam Laporan ini, semakin berkembang skopnya. Bank turut memperluas pemantauannya terhadap aktiviti pengantaraan oleh entiti bukan bank. Perundangan kewangan Bank yang lebih kukuh telah meningkatkan keupayaan Bank untuk menangani risiko yang berpunca daripada aktiviti pengantaraan sedemikian di luar sistem kewangan yang dikawal selia secara rasmi. Hal ini khususnya adalah penting dalam mengurangkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan dalam sektor isi rumah dan harta tanah. Pelbagai usaha terus ditumpukan pada pengukuhan rangka kerja operasi termasuk tadbir urus bagi mengurus risiko ini dan ke arah menambah baik penyelarasan antara agensi dalam memelihara kestabilan kewangan.

Perkara penting yang perlu dipertimbangkan untuk kestabilan kewangan ialah hubungan sistem kewangan serantau dan antarabangsa yang semakin kukuh melalui peningkatan kehadiran institusi kewangan domestik di luar negara serta perkembangan pengaturan pembayaran dan penyelesaian yang memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan. Kesalinghubungan yang lebih kukuh ini akan menyumbang kepada peningkatan potensi pertumbuhan rantau ini dan memudahkan penggemblengan dan pengagihan dana yang lebih cekap di seluruh rantau. Ciri-ciri antarabangsa bagi pasaran sukuk Malaysia dan penyertaan yang lebih meluas oleh bukan pemastautin dalam pasaran modal domestik turut mengukuhkan kepelbagaian dan pengantarabangsaan pasaran kewangan. Kemajuan yang dicapai di ASEAN berkenaan pembangunan sebuah pasaran modal yang bersepadu dan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi akan memperkukuh kesalinghubungan ini. Bank terus memainkan peranan yang aktif dalam memperluas pengaturan kerjasama bagi kestabilan kewangan dengan bank-bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain di serata dunia. Pengaturan ini, yang melibatkan 16 ekonomi serantau dan antarabangsa setakat ini, meliputi pelbagai bidang, termasuk penyeliaan, penilaian dan pemantauan risiko kestabilan kewangan, serta pengurusan krisis. Tidak kurang pentingnya juga ialah usaha yang berterusan untuk mengenal pasti dan menghapuskan halangan terhadap aliran maklumat yang penting untuk menyokong penyeliaan merentas sempadan dan pengurusan risiko.

Bank terus melaksanakan beberapa pembaharuan struktur yang penting dalam sistem kewangan. Pembaharuan ini umumnya mempunyai dua matlamat utama, iaitu untuk mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan sistem kewangan dalam memenuhi keperluan ekonomi, dan untuk memperkukuh insentif bagi pengambilan risiko secara berhemat sambil mempertimbangkan dinamik sistem kewangan yang sering berubah-ubah. Pada tahun-tahun yang akan datang, pembaharuan yang besar dalam sektor insurans akan beralih menjadi tumpuan utama apabila Bank terus mengimbangi dengan berhati-hati objektif mengembangkan persekitaran yang lebih kompetitif yang diperkukuh oleh kehematan kewangan dan perlindungan pengguna yang mencukupi. Dalam sektor perbankan, pelaksanaan rangka kerja kadar rujukan baharu untuk penentuan harga produk kewangan runcit akan meningkatkan transmisi dasar monetari, di samping menambah baik disiplin penentuan harga dan ketelusan kepada pengguna. Pengenalan akaun pelaburan Islam, yang disokong oleh Platform Akaun Pelaburan bersepadu, akan turut memperluas peluang untuk pembiayaan perniagaan yang baharu dan inovatif. Dalam industri kad pembayaran, pembaharuan yang diperkenalkan pada tahun 2015 akan menangani herotan insentif selain menggalakkan penggunaan dan penerimaan yang lebih meluas bagi instrumen pembayaran yang berdaya saing dan cekap dari segi kos.

Memandangkan betapa pentingnya perkembangan global dalam agenda kestabilan kewangan antarabangsa, Bank terus menjadi peserta aktif dalam pelbagai forum antarabangsa. Sepanjang tahun 2014, Bank diterima sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel dan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan. Kedua-dua jawatankuasa tersebut akan menyediakan peluang yang strategik kepada Bank untuk mengetengahkan perspektif pasaran yang sedang pesat membangun mengenai perkembangan penting yang membentuk landskap kewangan. Ini juga membuktikan komitmen Malaysia untuk menerima pakai piawaian antarabangsa yang inklusif. Selain itu, Malaysia menjadi tuan rumah kepada ibu pejabat Persatuan untuk Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) dan Pejabat Kumpulan Bank Dunia, kedua-duanya bertempat di bangunan Sasana Kijang. AFI khususnya mencerminkan pengiktirafan global terhadap komitmen Malaysia yang berterusan terhadap kemajuan rangkuman kewangan pada peringkat global dan domestik.

Melangkah ke hadapan, agenda kestabilan kewangan Bank akan meneruskan tumpuan yang jitu terhadap usaha untuk menambah baik keadaan bagi daya tahan dan kestabilan jangka panjang yang akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
11 Mac 2015

2014

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2014

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara sepanjang tahun 2014. Peristiwa global dan juga perkembangan kewangan dan ekonomi telah memberikan impak yang ketara terhadap pasaran kewangan serantau, dengan tempoh ketidaktentuan yang lebih tinggi dialami pada tahun tersebut. Bagi Malaysia, aliran portfolio juga dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap impak yang mungkin timbul, akibat penurunan harga minyak yang mendadak, terhadap ekonomi dalam negeri pada bulan terakhir tahun 2014. Pasaran kewangan negara yang mendalam dan kehadiran pelabur institusi dalam negeri yang kukuh di Malaysia telah menyokong keadaan pasaran yang teratur meskipun terdapat aliran keluar bersih dana portfolio yang lebih tinggi pada tahun 2014. Permodalan dan prestasi kewangan bagi institusi kewangan juga kekal kukuh, dengan profil pendanaan yang stabil dan aktiviti pengambilan risiko yang berhemat. Ini seterusnya memastikan keadaan pendanaan dalam negeri, iaitu dalam sistem perbankan dan pasaran modal, kekal menggalakkan dan menyokong aktiviti pembiayaan entiti perniagaan dan isi rumah.

Risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri yang timbul ekoran tahap keberhutangan isi rumah dan kenaikan harga harta tanah telah menjadi sederhana berikutan pakej langkah yang diambil sejak tahun 2010. Pertumbuhan dalam hutang isi rumah agregat terus menjadi sederhana seperti yang disasarkan, dengan berkembang sebanyak 9.9%, iaitu kadar paling perlahan sejak kadar tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2010. Risiko yang dikaitkan dengan pengumpulan peminjaman isi rumah tidak bercagar terus berkurang disebabkan oleh penilaian yang lebih baik oleh bank dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) terhadap keupayaan peminjam untuk mengambil hutang tambahan. Ini telah disusuli oleh amalan penentuan harga dan pengurusan risiko kredit yang semakin kukuh. Pada paras agregat, penampan kewangan isi rumah terus kukuh, dengan nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang kekal melebihi dua kali. Keadaan pekerjaan dan pendapatan yang stabil terus menyokong keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Bahagian hutang isi rumah dengan pendapatan RM3,000 atau kurang sebulan terus berkurang sepanjang dua tahun yang lalu, untuk mencakupi sebanyak 26.7% daripada jumlah hutang isi rumah, berbanding lebih daripada 33% pada tahun 2012. Beban kewangan isi rumah dalam kategori ini berkurang berikutan pelbagai bantuan kewangan dan program perumahan yang disediakan oleh Kerajaan. Hasilnya, tahap agregat leveraj bagi kumpulan ini tidak meningkat lagi, walaupun penurunan leveraj ke paras yang lebih selesa, kekal penting. Sebagai mencerminkan perkembangan ini, nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) hanya meningkat sedikit kepada 87.9% berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Yang penting, peminjaman isi rumah baharu berkualiti lebih tinggi. Dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, bahagian pinjaman baharu yang diluluskan dengan nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) sebanyak 60% atau kurang telah meningkat dengan nyata. Ini menyediakan penampan yang lebih selesa kepada isi rumah untuk menghadapi cabaran kewangan. Kadar pembiayaan yang lebih tinggi berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai 2014, memberikan impak yang kecil terhadap keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Dari satu segi, keadaan ini mencerminkan sebahagian besar daripada peminjaman isi rumah adalah berasaskan kadar pembiayaan tetap, dan dari segi lain mencerminkan pengumpulan penampan kewangan yang lebih kukuh oleh isi rumah. Sekiranya terdapat kemungkinan kejadian mungkir secara serentak dan teruk merentas semua jenis peminjaman isi rumah, kemungkinan kerugian kepada sistem perbankan akan dapat ditampung dengan baik oleh lebihan penampan modal sistem perbankan.

Perkembangan dalam pasaran perumahan telah mengurangkan risiko pembetulan mendadak yang mungkin timbul dalam harga rumah memandangkan siri langkah kehematan makro dan fiskal semakin menunjukkan kesan yang disasarkan. Indeks Harga Rumah Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih rendah bagi

tiga suku tahun berturut-turut sejak akhir tahun 2013, merentas hampir semua jenis rumah dan pusat pekerjaan utama. Inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan penawaran rumah mampu milik telah membantu melegakan tekanan terhadap harga rumah dalam keadaan permintaan yang kukuh terhadap rumah mampu milik, yang terus melebihi penawaran. Jurang antara permintaan dengan bekalan, bagaimanapun, mengambil masa untuk mengecil. Risiko terhadap kedudukan kewangan isi rumah dan kestabilan kewangan domestik daripada pembetulan harga rumah terus dikurangkan melalui: (i) pembelian spekulatif yang lebih rendah dalam pasaran harta tanah; (ii) amalan penilaian dan pengurusan risiko kredit yang berhemat, dengan penilaian kemampuan meminjam yang lebih baik, oleh bank; dan (iii) portfolio pinjaman perumahan yang berkualiti tinggi. Bagi sektor harta bukan kediaman, keadaan kekal stabil secara amnya dan didapati bertambah baik dalam beberapa segmen.

Jumlah peminjaman oleh entiti perniagaan bukan kewangan (termasuk syarikat berkaitan Kerajaan) meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 6.8% kepada RM1,037 bilion, mencakupi bahagian lebih rendah sebanyak 96.9% daripada KDNK. Peminjaman luar negeri oleh entiti perniagaan mencatat pertumbuhan yang amat kecil, iaitu 0.05%, berbeza dengan pertumbuhan lebih tinggi (+8.5%) dalam peminjaman dalam negeri. Leveraj keseluruhan entiti perniagaan, meskipun agak lebih tinggi dengan nisbah hutang kepada ekuiti pada 42.7%, kekal selesa dalam tahap kehematan. Keadaan ini menyokong keupayaan entiti perniagaan untuk membayar balik hutang, termasuk peminjam besar daripada sistem perbankan, walaupun terdapat pergerakan yang lebih ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi, yang dialami pada tahun 2014. Kualiti pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan kekal kukuh, dengan trend delinkuensi dan pinjaman terjejas merentas kebanyakan sektor ekonomi, secara meluas dilihat bertambah baik. Kerugian kredit yang mungkin timbul daripada kejutan simulasi terhadap peminjam besar dinilai sebagai terurus, disokong oleh penampan tunai dan perolehan yang kukuh. Prospek bagi risiko kredit, seperti diukur oleh Kebarangkalian Jangkaan Mungkir (Expected Default Frequency) bagi sektor perniagaan secara keseluruhan bertambah baik walaupun keadaan perniagaan dijangka menerima kesan daripada ketidaktentuan yang ketara bagi sesetengah industri. Ini termasuk entiti perniagaan yang bergantung pada konsesi kontrak penerokaan dan pengeluaran dalam sektor minyak dan gas berikutan kejatuhan harga minyak. Walau bagaimanapun, dedahan bank terhadap perniagaan sedemikian adalah kecil, di bawah 2% daripada jumlah dedahan kredit terhadap perniagaan.

Kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) terus memperluas kehadiran mereka di rantau ini pada tahun 2014. Operasi DBG di luar negeri terus menunjukkan profil risiko yang stabil, yang bercirikan operasi yang menumpukan terutamanya pada aktiviti pemberian pinjaman tradisional, struktur pendanaan berisiko rendah yang disokong oleh komponen deposit mata wang tempatan yang tinggi, serta kualiti aset yang kukuh. Penambahbaikan yang berterusan kepada pengurusan risiko pada peringkat entiti dan kumpulan adalah setara dengan peningkatan saiz operasi luar negeri, sekali gus mengurangkan kemungkinan risiko disebarkan kepada sistem perbankan domestik. Dalam tempoh ketidaktentuan yang sangat ketara, cawangan dan subsidiari DBG di luar negeri terus mencatat pertumbuhan dan keuntungan yang kukuh. Bank terus mempergiat perbincangan dan interaksi penyeliaan setempat-tuan rumah (home-host supervisory engagements) sebagai sebahagian daripada penyeliaan bersepadunya terhadap DBG. Ini membolehkan pengenalpastian lebih awal kelemahan yang mungkin timbul dan penyelarasan tindak balas penyeliaan yang berkesan.

Institusi kewangan terus menunjukkan prestasi kewangan dan permodalan yang kukuh, disokong tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang mantap. Peningkatan yang mampan dalam kecekapan operasi, yang dilihat dalam beberapa tahun ini, juga menyumbang kepada prestasi yang positif. Keberuntungan yang berterusan dan dasar pengekalan perolehan (earnings retention policies) yang secara amnya konservatif, terus meningkatkan penampan modal bank yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum pada RM97.4 bilion pada akhir tahun 2014. Penampan yang kukuh menyokong keupayaan bank untuk memenuhi keperluan modal minimum (yang juga diperkukuh secara progresif) di bawah pelbagai keadaan yang buruk. Permodalan industri insurans juga semakin kukuh, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.2 bilion.

Paras delinkuensi yang terendah dalam sejarah merentas semua segmen pembiayaan utama dan

nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang sedia tinggi terus memberikan sokongan kepada margin faedah bersih bank yang bertambah baik pada tahun 2014. Pada paras semasa, margin agak kecil dan oleh itu penting bagi bank untuk terus mematuhi amalan penentuan harga dan peruntukan yang kukuh. Bidang ini merupakan tumpuan utama kajian penyeliaan Bank dalam tempoh kebelakangan ini. Prestasi sektor insurans hayat dan takaful keluarga juga bertambah baik pada tahun 2014, setelah pulih daripada kerugian pelaburan yang ketara yang ditanggung pada tahun 2013. Penanggung insurans am terus menjana keuntungan dan telah mencatat nisbah kerugian sektor kebakaran dan motor yang lebih kecil dalam tiga tahun yang lalu.

Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan keupayaan institusi kewangan yang kukuh, pada peringkat sistem dan institusi, untuk menghadapi kekangan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Bahagian pengantaraan kredit oleh IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank juga menurun sejak tahun 2011. Ini sebahagiannya mencerminkan langkah-langkah awalan yang diperkenalkan untuk mengurangkan peluang bagi arbitraj kawal selia oleh IKBB yang terlibat dalam pengantaraan kredit dan untuk membendung risiko sistemik yang timbul.

Pembangunan sektor kewangan

Proses pengantaraan kewangan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi. Pembiayaan baharu yang disediakan sistem perbankan kepada sektor swasta meningkat sebanyak 13.3%. Lebih 70% daripada pinjaman yang dikeluarkan telah disalurkan kepada perniagaan, dengan 30.4% daripadanya merupakan pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Meskipun wujud ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan, namun keadaan yang teratur terus menyokong aktiviti korporat untuk memperoleh dana. Terbitan sekuriti hutang swasta meningkat 10.7% pada tahun 2014 kepada RM137.5 bilion. Kerjasama yang lebih kukuh antara Bank, industri kewangan, perniagaan dan agensi Kerajaan yang berkaitan telah banyak membantu menangani isu yang menghalang pembiayaan bank kepada entiti perniagaan dalam industri pertumbuhan baharu. Ini termasuk merapatkan jurang maklumat mengenai potensi komersial industri inovatif, bina upaya dalam institusi kewangan untuk membuat penilaian terhadap entiti perniagaan ini, menyediakan khidmat nasihat dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan kesedaran mengenai bentuk pembiayaan alternatif yang lebih sesuai dengan ciri dan tahap kemajuan entiti perniagaan. Kemajuan seterusnya dalam bidang-bidang ini akan membolehkan institusi kewangan memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong keperluan pembiayaan industri pertumbuhan baharu tanpa meningkatkan risiko yang tidak wajar kepada pendeposit.

Dalam sektor insurans dan takaful, pembaharuan untuk menggalakkan persaingan, menangani herotan harga dan meningkatkan nilai kepada pemegang polisi terus menjadi keutamaan. Pembaharuan ini akan menyumbang kepada kemampanan jangka panjang industri di samping menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil perlindungan insurans/takaful yang diperlukan mereka. Komponen utama pembaharuan ini ialah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga. Susulan perbincangan dan interaksi yang meluas dengan pihak awam dan industri, Bank akan melaksanakan rangka kerja ini secara berperingkat mulai tahun 2015. Manfaat jangka terdekat kepada orang ramai termasuklah akses yang lebih luas melalui saluran langsung untuk membandingkan dan membeli produk hayat/takaful keluarga, kumpulan penasihat kewangan bertauliah yang lebih besar untuk memberikan nasihat kewangan bebas, dan struktur insentif yang ditambah baik bagi pengantara insurans yang mempunyai fokus lebih jitu pada perlakuan profesional dan kualiti perkhidmatan demi kepentingan pengguna. Satu lagi inisiatif pembaharuan utama ialah pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu. Inisiatif ini terus menghasilkan peningkatan ketara dalam proses penyelesaian tuntutan insurans motor yang juga membantu membendung kerugian insurans – suatu hasil yang penting untuk memastikan insurans motor kekal berdaya maju bagi penanggung insurans dan juga berpatutan buat pengguna. Pelaksanaan rancangan terus mencatat kemajuan yang diharapkan untuk menghapuskan tarif motor secara beransur-ansur mulai tahun 2016 dan peralihan kepada mekanisme penentuan harga yang lebih mencerminkan risiko. Ini akan membolehkan pemegang polisi dengan profil risiko yang lebih baik untuk menikmati manfaat daripada premium yang lebih rendah di samping memastikan premium adalah mencukupi untuk menampung kerugian. Pada tahun 2015, pelan pembangunan terperinci yang menggariskan pendekatan yang akan diambil

ke arah penentuan harga berasaskan pasaran sepenuhnya akan diumumkan.

Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar di Asia Tenggara pada kadar 104.4% daripada KDNK. Malaysia juga terus menjadi destinasi pilihan untuk terbitan sukuk global, dengan lebih 60% daripada terbitan global baharu bernilai USD77.9 bilion diterbitkan dari Malaysia pada tahun 2014. Tahun 2014 juga menyaksikan sukuk pertama dalam denominasi yen diterbitkan di Malaysia, dan terbitan bon renminbi terbesar oleh sebuah korporat Malaysia setakat ini. Perkembangan ini terus menambah keluasan dan kedalaman pasaran bon Malaysia, terutamanya dari segi kepelbagaian mata wang dan pelabur. Dalam pasaran pertukaran asing, infrastruktur pasaran terus dimodenkan dengan memanfaatkan saluran elektronik untuk urus niaga dalam pasaran antara bank. Cadangan juga dikemukakan untuk menambah baik pengawasan, integriti dan ketelusan dalam proses penetapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) selaras dengan piawaian antarabangsa.

Inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih luas telah dipergiatkan pada tahun 2014 untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau yang semakin berkembang. Kemudahan untuk bank mengurus mudah tunai renminbi jangka pendek juga ditambah. Satu perkembangan penting ialah pelantikan sebuah bank penjelasan renminbi yang khusus di Malaysia, iaitu yang pertama dalam ekonomi sedang pesat membangun di Asia, di luar Republik Rakyat China (RR China), yang membolehkan institusi kewangan Malaysia memperoleh dana renminbi terus daripada pasaran kewangan tempatan RR China pada kadar yang kompetitif. Selain itu, enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 (Netting of Financial Agreements Bill 2014), yang mengesahkan status Malaysia sebagai negara yang mesra penghasilan bersih, akan menyumbang kepada peningkatan mudah tunai keseluruhan dalam pasaran derivatif dan pengurangan ketara dalam kos urus niaga derivatif. Ini seterusnya akan menggalakkan pengurusan risiko yang lebih baik dan pembangunan pasaran kewangan domestik.

Bank terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap usaha memajukan agenda rangkuman kewangan pada tahun 2014. Rangka kerja pemantauan yang sistematik telah dibangunkan untuk memantau kemajuan inisiatif rangkuman kewangan, selain untuk menyediakan input kepada keutamaan rangkuman kewangan Bank. Meskipun matlamat untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kewangan di seluruh negara telah dicapai sebahagian besarnya, melangkah ke hadapan, Bank juga prihatin terhadap usaha menggalakkan kepentingan dan keperluan pengguna melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab.

Perbankan ejen yang diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 2012 terus meluaskan jangkauannya ke seluruh negara. Bilangan institusi kewangan dan ejen yang merupakan sebahagian daripada rangkaian perbankan ejen telah meningkat pada tahun 2014, seiring dengan pengembangan rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan melalui ejen perbankan. Dalam tempoh tiga tahun, jumlah mukim yang mempunyai perkhidmatan perbankan meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada 95% daripada 872 mukim di Malaysia, daripada hanya 46% pada tahun 2011. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kehadiran ejen perbankan. Perusahaan mikro juga terus disokong akses kepada pembiayaan yang lebih luas di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Jumlah pembiayaan terkumpul di bawah skim ini terus meningkat, dengan sebanyak RM2.7 bilion pembiayaan diberikan kepada lebih 168,000 akaun perusahaan mikro sejak skim ini dimulakan. Produk pembiayaan baharu, tabungan dan insurans/takaful yang khusus untuk memenuhi keperluan perlindungan dan keadaan kewangan perusahaan mikro dan isi rumah berpendapatan rendah, juga dibangunkan pada tahun 2014. Pada peringkat global, Bank terus memberikan sokongan padu kepada pembangunan kewangan yang inklusif. Penubuhan ibu pejabat Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) di Malaysia mencerminkan komitmen negara untuk menyokong inisiatif mengembangkan rangkuman kewangan dengan lebih meluas.

Industri kewangan Islam terus mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2014. Aset perbankan Islam meningkat sebanyak 12.0% pada tahun 2014, dan kini mencakupi 25.6% daripada jumlah aset sistem perbankan. Aset mata wang asing juga meningkat kepada RM27.7 bilion, mencerminkan peningkatan kepentingan urus niaga merentas sempadan

dalam kewangan Islam. Inovasi dalam kewangan Islam, disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh, terus memacu pertumbuhan dan pembangunannya. Rangka Kerja Akaun Pelaburan yang dikeluarkan pada tahun 2014 dan pelancaran Platform Akaun Pelaburan yang dijangka dibuat pada tahun 2015, akan memperluas penawaran akaun pelaburan sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu berlandaskan Syariah. Bank juga mencapai kemajuan selanjutnya dalam penyediaan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif. Ini disokong oleh piawaian operasi yang sedang diperkenalkan untuk memastikan prinsip Syariah dalam penawaran dan pengurusan produk berasaskan kontrak Syariah, dipatuhi sepenuhnya.

Integrasi kewangan di rantau ASEAN terus mencapai kemajuan dengan muktamadnya Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan. Bersama-sama dengan pakej ini, Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN telah disempurnakan, lantas merintis jalan bagi integrasi perbankan serantau yang lebih mendalam. Di bawah rangka kerja ini, Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks, QAB) akan diberikan lebih banyak akses dan fleksibiliti untuk meluaskan operasi di pasaran serantau, selaras dengan matlamat untuk memperluas peranan mereka dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau. Selaras dengan jangkaan ini, Bank Negara Malaysia, Bank Indonesia dan Otoritas Jasa Keuangan telah menandatangani Perjanjian (Heads of Agreement) pada bulan Disember, yang mengenal pasti langkah untuk memudahkan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang akan diberikan di Malaysia dan Indonesia kepada QAB dari kedua-dua negara. Pengaturan pengawalan dan penyeliaan juga akan diperkukuh bagi memastikan kestabilan kewangan domestik dan serantau kekal terpelihara.

Bank terus melabur dalam pembangunan saluran tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan. Kerjasama seterusnya dengan industri perkhidmatan kewangan telah dilaksanakan bagi meningkatkan bilangan dan kualiti profesional kewangan bagi memastikan sektor kewangan kekal mempunyai jumlah sumber yang baik, dengan tahap piawaian profesional yang lebih tinggi. Penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan dan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2014 telah melengkapkan lagi pengaturan institusi untuk pembangunan tenaga mahir yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu. Usaha ini termasuklah penyusunan semula Institut Bank-Bank Malaysia (Institute of Bankers Malaysia, IBBM) sebagai Asian Institute of Chartered Bankers, di samping penubuhan Asian Banking School. Pengaturan ini kini meliputi pelbagai solusi lengkap yang diperlukan untuk menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam membangunkan tenaga mahir berkualiti tinggi dan mencukupi untuk keperluan semasa dan akan datang industri perkhidmatan kewangan.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus diperkukuh, didorong agenda pembaharuan global dan juga keutamaan dalam negeri. Pelaksanaan pembaharuan rangka kerja pengawalseliaan Basel III di negara ini tertumpu pada usaha memuktamadkan piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Pembaharuan rangka kerja ini hampir selesai dengan peraturan akhir dijangka dikeluarkan pada bulan Mac 2015 untuk dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Dengan adanya penampan mudah tunai yang teguh dan disokong amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh, institusi perbankan dijangka dapat memenuhi keperluan mudah tunai minimum dengan agak mudah.

Pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan juga merupakan keutamaan penting bagi Bank pada tahun 2014. Ini bertujuan memastikan risiko ketara terhadap institusi kewangan berlesen yang timbul daripada aktiviti seluruh kumpulan, dapat diurus dan dikawal dengan berkesan. Bank kini dalam peringkat akhir untuk meluluskan syarikat pemegangan kewangan (financial holding companies, FHC) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang dikehendaki mematuhi piawaian kehematan yang terpakai pada kumpulan kewangan. Pada tahun 2014, Bank menyelesaikan rundingan awal dengan industri mengenai piawaian modal yang dicadangkan untuk kumpulan perbankan dan ini akan menjadi set pertama piawaian kehematan yang akan terpakai pada FHC.

Penambahbaikan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko juga terus menjadi tumpuan utama agenda dasar. Bank telah menyiapkan kajian semula secara umum terhadap rangka kerja

tadbir urus korporat bagi institusi kewangan dan akan menerbitkan kertas konsep pada separuh pertama tahun 2015, untuk menyeragamkan dan memperkukuh piawaian yang sedia ada, dengan menumpukan terutamanya pada usaha membantu lembaga pengarah untuk memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan. Bank juga berunding dengan industri berhubung piawaian baharu bidang pengurusan risiko operasi dan pematuhan. Susulan kegiatan penyumberan luar yang lebih meluas dalam sektor kewangan, usaha sedang diambil untuk mengemas kini rangka kerja kehematan berkaitan penyumberan luar yang sedia ada. Ini bagi memperjelas had operasi bagi pengaturan penyumberan luar yang institusi kewangan boleh terus manfaatkan agar tidak menambah risiko secara ketara ke atas operasi mereka. Kajian semula secara terhad terhadap had kehematan ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga juga dibuat pada tahun 2014 untuk memberikan bank fleksibiliti yang lebih dalam menguruskan dedahan jangka pendek dalam kumpulan di bawah model operasi kumpulan.

Dalam sektor insurans dan takaful, keperluan penyediaan laporan keadaan kewangan yang digunakan untuk memaklumkan kepada lembaga pengarah mengenai perubahan dalam profil risiko institusi atau keadaan yang memberi kesan kepada perniagaan telah diperkukuh. Bank juga berunding dengan industri berhubung cadangan untuk menambah baik piawaian pengurusan polisi hayat sertaan. Cadangan ini tertumpu terutamanya pada kehendak Bank agar penanggung insurans mematuhi amalan yang kukuh dari segi aktuari dan saksama apabila menggunakan budi bicara dalam menentukan pengagihan bonus kepada pemegang polisi.

Rangka kerja pengawalseliaan institusi kewangan pembangunan juga terus dibangunkan dan diperkukuh untuk menyokong dengan lebih baik mandat khusus institusi tersebut bagi menggalakkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Bagi tujuan ini, Bank sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan mengenai cadangan pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2015.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC), Bank terus memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pelbagai usaha pada peringkat kebangsaan untuk memperkukuh rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (AML/CFT) di Malaysia. Pada tahun 2014, NCC menyelesaikan beberapa inisiatif utama, termasuk mengukuhkan perundangan sokongan, mewujudkan Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA) untuk mengenal pasti kelemahan utama dan ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, dan merangka Pelan Strategik AML/CFT Negara untuk menangani ancaman ini secara komprehensif. Satu proses penilaian telah dijalankan oleh penilai antarabangsa untuk menentukan pematuhan Malaysia kepada Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan. Bergantung pada keputusan proses penilaian tersebut yang akan diketahui pada tahun 2015, Malaysia telah diberikan status Pemerhati oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF), lantas merintis jalan bagi keahlian penuh yang akan meningkatkan keyakinan antarabangsa terhadap integriti sistem kewangan domestik.

Rangka kerja penguatkuasaan yang diperkukuh telah disediakan untuk memastikan pengawasan dan objektiviti yang rapi dalam tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Bank. Pada tahun 2014, sebanyak 1,104 pertuduhan yang dikemukakan oleh Bank telah disabitkan kesalahannya oleh pihak mahkamah. Bank juga memulakan 42 siasatan dan memfailkan 119 pertuduhan jenayah ke atas entiti dan individu yang menjalankan skim dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Selain itu, 536 kesalahan yang melibatkan pemegang lesen telah dikenal pasti kerana tidak mematuhi undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Seperti dikehendaki oleh FSA dan IFSA, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari bebas untuk mempertimbangkan rayuan berkaitan dengan kuantum penalti monetari pentadbiran dan remedi kewangan yang dikuatkuasakan di bawah FSA dan IFSA.

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Pada tahun 2014, Bank terus memupuk amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) serta meningkatkan perlindungan

pengguna kewangan. Fokus utama Bank adalah untuk memantau pematuhan terhadap amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dan menyokong pelbagai program pendidikan bersasaran untuk pengguna kewangan, sejajar dengan langkah yang diambil untuk mencegah tahap keberhutangan isi rumah yang tinggi. Penambahbaikan juga dibuat ke atas rejim penzahiran dan khidmat nasihat untuk menyediakan imbang balas yang sesuai terhadap keadaan persaingan yang semakin meningkat dan kadar inovasi kewangan yang berterusan. Usaha ini diperkukuh oleh aktiviti pemantauan Bank yang berterusan yang menyebabkan pelbagai tindakan diambil terhadap PPK yang gagal mematuhi keperluan bagi memastikan maklumat diberikan tidak mengelirukan pengguna. Bank akan mengambil langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan penggunaan penzahiran produk PPK untuk menyampaikan maklumat penting berkaitan produk kepada pengguna.

Setelah persediaan terperinci dibuat, pelaksanaan obligasi penzahiran prakontrak yang lebih seimbang dan penyelesaian setara berhubung dengan kontrak insurans/takaful dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015. Pelaksanaan ini akan menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful daripada risiko tuntutan ditolak yang disebabkan oleh salahnyataan yang tidak sengaja atau cuai. Piawaian pengendalian perniagaan untuk kad pembayaran juga telah ditambah baik untuk memperkukuh perlindungan daripada penipuan kad pembayaran, menambah baik penzahiran penting serta melarang pengenaan caj dan penalti yang berlebihan. Pada tahun 2014, PPK dikehendaki membayar balik lebih daripada RM238,000 dalam fi dan caj yang dikenakan ke atas pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang melanggar prinsip panduan yang dikeluarkan oleh Bank berhubung dengan caj yang adil dan berpatutan. Bank turut mempergiat kajian semulanya ke atas amalan penentuan semula harga oleh penanggung insurans bagi produk insurans perubatan dan kesihatan yang menjadi lebih ketara berikutan peningkatan kos perubatan. Kajian semula ini bertujuan untuk memastikan sebarang pelarasan harga adalah sejajar dengan pengalaman tuntutan portfolio, mencerminkan pengunderaitan yang betul, dan dilaksanakan dalam cara yang munasabah yang membolehkan pemegang polisi yang sedia ada membuat penyesuaian kepada tahap premium yang lebih tinggi dan meneruskan perlindungan insurans mereka.

Satu inisiatif penting yang diambil oleh Bank pada tahun 2014 untuk melindungi pengguna kewangan ialah pengukuhan mekanisme penyelesaian. Inisiatif ini melibatkan transformasi Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) sedia ada, yang kini beroperasi secara sukarela, kepada satu skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) sepenuhnya. Pada tahun 2014, Bank telah mengemukakan cadangan mengenai tadbir urus dan pengaturan operasi FOS ini, termasuk skopnya. Berikutan sokongan yang meluas terhadap cadangan tersebut, rancangan pelaksanaan FOS berjalan lancar dan operasinya dijangka bermula pada separuh kedua tahun 2015.

Bank, dengan kerjasama Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), terus memberikan tumpuan pada inisiatif keupayaan kewangan untuk membantu rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Kemajuan selanjutnya dicapai dalam usaha menyepadukan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah. Program pendidikan kewangan POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) baharu telah diperkenalkan bagi golongan dewasa yang sudah bekerja, dengan berpandukan kejayaan Program POWER! yang pertama untuk golongan muda. Bank juga telah memperhebat program jangkauannya untuk mendidik orang ramai tentang penipuan kewangan, di samping meneruskan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan untuk membanteras penipuan dan mendakwa pesalah.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar pada tahun 2014, tanpa mengalami sebarang gangguan yang besar. Bank terus menumpukan usahanya ke arah memperkukuh kesinambungan perniagaan dan pengaturan luar jangka untuk sistem pembayaran bagi nilai yang besar dan sistem pembayaran runcit yang utama di Malaysia. Ini bertujuan untuk memberikan jaminan selanjutnya terhadap daya tahan sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia. Pelaburan menaik taraf sistem bagi sistem pembayaran runcit juga telah dibuat untuk memenuhi jangkaan pertumbuhan dalam jumlah urus niaga, menambah baik prestasi serta mempertingkat kebolehpercayaan operasi. Secara kolektif, perkembangan ini telah terus mengurangkan risiko sistemik.

Bank dan industri terus komited untuk mencapai sasaran tinggi yang ditetapkan bagi peralihan kepada pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang akan meningkatkan daya saing dan potensi pertumbuhan Malaysia. Pada tahun 2014, penggunaan e-pembayaran terus meningkat. Pembaharuan penentuan harga yang dilaksanakan sejak tahun 2013 telah menggalakkan pertumbuhan urus niaga GIRO Antara Bank yang kukuh, dengan peningkatan jumlah urus niaga sebanyak 36.2% pada tahun 2014, manakala bilangan cek yang dikeluarkan menurun sebanyak 10.1%. Bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat kepada 72 pada tahun 2014, daripada 43 pada tahun 2010. Langkah-langkah yang sedang diambil oleh bank dan pengeluar instrumen pembayaran untuk menyemak dan mengemas kini secara kerap pengaturan keselamatan dalam penyediaan pembayaran dalam talian dan instrumen perbankan juga terus membendung insiden penipuan pembayaran pada tahap yang rendah.

Tahap ketelusan dalam perkhidmatan e-pembayaran adalah lebih tinggi dengan adanya keperluan supaya semua bank memaparkan maklumat berkaitan fi, waktu kredit dan had urus niaga, di cawangan dan laman sesawang bank. Rangka kerja Dana Insentif e-Pembayaran (ePIF) telah diperkenalkan, yang menghendaki bank menyalurkan fi dipungut daripada pemprosesan cek untuk membiayai insentif kepada pelanggan supaya menggunakan e-pembayaran. Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang dilaksanakan pada bulan Januari 2015, akan terus memupuk industri kad pembayaran yang cekap, telus dan berdaya saing dengan menangani kenaikan fi pertukaran yang sewenang-wenangnya serta herotan pasaran yang lain. Secara bersama, semua pembaharuan ini akan terus mempercepat proses peralihan kepada e-pembayaran, yang menawarkan kepada orang ramai pilihan pembayaran yang lebih murah dan cekap.

2014

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2014

13 Tinjauan Keseluruhan

14 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah

20 Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah dalam Negeri

25 Mengurus Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan

28 *Rencana: Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik*

41 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan

48 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi di Luar Negeri

53 Kesalinghubungan Sistem Perbankan dengan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

56 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2014

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara sepanjang tahun 2014. Perkembangan global telah mempengaruhi pasaran kewangan serantau dengan ketara, dan telah menyebabkan peningkatan ketidaktentuan dalam masa yang berbeza-beza pada tahun 2014. Kekukuhan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) serta implikasinya terhadap dasar monetari, kebimbangan yang masih berlarutan terhadap pertumbuhan ekonomi di kawasan euro, dan penilaian risiko di Republik Rakyat China (RR China) terus menjadi tema utama yang mempengaruhi tingkah laku pelabur. Bagi Malaysia, aliran portfolio pada bulan terakhir 2014 juga dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai impak yang mungkin timbul terhadap ekonomi dalam negeri akibat harga minyak yang nyata lebih rendah. Meskipun ketidaktentuan meningkat, ia tidak mencecah paras tinggi seperti dialami semasa krisis global kewangan (GFC) atau `*taper tantrum*´ pada tahun 2013. Seperti episod ketidaktentuan yang memuncak sebelum ini, pasaran yang mendalam dan kehadiran pelabur institusi dalam negeri yang kukuh telah menyokong keadaan yang terkawal dalam pasaran kewangan domestik. Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful terus mengekalkan permodalan dan prestasi kewangan yang kukuh. Pada amnya, institusi-institusi ini juga telah mengamalkan pengambilan risiko berhemat yang wajar khususnya dalam aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan. Mudah tunai dalam sistem perbankan lebih daripada mencukupi meskipun terdapat aliran keluar portfolio dalam jumlah yang besar. Kedudukan pendanaan bank individu juga terus disokong teguh oleh penampan mudah tunai yang kukuh, yang membolehkan penyesuaian terhadap pasaran untuk mendapatkan deposit yang lebih sengit. Faktor-faktor ini menyokong aktiviti pengantaraan dan mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan Malaysia.

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank terus memantau dengan rapi dan mengkaji risiko yang berpunca daripada: (i) pergerakan dalam aliran modal; (ii) pertumbuhan hutang isi rumah dan harga harta tanah, termasuk kesan daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan untuk mengawal lebihan dalam sektor ini; (iii) tahap leveraj sektor korporat; dan (iv) peningkatan kesalinghubungan antara bank dengan institusi kewangan bukan bank (IKBB). Perkembangan ini turut dinilai oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan, yang mempunyai tanggungjawab khusus di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk meluluskan langkah-langkah untuk menangani risiko terhadap kestabilan kewangan, yang dikenakan ke atas institusi yang tidak dikawal selia secara langsung oleh Bank.

Kestabilan kewangan domestik disokong keadaan pasaran kewangan yang teratur dan institusi yang mantap

Risiko yang berpunca daripada tahap keberhutangan isi rumah dan kenaikan harga harta tanah adalah lebih sederhana hasil daripada pakej langkah yang diambil sejak tahun 2010 yang terus menunjukkan keberkesanannya. Pemantauan berterusan yang rapi terhadap keberkesanan pelaksanaan langkah ini oleh bank dan IKBB terus menjadi fokus utama dalam aktiviti penyeliaan Bank. Dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, terdapat keperluan untuk mengurangkan tahap leveraj (keberhutangan) ke paras yang lebih munasabah. Walau bagaimanapun, beberapa kelemahan yang masih ada dalam sektor isi rumah dijangka tidak akan mempunyai impak yang nyata terhadap kestabilan kewangan. Hal ini disokong oleh keupayaan institusi kewangan yang kukuh untuk menyerap kemungkinan kerugian termasuk di bawah beberapa andaian keadaan tekanan yang sangat teruk.

Dalam pasaran harta tanah, harga rumah meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan penyelarasan oleh pembeli rumah dan pemaju terhadap langkah kehematan makro dan fiskal bagi membendung spekulasi dan pengambilan risiko yang berlebihan. Inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan penawaran rumah mampu milik juga telah

membantu mengurangkan tekanan ke atas harga rumah dalam keadaan permintaan yang kukuh terhadap rumah mampu milik. Meskipun jurang permintaan-penawaran akan mengambil masa untuk dikecilkan, perkembangan ini mengurangkan risiko potensi pelarasan harga rumah yang mendadak pada masa depan. Keadaan dalam segmen harta bukan kediaman pada amnya stabil, dengan pembaikan dilihat pada kadar sewa dan kekosongan dalam beberapa segmen. Permintaan terhadap rumah kedai sebagai pelaburan terus kukuh sejajar dengan perkembangan dalam segmen harta kediaman. Walau bagaimanapun, kegiatan spekulasi seperti dicerminkan oleh peminjaman untuk membiayai beberapa pembelian kedai, kekal lembap.

Kedudukan kewangan dan penyata kewangan sektor perniagaan (termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan peminjam besar dan sistemik) kebanyakannya tidak berubah dengan keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai yang mampan. Hal ini membolehkan peminjam menghadapi pergerakan yang lebih ketara dalam kadar pertukaran mata wang dan harga komoditi pada tahun 2014. Pertumbuhan peminjaman luar negeri oleh perniagaan juga telah menurun dengan nyata. Oleh itu, risiko kredit kepada institusi kewangan yang berpunca daripada dedahan kepada sektor perniagaan, adalah terkawal, dengan prospek risiko kredit sektor tersebut terus bertambah baik secara keseluruhannya, meskipun keadaan perniagaan berkemungkinan terus mencabar bagi beberapa buah industri.

Bank dijangka terus mengekalkan tahap pemantauannya yang tinggi terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah, harta tanah dan juga perniagaan dalam masa terdekat. Aktiviti penyeliaan Bank akan terus memberikan tumpuan yang tinggi pada usaha untuk mengekalkan tahap piawaian dan amalan pemberian pinjaman yang mantap dalam kalangan bank, serta meneruskan penambahbaikan amalan pembiayaan IKBB untuk mengurangkan lagi kelemahan dalam sektor isi rumah. Dalam persekitaran yang lebih mencabar, pasaran kewangan dan keadaan operasi berkemungkinan akan meninggalkan impak pembezaan yang lebih ketara ke atas perniagaan dengan profil yang berlainan. Oleh itu, amat penting bagi institusi kewangan memastikan pemantauan risiko dan strategi pengurusan adalah cukup teguh untuk mengenal pasti dan mengurus dengan aktif kerugian yang mungkin ditanggung yang berpunca daripada perniagaan yang lebih terdedah kepada tekanan kewangan akibat kadar pertukaran dan pergerakan harga yang tidak menentu.

Meskipun sistem kewangan Malaysia mempunyai keupayaan yang jauh lebih kukuh bagi menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu, Bank akan terus memantau dengan rapi tentang cara bank mengurus kedudukan mudah tunai mereka, bagi memastikan kedudukan mudah tunai yang mencukupi apabila dalam keadaan tertekan. Selain itu, kewaspadaan penyeliaan akan tertumpu pada usaha memastikan pengambilan risiko oleh bank dan penanggung insurans kekal berhemat. Ini juga meliputi dedahan di luar negara yang semakin meningkat daripada operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri. Khususnya, bank perlu menunjukkan bahawa model perniagaan yang diterima pakai untuk mengurus operasi merentas sempadan adalah konsisten dengan pengurusan risiko yang mantap pada peringkat entiti dan kumpulan. Dengan meningkatnya integrasi serantau, keutamaan yang penting kepada Bank adalah untuk memastikan saluran penyebaran risiko difahami sepenuhnya dan perlindungan berkesan yang sedia ada untuk mengurus risiko tersebut. Hal ini akan meliputi usaha memperkukuh pengaturan kerjasama menerusi forum penyeliaan, aktiviti pengawasan serantau, dan rangka kerja pengurusan krisis.

MENGURUS RISIKO YANG BERPUNCA DARIPADA TAHAP KEBERHUTANGAN ISI RUMAH

Beberapa siri langkah yang diperkenalkan sejak tahun 2010 untuk mengawal peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan terus memberikan kesan seperti yang disasarkan. Agregat hutang isi rumah mengekalkan trend sederhananya sejak dua tahun yang lepas dan meningkat 9.9% kepada RM940.4 bilion pada akhir tahun 2014 (Rajah 1.1). Trend ini berlandaskan pengembangan pembiayaan untuk penggunaan peribadi yang terus sederhana. Ini selaras dengan penilaian yang bertambah baik oleh bank dan IKBB tentang kebolehan peminjam untuk mengambil hutang tambahan (Rajah 1.2). Kedudukan agregat kewangan isi rumah yang kukuh terus menyokong keupayaan membayar balik hutang keseluruhan dalam keadaan guna tenaga dan pendapatan yang stabil.

Rajah 1.1

Sektor Isi Rumah: Hutang dan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2

Sektor Isi Rumah: Hutang Mengikut Tujuan



*Termasuk pembelian harta bukan kediaman dan pembelian sekuriti

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti peminjaman baharu isi rumah juga lebih tinggi. Kira-kira 80% daripada pinjaman baharu (berdasarkan bilangan akaun pinjaman baharu) mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) bagi keseluruhan hutang terkumpul yang kurang daripada 60%, manakala separuh daripada pinjaman baharu mempunyai DSR kurang daripada 40%. Bagi peminjam dengan pendapatan bulanan RM3,000 atau kurang, bahagian pinjaman baharu (berdasarkan bilangan akaun pinjaman baharu) dengan DSR yang kurang daripada 60% adalah lebih tinggi pada 91.8% (Julai 2013: 85.9%), manakala bahagian pinjaman baharu dengan DSR kurang daripada 40% kekal stabil pada kira-kira 58%. Ini memberikan penampan dan fleksibiliti yang lebih baik kepada isi rumah untuk menghadapi cabaran kewangan. Mencerminkan perkembangan ini dan juga prestasi ekonomi yang bertambah kukuh pada tahun 2014, nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) hanya meningkat sedikit, berbanding tahun-tahun sebelum ini, kepada 87.9% (2013: 86.7%) (Rajah 1.3).

Pertumbuhan hutang isi rumah menjadi sederhana sepanjang dua tahun berturut-turut, disokong penurunan berterusan dalam pembiayaan peribadi oleh pemberi pinjaman bukan bank

Secara agregat, penampan kewangan isi rumah kekal kukuh. Nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang, kekal pada paras melebihi dua kali sepanjang tiga tahun yang lalu, apabila kadar pertumbuhan hutang isi rumah lebih selaras dengan pertumbuhan aset kewangan isi rumah. Meskipun budaya menabung untuk masa hadapan dan keperluan luar jangka pada amnya berakar umbi dalam kalangan kebanyakan isi rumah, keupayaan untuk menabung bergantung pada paras pendapatan. Ini dicerminkan dalam pengagihan penampan kewangan isi rumah yang tidak sekata, yang berhubung kait secara positif dengan pendapatan. Pada tahun 2014, agregat aset kewangan meningkat sebanyak RM110 bilion, berbanding kenaikan hutang sebanyak RM84.5 bilion. Deposit dan instrumen mirip deposit menyumbang kira-kira 57% daripada kenaikan aset kewangan dan mewakili lebih 42% daripada aset kewangan isi rumah. Komposisi aset sedemikian yang tinggi memberi isi rumah perlindungan yang selesa dalam menghadapi

Rajah 1.3

Sektor Isi Rumah: Nisbah Hutang kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

perubahan pendapatan atau perbelanjaan yang tidak dijangka. Meskipun nilai pelaburan dalam ekuiti dan amanah saham menyusut sedikit, mencerminkan perkembangan pasaran ekuiti, aset sedemikian mencakupi kira-kira satu per lima daripada aset isi rumah. Secara kolektif, kira-kira 64% daripada aset kewangan isi rumah boleh digunakan oleh isi rumah bagi memenuhi perbelanjaan kewangan yang lebih tinggi (Rajah 1.4).

Kualiti peminjaman baharu isi rumah lebih tinggi, dengan kira-kira 80% daripadanya mempunyai DSR kurang daripada 60%, manakala separuh daripadanya pula mempunyai DSR kurang daripada 40% bagi keseluruhan hutang

Kekayaan perumahan juga telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Harta tanah terus merupakan kelas pelaburan yang penting bagi sebilangan besar isi rumah untuk membiayai pendidikan anak, menyediakan satu bentuk jaminan kewangan untuk generasi akan datang serta persediaan untuk persaraan. Dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, pulangan kepada pelaburan harta tanah yang secara perbandingan lebih menarik, telah terus menggalakkan trend ini. Sepanjang lima tahun yang lalu, peminjaman oleh isi rumah untuk melabur dalam harta tanah (seperti diproksi oleh bilangan individu yang mempunyai dua akaun pinjaman perumahan terkumpul) meningkat pada kadar purata yang stabil, iaitu kira-kira 4.7%. Ini telah menambah jumlah aset isi rumah (termasuk kekayaan perumahan) yang berkembang sebanyak 5.7%. Nisbah jumlah aset isi rumah kepada hutang kekal tinggi dan stabil pada 3.6 kali (2013: 3.7 kali).

Agregat aset kewangan kepada hutang isi rumah kekal melebihi dua kali, sepanjang tiga tahun yang lalu

Data terkini menunjukkan bahagian hutang yang menurun bagi isi rumah berpendapatan rendah, dengan pendapatan sebanyak RM3,000 atau kurang sebulan, kepada 26.7% daripada jumlah hutang isi rumah (2013: 27.3%; 2012: 33%). Isi rumah dalam kategori ini mendapat manfaat daripada pelbagai bantuan kewangan dan program perumahan yang disediakan Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan mereka. Biarpun agregat leveraj (diukur sebagai nisbah peminjaman terkumpul kepada pendapatan tahunan) bagi kumpulan ini tidak meningkat,

Rajah 1.4

Sektor Isi Rumah: Profil Pinjaman dan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengurangan leveraj (kini tujuh kali dan ketara lebih tinggi berbanding leveraj isi rumah dalam kumpulan pendapatan lain) ke tahap yang lebih selesa adalah wajar.

Bahagian hutang isi rumah yang mudah terjejas berkurang, dengan leveraj kekal stabil

Jumlah hutang baharu yang diambil oleh isi rumah pada tahun 2014 adalah lebih rendah sebanyak RM3.8 bilion berbanding tahun lalu. Peminjaman terus tertumpu pada pembiayaan yang dicagarkan pada harta tanah dan aset kewangan, lantas mengurangkan dedahan bersih kepada isi rumah, apabila berada dalam keadaan tekanan. Risiko yang dikaitkan dengan pengumpulan hutang isi rumah yang tidak bercagar terus berkurang. Peminjaman tidak bercagar baharu mencakupi bahagian yang nyata lebih kecil daripada jumlah hutang isi rumah baharu pada tahun tersebut (2014: 8.6%; 2013: 16.5%). Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, isi rumah telah mencatat jumlah tambahan sebanyak RM7.3 bilion bagi baki kad kredit dan pembiayaan peribadi terkumpul, mencakupi kurang daripada 40% daripada kenaikan tahunan purata kad kredit dan pembiayaan peribadi yang dicatat antara tahun 2010 hingga 2013. Kira-kira 92% daripada baki kad kredit terkumpul merupakan baki semasa (iaitu belum melewati tarikh matang pembayaran). Dengan pengecualian baki ini, yang lazimnya diselesaikan sepenuhnya atau sebahagiannya pada atau sebelum tarikh matang pembayaran, baki kad kredit dan pembiayaan peribadi terkumpul hanya meningkat sebanyak RM6.8 bilion (2013: +RM13.2 bilion). Berikutan langkah pemegang kad kredit untuk terus menyatukan baki tertunggak dengan lebih daripada satu pengeluar, bilangan kad yang mempunyai baki pusingan terus menurun sebanyak 6.5% untuk mencakupi 46% (2013: 50%) daripada jumlah kad dalam edaran. Begitu juga, dari segi nilai, jumlah baki pusingan kad yang berulang menurun sebanyak 12% pada tahun 2014.

IKBB kekal sebagai penyedia pembiayaan peribadi terbesar mencakupi hampir 60% daripada jumlah pembiayaan peribadi kepada isi rumah (Rajah 1.5). Kemudahan pembiayaan peribadi baharu yang diluluskan oleh IKBB menurun dari segi bilangan (-14%) dan nilai (-31.3%). Paras pembiayaan peribadi yang terlalu tinggi yang diberikan dalam tempoh sebelum ini (sehingga RM300,000 di bawah satu kemudahan tunggal) hampir lenyap daripada pasaran IKBB berikutan penilaian kemampuan untuk membayar hutang yang lebih mantap, sejajar dengan piawaian pembiayaan bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Bank. Berikutan itu, jumlah pembiayaan purata yang dikeluarkan oleh IKBB menurun kepada kurang daripada RM30,000 bagi setiap kemudahan pembiayaan.

Piawaian pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko bank pada amnya kekal mantap, meskipun persaingan terus sengit dalam pasaran pembiayaan runcit. Ini penting untuk daya tahan isi rumah dan kestabilan kewangan memandangkan bank mencakupi 81% daripada pembiayaan isi rumah, dan dedahan bank kepada isi rumah merupakan kira-kira 57% daripada jumlah pinjaman. Piawaian pemberian pinjaman berhemat yang berterusan terbukti daripada: (i) pinjaman terjejas dan delinkuensi (pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) yang terus rendah bagi semua jenis kemudahan pembiayaan (Jadual 1.1); (ii) kadar mungkir yang terus menurun bagi pinjaman perumahan baharu (Rajah 1.6); dan (iii) pemerhatian penyeliaan oleh Bank terhadap penilaian kemampuan untuk membayar balik pinjaman yang lebih mantap. Yang nyata, bank terus mengukuhkan proses pengesahan pendapatan dengan andaian yang lebih konservatif digunakan semasa mengambil kira sumber pendapatan yang tidak tetap. Beberapa bank juga terus memperhalusi kriteria penilaian kredit bagi peminjam yang lebih lemah.

Rajah 1.5

Sektor Isi Rumah: Perubahan Tahunan dan Bahagian Pasaran Pembiayaan Peribadi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.1

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Tertunggak Kasar

	Pinjaman Terjejas Kasar (%)						Pinjaman Tertunggak Kasar (%)					
	Nisbah			Perubahan Tahunan			Nisbah			Perubahan Tahunan		
	2012	2013	2014	2012	2013	2014	2012	2013	2014	2012	2013	2014
Keseluruhan	**1.5**	**1.3**	**1.2**	**-8.4**	**-1.1**	**-1.0**	**2.5**	**2.1**	**1.8**	**6.5**	**-7.4**	**-5.3**
Pembelian harta kediaman	1.9	1.5	1.3	-10.4	-7.0	-3.9	1.9	1.6	1.4	9.2	-4.6	-2.8
Pembelian harta bukan kediaman	0.8	0.7	0.6	-10.7	-1.4	0.3	0.9	0.8	0.7	8.9	-4.2	8.0
Sewa beli kenderaan bermotor	1.1	1.2	1.2	-0.1	19.4	1.8	5.6	4.6	4.0	8.3	-11.8	-11.4
Pembiayaan peribadi	1.8	1.7	1.7	0.0	-1.6	3.4	1.3	1.2	1.2	-29.1	-2.0	-0.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penambahbaikan terhadap penilaian kemampuan membayar balik pinjaman juga terbukti dalam kalangan IKBB, berdasarkan pemeriksaan di premis yang dijalankan secara bersama oleh Bank dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ini telah memastikan bahawa kualiti pembiayaan peribadi kepada isi rumah adalah terkawal memandangkan tumpuan portfolio IKBB yang besar dalam segmen ini. Nisbah pinjaman terjejas dan nisbah pinjaman tertunggak bagi portfolio ini kekal stabil, masing-masing pada 1.8% dan 0.4% pada akhir tahun 2014. Kualiti pembiayaan yang kukuh disokong oleh akses IKBB kepada pembayaran balik pinjaman menerusi sistem potongan gaji secara automatik (yang ditadbir secara berpusat oleh Biro Perkhidmatan Angkasa) bagi peminjam dalam perkhidmatan awam.

Rajah 1.6

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Analisis Vintaj bagi Pinjaman Perumahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank terus mengambil sikap berwaspada terhadap kemungkinan meningkatnya risiko dalam segmen pasaran kredit isi rumah lain yang tidak tertakluk kepada langkah kehematan makro Bank. Ini termasuk sesetengah isi rumah yang mungkin beralih kepada sumber pendanaan lain, termasuk pemberi pinjaman tidak formal. Tanpa pengawalan yang perlu untuk menghalang pengambilan hutang yang berlebihan, berserta kadar pinjaman yang biasanya lebih tinggi yang dikenakan oleh sumber-sumber ini, isi rumah mungkin akan mengalami masalah kewangan. Meskipun risiko ini masih kecil buat masa ini, Bank masih meneruskan kerjasama yang rapat dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memperluas program pendidikan kewangan bagi memupuk pengetahuan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan isi rumah, yang boleh menghindarkan mereka daripada terjebak dalam masalah kewangan (rujuk Bab 4 mengenai `Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna'). Bank juga bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang bertanggungjawab bagi pengeluaran lesen dan pengawasan terhadap pemberi pinjaman wang dan pengendali pajak gadai, untuk berkongsi maklumat tentang perkembangan penting yang menjejaskan kedudukan kewangan isi rumah.

Persaingan harga dalam pasaran pinjaman runcit berkurang sedikit berikutan pelaksanaan Piawaian Penentuan Harga Berasaskan Pengetahuan Risiko oleh Bank pada bulan Mac 2014. Selaras dengan keperluan supaya bank mengukuhkan dasar dan amalan penentuan harga, terdapat peningkatan penjajaran dalam cara bank menetapkan kadar had dalaman (iaitu tahap pulang modal terlaras risiko dalam penentuan harga apabila pendapatan mencukupi untuk menampung kerugian kredit yang dijangka, kos pendanaan dan overhed) yang digunakan sebagai panduan penentuan harga produk pembiayaan yang berlainan, dan cara risiko dan modal diuruskan. Kadar pinjaman bagi pembiayaan baharu untuk pembelian kenderaan dan harta kediaman telah meningkat, masing-masing sebanyak kira-kira 70 mata asas dan 20 mata asas. Ini merupakan perkembangan yang positif memandangkan terdapat tanda-tanda awal yang beberapa bank mungkin menentukan harga risiko yang tidak setimpal dalam keadaan persaingan yang sengit, khususnya dalam segmen pembiayaan kenderaan bermotor.

Penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik serta penambahbaikan amalan penetapan harga berdasarkan risiko memperkukuh penampan terhadap peristiwa kemungkinan kerugian

Sebahagian besar pelarasan terhadap kadar bagi pembiayaan harta kediaman juga adalah berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai 2014. Dengan persaingan yang tinggi dalam pasaran gadai janji yang terus memberi tekanan ke atas kadar pinjaman, keperluan di bawah Piawaian Penentuan Harga Berasaskan Pengetahuan Risiko berperanan memastikan bank menyediakan penampan yang mencukupi bagi sebarang penentuan harga risiko yang tidak setimpal. Kadar pembiayaan yang lebih tinggi sejak separuh kedua tahun 2014, tidak banyak memberi kesan ke atas keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Nisbah pembayaran balik kepada pengeluaran pinjaman seperti yang dilaporkan oleh bank, pada amnya kekal stabil sejak lima tahun yang lalu, sentiasa berada melebihi 80%. Satu sebab bagi perkara ini adalah bahagian yang besar (kira-kira setengah) daripada peminjaman isi rumah yang berdasarkan kadar faedah tetap (terdiri terutamanya pembiayaan Islam untuk pembelian harta tanah, sewa beli kenderaan bermotor, baki terkumpul kad kredit dan pembiayaan peribadi), lantas memberikan sedikit perlindungan kepada isi rumah daripada pelarasan kadar faedah. Satu lagi sebabnya ialah pengumpulan penampan kewangan yang lebih kukuh oleh isi rumah seperti dihuraikan dalam Bab ini, meskipun paras hutang keseluruhan adalah lebih tinggi.

Perkembangan dalam sektor isi rumah dijangka tidak akan memberikan sebarang impak yang besar kepada kestabilan kewangan. Institusi kewangan kekal dalam kedudukan yang cukup baik untuk menyerap sebarang kemungkinan kerugian dalam sektor isi rumah

Seperti dihuraikan dalam Laporan-laporan terdahulu, perkembangan dalam sektor isi rumah dijangka tidak akan meninggalkan impak yang besar kepada kestabilan kewangan. Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, anggaran potensi kerugian kepada bank sekiranya berlaku insiden kemungkiran serentak kepada seluruh peminjaman isi rumah yang berlainan jenis di bawah andaian teruk, berjumlah kira-kira RM39 bilion (Jadual 1.2). Ini masih dalam lingkungan penampan lebihan modal (lebih daripada had minimum pengawalseliaan) sebanyak RM97.4 bilion, yang dipegang oleh bank. Kemungkinan kerugian ini tidak mengambil kira simpanan yang ada dan penampan kewangan isi rumah individu atau respons bank untuk menangani senario sedemikian. Bank-bank juga sedang secara berperingkat meningkatkan tahap peruntukan dan rizab pengawalseliaan bagi penjejasan kolektif (collective impairment) sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul (2014: 1.4%; 2013: 1.3%). Ini merupakan sebahagian daripada langkah berterusan untuk memperkukuh penampan terhadap insiden kerugian yang mungkin berlaku, terutamanya dalam tempoh keuntungan yang baik.

Jadual 1.2

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Kemungkinan Kerugian Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir

		Pinjaman perumahan	Sewa beli kenderaan	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah[1]
Kebarangkalian mungkir tertekan (%) (Kebarangkalian mungkir dasar, %)		8.4 (4.2)	10.0 (5.0)	8.8 (4.4)	15.8 (7.9)	
Kerugian akibat mungkir tertekan (%) (Kerugian akibat mungkir dasar, %)		40.0 (25.6)	75.0 (48.0)	95.0 (84.1)	95.0 (85.2)	
Kemungkinan kerugian (RM bil)	Semua peminjam	12.4	10.7	5.0	5.3	39.1
	- Peminjam berpendapatan RM3,000 atau kurang sebulan	2.0	3.9	1.8	1.0	10.2
	- Peminjam berpendapatan RM5,000 atau kurang sebulan	4.4	6.8	2.9	2.3	19.2

[1] Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama

Sumber: Bank Negara Malaysia

Paras keberhutangan isi rumah yang tinggi dijangka kekal dalam beberapa tahun akan datang memandangkan baki kematangan peminjaman purata yang panjang (10 tahun). Permintaan isi rumah terhadap kredit juga dijangka kekal agak kukuh dalam kalangan golongan muda dan lebih berkemampuan untuk membeli rumah dan kenderaan bermotor. Apabila langkah-langkah yang diambil sebelum ini telah menampakkan kesannya, kadar pertumbuhan hutang isi rumah dijangka terus sederhana. Kenaikan harga rumah yang lebih perlahan (dibincangkan dalam bahagian lain Bab ini) bersama-sama pelaksanaan langkah Kerajaan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah, dijangka terus mengukuhkan kadar pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih terkawal pada masa hadapan (Jadual 1.3).

MENGURUS PERKEMBANGAN DALAM PASARAN HARTA TANAH DALAM NEGERI

Perkembangan dalam pasaran harta tanah mempunyai implikasi penting terhadap kestabilan kewangan memandangkan dedahan besar institusi kewangan kepada sektor harta tanah. Dedahan institusi kewangan kepada sektor harta tanah berjumlah RM628.5 bilion atau 23% (2013: 21.9%) daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2014. Dedahan bank mencakupi kebanyakan daripada dedahan tersebut (95.4%) (Rajah 1.7), dengan pembiayaan berkaitan harta tanah dan PDS yang dipegang oleh bank meningkat sedikit pada tahun 2014 untuk mencakupi 26.6% (2013: 25.4%) daripada jumlah aset sistem perbankan. Kira-kira 65% daripada dedahan bank kepada harta tanah tertumpu dalam pasaran pembiayaan akhir harta kediaman, manakala pembiayaan akhir untuk pembelian tanah dan harta tanah komersial mencakupi kira-kira 30% daripada jumlah dedahan berkaitan harta tanah.

Rajah 1.7

Pasaran Harta Tanah: Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah



Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan institusi kewangan bukan bank terpilih

Jadual 1.3

Perkembangan dalam Sektor Isi Rumah dan Pasaran Harta Tanah sejak Pelaksanaan Langkah Kehematan Makro

Kadar pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana dalam tempoh dua tahun yang lepas	• Pertumbuhan hutang isi rumah menjadi sederhana dalam tempoh dua tahun berturut-turut kepada 9.9% seperti yang disasarkan (2013: +11.5%; 2010: +15.1%) • Pembiayaan peribadi oleh IKBB berkembang dengan lebih perlahan kepada 5.3% (2013: +13.9%) • 60% daripada peminjaman menyumbang kepada kekayaan perumahan dan pengumpulan aset
Keupayaan isi rumah membayar balik hutang adalah mampan	• Nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak sistem perbankan kekal rendah dan stabil pada 1.2% dan 1.8% walaupun selepas kenaikan OPR pada Julai 2014 • Aset kewangan isi rumah kekal stabil pada lebih dua kali daripada hutang
Memperkukuh penilaian kemampuan untuk mendapatkan pinjaman dan amalan pembiayaan	• Sejak Julai 2013, kira-kira 80% daripada peminjam yang mendapat pembiayaan baharu mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) bawah 60%, manakala separuh mempunyai DSR di bawah 40% bagi semua hutang • Bahagian daripada peminjaman oleh peminjam yang berpendapatan bulanan <RM3,000 menurun lagi kepada 26.7% (2013: 27.3%; 2012: 33%)
Pembelian spekulasi harta tanah yang didorong kredit, adalah lembap	• Pertumbuhan tahunan bilangan peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul terus menurun kepada 2.9% (2013: +5.3%), daripada paras tertinggi 15.8% pada tahun 2010, untuk mencakupi 3% daripada peminjam yang mempunyai pinjaman perumahan terkumpul
Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga rumah purata	• Untuk tiga suku tahun berturut-turut, pertumbuhan tahunan dalam Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) menjadi perlahan kepada 8.4% pada S2 2014

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Pasaran harta kediaman

Kesan yang dikehendaki daripada siri langkah kehematan makro dan fiskal telah menjadi lebih nyata. Agregat harga rumah mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada tiga suku tahun berturut-turut sejak suku keempat 2013 (Rajah 1.8). Data awalan suku ketiga 2014 menunjukkan trend kenaikan harga rumah terus sederhana. Trend ini boleh dilihat bagi semua jenis rumah dan pusat pekerjaan utama (Jadual 1.4).

Pelbagai langkah yang diambil untuk menangani isu pasaran harta tanah menjadikan pertumbuhan agregat harga rumah lebih sederhana

Dalam beberapa tahun yang lalu, aktiviti yang giat dalam pasaran sekunder menyebabkan harga harta kediaman meningkat pada kadar yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, pelancaran harta tanah utama yang tertumpu pada pasaran mewah juga menyumbang kepada kenaikan harga harta tanah keseluruhan kerana harta tanah di kawasan berdekatan turut naik, dan harga jualan semula oleh pemilik harta tanah sedia ada juga meningkat. Pada tahun 2014, aktiviti dalam pasaran sekunder kelihatan lebih perlahan. Berdasarkan data daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC), jumlah pindah milik harta kediaman pasaran sekunder terus menurun sebanyak 3.3% (2013: -2.3%) pada sembilan bulan pertama 2014, berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Berikutan itu, bahagian pindah milik pasaran

Rajah 1.8

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) dan Purata Jangka Panjang



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Jadual 1.4

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia Mengikut Negeri Terpilih dan Jenis Rumah

Perubahan tahunan (%)	S2 '13	S3 '13	S4 '13	S1 '14	S2 '14	S3 '14*a*
Malaysia	11.3	12.2	9.6	9.6	8.4	4.6
Kuala Lumpur	25.3	19.3	11.7	9.5	8.5	3.7
Selangor	8.1	5.9	10.1	10.9	8.3	5.4
Johor	24.1	25.7	15.0	14.7	10.5	3.4
Pulau Pinang	15.6	16.2	16.5	16.1	12.1	6.5
Rumah teres	9.6	9.9	9.6	10.1	9.5	5.1
Rumah berkembar	12.2	15.2	5.5	7.1	4.8	2.2
Rumah sesebuah	17.9	17.9	13.2	7.6	5.8	4.0
Rumah bertingkat tinggi	14.4	17.0	13.6	12.9	10.6	6.2

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

sekunder lebih rendah, mencakupi 77.3% daripada jumlah pindah milik harta kediaman (2013: 82.8%). Sebaliknya, jumlah pindah milik dalam pasaran utama meningkat sebanyak 32% (2013: -33.7%) sejajar dengan penawaran rumah baharu yang lebih tinggi, termasuk rumah mampu milik di bawah pelbagai program Kerajaan untuk pembeli rumah kali pertama. Beberapa pemaju swasta juga mula memperkenalkan lebih banyak unit rumah mampu milik untuk memenuhi permintaan yang kukuh, sambil mengekalkan keuntungan dengan membina unit rumah bersaiz lebih kecil.

Pelaksanaan langkah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV), dan pengenaan cukai untung harta tanah (real property gains tax, RPGT) yang lebih tinggi oleh Kerajaan serta larangan terhadap skim penanggung faedah pemaju (developer interest bearing schemes, DIBS) juga telah berjaya membendung pembelian untuk tujuan spekulasi. Pembelian harta kediaman untuk tujuan spekulasi yang didorong kredit terus terkawal. Bilangan peminjam dengan sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan terkumpul (digunakan sebagai proksi bagi pembelian untuk tujuan spekulasi) terus lebih sederhana pada tahun 2014, dengan peningkatan sebanyak 2.9% (2013: +5.3%; 2010: +15.8%). Peminjam sedemikian terus mencakupi 3% daripada jumlah peminjam kredit perumahan. Akibat daripada dinamik ini, nilai pindah milik purata dalam pasaran utama dan sekunder meningkat dengan lebih sederhana, sebanyak 15.1% (2013: +18.2%) pada sembilan bulan pertama 2014, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Meskipun kenaikan harga rumah lebih perlahan, tekanan struktur seperti ketidakpadanan permintaan-penawaran untuk rumah mampu milik masih berterusan. Permintaan (menggunakan purata unit yang dipindah milik sebagai proksi) terus melebihi penawaran rumah baharu (seperti diukur oleh pertambahan bekalan rumah) (Rajah 1.9). Faktor demografi, memandangkan penduduk dan tenaga kerja Malaysia yang secara relatif lebih muda, serta proses pembandaran yang meningkat, dijangka mengekalkan permintaan yang kukuh terhadap rumah mampu milik di pusat pekerjaan utama dalam jangka terdekat dan sederhana, melebihi apa yang boleh dipenuhi oleh bekalan baharu.

Pertambahan bekalan rumah mampu milik akan terus mengurangkan tekanan menaik terhadap harga rumah

Ketidakpadanan permintaan-penawaran dijangka bertambah baik apabila lebih banyak rumah sedemikian dibina oleh sektor swasta dan juga berikutan pelaksanaan inisiatif Kerajaan yang diselaraskan oleh Majlis Perumahan Negara (National Housing Council) yang ditubuhkan pada bulan Januari 2014. Ini termasuk rancangan pembinaan tambahan sebanyak 150,000 unit rumah mampu milik dan rumah kos rendah di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara serta pelaksanaan skim sewa untuk beli

Rajah 1.9

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Transaksi dan Penambahan Stok Rumah



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

(rent-to-own) bagi kumpulan berpendapatan rendah. Ketidakpadanan permintaan-penawaran yang semakin mengecil sewajarnya terus mengurangkan tekanan harga.

Dalam persekitaran harga rumah yang meningkat dan bertambahnya dedahan bank kepada pasaran perumahan, adalah penting bagi amalan penilaian oleh bank terus mantap dan memadai untuk menangani risiko penurunan harga, khususnya di lokasi yang telah mengalami kadar kenaikan harga rumah lebih tinggi. Berdasarkan penilaian penyeliaan yang dijalankan oleh Bank, piawaian penilaian harta tanah bank pada amnya kekal utuh. Lazimnya, bank menerima pakai parameter penentuan harga dalaman dan nisbah LTV yang berbeza mengikut lokasi dan profil peminjam, berdasarkan sumber maklumat penilaian harta tanah yang lebih luas. LTV didapati secara konsisten lebih rendah dalam kalangan bank bagi harta tanah di lokasi yang telah mengalami kenaikan harga yang lebih tinggi. Amalan yang memerlukan penilaian berkala oleh penilai profesional berkelayakan untuk menyokong jumlah pinjaman yang diluluskan dan penilaian jumlah terjejas, juga merupakan amalan yang sedia diterima pakai di seluruh industri.

Risiko yang berkaitan dengan penilaian tidak berhemat ialah risiko peminjam yang mengambil kesempatan daripada kenaikan harga rumah dan kos peminjaman yang rendah untuk meminjam lebih daripada kemampuan mereka, dengan bersandarkan nilai harta tanah yang tinggi. Ini juga boleh disebabkan oleh peminjam sedia ada yang membiayai semula pinjaman perumahan untuk meminjam lebih banyak berdasarkan nilai semasa harta tanah yang lebih tinggi (juga dikenali sebagai amalan `pengeluaran ekuiti´). Penilaian kemampuan meminjam yang lebih berhemat oleh bank telah banyak mengurangkan risiko ini. Pemantauan penyeliaan oleh Bank juga mendapati tiada bukti yang menunjukkan amalan pengeluaran ekuiti yang berleluasa. Namun begitu, Bank menghendaki institusi perbankan yang membiayai semula pinjaman perumahan yang sedia ada pada jumlah yang lebih tinggi daripada jumlah pinjaman terkumpul asal, untuk menjalankan penilaian kemampuan membayar berdasarkan piawaian yang ditetapkan bagi pembiayaan peribadi, untuk jumlah pinjaman tambahan tersebut.

Secara amnya, risiko daripada kemerosotan harga harta tanah kepada sektor perbankan dinilai sebagai terkawal. Hampir setengah (48%) daripada pinjaman perumahan terkumpul mempunyai LTV semasa yang kurang daripada 70%. Tahap ini pada amnya stabil sejak beberapa tahun yang lalu. Ia menyediakan penampan yang selesa untuk bank menghadapi kemerosotan nilai harta tanah sekiranya berlaku kemungkiran. Sebahagian besar (kira-kira 84%) daripada peminjam kredit perumahan merupakan pemilik dan juga penghuni, atau pelabur jangka panjang, dengan insentif yang kukuh untuk meneruskan pembayaran balik pinjaman jika berlaku tekanan kewangan. Oleh itu, perubahan harga rumah mendatangkan kesan yang kecil ke atas tingkah laku pembayaran balik. Penilaian ini disokong oleh tahap pinjaman perumahan terjejas dan delinkuen yang rendah dan semakin menurun.

Lebihan penampan modal bank ialah lebih lima kali anggaran kerugian akibat penguncupan harga rumah sebanyak 40% dan kadar mungkir tertekan

Berdasarkan analisis kepekaan (sensitivity) faktor tunggal terhadap portfolio pinjaman perumahan bank yang mempunyai tekanan kebarangkalian mungkir (probability of default, PD) sehingga 13% dan kejatuhan harga rumah yang teruk sebanyak 40%, lebihan penampan modal bank ialah lebih lima kali anggaran kerugian. Di bawah ujian tekanan makro atas-ke-bawah (top-down) dalam tempoh empat tahun, lebihan penampan modal bank terus lebih daripada mencukupi (sebanyak lapan kali)

untuk menyerap anggaran kemungkinan kerugian sebanyak RM11.6 bilion setiap tahun. Kerugian di bawah senario ini merangkumi kerugian daripada dedahan bank kepada sektor harta tanah pada umumnya, temasuk harta bukan kediaman dan dedahan kepada sektor pembinaan.

Pasaran harta bukan kediaman

Dedahan institusi kewangan terhadap pasaran harta bukan kediaman merangkumi terutamanya pembiayaan akhir oleh bank untuk pembelian kedai, tanah, bangunan industri dan ruang pejabat. Pertumbuhan pembiayaan bank untuk tujuan sedemikian menjadi lebih sederhana kepada 14.9% (2013: +17.8%) pada tahun 2014. Pertumbuhan yang lebih perlahan adalah lebih ketara dalam pembiayaan tanah dan ruang pejabat, manakala permintaan terhadap harta tanah industri dan kedai nampaknya terus kukuh (Rajah 1.10). Kadar pertumbuhan pembiayaan untuk kompleks membeli-belah juga telah meningkat.

Pertumbuhan yang mampan dalam pembiayaan rumah kedai, sebahagiannya mencerminkan perkembangan dalam pasaran harta kediaman, memandangkan kedai dianggap oleh pelabur harta tanah sebagai pelaburan alternatif kepada harta kediaman. Bilangan peminjam yang meminjam untuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman berkembang sebanyak 10.8% (2013: +12.9%). Kegiatan spekulasi dalam segmen ini terus lembap, dan tidak terdapat banyak bukti yang menunjukkan peminjam membeli pelbagai unit kedai. Namun, permintaan secara relatif adalah kukuh memandangkan paras kadar sewa yang mampan terus menyokong kenaikan harga. Pada sembilan bulan pertama 2014, kenaikan dalam nilai pindah milik purata bagi kedai mengukuh kepada 9.4% (2013: +7.3%), walaupun jauh di bawah paras tertinggi 17.7% yang dicatat pada tahun 2011 (Rajah 1.11). Seperti dinyatakan dalam Laporan sebelum ini, pelaburan dalam kedai dan harta bukan kediaman yang lain melibatkan kategori risiko yang lebih meluas. Pelabur seharusnya sedar akan risiko ini dan menyesuaikan jangkaan pulangan pelaburan mereka dengan sewajarnya.

Harga tanah purata di pusat pekerjaan utama mengekalkan trend menaiknya sejak tahun 2009, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 25.2% bagi tempoh sehingga suku ketiga 2014. Ini disebabkan oleh kekurangan tanah pembangunan dan penukaran tanah pertanian kepada kegunaan komersial. Sebahagian besar pindah milik tanah merupakan pembelian oleh pemaju harta tanah untuk menambah bekalan tanah dan mendapatkan dedahan kepada kawasan pertumbuhan tinggi di dalam dan di sekeliling pusat bandar utama.

Dalam segmen ruang pejabat, kadar sewa keseluruhan kekal kukuh dan meningkat kira-kira 27% sejak tahun 2007 hasil daripada permintaan yang mampan (Rajah 1.12). Kadar kekosongan keseluruhan ruang pejabat bertambah baik buat tahun kedua berturut-turut, kepada 16.1%

Rajah 1.10

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Pertumbuhan Pinjaman dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Kedai: Nilai Transaksi Purata



* Sembilan bulan pertama

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

(2013: 17.1%; 2012: 17.6%), lantas menukar arah trend kenaikan kadar kekosongan yang dialami sejak tahun 2009. Kadar kekosongan di Lembah Klang ialah 19% dan mengikuti trend bertambah baik yang sama. Tekanan penawaran dijangka terus berkurang berikutan beberapa penawaran yang dirancang beransur-ansur pada masa akan datang. Ini akan menyumbang kepada penurunan seterusnya dalam kadar kekosongan dalam jangka sederhana. Kadar sewa bagi bangunan pejabat yang lebih lama terus tertekan disebabkan penyewa yang lebih gemar kepada bangunan lebih baharu dengan ciri-ciri hijau mesra alam serta lengkap dengan kemudahan dan rangkaian pengangkutan yang lebih baik. Proses mengubah pulih dan menaik taraf yang berterusan terhadap kebanyakan bangunan lama ini dijangka merangsang kadar penyewaan dan kadar sewa pada masa akan datang, manakala bekalan baharu perlu dikawal secara berterusan.

Keadaan dalam segmen kompleks membeli-belah perlu diberi pemantauan yang berterusan. Kadar sewa menunjukkan trend menaik dalam beberapa tahun yang lalu. Ini mencerminkan permintaan penyewa terhadap ruang runcit di kawasan utama yang terus kukuh, disokong oleh penembusan peruncit antarabangsa yang semakin meningkat. Kebelakangan ini, penawaran kompleks komersial yang baharu meningkat sedikit, sebahagiannya hasil daripada permintaan yang dijangka ini. Keadaan ini mungkin menimbulkan risiko pada masa hadapan jika permintaan sebenar tidak seperti yang dijangkakan. Kadar kekosongan keseluruhan

Rajah 1.12

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Ruang Pejabat dan Kompleks Membeli-belah: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank dan Jones Lang Wootton

Rajah 1.13

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Nisbah Pinjaman Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

bagi kompleks membeli-belah bertambah baik sedikit kepada 19.3% (daripada 20% antara tahun 2010 hingga 2013), disokong oleh pertumbuhan sektor runcit yang menggalakkan. Kadar delinkuensi bagi pembiayaan akhir yang disediakan oleh bank untuk pembelian harta bukan kediaman kekal rendah dan stabil (Rajah 1.13).

MENGURUS DEDAHAN RISIKO KREDIT TERHADAP PERNIAGAAN

Jumlah peminjaman dalam dan luar negeri terkumpul (termasuk pinjaman terkumpul, sekuriti hutang dan sukuk) oleh entiti perniagaan bukan kewangan di Malaysia (termasuk GLC, dan tidak termasuk institusi kewangan dan Kerajaan) berkembang lebih sederhana sebanyak 6.8% (2013: +10.4%). Pada akhir tahun 2014, jumlah hutang sektor perniagaan adalah sebanyak RM1,037 bilion dan bahagiannya kepada KDNK lebih rendah (Rajah 1.14). Penyederhanaan dalam pertumbuhan keseluruhan hutang perniagaan, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan peminjaman luar negeri yang sangat kecil sebanyak 0.05%, berbanding 22.6% pada tahun 2013. Ini berbeza dengan kenaikan dalam pertumbuhan peminjaman dalam negeri sebanyak 8.5% (2013: +7.8%) (Rajah 1.15). Pinjaman perniagaan daripada bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang dikawal selia oleh Bank mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 9% (2013: +7.9%), dengan pertumbuhan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal mantap pada 13.3% (2013: +12.7%). Perniagaan juga terus memperoleh pembiayaan melalui terbitan baharu sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan sukuk dalam pasaran modal dalam negeri, dengan diterajui

Rajah 1.14

Sektor Perniagaan: Nisbah Hutang kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.15

Sektor Perniagaan: Pertumbuhan Hutang Domestik dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Industri



Sumber: Bank Negara Malaysia

sektor tenaga dan sektor berkaitan harta tanah berikutan pertumbuhan yang berterusan dalam sektor-sektor ini.

Keupayaan membayar balik hutang perniagaan adalah mampan dalam keadaan pergerakan kadar pertukaran dan harga yang lebih ketara

Pada amnya, kedudukan kewangan korporat yang kukuh membolehkan perniagaan membuat pelarasan tanpa banyak kesukaran walaupun terhadap pergerakan lebih ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi yang dialami pada tahun 2014. Leveraj keseluruhan sektor perniagaan Malaysia (berdasarkan data kewangan 160 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, mencakupi sektor ekonomi utama dan kira-kira 80% daripada permodalan pasaran), walaupun tinggi sedikit, kekal selesa dalam tahap kehematan (Rajah 1.16). Seperti dihuraikan dalam rencana `Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik´, terdapat bukti yang terhad mengenai peningkatan pengambilan risiko oleh perniagaan Malaysia, dengan perniagaan secara umumnya memilih untuk menjimatkan dana dalaman bagi keperluan operasi mereka, dan faktor luaran (termasuk kadar faedah global dan kadar pertukaran) hanya memberikan kesan yang kecil terhadap pengambilan risiko perniagaan. Selaras dengan ini, kebanyakan daripada peningkatan dalam peminjaman perniagaan adalah berkaitan dengan pemerolehan dana yang dirancang dahulu dan untuk keperluan modal kerja.

Pada amnya, perniagaan kekal menguntungkan, dengan margin operasi median dan pulangan atas pemegangan aset median secara umumnya stabil pada sembilan bulan pertama 2014, masing-masing pada 12% (2013: 12.9%) dan 4.9% (2013: 4.8%) (Rajah 1.17). Kejatuhan harga minyak yang mendadak pada suku keempat 2014 mungkin mengubah hasil keseluruhan bagi perniagaan dalam sektor industri minyak dan gas (oil and gas, O&G) dan ringgit yang lemah mungkin memberi kesan kepada beberapa perniagaan berorientasikan dalam negeri yang mempunyai kandungan import yang tinggi. Sebarang kesan terhadap sektor O&G, bagaimanapun, dapat ditampan dengan selesa oleh median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) yang agak tinggi pada 4.3 kali. Secara amnya, median ICR bagi

Rajah 1.16

Sektor Perniagaan: Leveraj dan Penunjuk Mudah Tunai



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.17

Sektor Perniagaan: Penunjuk Keberuntungan



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.18

Sektor Perniagaan: Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Prospek Risiko Kredit



r Ramalan

Sumber: Moody's KMV CreditEdge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

semua perniagaan terus kukuh pada 6.4 kali (2013: 7.7 kali) pada sembilan bulan pertama 2014 (Rajah 1.18). Ini diperkukuh oleh kedudukan mudah tunai keseluruhan perniagaan yang teguh, dengan median nisbah semasa (aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa) dan median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek, masing-masing pada 1.9 kali (2013: 1.8 kali) dan 1.3 kali (2013: 1.4 kali). Nisbah pembayaran balik pinjaman kepada pengeluaran pinjaman bank juga kekal tinggi pada 95.9% (2013: 94.2%). Secara keseluruhan, perniagaan di Malaysia adalah dalam keadaan yang baik berbanding dengan ekonomi lain di rantau ini, dari segi taburan hutang yang ditanggung entiti perniagaan yang mempunyai penunjuk leveraj dan keupayaan membayar balik hutang yang kukuh (Jadual 1.5) (maklumat lanjut terdapat dalam rencana `Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik´). Daya tahan entiti perniagaan juga bertambah baik disebabkan pertumbuhan yang amat kecil dalam peminjaman luar negeri terkumpul, kepada RM186.2 bilion. Ini sebahagiannya disebabkan oleh bon perniagaan yang matang dalam sektor pengangkutan dan O&G. Bahagian peminjaman luar negeri daripada jumlah hutang perniagaan turut menurun kepada 18% (2013: 19.2%) pada akhir tahun 2014. Sebahagian besar peminjaman terdiri daripada pembiayaan oleh syarikat dalam industri yang lebih berintensif modal, iaitu sektor perkilangan, O&G dan utiliti. Kebanyakan daripada peminjaman berkaitan dengan pendanaan dalam kumpulan yang diperoleh syarikat tempatan daripada syarikat induk di luar negeri, serta terbitan bon dan nota oleh syarikat pemastautin untuk operasi mereka di luar negara. Oleh yang demikian, kebanyakan daripada peminjaman ini disokong oleh hasil jualan dalam mata wang asing (FCY) yang bertindak sebagai pelindung nilai semula jadi bagi pergerakan kadar pertukaran. Entiti perniagaan di Malaysia juga melindung nilai risiko pertukaran

Jadual 1.5

Sektor Perniagaan: Pengagihan Hutang Mengikut Penunjuk Kewangan

Sebagai % daripada hutang perniagaan	Malaysia	Purata untuk perbandingan serantau
Nisbah hutang kepada ekuiti <1 kali	83.1	46.2
Pulangan atas aset >5%	42.5	44.5
ICR >5 kali	56.5	34.1

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik

Struktur modal dan keadaan kewangan syarikat korporat memberi kesan penting terhadap makroekonomi dan kestabilan kewangan. Salah satu cara untuk sesebuah syarikat memaksimumkan nilainya adalah dengan mengoptimumkan kombinasi pegangan hutang dan ekuiti (profil leveraj) bagi membiayai aset yang menjana aliran tunai untuk syarikat[1]. Pelbagai faktor mempengaruhi keputusan yang dibuat terhadap leveraj syarikat, termasuklah akses, kos, dan kepelbagaian sumber pendanaan. Keputusan itu seterusnya boleh memberikan kesan positif terhadap daya saing dan potensi pertumbuhan syarikat, yang akan mendorong inovasi dan pelaburan yang produktif dalam sesuatu ekonomi. Walau bagaimanapun, leveraj syarikat yang meningkat secara mendadak dan ketara juga boleh menambah risiko kestabilan kewangan, terutamanya jika peningkatan itu diiringi oleh kadar faedah rendah yang berpanjangan, premium risiko yang menyusut, serta peningkatan komponen peminjaman mata wang asing. Beban hutang yang lebih tinggi akibat daripada perubahan kos peminjaman dan kebolehubahan kadar pertukaran juga boleh meningkatkan kecenderungan syarikat yang lebih lemah untuk mungkir, mengakibatkan kerugian kredit dan tekanan pendanaan kepada pengantara kewangan. Penguncupan aliran kredit yang lebih meluas kepada sektor ekonomi utama seterusnya boleh mempercepatkan kelembapan ekonomi yang teruk.

Penilaian yang dijalankan oleh BIS dan IMF baru-baru ini memperlihatkan kewujudan risiko akibat paras hutang yang tinggi dan sedang meningkat dalam beberapa ekonomi yang sedang pesat membangun. Paras hutang korporat di kebanyakan ekonomi Asia Pasifik telah meningkat berbanding purata tahun 2003-2007, dengan terbitan bon korporat melebihi paras yang dicatat sebelum Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), susulan kos peminjaman yang menjunam ke paras terendah dalam beberapa tahun selaras dengan kadar faedah global dan tempatan (Rajah 1). Hal ini mungkin merumitkan pelarasan oleh syarikat dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan keadaan pendanaan yang lebih ketat. Pelarasan mungkin menjadi lebih rumit dalam ekonomi di mana pasarannya bertanggapan bahawa tindak balas dasar tidak mencukupi untuk menangani kelemahan makroekonomi dan kewangan, dan di mana syarikat lebih bergantung kepada pembiayaan luar negeri, khususnya daripada aliran modal asing.

Rajah 1

Nisbah Kredit Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK dan Nisbah Terbitan Hutang kepada KDNK



Nota: ***x***: Perubahan mata peratusan kredit korporat kepada KDNK (purata tahun 2003-07 berbanding 2013)
y: Perubahan mata peratusan terbitan sekuriti hutang korporat kepada KDNK (tahun 2007 berbanding 2013)

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

[1] Anggaran panel dalam rencana ini menggunakan nisbah hutang kepada aset sebagai ukuran utama beban leveraj syarikat berbanding jumlah nilai (buku) aset. Rajan dan Zingales (1995) mencadangkan bahawa takrifan leveraj ini adalah yang lebih sesuai kerana ia dilihat sebagai proksi nilai baki kepada pemegang saham jika berlaku pembubaran. Ukuran lain seperti hutang kepada ekuiti dan hutang kepada jualan digunakan sebagai ujian kemantapan.

Berlatarkan persekitaran ini, rencana ini meneliti: (i) penentu leveraj sektor korporat Malaysia dari aspek pembiayaan dalam dan luar negeri, dengan membandingkan keadaan sebelum dan selepas GFC; dan (ii) potensi keterjejasan syarikat terhadap kejutan apabila paras mudah tunai global berkurang dan keadaan pendanaan mengetat. Pandangan tambahan juga diberikan tentang dinamik khusus sektor dan institusi yang membantu menerangkan profil leveraj sektor korporat Malaysia. Hasil daripada ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank ke atas sampel syarikat besar dan kesan penularannya terhadap sistem kewangan turut dibentangkan di akhir rencana ini.

Penentu Leveraj Korporat

Di Malaysia, kenaikan paras hutang sektor korporat bukan kewangan[2] agak sederhana, dan secara amnya meningkat selaras dengan pengembangan ekonomi dalam negeri (lihat Bab 1– Rajah 1.28). Tahap leveraj korporat secara relatifnya kekal stabil dalam paras purata yang dicatatkan sebelum dan selepas GFC, dan di bawah paras yang direkodkan sebelum Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) (Rajah 2). Pendanaan syarikat Malaysia sebahagian besarnya (82%) diperoleh daripada bank-bank domestik dan pasaran modal dalam negeri, dan berdenominasi ringgit. Ekoran daripada pembangunan pesat pasaran bon dan sukuk korporat domestik sejak AFC[3], pembiayaan syarikat juga telah diagihkan dengan lebih seimbang antara bank dan pasaran modal domestik (Rajah 3). Dengan manfaat daripada kos pembiayaan yang lebih cekap dan keupayaan mengakses pendanaan bertempoh lebih panjang ekoran asas pelabur yang meluas, pasaran modal yang cair, serta rangka kerja pengawalan yang kondusif, syarikat domestik semakin banyak menggunakan pasaran bon dan sukuk korporat Malaysia untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Khususnya, pasaran sukuk telah mengalami peningkatan yang kukuh bagi terbitan bukan kerajaan sejak tahun 2000, selaras dengan peningkatan sumbangan pelaburan sektor swasta kepada KDNK. Hal ini telah mengurangkan tumpuan kepada pembiayaan bank dan pembiayaan luar seperti yang diperhatikan sebelum AFC.

Rajah 2

Nisbah Hutang Korporat kepada KDNK



Nota: * Bagi Malaysia, ini termasuk hutang kepada bank asing yang diperbadankan di Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Perbandingan Hutang Korporat dan Sumber Pembiayaan antara Negara



Nota: * Bagi Malaysia, ini termasuk hutang kepada bank asing yang diperbadankan di Malaysia
Data sehingga akhir 2014 digunakan untuk Malaysia, manakala data bagi negara sampel lain adalah berdasarkan IMF Global Financial Stability Report April 2014

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

[2] Termasuk syarikat berkaitan kerajaan.

[3] Pengalaman lalu Malaysia dalam menyelesaikan kerapuhan sektor korporat dan gelung maklum balas yang buruk kepada sektor perbankan dan sektor benar sewaktu AFC mendorong usaha pelbagai penjuru untuk membangunkan pasaran modal dalam negeri dan mengurangkan kebergantungan pada pendanaan daripada bank dan aliran masuk modal asing yang tidak menentu. Antara usaha ini termasuklah penubuhan Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional pada tahun 1999 dan inisiatif untuk membangunkan keluk hasil penanda aras yang berkesan, meluaskan asas penerbit dan pelabur, serta mendalamkan mudah tunai pasaran sekunder.

Anggaran data panel yang menggunakan data di peringkat syarikat (digabungkan di tahap kumpulan)[4] yang meliputi 130 buah syarikat (mewakili lebih separuh daripada permodalan pasaran bagi pasaran ekuiti dalam negeri, tidak termasuk institusi kewangan) antara tahun 2004-2013 telah digunakan untuk mendapatkan penentu utama leveraj korporat di Malaysia. Tiga kelompok faktor penjelas berpotensi bagi pengumpulan hutang (ciri-ciri khusus sesebuah syarikat, faktor makroekonomi dalam negeri, dan faktor luaran)[5] dianalisis dengan nisbah hutang kepada aset syarikat menggunakan model regresi panel dinamik[6]. Kumpulan data panel dibahagikan lagi kepada dua tempoh subsampel, untuk menunjukkan kedinamikan faktor yang mempengaruhi keberhutangan syarikat sebelum dan selepas GFC. Anggaran akhir menunjukkan peningkatan leveraj korporat di Malaysia bagi keseluruhan tempoh sampel didorong terutamanya oleh faktor yang berkaitan syarikat dan makroekonomi dalam negeri, dengan hanya pengaruh yang amat kecil daripada kadar faedah dan kesanggupan mengambil risiko peringkat global, serta keadaan kredit dan mudah tunai pasaran antarabangsa[7] (Jadual 1).

Penguraian Leveraj Korporat di Malaysia

Terbitan hutang jangka sederhana di Malaysia yang stabil, khususnya antara tahun 2012 dan 2013, telah memanjangkan purata matang hutang korporat dalam negeri terkumpul kepada 5.6 tahun pada tahun 2014 daripada 3 tahun pada tahun 2006 (Rajah 4). Komposisi pendanaan jangka sederhana

Rajah 4

Hutang Jangka Pendek kepada Jumlah Hutang[8]



Sumber: Bloomberg dan anggaran dalaman

[4] Data berdasarkan penyata kewangan disatukan bagi syarikat induk dan subsidiari dalam dan luar negeri, termasuk perakaunan ekuiti bagi kepentingan dalam entiti sekutu.

[5] Faktor regresi termasuk baki tunai, jumlah aset, nisbah semasa, hutang jangka pendek, pertumbuhan syarikat, keketaraan (tangibility) dan keberuntungan, syarat perdagangan, inflasi, pelaburan portfolio, spread dan stok terkumpul sekuriti hutang swasta (PDS), pinjaman kepada perniagaan dalam negeri, nisbah kredit kepada KDNK, saiz sektor perbankan, pertumbuhan KDNK, penawaran wang (M2), pembentukan modal tetap kasar, pinjaman bank merentas sempadan, kadar pinjaman purata, bon global terkumpul, kadar semerta (spot rate) RM-USD, harga minyak mentah Brent, Indeks *Merrill Option Volatility Estimate* (MOVE), Indeks *Chicago Board Options Exchange Volatility* (VIX) dan keadaan mudah tunai global.

[6] Bagi menunjukkan pelarasan yang dinamik dalam leveraj, model panel dinamik yang menggunakan penganggar *Arellano Bond Generalised Method of Moments* (GMM) satu langkah telah digunakan. Meskipun penganggar GMM dua langkah didapati lebih cekap, namun ralat piawai cenderung ke arah menurun dan memberikan anggaran yang lebih rendah bagi nilai sebenar anggaran sisihan piawai (lihat Arellano dan Bond, 1991 dan Soto, 2009).

[7] Anggaran pekali untuk pemboleh ubah faktor luaran, sebelum dan selepas GFC, kebanyakannya adalah tidak signifikan dari segi statistik atau mempunyai pekali hampir sifar.

[8] Sampel negara tidak bertujuan menjadi lengkap, dan dikumpul seperti berikut: (1) APDE – Australia, Jepun, Hong Kong SAR dan Korea Selatan, (2) EA – RR China, India, Thailand, Indonesia dan Filipina, (3) EMEA – Rusia, Poland, Turki dan Afrika Selatan, dan (4) LA - Argentina, Brazil, Chile, Colombia dan Mexico.

Jadual 1

Penentu Utama Leveraj Korporat di Malaysia

	Penentu	Hubungan	Tingkah laku khusus sektor atau syarikat yang diperhatikan
Ciri Khusus Syarikat	Nisbah hutang kepada aset (sehingga 2 sela suku tahun)	Positif, signifikan pada tahap 1% dan 10%	• Syarikat menyelaraskan leveraj terhadap kejutan luaran secara berperingkat, mencerminkan kedinamikan syarikat Malaysia membuat keputusan berkaitan struktur modal.
	Keberuntungan	Negatif, signifikan pada 1%	• Syarikat yang menjana keuntungan dengan perolehan tertahan yang mencukupi dapat mengurangkan kebergantungan pada pembiayaan hutang dan penggunaan dana dalaman yang lebih berkesan dari segi kos.
	Baki tunai	Negatif, signifikan pada 10%	• Selaras dengan teori susunan pilihan (pecking order theory), syarikat Malaysia lebih cenderung kepada penggunaan dana dalaman daripada menambah hutang dan ekuiti untuk mengekalkan fleksibiliti pembiayaan, meminimumkan aliran maklumat ke pasaran modal dan pesaing, dan mengelakkan pelupusan pemilikan[9].
	Saiz syarikat (sehingga 4 sela suku tahun)	Positif, signifikan pada tahap 1% hingga 10%	• Syarikat yang lebih besar dengan aliran tunai yang lebih pelbagai dan konsisten serta mempunyai akses kepada kelompok cagaran yang lebih besar berkemungkinan besar akan meningkatkan penggunaan hutang. Hal ini disokong oleh akses yang lebih baik kepada pasaran modal atau pembiayaan bank pada kos peminjaman yang lebih rendah disebabkan kebolehpercayaan kredit yang lebih baik.
	Hutang jangka pendek	Positif, signifikan pada 1%	• Kebanyakan syarikat cenderung mengambil hutang berjangka lebih pendek kerana cara ini adalah kaedah yang paling murah untuk membuat pelarasan sementara kepada paras hutang yang optimum. • Walau bagaimanapun, pekali hampir sifar mencadangkan pengaruh hutang jangka pendek terhadap leveraj korporat Malaysia adalah terhad. Hal ini menunjukkan syarikat Malaysia lazimnya tidak menyelaraskan tahap leveraj sasaran mereka menggunakan hutang jangka pendek.
Faktor Domestik	Kadar pinjaman purata (ALR) untuk pinjaman perniagaan baharu	Negatif, signifikan pada 5%	• Kadar pinjaman yang lebih rendah biasanya mendorong kesanggupan mengambil risiko dan pengumpulan hutang yang lebih tinggi kerana kos peminjaman secara amnya berkurang. • Walau bagaimanapun, ALR pinjaman perniagaan baharu selepas GFC secara purata hanya 0.6 mata peratusan lebih rendah berbanding paras sebelum tahun 2008, lantas memberikan insentif marginal kepada syarikat Malaysia untuk meningkatkan leveraj.
	Pertumbuhan KDNK benar	Negatif, signifikan pada 10%	• Kesanggupan dan keupayaan syarikat untuk menerbitkan hutang tambahan bagi membiayai pelaburan terancang seharusnya meningkat seiring dengan pengembangan ekonomi. • Walau bagaimanapun, di Malaysia, hubungan sebaliknya adalah lebih dominan. Peningkatan permintaan dalam negeri menambah perolehan tertahan syarikat sampel (sebahagian besarnya berorientasikan dalam negeri) yang disalurkan kepada perolehan aset atau pelaburan terancang, seterusnya mengurangkan keperluan pembiayaan hutang. Syarikat juga mungkin menangguhkan pelaburan atau pembelian peralatan modal untuk menyimpan baki wang tunai ketika ekonomi menguncup.
	Perubahan dalam nisbah M2 kepada KDNK	Negatif, signifikan pada 5%	• Asas monetari yang lebih besar menunjukkan ketersediaan dana untuk pembiayaan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, pertumbuhan M2 berkait secara negatif dengan leveraj korporat Malaysia pada kuantum yang sangat kecil. Hal ini mungkin kerana M2 merangkum paras mudah tunai rasmi, berbanding dengan mudah tunai sektor swasta[10].
	Pertumbuhan sektor perbankan	Positif, signifikan pada 5%	• Pertambahan bilangan dan saiz bank yang bermodal kukuh sebelum dan selepas GFC menyediakan akses dana yang berterusan untuk membiayai aktiviti pelaburan atau modal kerja syarikat Malaysia[11].

[9] Mat Nor dan Sulong (2007) dan Abdul Rahman dan Ali (2006) telah menunjukkan bahawa syarikat diurus pemilik adalah lumrah di kalangan syarikat Malaysia. Ow-Yong dan Guan (2000) mencadangkan bahawa syarikat tersenarai di Malaysia berkembang daripada syarikat secara tradisinya milik keluarga dan sebahagiannya masih terus diurus seperti itu.

[10] Agregat monetari tradisional pada peringkat nasional tidak berupaya menunjukkan kesan daripada kesemua instrumen penjana mudah tunai ataupun kesan penuh daripada aktiviti pengantara kewangan merentas sempadan yang besar. Lihat Chen dll. (2012), hlm. 5, dan Adrian dan Song Shin (2009).

[11] Pertumbuhan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul tidak mempunyai kuasa penjelas terhadap leveraj korporat Malaysia. Kecenderungan syarikat Malaysia untuk meningkatkan leveraj berkurangan apabila stok PDS dan sukuk terkumpul meningkat. Dengan kelompok pelabur asing dan dalam negeri yang terhad, serta kecairan dagangan PDS yang secara relatifnya lebih rendah, dominasi terbitan swasta oleh konglomerat besar di Malaysia sepanjang dekad yang lalu telah menyebabkan syarikat bersaiz sederhana dan kecil tidak dapat memasuki pasaran modal untuk memperoleh dana meskipun kos peminjaman berkurang dan akses pasaran bertambah baik.

Faktor Luaran	Perubahan kadar semerta (spot rate) MYR-USD	Tidak signifikan	• Syarikat yang mendapat manfaat daripada mata wang dalam negeri yang lebih kukuh boleh meningkatkan hutang luar negeri sebelum penambahan nilai dijangka berlaku. Ringgit yang semakin kukuh berbanding dengan mata wang utama selepas GFC seharusnya mendorong pengumpulan hutang luar negeri yang lebih tinggi. • Walau bagaimanapun, di Malaysia, faktor makroekonomi dalam negeri dan keupayaan khusus syarikat (iaitu pertumbuhan aset, baki tunai) lebih daripada mengimbangi kesan tersebut, memandangkan syarikat sampel kebanyakannya bergantung pada permintaan dan sumber pendanaan dalam negeri.
	Perubahan dalam (i) bon global terkumpul dan (ii) pinjaman bank merentas sempadan	Tidak signifikan	• Kebanyakan syarikat di pasaran sedang pesat membangun menyaksikan insentif yang semakin bertambah untuk meningkatkan leveraj, dalam keadaan kadar faedah global dan premium risiko yang menyusut, serta mata wang tempatan yang lebih kukuh selepas GFC (terbitan hutang sektor swasta dalam pasaran sedang pesat membangun antara tahun 2009-2012 adalah lebih daripada dua kali berbanding empat tahun sebelumnya). • Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil daripada syarikat terbesar Malaysia memanfaatkan persekitaran ini seperti yang dilihat daripada kuasa penjelas yang lemah ke atas leveraj.
	Perubahan harga minyak mentah Brent	Tidak signifikan	• Dari segi teori, kenaikan harga minyak dan penghindaran risiko global yang lebih rendah selepas GFC sepatutnya mengakibatkan leveraj korporat yang lebih tinggi. • Walau bagaimanapun, pekali hampir sifar atau faktor regresi yang tidak signifikan secara statistik menunjukkan kesan yang tidak ketara terhadap pengumpulan hutang oleh syarikat Malaysia, selaras dengan pengaruh faktor dorongan dalam negeri yang lebih nyata.
	Indeks Merrill Option Volatility Estimate	Tidak signifikan	

hingga jangka panjang yang lebih tinggi menyebabkan syarikat Malaysia kurang terjejas dengan risiko pembiayaan semula dan pendanaan, yang lebih ketara di negara yang mengalami peningkatan mendadak dalam pendanaan hutang jangka pendek sejak tempoh kebelakangan ini.

Meskipun bank kekal sebagai pendana yang penting untuk kebanyakan syarikat Malaysia, industri yang berintensifkan modal – iaitu sektor utiliti, infrastruktur, minyak dan gas, telekomunikasi dan pengangkutan – lebih bergantung kepada pembiayaan berasaskan pasaran kerana keperluan pendanaan yang lebih besar dalam tempoh yang lebih panjang, khususnya bagi projek dan pelaburan yang mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang. Sektor ini mencakupi lebih kurang 60% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul yang diterbitkan di Malaysia. Sebaliknya, peminjaman bank mencakupi bahagian yang lebih besar dalam pembiayaan syarikat dalam sektor perkilangan, perniagaan borong dan runcit, serta sektor berkaitan harta tanah yang mana keperluan perbelanjaan modal adalah lebih rendah dan syarikat lazimnya lebih tersebar dari segi saiz. Jumlah peminjaman bank terkumpul daripada sektor ini mencakupi 60% daripada jumlah pinjaman perniagaan domestik. Purata matang peminjaman bank sebanyak 8.4 tahun pada tahun 2014 (2012: 7.8 tahun) menunjukkan bahawa kebanyakan dana yang diperoleh terus digunakan terutamanya untuk pelaburan perniagaan. Lebih daripada separuh (53%) peminjaman bank digunakan untuk modal kerja, manakala kira-kira 29.5% disalurkan kepada harta tanah, termasuklah untuk pembelian tanah dan harta komersil untuk pembangunan dan kegunaan perniagaan, dan untuk membiayai aktiviti berkaitan pembinaan.

Peminjaman luar negeri syarikat Malaysia[12] meningkat pada kadar tahunan yang sederhana sebanyak 4.2% antara tahun 2008 hingga 2014, berpurata sebanyak 18% daripada KDNK. Trend ini dipengaruhi terutamanya oleh pengembangan merentas sempadan yang berterusan oleh syarikat yang lebih besar, dan sebahagian kecilnya, dipengaruhi oleh kemerosotan premium risiko korporat global. Kira-kira 41% daripada peminjaman luar ini adalah dalam bentuk sekuriti hutang jangka panjang, yang sebahagian besarnya diterbitkan oleh konglomerat besar domestik yang beroperasi di pelbagai

[12] Data tentang peminjaman luar dikumpul mengikut Balance of Payments Manual, Edisi Kelima, dan External Debt Statistics: Guide for Compilers and Users (2003) oleh IMF. Hutang luar negeri kasar, pada bila-bila masa, ialah jumlah terkumpul liabiliti semasa, bukan luar jangka, yang memerlukan pembayaran faedah dan/atau jumlah pokok oleh penghutang pada suatu masa akan datang dan yang dihutangkan oleh pemastautin dalam sesebuah ekonomi kepada bukan pemastautin.

negara. Syarikat yang lebih besar ini disokong oleh fungsi pengurusan perbendaharaan berpusat yang berupaya mendapatkan pembiayaan dengan lebih efisien daripada pasaran pendanaan dalam negeri dan global untuk memanfaatkan perbezaan kos pendanaan. Perbincangan dengan industri mengesahkan kebanyakan syarikat ini berupaya memanfaatkan sistem pengurusan wang tunai dan risiko berpusat yang membolehkan pengurusan risiko berkaitan peminjaman luar yang lebih baik. Hampir satu perempat daripada peminjaman luar negeri oleh syarikat multinasional diperoleh daripada entiti sekutu yang terletak di luar negara yang lazimnya kurang sensitif terhadap ketidaktentuan kadar faedah dan pertukaran asing. Sebahagian besar daripada peminjaman luar negeri syarikat adalah berdenominasi mata wang utama seperti dolar AS (76.1%) dan dolar Singapura (5.8%). Risiko daripada ketidakpadanan mata wang dijangka terurus berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Bank untuk peminjaman luar yang diluluskan untuk syarikat domestik, yang menunjukkan sebahagian besar dilindungi dengan derivatif kewangan dan aliran hasil asing daripada pelaburan dan operasi merentas sempadan.

Berdasarkan faktor tersebut, leveraj syarikat korporat di Malaysia secara keseluruhannya kekal rendah di bawah paras sebelum GFC, berbeza dengan ekonomi sedang pesat membangun yang lain (Rajah 5).

Rajah 5

Nisbah Agregat Hutang kepada Ekuiti Mengikut Rantau



Nota: Data sehingga S3 2014 digunakan untuk Malaysia

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Bloomberg dan anggaran dalaman

Perolehan korporat yang kukuh dan secara relatifnya stabil pada beberapa tahun kebelakangan telah membolehkan syarikat meningkatkan paras hutang secara mampan untuk membiayai peningkatan perbelanjaan modal dan pelaburan. Hal ini disokong oleh peningkatan keupayaan membayar balik hutang pada paras agregat dan pada peringkat syarikat individu (Rajah 6 dan Rajah 7).

Dengan menguraikan purata sektor korporat, bahagian hutang korporat Malaysia yang berpotensi mudah terjejas, berdasarkan leveraj dan penunjuk kewangan syarikat peminjaman individu, adalah rendah berbanding dengan syarikat serantau (Rajah 8, Rajah 9 dan Rajah 10)[13, 14, 15]. Syarikat dalam negeri yang mempunyai leveraj yang lebih tinggi secara amnya mencatat pulangan atas aset (return on asset, ROA)

[13] Hutang korporat Malaysia yang berpotensi mudah terjejas diwakili oleh bar, diagihkan mengikut jumlah hutang syarikat yang mempunyai nisbah kewangan di atas atau di bawah ambang yang ditetapkan. Hutang yang lebih berisiko diwakili oleh warna merah dan jingga.

[14] Setiap garisan mewakili julat komposisi sampel syarikat tersenarai awam dari 13 negara serantau bagi setiap kelompok nisbah kewangan tertentu. Sempadan atas dan bawah mewakili julat komposisi maksimum dan minimum dicatatkan oleh syarikat sampel. Penunjuk hijau mewakili purata julat komposisi bagi setiap kelompok.

[15] Negara dalam sampel terdiri daripada negara Asia Pasifik, termasuk Filipina, Hong Kong SAR, Singapura, Thailand, New Zealand, Vietnam, RR China, India, Jepun, Indonesia, Australia, China Taipei dan Korea Selatan.

dan nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) yang lebih tinggi, yang turut disokong oleh baki tunai yang stabil. Lebih daripada 83% hutang syarikat dalam negeri dianggap tidak berisiko berdasarkan nisbah hutang kepada ekuiti syarikat peminjam yang kurang daripada 1, dengan median nisbah hutang kepada ekuiti di bawah 1 (kira-kira 64% daripada sampel negara Asia Pasifik mencatat median lebih daripada 1). Lebih daripada 42% hutang telah diambil oleh syarikat yang mencatat ROA melebihi 5%, menyediakan penampan perolehan yang besar terhadap potensi kejutan. Median ROA berbanding negara sampel adalah menggalakkan dan kekal kukuh di atas paras 4%. Dari segi keupayaan membayar balik hutang, 80.5% daripada hutang adalah daripada syarikat Malaysia yang

Rajah 6

Nisbah Leveraj dan Keupayaan Membayar Balik Hutang (2006 dan S3 2014)



Nota: ***x***: Perubahan mata peratusan nisbah perlindungan faedah (tahun 2006 berbanding 2014)
y: Perubahan mata peratusan nisbah leveraj (tahun 2006 berbanding 2014)

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

Rajah 7

Nisbah Keberuntungan dan Mudah Tunai (2006, 2009 dan S3 2014)



Sumber: Bloomberg dan anggaran dalaman

Rajah 8

Taburan Hutang Berpotensi Mudah Terjejas Mengikut Nisbah Leveraj



*D/E merujuk kepada nisbah hutang kepada ekuiti
Nota: Data sehingga S3 2014 digunakan untuk Malaysia

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

Rajah 9

Taburan Hutang Berpotensi Mudah Terjejas Mengikut Penunjuk Keberuntungan



*ROA merujuk kepada pulangan atas aset
Nota: Data sehingga S3 2014 digunakan untuk Malaysia

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

Rajah 10

Taburan Hutang Berpotensi Mudah Terjejas Mengikut Nisbah Perlindungan Faedah



*ICR merujuk kepada nisbah perlindungan faedah
Nota: Data sehingga S3 2014 digunakan untuk Malaysia

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan anggaran dalaman

mempunyai perolehan yang mencukupi untuk menanggung lebih daripada dua kali perbelanjaan faedah, memberikan fleksibiti untuk membuat pelarasan terhadap perbelanjaan hutang yang lebih tinggi atau keuntungan operasi yang lebih rendah pada masa depan. Median ICR bagi syarikat Malaysia melebihi 5, lebih tinggi daripada 84% sampel negara Asia Pasifik.

Ujian Tekanan Korporat

Meskipun profil leveraj syarikat korporat Malaysia tidak menunjukkan tanda berlebihan, ketidakpastian yang wujud dalam keadaan kewangan dan ekonomi global telah menimbulkan kemungkinan bertambahnya kemungkiran syarikat yang akan memberi kesan buruk terhadap sektor kewangan dan sektor benar. Dalam hal ini, Bank telah menjalankan ujian tekanan yang mensimulasikan empat kejutan utama dalam dua senario buruk ke atas beberapa syarikat bukan kewangan yang mempunyai jumlah dedahan dalam negeri[16] melebihi RM2 bilion[17] pada setiap paras entiti. Impak penularan kepada sistem kewangan daripada risiko sistemik yang berkemungkinan disebarkan melalui dedahan aset dan liabiliti syarikat ini dengan institusi kewangan kemudiannya dinilai[18] (Jadual 2). Dengan andaian yang konservatif[19], impak kumulatif daripada kejutan ke atas perolehan, mata wang asing, dan pendanaan terhadap penampan mudah tunai, kesolvenan dan keupayaan membayar balik hutang[20] oleh setiap syarikat sampel disimulasi secara seragam. Entiti korporat yang mencatat nisbah pascakejutan mudah tunai berbanding obligasi jangka pendek (cash over short-term obligations, CASTO) kurang daripada satu, dan nisbah pascakejutan liabiliti kepada aset melebihi satu, masing-masing dianggap sebagai tidak cair dan tidak solven. Entiti dengan ICR pascakejutan yang kurang daripada dua kali dianggap akan memungkiri semua obligasi kredit terkumpul.

Kejutan perolehan yang disimulasi mencatat impak yang paling tinggi terhadap keupayaan syarikat membayar balik hutang, mengurangkan agregat ICR sebanyak 0.66 mata peratusan kepada 1.32 mata

[16] Merujuk kepada jumlah peminjaman dengan bank di Malaysia dan sekuriti hutang korporat yang diterbitkan dalam pasaran bon dalam negeri.
[17] Syarikat bukan kewangan ini secara kolektifnya mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah dedahan kepada sistem kewangan dalam negeri, termasuk semua sekuriti hutang swasta yang diterbitkan di Malaysia yang dipegang oleh bank, penanggung insurans, institusi kewangan pembangunan (DFIs) dan pengendali takaful.
[18] Oleh sebab maklumat tentang dedahan dua hala antara syarikat bukan kewangan tidak lengkap, ujian tekanan tidak memasukkan kesan kemungkinan mungkir silang di dalam atau di luar konglomerat bukan kewangan.
[19] Ujian tekanan tidak mengambil kira kedudukan kewangan semasa atau keupayaan menjana keuntungan pada masa depan oleh syarikat.
[20] Sebagaimana diukur nisbah CASTO, nisbah liabiliti kepada aset, dan ICR masing-masing.

Jadual 2

Andaian Utama dan Parameter Kejutan bagi Senario Buruk

Andaian Utama dan Parameter Kejutan bagi Syarikat Sampel	
Kejutan perolehan	• Sehingga 50% penurunan dalam keuntungan kendalian
Kejutan mata wang asing	• Sehingga 3.5 kejutan sisihan piawai atas purata 6 bulan bergerak USD/RM bagi 20 tahun yang lepas - Tidak mengambil kira apa-apa bentuk perlindungan nilai semula jadi atau kewangan, atau apa-apa keuntungan daripada penukaran mata wang asing
Kejutan kos pendanaan	• Kenaikan kos peminjaman sehingga 100 mata asas bagi pinjaman bank dalam denominasi ringgit
	• Kenaikan kadar kupon sehingga 100 mata asas bagi terbitan bon korporat atau sukuk baharu untuk 2 tahun akan datang - Penarafan kredit penerbit dan tempoh terbitan baharu diandaikan tidak berubah
Kesan Penularan yang Disimulasikan ke atas Bank dan Syarikat Insurans	
Kejutan risiko mudah tunai	• Syarikat yang terjejas (yang mempunyai nisbah pascakejutan CASTO<1, dan ICR< 2 kali) diandaikan mengeluarkan 66% daripada deposit yang disimpan dengan bank dalam tempoh satu bulan
Kejutan risiko kredit	• Purata kerugian akibat mungkir (LGD) sebanyak 51%
Kejutan risiko pasaran	• Peningkatan kadar hasil sehingga 100 mata asas bagi taraf kredit dan tempoh PDS yang berbeza
	• Bon korporat dan sukuk terkumpul yang dipegang oleh institusi kewangan diandaikan telah diklasifikasikan sebagai `pemegangan untuk perdagangan' dan `pemegangan sedia untuk dijual´

peratusan, dan ICR syarikat individu sebanyak 33.5 mata peratusan kepada 67.1 mata peratusan dalam kedua-dua senario buruk. Kesan daripada perbelanjaan membayar balik hutang yang lebih tinggi bagi peminjaman berdenominasi mata wang asing dan peminjaman ringgit kadar boleh ubah didapati kurang ketara, mengurangkan agregat ICR dengan julat yang kecil antara 0.03 mata peratusan sehingga 0.11 mata peratusan. Pada peringkat syarikat, impaknya lebih besar antara 11.8 mata peratusan hingga 41 mata peratusan. Dengan mengekalkan profil kredit penerbit dan tempoh terbitan baharu (dibiayai semula), hasil PDS yang lebih tinggi untuk bon korporat yang hampir matang – dengan separuh diandaikan diganti serentak – mempunyai impak yang kecil ke atas agregat ICR (ICR individu syarikat sampel jatuh antara 1.72 mata peratusan hingga 5.74 mata peratusan). Dari segi impak kecairan, nisbah CASTO kurang terjejas oleh kesan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi ke atas pinjaman ringgit kadar boleh ubah (CASTO syarikat individu turun antara 0.13 mata peratusan hingga 0.5 mata peratusan), berbanding hutang bukan ringgit terkumpul (CASTO syarikat individu menurun antara 1.06 mata peratusan hingga 2.63 mata peratusan). Penelitian sepintas lalu terhadap kedudukan kewangan peringkat syarikat menunjukkan bahawa kedudukan kesolvenan semua syarikat sampel dianggarkan akan kekal teguh dalam semua kejutan yang disimulasi, meskipun dengan tidak mengambil kira kesan penilaian aset yang lebih tinggi akibat daripada nilai ringgit yang lebih lemah. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat Malaysia mempunyai aset penjana hasil yang cukup bagi menampung kemungkinan liabiliti mata wang asing yang lebih tinggi.

Kesan langsung daripada penularan terhadap sistem kewangan yang timbul daripada syarikat yang mungkin mengalami kesukaran didapati terkawal dengan baik. Kejutan kumulatif dari segi aset terhadap sistem perbankan akibat kerugian kredit dan pasaran kekal terurus pada 16.8% daripada jumlah modal sistem perbankan, didorong terutamanya oleh impak kejutan perolehan ke atas syarikat sampel. Bagi penanggung insurans, kejutan kumulatif menghakis jumlah modal tersedia sebanyak 1.1% sahaja. Dari segi tekanan liabiliti, bank dianggarkan akan mengalami hakisan stok penampan mudah tunai sehingga sebanyak 0.9 mata peratusan dan 0.4 mata peratusan masing-masing bagi tempoh matang satu minggu dan satu bulan, seperti yang diukur di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai semasa. Meskipun dengan simulasi pengeluaran deposit yang besar oleh syarikat sampel yang terjejas, agregat aset bank yang mudah dicairkan masih boleh menampung aliran keluar deposit tambahan sebanyak 15.9% dalam tempoh satu bulan.

Rujukan

Abdul Rahman, R., & Mohamed Ali, F. H. (2006), `Board, Audit Committee, Culture and Earnings Management: Malaysia Evidence´, Managerial Auditing Journal, 21(7), 783-804.

Adrian, T. and Song Shin, H. (2009), `Money, Liquidity, and Monetary Policy´, Federal Reserve Bank of New York, Staff Report, 360.

Agarwal, S. and Mohtadi, H. (2004), `Financial Markets and the Financing Choice of Firms: Evidence from Developing Countries´, Global Finance Journal, 15, 57-70.

Aivazian, V., Ge, Y. and Qiu, J. (2005), `The Impact of Leverage on Firm Investment: Canadian Evidence´, Journal of Corporate Finance, 11(1-2), 277-291.

Arellano, M. and Bond, S. (1991), `Some Tests of Specification for Panel Data: Monte Carlo Evidence and an Application to Employment Equations´, The Review of Economic Studies, 58(2), 277.

Booth, L., Aivazian, V., Demiguc-Kunt, A. and Maksimovic, V. (2001), `Capital Structures in Developing Countries´, Journal of Finance, 56(1), 87-130.

Cespedes, J., Gonzalez, M. and Molina, C.A. (2010), `Ownership and Capital Structure in Latin America´, Journal of Business Research, 63, 248-254.

Chen, S., Liu, P., Maechler, A., Marsh, C., Saksonovs, S, and Song Shin, H. (2012), `Exploring the Dynamics of Global Liquidity´, IMF Working Paper WP/12/246.

De Jong, A., Kabir, R. and Nguyen, T.T. (2008), `Capital Structure around the World: The Roles of Firm and Country-specific Determinants´, Journal of Banking and Finance, 32, 1954–1969.

Demiguc-Kunt, A. and Maksimovic, V. (1996), `Stock Market Development and Financing Choices of Firms´, World Bank Economic Review, 10, 341-69.

Fosberg, R. (2013), `Short-Term Debt Financing During the Financial Crisis´, International Journal of Business and Social Science, 4(8).

Friedman, Benjamin. (1985), `Corporate Capital Structures in the United States: An Introduction and Overview´, Corporate Capital Structures in the United States, Chicago: U of Chicago Press.

Gonzalez-Miranda, M. (2012), `Nonfinancial Firms in Latin America: A Source of Vulnerability?´, IMF Working Paper WP/12/279.

Gurcharan S. (2010), `A Review of Optimal Capital Structure Determinant of Selected ASEAN Countries´, International Research Journal of Finance and Economics, 47, 32-43.

Harris, M. and Raviv, A. (1991), `The Theory of Capital Structure´, Journal of Finance, 46, 297-355.

He, D. and McCauley, R. (2013), `Transmitting Global Liquidity to East Asia: Policy Rates, Bond Yields, Currencies and Dollar Credit´, BIS Working Paper No. 431.

International Monetary Fund (2014): `Corporate Leverage in Asia: A Fault Line?´, Regional Economic Outlook: Asia Pacific, Chapter 2, April.

International Monetary Fund (2014): `Moving from Liquidity- to Growth-driven Markets´, Global Financial Stability Report, Chapter 1, April.

Kayo, K. E. and Kimura, H. (2011), `Hierarchical Determinants of Capital Structure´, Journal of Banking & Finance, 35, 358-371.

Lang, L., Ofek, E. and Stulz, R. (1995), `Leverage, Investment, and Firm Growth´, Cambridge, National Bureau of Economic Research.

Liew, L. and Mohamad, J. (2014), `The Capital Structure of Malaysian Firms in the Aftermath of Asian Financial Crisis 1997´, Journal of Global Business and Economics, Volume 8 (Number 1).

Mat Nor, F., & Sulong, Z. (2007), `The Interaction Effect of Ownership Structure and Board Governance on Dividends: Evidence from Malaysian Listed Firms´, Capital Market Review, 15(1 & 2), 73-101.

Mustapha, M., Ismail, H. and Minai, B. (2011), `Determinants of Debt Structure: Empirical Evidence from Malaysia´, 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011) Proceeding.

Myers, S. (1977), `Determinants of Corporate Borrowing´, Journal of Financial Economics, 5(2), 147-175.

Myers S.C. and Majluf N. (1984), `Corporate Financing and Investment Decisions when Firms have Information that Investors do not have´, Journal of Financial Economics, 13, 187-221.

Ow-Yong, K., & Guan, C. K. (2000), `Corporate Governance Code: A Comparison between Malaysia and the UK. Corporate Governance´, 8(2), 125-132.

Rajan, R. G., and Zingales, L. (1995), `What do we know about Capital Structure? Some Evidence from International Data´, The Journal of Finance, 1(5), 1421-1460.

Sánchez-Vidal, F. (2014), `High debt Companies' Leverage Determinants in Spain: A Quantile Regression Approach´, Economic Modelling, 36, 455-465.

Serrasqueiro, Z. M. S. and Ragao, M. C. R. (2009), `Capital Structure of Listed Portuguese Companies´, Review of Accounting and Finance, 8(1), 54-75.

Shuetrim, G., Lowe, P. and Morling, S. (1993), `The Determinants of Corporate Leverage: A Panel Data Analysis´, Reserve Bank of Australia, Research Discussion Paper, 9313

Soto, M. (2009), `System GMM Estimation with a Small Sample´, Barcelona Economics Working Paper Series, 395.

Titman, S. and Wessels, R. (1988), `The Determinants of Capital Structure Choice´, Journal of Finance, 43, 1-19.

Wald, J. (1999), `How Firm Characteristics Affect Capital Structure: An International Comparison. Journal of Financial Research´, 22, 161–187.

Wooldridge, J. M. (2002), `Econometric Analysis of Cross Section and Panel Data´, Cambridge, MA: MIT Press.

asing (FX) melalui derivatif kewangan dengan institusi kewangan tempatan.

Pertumbuhan peminjaman luar negeri adalah sangat kecil pada tahun 2014, dengan kebanyakan daripadanya untuk membiayai operasi peringkat global dan disokong hasil jualan dalam mata wang asing

Kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan kekal teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas terus bertambah baik (Jadual 1.6). Penambahbaikan ini secara amnya menyeluruh, meliputi PKS. Dedahan bank kepada sektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi terus mencatat nisbah pinjaman terjejas yang lebih tinggi berbanding dengan sektor lain. Ini disebabkan prestasi masa lalu industri penerbangan dan perkapalan yang lebih lemah. Dedahan bank dalam sektor ini, bagaimanapun, terkawal mencakupi 6.2% daripada jumlah pinjaman perniagaan daripada sektor perbankan. Sementara itu, entiti perniagaan yang memperoleh hutang dalam pasaran modal juga telah menunjukkan peningkatan dalam kedudukan kredit mereka. Bilangan peningkatan penarafan yang diberikan pada peringkat domestik melebihi penurunan penarafan dengan nisbah 1.5 kepada 1, berbanding nisbah 1.1 kepada 1 pada tahun 2013, bagi PDS dan sukuk terkumpul.

Dalam sektor perniagaan, keadaan kewangan peminjam besar mempunyai kesan yang ketara terhadap kestabilan institusi kewangan memandangkan dedahan yang besar kepada peminjam tersebut. Peminjam besar, yang didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai dedahan kredit (termasuk pembiayaan langsung dan pemegangan PDS dan sukuk) melebihi RM2 bilion dengan institusi kewangan Malaysia mencakupi 29.1% daripada jumlah dedahan bank dan IKP, dan 23.2% dedahan aset dana penanggung insurans dan pengendali takaful kepada sektor perniagaan. Keupayaan membayar balik hutang agregat oleh peminjam besar terus disokong penampan tunai dan pendapatan yang agak kukuh. Median nisbah semasa bagi peminjam besar bertambah baik kepada 1.9 kali (2013: 1.4 kali) pada akhir bulan September 2014. Median ICR kekal stabil pada 5.2 kali, yang melebihi paras berhemat sekurang-kurangnya dua kali. Sebahagian besar peminjaman luar negeri peminjam besar dilindung nilai dengan hasil jualan dalam FCY atau derivatif kewangan. Ini menyediakan penampan yang munasabah kepada peminjam untuk terus memenuhi obligasi pembayaran hutang sekiranya berlaku penurunan dalam keberuntungan, dedahan lebih tinggi kepada hutang FCY atau kos peminjaman yang meningkat. Dalam kalangan peminjam besar, mereka yang mempunyai ICR

Jadual 1.6

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar dan Nisbah Pinjaman Tertunggak Kasar

	% Daripada Jumlah Pinjaman Perniagaan	Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar			Nisbah Pinjaman Tertunggak Kasar		
	2014	2012	2013	2014	2012	2013	2014
Keseluruhan		**3.0**	**2.8**	**2.5**	**1.0**	**0.4**	**0.3**
Perkilangan	20.2	5.7	6.1	5.0	0.2	0.1	0.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	19.7	2.2	2.0	1.7	0.5	0.4	0.3
Harta tanah	17.2	1.0	0.7	0.7	0.1	0.1	0.1
Pembinaan	11.6	3.8	3.1	3.0	0.7	0.3	0.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.2	5.8	6.2	5.8	0.9	0.9	0.8
Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)	45.8	3.0	2.7	2.6	0.9	0.5	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih rendah daripada tahap median 5.2 kali, mencakupi kurang daripada 18.6% jumlah dedahan bank dan IKP, dan 3.1% daripada jumlah dedahan penanggung insurans dan pengendali takaful. Di bawah ujian tekanan oleh Bank yang meliputi simulasi terhadap kesan kejutan teruk yang mungkin berlaku akibat susut nilai ringgit yang ketara berbanding dengan dolar AS dan kos pendanaan yang lebih tinggi, kesan terhadap keupayaan membayar balik hutang keseluruhan bagi peminjam besar adalah kecil. Kesan kejutan simulasi yang teruk yang mungkin berlaku dengan penurunan sebanyak 50% dalam keuntungan operasi, adalah lebih ketara, walaupun pendapatan masih lagi boleh menampung obligasi kadar faedah (maklumat lanjut terdapat dalam rencana `Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik´).

Keupayaan membayar balik hutang agregat oleh peminjam besar terus disokong penampan tunai dan perolehan yang mantap

Bank-bank terus mengekalkan piawaian pengunderaitan dan pengurusan risiko yang baik, serta amalan peruntukan kerugian pinjaman yang konservatif, dalam mengurus dedahan kepada sektor perniagaan. Berikutan langkah Bank mengeluarkan piawaian yang ditambah baik untuk mengurus dedahan kepada rakan niaga tunggal pada tahun 2013, bank telah memperkukuh dasar dan proses dalaman mereka untuk mengawal penumpuan kredit. Ini termasuk menetapkan had dedahan kepada rakan niaga tunggal yang lebih komprehensif dan terperinci, dengan mengambil kira kebergantungan ekonomi dan kewangan antara entiti, serta pendekatan yang lebih terperinci untuk membezakan had antara segmen perniagaan berdasarkan profil risiko. Bank-bank juga terus meningkatkan sistem dalaman untuk mengukur dan memantau penumpuan sektor dan rakan niaga sebagai sebahagian daripada proses pengurusan modal. Ini memastikan modal yang mencukupi diperuntukkan terhadap risiko tersebut selaras dengan keperluan modal pengawalseliaan di bawah Tunggak 2 rangka kerja modal. Selain itu, bank meningkatkan pemantauan terhadap risiko pembayaran balik dengan mengambil kira profil kematangan pinjaman perniagaan, terutamanya yang mempunyai syarat pembayaran balik secara sekali gus pada akhir tempoh peminjaman (bullet repayment) ataupun pembayaran balik secara beransur-ansur dalam jumlah yang semakin membesar (balloon repayment).

Walaupun peningkatan ketidaktentuan pada tahun akan datang mungkin memberi kesan kepada entiti perniagaan, ini dijangka tidak memberikan kesan yang besar terhadap keupayaan keseluruhan perniagaan untuk membayar balik hutang yang dijangka terus disokong dengan baik oleh kedudukan kewangan perniagaan yang kukuh. Prospek risiko kredit terhadap perniagaan secara keseluruhan, seperti ditunjukkan oleh Kebarangkalian Jangkaan Mungkir (Expected Default Frequency, EDF), terus bertambah baik kepada 0.19% (2013: 0.23%) pada akhir tahun 2014 (Rajah 1.19). EDF bagi lima industri utama yang paling terdedah kepada institusi kewangan Malaysia secara umumnya stabil. Paling ketara, EDF bagi industri pengangkutan bertukar arah daripada kemerosotan pada tahun 2013, berikutan penyusunan semula perniagaan dan pengaturan semula korporat yang berterusan dalam industri penerbangan dan perkapalan, yang sepatutnya menjadikan prospek pertumbuhan dan pendapatan masa depan lebih baik. Seperti dijangka, penurunan harga minyak dunia baru-baru ini telah menjejaskan prospek risiko kredit terhadap perniagaan yang bergantung pada kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan (engineering, procurement, construction and commissioning, EPCC) dalam sektor O&G (Rajah 1.20). Walau bagaimanapun, dedahan bank kepada sektor ini adalah kecil,

Rajah 1.19

Sektor Perniagaan: EDF Mengikut Industri



r Ramalan

Sumber: Moody's KMV CreditEdge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.20

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri EPCC Minyak & Gas



r Ramalan

Sumber: Moody's KMV CreditEdge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

iaitu kurang daripada 2% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Simulasi insiden mungkir yang berlaku dalam sektor O&G dinilai sebagai mempunyai kesan yang terhad, dengan anggaran potensi kerugian sebanyak RM226.2 juta atau 0.2% daripada lebihan modal bank.

MENGURUS RISIKO DARIPADA KETIDAKTENTUAN PASARAN KEWANGAN

Pasaran kewangan domestik mengalami beberapa episod pergerakan yang ketara dalam aliran portfolio jangka pendek pada tahun 2014. Perkembangan, yang kebanyakannya berlaku di luar negara, nyata mempengaruhi sentimen dan kesanggupan pelabur mengambil risiko, dengan pengunduran pelabur portfolio daripada pasaran sedang pesat membangun. Kejatuhan harga minyak, terutamanya menjelang akhir tahun 2014 dan awal tahun 2015, menambah kebimbangan pelabur terhadap kemungkinan impak ke atas ekonomi. Ringgit menyusut nilai sebanyak 6.1% pada tahun 2014 dan 3.6% pada bulan Disember, untuk mengakhiri tahun 2014 pada kadar RM3.4950 bagi setiap dolar AS. Permodalan pasaran FTSE Bursa Malaysia menguncup 2.9%, manakala Indeks Komposit Kuala Lumpur (FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index, FBM KLCI) ditutup lebih rendah bagi tahun 2014 pada 1,761.3 mata. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat antara 0.2 mata asas hingga 45.4 mata asas bagi tempoh 1 tahun hingga 10 tahun pada tahun 2014. Meskipun terdapat penghindaran risiko yang meningkat, keadaan teratur pasaran kewangan domestik kekal terpelihara. Kewujudan institusi kewangan yang kukuh dan kumpulan pelabur institusi domestik yang besar terus menyediakan mudah tunai dan permintaan yang diperlukan dalam pasaran kewangan domestik. Ini membantu melega dan membendung ketidaktentuan ke paras yang lebih rendah. Secara keseluruhan, pergerakan dalam dana portfolio jangka pendek dan kejatuhan harga minyak tidak mengakibatkan ketidakstabilan kepada pasaran kewangan domestik. Institusi kewangan Malaysia terus mencatat perolehan bersih daripada penilaian yang dibuat mengikut pasaran (mark-to-market) dan aktiviti dagangan, yang pada amnya mencerminkan tingkah laku pengambilan risiko yang berhemat. Walaupun terdapat aliran keluar dana portfolio, keadaan pembiayaan dalam negeri terus menggalakkan dan menyokong aktiviti pembiayaan. Ini disokong profil pendanaan bank yang stabil, yang sebahagian besarnya berasaskan simpanan dan dalam mata wang tempatan. Agregat mudah tunai lebihan dalam sistem kekal tinggi dan berjumlah RM269.9 bilion pada akhir tahun 2014.

Agregat aliran keluar portfolio bersih bagi tahun 2014 secara keseluruhan berjumlah RM37.9 bilion (2013: aliran keluar bersih sebanyak RM3 bilion) (Rajah 1.21). Daripada jumlah ini, aliran keluar bersih oleh bukan pemastautin berjumlah RM9.6 bilion (2013: aliran masuk bersih sebanyak RM29.1 bilion), manakala aktiviti pelaburan di luar negeri oleh pelabur institusi domestik juga menyumbang kepada aliran keluar bersih oleh pemastautin yang berjumlah RM28.3 bilion (2013: aliran keluar bersih sebanyak RM32.1 bilion). Ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global, penyeimbangan semula portfolio dan penurunan harga minyak,

Rajah 1.21

Pasaran Kewangan: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar Suku Tahunan dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menyebabkan penjualan dan pelupusan pemegangan (liquidation) Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) yang mencapai tempoh matang oleh bukan pemastautin. Berikutan itu, pemegangan asing BNMN terkumpul berkurang kepada 56.6% (2013: 72.5%) pada akhir tahun 2014. Nota ini digunakan dalam pengendalian dasar monetari Bank untuk menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan. Walaupun terdapat jualan dan pelupusan pemegangan BNMN oleh bukan pemastautin, kadar hasil bon tidak begitu terjejas. Pemegangan MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) oleh bukan pemastautin secara amnya tidak berubah pada 29.2% (2013: 29.4%) daripada MGS dan GII terkumpul pada akhir tahun 2014. Pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin kekal stabil pada 24.1% (2013: 23.9%) daripada jumlah permodalan pasaran (Rajah 1.22).

Purata ketidaktentuan bagi MGS 10 tahun dan ekuiti adalah lebih rendah pada tahun 2014, masing-masing pada 8.9% dan 6.7% (2013: masing-masing 13.6% dan 9%) (Rajah 1.23). Tahap dan komposisi Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) oleh Bank seterusnya menurun lagi pada tahun 2014, didorong terutamanya oleh penunjuk tekanan yang lebih rendah dalam pasaran-pasaran bon, FX dan wang (Rajah 1.24). Namun, harga minyak yang semakin menurun telah menyebabkan ketidaktentuan tercetus semula pada bulan Disember, terutamanya dalam pasaran ekuiti (purata ketidaktentuan pada bulan Disember: 10%). Pelabur bukan pemastautin menjual ekuiti Malaysia dengan nilai bersih sebanyak RM3 bilion. Trend yang sama berhubung

Rajah 1.22

Pasaran Kewangan: Pemegangan MGS & GII, BNMN dan Ekuiti oleh Bukan Pemastautin



Pemegangan MGS, GII dan BNMN disebut sebagai peratusan daripada jumlah terkumpul manakala pemegangan ekuiti disebut sebagai peratusan daripada jumlah permodalan pemasaran

Sumber: Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Rajah 1.23

Pasaran Kewangan: Turun Naik 90 Hari FBM KLCI dan Kadar Hasil MGS



Sumber: Bloomberg

ketidaktentuan juga didapati berlaku dalam pasaran sedang pesat membangun yang lain pada bulan Disember (Thailand: 10.5%; Indonesia: 11.5%; Filipina: 12.3%).

Pelabur institusi domestik, termasuk institusi kewangan, telah menyediakan mudah tunai dan permintaan yang diperlukan untuk mengekalkan keadaan teratur dalam pasaran kewangan domestik

Rajah 1.24

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota:
1. FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan yang diterbitkan oleh European Central Bank (ECB). Indeks ini dibangunkan berdasarkan penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran-pasaran kewangan domestik-pertukaran asing, ekuiti, bon, wang dan institusi kewangan.
2. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menandakan tahap tekanan yang paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Kebimbangan terhadap penjualan oleh bukan pemastautin yang dijangka mengurangkan dengan nyata mudah tunai daripada pasaran kewangan domestik adalah tidak berasas. Mudah tunai pasaran, yang diukur dari segi harga dan jumlah, dalam pasaran bon dan ekuiti domestik kekal kukuh dengan spread bida-tawar dan nisbah pusing ganti terus berada dalam julat kecil (Rajah 1.25 dan Rajah 1.26). Pada tahun 2014, kadar hasil MGS dalam keluk kadar hasil jangka pendek hingga sederhana meningkat atas jangkaan pasaran bahawa OPR akan meningkat – keputusan yang diambil oleh Bank pada bulan Julai 2014 (Rajah 1.27). Kadar hasil MGS sekali lagi meningkat seketika pada bulan Disember untuk semua tempoh kematangan di samping jumlah dagangan yang lebih kecil berikutan konsolidasi portfolio pelaburan oleh pelabur menjelang akhir tahun. Trend kadar hasil seterusnya menjadi lebih rendah pada awal tahun 2015 kerana permintaan pelabur kembali semula. Aliran keluar kasar berjumlah RM0.4 bilion pada bulan Disember,

Rajah 1.25

Pasaran Kewangan: Nisbah Pusing Ganti Bulanan FBM KLCI dan MGS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.26

Pasaran Kewangan: Spread Bida-Tawar Purata FBM KLCI dan MGS (% daripada Harga Penengah)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.27

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil MGS



Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan kadar hasil MGS meningkat dalam julat antara 9.7 mata asas hingga 47.9 mata asas bagi seluruh tempoh 1 tahun hingga 10 tahun pada bulan itu. Sepanjang tahun 2014, peserta institusi domestik, termasuk bank, menambah pemegangan sekuriti hutang awam mereka sebanyak 9.6% atau RM34.9 bilion, lantas memberikan kesan kestabilan ke atas kadar hasil (Rajah 1.28). Kadar hasil PDS meningkat sejajar dengan perkembangan dalam pasaran MGS (Rajah 1.29). Spread kredit berbanding dengan MGS meningkat sedikit namun keadaan keseluruhan bagi aktiviti pemerolehan dana oleh perniagaan kekal menggalakkan, disebabkan lembaran imbangan korporat yang kukuh dan prospek pertumbuhan yang positif. Pada tahun 2014, sejumlah RM117.3 bilion PDS baharu diterbitkan (semua penerbit termasuk institusi kewangan).

FBM KLCI mencecah paras tertinggi baharu dalam sejarah, iaitu 1,892.7 mata pada 8 Julai sebelum turun semula pada suku terakhir 2014 kepada 1,761.3 mata (2013: 1,867.0 mata) pada

Rajah 1.28

Pasaran Kewangan: Pemegangan Sekuriti oleh Pelabur Institusi Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.29

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil PDS



Sumber: Bank Negara Malaysia

akhir tahun itu (Rajah 1.30). Walaupun terdapat kenaikan umum harga ekuiti hampir sepanjang tahun 2014, penilaian tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan pasaran ekuiti serantau yang lain dan penilaian purata jangka panjang. Pada akhir tahun 2014, nisbah harga kepada perolehan (price-to-earnings, PE) FBM KLCI ialah 15.8 kali (2013: 17.6 kali) berbanding nisbah PE jangka panjang purata iaitu 16.6 kali.

Aktiviti institusi kewangan tidak menunjukkan tanda-tanda perubahan yang ketara dalam tingkah laku pengambilan risiko. Walaupun portfolio perbendaharaan bank berkembang 20.9% kepada RM396.3 bilion (17.6% daripada jumlah aset) pada tahun 2014 (2013: RM327.7 bilion), kebanyakannya adalah dalam bentuk aset mudah tunai seperti sekuriti kerajaan dan BNMN memandangkan bank bersedia untuk memenuhi keperluan mudah tunai yang lebih kukuh yang akan berkuat kuasa pada bulan Jun 2015 (Rajah 1.31). Dalam keadaan

Rajah 1.30

Pasaran Kewangan: Indeks Harga dan Nisbah Harga kepada Perolehan FBM KLCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.31

Sistem Perbankan: Komposisi Portfolio Sekuriti



Sumber: Bank Negara Malaysia

ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan domestik, bank mengurangkan saiz portfolio akaun dagangan mereka (2014: 18.3%; 2013: 20.6% daripada jumlah sekuriti masing-masing). Pemegangan BNMN dan instrumen pasaran wang lain terus mendominasi akaun dagangan bank (68.5% daripada portfolio akaun dagangan bank atau 12.5% daripada jumlah portfolio sekuriti bank). Secara keseluruhan, sistem perbankan terus mencatat keuntungan bersih daripada portfolio dagangan dan pelaburan, walaupun pada tahap lebih rendah daripada tahun sebelumnya, dan mencakupi 12.7% (2013: 20.1%) daripada jumlah keuntungan sebelum cukai. Caj modal bank bagi risiko pasaran (termasuk risiko kadar faedah dan risiko ekuiti) secara relatifnya stabil pada 1.9% (2013: 2%) daripada jumlah modal yang mencerminkan pengurusan risiko yang terus aktif oleh bank. Dedahan risiko FX agregat bank turun naik seiring dengan pergerakan dalam kadar pertukaran ringgit berbanding dengan mata wang asing utama pada tahun 2014 lantas mencapai 6.7% daripada jumlah modal pada bulan Julai 2014, sebelum mencatat 4.9% (2013: 5.7%) daripada jumlah modal pada akhir tahun (Rajah 1.32). Bank-bank terus mengurus secara aktif dedahan FCY mereka dengan menggunakan antara lain, had nilai berisiko (value-at-risk) dalaman, yang digunakan bagi setiap mata wang utama dan gabungan semua mata wang. Keputusan ujian tekanan dalaman oleh bank juga disepadukan ke dalam strategi dan amalan pengurusan risiko, yang meliputi penentuan had risiko, strategi pengurusan portfolio dan perancangan modal.

Pemegangan sekuriti oleh penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) sebagai sebahagian daripada jumlah aset

Rajah 1.32

Sistem Perbankan: Risiko Ekuiti, Pertukaran Asing dan Kadar Faedah (% daripada Jumlah Modal)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.33

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.34

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

secara amnya tidak berubah, iaitu pada 71% daripada jumlah aset. Struktur komposisi aset-aset ini adalah konsisten sejak beberapa tahun yang lalu, kebanyakannya tertumpu pada PDS dan ekuiti. Langkah-langkah yang diambil oleh penanggung insurans hayat untuk meningkatkan pulangan atas portfolio pelaburan telah menyebabkan pemegangan agregat PDS yang lebih tinggi yang meningkat sebanyak 14% (2013: +2.9%) pada tahun 2014. Sebaliknya, jumlah pemegangan MGS menurun sebanyak 4.5%, terutamanya bagi tempoh matang lebih pendek yang memaparkan kenaikan kadar hasil, bagi tujuan mengurangkan kerugian yang dinilai mengikut pasaran kepada penanggung insurans. Profil risiko pelaburan keseluruhan kekal berhemat, dengan MGS dan PDS yang diberikan penarafan `AA´ dan ke atas, bersama-sama mencakupi lebih 60% daripada jumlah portfolio sekuriti penanggung insurans (Rajah 1.33 dan Rajah 1.34). Peruntukan modal untuk risiko pasaran kekal paling tinggi untuk ekuiti, yang mencakupi 62% daripada jumlah caj modal risiko pasaran (Rajah 1.35).

Perkembangan dalam pasaran kewangan domestik mempunyai impak yang besar ke atas keberuntungan penanggung insurans. Ini memandangkan kebanyakan aset diklasifikasikan sebagai pemegangan untuk perdagangan (held-for-trading) dan sedia untuk dijual (available-for-sale). Pada tahun 2014, kerugian modal dan penilaian semula bersih berjumlah RM0.9 bilion (2013: RM1.5 bilion). Keberuntungan penanggung insurans hayat (diukur oleh lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan) terus dipengaruhi oleh prestasi pelaburan disebabkan kebergantungan pada aktiviti pelaburan untuk menjana pulangan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi akan datang (Rajah 1.36). Penanggung insurans hayat pada amnya, mengekalkan amalan pengurusan risiko yang mantap, yang diperkukuh piawaian rizab berhemat di bawah rangka kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC). Langkah ini telah mengekalkan penampan yang kukuh dalam industri terhadap perkembangan pasaran yang buruk, dan seterusnya keupayaan penanggung insurans yang berterusan untuk memenuhi pembayaran tuntutan dan manfaat. Penanggung insurans am kurang terjejas oleh prestasi pelaburan yang menyumbang kurang daripada separuh keuntungan operasi. Prestasi pengunderaitan terus memberikan kesan yang lebih ketara ke atas keberuntungan, mencerminkan tumpuan pada pengunderaitan yang kukuh untuk mengekalkan keberuntungan keseluruhan (Rajah 1.37).

Rajah 1.35

Sektor Insurans: Komposisi Risiko Pasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.36

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Klasifikasi Aset dan Hubungan antara Keberuntungan dengan Aktiviti Berkaitan Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai keseluruhan sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi, dengan lebihan mudah tunai agregat sebanyak RM269.9 bilion. Pendanaan dan kedudukan mudah tunai bank stabil walaupun terdapat aliran keluar dana portfolio dan persaingan yang meningkat untuk deposit pada tahun 2014. Penampan mudah tunai ringgit jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan (Rajah 1.38). Tahap aset cair sistem perbankan berbanding dengan jumlah aset dan liabiliti jangka pendek menunjukkan trend peningkatan yang ketara pada separuh kedua tahun 2014 (Rajah 1.39). Ini kebanyakannya disebabkan peningkatan dalam pengumpulan aset mudah tunai seperti sekuriti kerajaan dan BNMN.

Rajah 1.37

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Klasifikasi Aset dan Hubungan antara Keberuntungan dengan Aktiviti Berkaitan Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah pinjaman kepada deposit meningkat kepada 86.7% (2013: 84.7%), memandangkan kadar pertumbuhan deposit yang lebih perlahan (+7.6%) berbanding dengan pertumbuhan pinjaman (+9.3%). Trend yang diperhatikan dalam pertumbuhan deposit merupakan faktor semula jadi berikutan pasaran kewangan yang semakin mendalam. Meskipun demikian, deposit ringgit terus mencakupi lebih kurang 70% daripada asas pendanaan bank. Dari segi komposisi deposit, ia secara relatif stabil, dengan orang perseorangan mencakupi 35.4% daripada deposit bank, manakala perusahaan perniagaan dalam negeri mencakupi 34.8% (Rajah 1.40). Ini menjadi sumber bagi kestabilan dalam profil pendanaan bank keseluruhan di Malaysia. Melangkah ke

Rajah 1.38

Sistem Perbankan: Penampan Mudah Tunai dan Simpanan Antara Bank Bersih dengan Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.39

Sistem Perbankan: Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset dan Liabiliti Jangka Pendek



Nota: Mulai Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.40

Sistem Perbankan: Komposisi Deposit Mengikut Penyimpan



Sumber: Bank Negara Malaysia

hadapan, bank dikehendaki mengekalkan strategi pendanaan yang kukuh, termasuk memastikan komposisi yang tinggi dari sumber pendanaan yang stabil. Deposit bukan pemastautin terus mencakupi bahagian yang sangat kecil (kurang daripada 4%) daripada jumlah deposit.

Dalam pasaran antara bank, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) tiga bulan meningkat hampir sepanjang tahun 2014 (Rajah 1.41). Pada tempoh permulaan, peningkatan ini kebanyakannya mencerminkan jangkaan pasaran terhadap peningkatan OPR. Pada akhir tahun, ketika bank bersedia untuk mematuhi keperluan mudah

Rajah 1.41

Pasaran Kewangan: Kadar Antara Bank bagi Ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia

tunai yang lebih tinggi selaras dengan Basel III, persaingan untuk deposit runcit dan korporat meningkat, dengan beberapa bank berusaha menambahkan sumber pendanaan yang stabil, yang diolah dengan lebih baik di bawah piawaian mudah tunai baharu. Pengeluaran dana oleh beberapa badan korporat besar untuk pelaburan di luar negeri menjadikan persaingan lebih sengit untuk deposit. Hal ini mendorong kadar deposit yang lebih tinggi, terutamanya bagi syarikat korporat, pada separuh kedua tahun 2014, manakala spread antara KLIBOR tiga bulan dengan swap indeks semalaman (overnight indexed swap, OIS) meningkat kepada 85 mata asas (2013: 34 mata asas) pada akhir tahun 2014. Pergerakan ini mencerminkan perubahan sementara dalam pengagihan mudah tunai di kalangan bank dan bukan merupakan kekangan pendanaan atau peningkatan penghindaran risiko. Pelarasan tambahan dalam kadar deposit dan kadar antara bank dijangka berlaku apabila bank bertindak balas terhadap butiran tambahan yang diberikan oleh Bank berhubung dengan pengendalian peraturan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Tanpa apa-apa kejutan, kadar antara bank dijangka stabil.

Pendanaan FCY bank meningkat sejak tahun 2011, tetapi kekal memuaskan pada 13.9% (2013: 11.2%) daripada keseluruhan pendanaan. Spread swap mata wang bersilang 5 tahun mengecil kepada tahap antara 65 mata asas hingga 95 mata asas (2013: 68 mata asas hingga 145 mata asas) (Rajah 1.42), mencerminkan keyakinan pelabur yang lebih tinggi terhadap keadaan mudah tunai dolar AS dalam negeri. Secara keseluruhan, sistem perbankan mencatat lebihan bersih yang kecil dalam mudah tunai dolar AS, sebanyak RM6.6 bilion dan RM5.1 bilion, masing-masing dalam kelompok kematangan

Rajah 1.42

Pasaran Kewangan: Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang USD/RM



Sumber: Bank Negara Malaysia

kurang daripada satu minggu dan kurang daripada satu bulan pada akhir tahun 2014 (Rajah 1.43). Ketidakpadanan mata wang dan tempoh FCY terus terkawal dengan baik. Jumlah pembelian FX hadapan meningkat sejajar dengan peningkatan liabiliti FCY, lantas menunjukkan bank secara aktif melindung nilai dedahan FCY. Kecuali pada tahun 2011, kekurangan mata wang asing utama yang dicatat oleh bank, khususnya dolar AS dan dolar Singapura, secara umumnya kekal di bawah 5% daripada jumlah modal bank. Risiko pelanjutan dan pendanaan terus dikurangkan oleh amalan pengurusan risiko FCY yang lebih mantap yang dilaksanakan oleh bank. Antaranya termasuk: (i) dasar dan kawalan dalaman yang mantap untuk mengurangkan kebergantungan berlebihan operasi luar negeri terhadap pendanaan berpusat oleh syarikat induk; (ii) langkah-langkah proaktif untuk memastikan sumber mudah tunai alternatif adalah mencukupi; dan (iii) melanjutkan struktur kematangan liabiliti untuk mengurangkan ketidakpadanan kematangan.

Rajah 1.43

Sistem Perbankan: Ketakpadanan Mudah Tunai Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Di bawah simulasi senario aliran keluar portfolio yang teruk (lebih dua kali daripada paras yang dialami semasa krisis kewangan di ekonomi maju) dalam tempoh yang singkat, sistem perbankan dan industri insurans dijangka terus mencatat keuntungan, walaupun pada paras yang lebih rendah. Penilaian ini mengambil kira pelbagai parameter kejutan yang ekstrem, termasuk kerugian yang dinilai mengikut pasaran daripada pemegangan ekuiti, risiko kadar faedah dalam akaun dagangan, dedahan FCY dan kerugian kredit daripada perniagaan yang terjejas teruk akibat ketidaktentuan kadar pertukaran. Tahap modal bank dianggarkan kekal melebihi 10%, manakala Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio, CAR) penanggung insurans dijangka kekal melebihi 130%. Dari segi kekurangan mudah tunai dalam dolar AS di bawah senario simulasi ini, kemungkinan kekurangan mudah tunai bagi sistem perbankan dinilai sebagai kecil (kurang daripada 7% daripada rizab antarabangsa Bank pada akhir tahun 2014).

MENGURUS RISIKO PENULARAN DARIPADA DEDAHAN LUARAN DAN OPERASI DI LUAR NEGERI

Risiko rakan niaga daripada dedahan luaran institusi kewangan

Dedahan luaran institusi kewangan berkembang sejajar pertumbuhan dalam operasi bank domestik di luar negeri serta aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau. Sebahagian besar peningkatan dedahan luaran disebabkan oleh amalan pengurusan mudah tunai berpusat dalam kalangan kumpulan perbankan domestik yang beroperasi merentas negara.

Aset dan liabiliti luaran bank berkembang berikutan peningkatan operasi serantau serta pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat dalam kalangan kumpulan perbankan yang mempunyai operasi luar negeri

Ini membolehkan lebihan mudah tunai dikumpulkan dengan lebih cekap merentas entiti yang beroperasi dalam kumpulan dan diagihkan semula mudah tunai itu kepada entiti

yang menghadapi kekurangan. Selaras dengan amalan sedemikian, tuntutan dan liabiliti luaran bank Malaysia (termasuk entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) meningkat pada tahun 2014, sebahagian besarnya disebabkan penempatan dana dalam kumpulan yang lebih tinggi (Rajah 1.44). Tuntutan oleh bank Malaysia (dari segi aset) terhadap semua rakan niaga luar meningkat sebanyak 19.3% (2013: +8.4%) kepada RM228.8 bilion, manakala tuntutan oleh semua rakan niaga luar terhadap bank Malaysia (dari segi liabiliti) juga meningkat sebanyak 21.8% (2013: +22.7%) kepada RM359.8 bilion. Kedudukan liabiliti luaran bersih sebanyak RM131 bilion tidak menunjukkan pergantungan bank yang meningkat terhadap pendanaan luaran untuk operasi di Malaysia. Seperti dihuraikan pada bahagian awal Bab ini, deposit mata wang tempatan kekal sebagai sumber utama pendanaan untuk operasi di Malaysia dan juga di luar negeri. Di samping itu, susulan kehadiran bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks, LIFB) yang ketara, liabiliti luaran juga mencerminkan dana modal yang lebih tinggi dalam bentuk pelaburan ekuiti oleh syarikat induk di luar negeri dan perolehan tertahan yang disimpan dalam LIFB ini (kira-kira 12% daripada liabiliti luaran). Dengan mengecualikan pelaburan ekuiti dan perolehan tertahan sedemikian, sistem perbankan Malaysia mencatat kedudukan liabiliti luaran bersih yang nyata lebih rendah pada RM88.3 bilion pada akhir tahun 2014.

Pada akhir tahun 2014, tuntutan luaran secara keseluruhan oleh bank Malaysia mencakupi 10.2% (2013: 9.3%) daripada jumlah aset sistem perbankan. Kebanyakan tuntutan ini adalah dalam denominasi dolar AS, dengan Singapura (24.9%) dan Hong Kong SAR (10.7%) mencakupi bahagian terbesar tuntutan mengikut lokasi (Rajah 1.45). Risiko kepada sistem perbankan Malaysia daripada ketidakpastian yang berterusan berkaitan keadaan kewangan dan ekonomi di kawasan euro adalah terhad. Tuntutan oleh bank Malaysia terhadap rakan niaga Eropah atau tuntutan berdenominasi euro mencakupi kurang daripada 1% daripada jumlah aset sistem perbankan. Berdasarkan analisis penularan rangkaian oleh Bank berhubung dengan dedahan merentas sempadan bank Malaysia kepada rakan niaga perbankan utama di luar negeri, kesan langsung dan tidak langsung terhadap sistem perbankan Malaysia daripada kesukaran (distress) tunggal atau serentak dalam sistem perbankan bagi satu atau dua negara masih terhad. Kesan penularan yang disimulasikan daripada andaian senario kesukaran sistem perbankan yang berpunca dari Singapura hanya dirasai dalam pusingan penularan ketiga. Begitu juga, kejadian kemungkiran yang disimulasikan terhadap dua atau lebih sistem perbankan mempunyai kesan yang terhad ke atas bank di Malaysia (rujuk rencana `Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia´ dalam Laporan tahun 2013).

Rajah 1.44

Sistem Perbankan: Tuntutan dan Liabiliti Luaran



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.45

Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan Luaran Mengikut Lokasi



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tuntutan luaran oleh penanggung insurans Malaysia (termasuk pengendali takaful) kebanyakannya adalah dalam bentuk dedahan insurans semula terhadap risiko insurans am dan risiko takaful am. Jumlah insurans semula yang tersid (ceded) oleh penanggung insurans am (insurans semula perniagaan hayat adalah sangat kecil) meningkat sebanyak 8.4% kepada RM3.1 bilion. Ini mencakupi 29.5% daripada jumlah modal tersedia (2013: 30.4%) dan kebanyakannya melibatkan risiko besar dan teknikal dalam kelas perniagaan penerbangan, O&G, kapal marin dan kejuruteraan (Rajah 1.46). Kebanyakan dedahan insurans semula di luar negeri adalah kepada entiti di Eropah dan AS (Rajah 1.47). Risiko rakan niaga kekal rendah memandangkan rakan niaga insurans semula yang utama terus mengekalkan penarafan yang kukuh dan kedudukan kewangan yang teguh. Walaupun keadaan ekonomi global adalah mencabar, penanggung insurans (termasuk penanggung insurans semula) global mencatat keberuntungan yang lebih baik dengan pulangan purata atas ekuiti sebanyak 12% (2013: 10.8%) dan jumlah permodalan lebih tinggi sebanyak USD575 bilion (2013: USD540 bilion) berdasarkan laporan *AON Benfield* mengenai `Prospek Pasaran Insurans Semula´.

Dalam tempoh dua tahun ini, pelaburan di luar negeri oleh penanggung insurans hayat meningkat pada kadar yang lebih pantas sebagai sebahagian daripada strategi pempelbagaian dan peningkatan hasil. Penanggung insurans secara amnya berwaspada dengan mengawal dedahan sedemikian dalam lingkungan had pelaburan dalaman yang rendah secara relatifnya dan menumpukan pada pasaran kewangan yang lebih mudah tunai di Asia (Rajah 1.48). Oleh itu, jumlah pelaburan di luar negeri kekal kecil, kurang daripada 3% daripada aset dana insurans atau 9.7% daripada modal asas industri.

Seperti dihuraikan dalam Laporan tahun-tahun yang lalu, kesan potensi terhadap Malaysia daripada aktiviti penyahleveraj oleh institusi

Rajah 1.46

Sektor Insurans dan Takaful: Nisbah Insurans Semula Tersid



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.47

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Insurans Semula Asing Mengikut Negara Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.48

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan Eropah adalah rendah, dengan risiko semakin berkurang sejak GFC. Ini berdasarkan beberapa faktor yang masih lagi wujud, termasuk: (i) ciri-ciri tuntutan bank Eropah terhadap Malaysia, iaitu hampir separuh (kira-kira 47.1%) ialah tuntutan dalam denominasi ringgit yang terdiri daripada ekuiti dalam subsidiari bank Eropah serta aset subsidiari tersebut di Malaysia; (ii) keuntungan kendalian yang kukuh dan konsisten serta bahagian pasaran yang stabil bagi subsidiari Malaysia ini; dan (iii) keupayaan kukuh bank domestik dan bank asing lain di Malaysia untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang serupa sekiranya berlaku sebarang pengunduran atau pengurangan aktiviti oleh bank Eropah. Selain itu, ujian tekanan dan kajian semula terhadap kualiti aset yang dijalankan baru-baru ini oleh European Central Bank telah mengesahkan bahawa majoriti bank Eropah boleh menghadapi tekanan akibat perkembangan ekonomi yang buruk. Malaysia mempunyai dedahan yang kecil terhadap 24 bank yang dinilaikan sebagai kekurangan modal. Berdasarkan *Consolidated Banking Statistics* yang diterbitkan oleh Bank for International Settlements (BIS Statistics), tuntutan bank Eropah terhadap Malaysia (termasuk entiti di LIBFC) menurun kepada USD62.7 bilion (2013: USD65.2 bilion) atau 19.2% daripada KDNK pada akhir suku ketiga 2014. Malaysia mempunyai tujuh entiti perbankan Eropah yang diperbadankan di negara ini dan beribu pejabat di UK, Jerman dan Perancis (EU-3). Tidak termasuk bank yang berpangkalan di UK, jumlah tuntutan asing oleh bank Eropah terhadap Malaysia seperti dilaporkan dalam BIS Statistics hanya mencakupi USD14.2 bilion atau 4.3% daripada KDNK.

Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri

Kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) memperluas operasi serantau mereka pada tahun 2014. Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri meningkat sebanyak 8.5% kepada RM392.8 bilion pada akhir suku ketiga 2014 (2013: +18.1%). Bahagian aset daripada operasi luar negeri kepada jumlah aset DBG kini mencakupi 19.6% (2013: 19.2%), antara 0.2% hingga 32.9% daripada jumlah aset DBG secara individu. Kebanyakan aset ini terus tertumpu di Singapura (48.3%) dan Indonesia (25.6%) (Rajah 1.49). Dari segi keuntungan, operasi luar negeri menyumbang antara 7.5% hingga 31% keuntungan DBG secara individu.

Operasi DBG di luar negeri terus memperlihatkan profil risiko yang stabil, dicirikan oleh operasi yang tertumpu terutamanya pada aktiviti pemberian pinjaman tradisional, struktur pendanaan berisiko rendah yang disokong oleh komponen deposit mata wang tempatan yang tinggi, dan kualiti aset yang kukuh. Penambahbaikan yang berterusan kepada pengurusan risiko pada peringkat entiti dan kumpulan adalah setara dengan peningkatan saiz operasi luar negeri, sekali gus mengurangkan kemungkinan risiko disebarkan kepada operasi perbankan domestik. Keadaan ini menyokong sumbangan operasi luar negeri yang berterusan kepada keberuntungan kumpulan keseluruhan meskipun keadaan pasaran kewangan serantau semakin tidak menentu. Dalam tempoh ketidaktentuan yang sangat ketara, cawangan dan subsidiari bank di luar negeri terus mencatat pertumbuhan dan keuntungan yang kukuh. Pertumbuhan pinjaman yang dicatat oleh operasi DBG di luar negeri kekal teguh pada 10.1% (2013: +15%) pada tahun 2014. Pengagihan pinjaman secara umumnya tidak berubah dan mencerminkan struktur ekonomi dan peringkat pembangunan sektor ekonomi dan kewangan dalam ekonomi masing-masing (Rajah 1.50 dan Rajah 1.51). Kualiti pinjaman secara keseluruhan juga meningkat, dengan median nisbah pinjaman terjejas kasar pada 0.3% (2013: 1.8%).

Risiko kepada bank domestik daripada kejutan pendanaan yang mungkin berlaku dalam operasi DBG di luar negeri adalah terkawal. Meskipun kebanyakan DBG menggunakan model pengurusan mudah tunai berpusat untuk operasi yang lebih cekap, operasi di luar negeri sebahagian besarnya dibiayai deposit mata wang tempatan, dan tidak banyak bergantung pada

Rajah 1.49

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Operasi Luar Negeri DBG



Nota: - Data S3 2014 digunakan
- Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.50

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: - Data S3 2014 digunakan
- Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.51

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Runcit Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: - Data S3 2014 digunakan
- Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

syarikat induk Malaysia untuk pendanaan (Rajah 1.52). Median nisbah pinjaman kepada deposit bagi operasi luar negeri yang besar dengan aktiviti pembiayaan yang ketara adalah 90.6% (2013: 86.6%), antara 69.3% hingga 109.7% bagi entiti individu. Bagi operasi luar negeri dengan nisbah pinjaman kepada deposit yang lebih tinggi, tindakan telahpun diambil untuk memastikan nisbah tersebut dalam lingkungan paras yang lebih berhemat. Ujian tekanan mudah tunai yang dijalankan secara berkala oleh Bank menunjukkan bahawa DBG mempunyai penampan aset mudah tunai yang selesa untuk memenuhi keperluan mudah tunai operasi luar negeri dalam keadaan normal dan tertekan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa DBG turut menerbitkan sekuriti hutang pelbagai mata wang untuk mengurangkan ketidakpadanan mata wang dalam struktur pendanaan.

Rajah 1.52

Sistem Perbankan: Struktur Pendanaan Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: - Data S3 2014 digunakan
- Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah modal subsidiari besar DBG di luar negeri kekal kukuh, antara 10.8% hingga 16.8% (Rajah 1.53). Nisbah ini sememangnya mencerminkan keperluan kecukupan modal yang diperkukuh di beberapa ekonomi yang telah melaksanakan piawaian Basel III. Ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan serantau pada tahun 2014 telah menghasilkan pendapatan bersih yang lebih rendah daripada portfolio dagangan dan pelaburan luar negeri untuk beberapa DBG. Ini seterusnya menyebabkan median pulangan atas ekuiti bagi operasi luar negeri lebih rendah, namun masih kukuh pada 8.3% (2013: 11.2%).

Rajah 1.53

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: - Data S3 2014 digunakan
- Sistem perbankan termasuk entiti beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko dan perkembangan dalam operasi DBG di luar negeri dirangkumi dalam rangka kerja penyeliaan bersepadu dan ujian tekanan Bank. Selain keperluan yang dikuatkuasakan kepada DBG untuk melaporkan prestasi dan profil risiko operasi luar negeri, Bank juga kerap menjalankan pemeriksaan di premis ke atas entiti luar negeri. Bagi cawangan dan subsidiari besar di luar negeri, pemeriksaan di premis dijalankan setiap tahun. Penilaian penyeliaan di premis dan di luar premis serta ujian tekanan membolehkan Bank mengenal pasti keperluan operasi luar negeri terhadap sokongan modal atau mudah tunai daripada bank induk domestik, dan menilai kesannya terhadap daya tahan bank domestik. Pada tahun 2014, Bank terus mengadakan perbincangan dan interaksi yang kerap dengan pengawal selia negara tuan rumah (host regulators) berkenaan melalui forum penyeliaan dan mesyuarat dua hala. Platform ini memudahkan perbincangan mendalam mengenai isu-isu penyeliaan yang khusus bagi bank di negara masing-masing, dan penyelarasan tindak balas penyeliaan untuk menangani isu-isu tersebut. Pada peringkat yang lebih luas, rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis serantau merentas sempadan juga telah dilaksanakan oleh Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) untuk menyokong kerjasama yang berkesan antara bank-bank pusat EMEAP dengan pihak berkuasa penyeliaan sekiranya berlaku krisis yang dicetuskan oleh institusi kewangan bermasalah yang mempunyai operasi yang besar di rantau ini.

KESALINGHUBUNGAN SISTEM PERBANKAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK (IKBB)

Kemungkinan IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk menyebarkan kejutan kepada sistem kewangan kekal terhad. Walaupun aktiviti pengantaraan kewangan IKBB telah berkembang, profil risiko mereka dan saluran yang boleh memindahkan risiko dan kelemahan kepada bank masih tidak berubah. Pelaburan dalam kelas aset yang sama, seperti ekuiti tersenarai dan sekuriti hutang, terus menjadi saluran paling utama bagi penyebaran risiko.

Aktiviti pengantaraan kewangan IKBB terus meningkat pada tahun 2014. Dalam tempoh lima tahun yang lalu, bahagian aset sistem kewangan daripada IKBB semakin meningkat kepada kira-kira 39%, daripada 36% pada tahun 2009 (Rajah 1.54). Dalam menilai kemungkinan bagi IKBB untuk menyebarkan kejutan kepada sistem kewangan, Bank memantau setakat mana institusi-institusi ini mengendalikan aktiviti yang sama seperti aktiviti bank yang melibatkan transformasi tempoh matang, transformasi mudah tunai dan leveraj. Walaupun beberapa IKBB aktif dalam pengantaraan kredit, tahap dan jenis aktiviti ini dalam kalangan IKBB terus menimbulkan risiko sistemik yang terhad. Bahagian pengantaraan kredit oleh IKBB telah berkurang sejak tahun 2011 (Rajah 1.55), dan pada masa ini mencakupi kira-kira 60% pengantaraan kewangan oleh IKBB dan kurang separuh daripada saiz pengantaraan kredit yang dijalankan oleh entiti yang dikawalselia oleh Bank. Aktiviti ini sebahagian besarnya adalah dalam bentuk pembiayaan tradisional dan tidak kompleks, serta pelaburan dalam instrumen kewangan biasa. Langkah-langkah awalan telah diperkenalkan untuk mengurangkan peluang arbitraj pengawalseliaan oleh IKBB yang terlibat dalam aktiviti pemberian pinjaman, memandangkan piawaian pemberian pinjaman dalam sektor perbankan telah diperkukuh. Langkah-langkah ini akan terus membendung peningkatan risiko sistemik pada masa depan.

Pelaburan dalam kelas aset yang sama, seperti ekuiti tersenarai dan sekuriti hutang, masih lagi menjadi saluran utama bagi transmisi risiko oleh IKBB (seperti kumpulan wang simpanan dan pencen serta pengurus dana) kepada sistem kewangan yang lebih luas (Gambar Rajah 1.1). Penjualan aset sedemikian secara besar-besaran oleh IKBB, sekiranya berlaku tekanan kewangan, boleh menjejaskan sentimen pasaran dengan ketara. Hal ini seterusnya akan mendorong pelarasan penilaian yang mendadak, yang akan memberikan kesan kepada lembaran imbangan bank yang memegang aset seumpama itu. Pada masa ini, risiko ini masih rendah memandangkan kedudukan kewangan semasa IKBB secara keseluruhan adalah kukuh. Dengan lembaran imbangan yang kukuh dan pelaburan yang berkualiti, IKBB besar terus mencatat pulangan atas aset yang kukuh, antara 4.6% hingga 7% (2013: 5.6% hingga 7.3%) merentas seluruh entiti individu. Di samping itu, IKBB ini juga mempunyai tahap penampan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan mudah tunai – wang tunai dan deposit yang disimpan di bank mencakupi purata 12.9% daripada jumlah

Rajah 1.54

Saiz dan Komposisi Aset Sistem Kewangan



*Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang dikawal selia oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 – Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Development Bank Malaysia, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

**Merujuk kepada sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji kebangsaan

^Termasuk pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, sektor koperasi, penyedia pembiayaan sewa beli bukan bank, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, dan pertubuhan keselamatan sosial

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kaji Selidik Bank Negara Malaysia, pelbagai penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

aset. Dalam episod ketidaktentuan pasaran kewangan baru-baru ini, dana institusi yang diurus IKBB ini terbukti sebagai sumber kestabilan yang penting, selain bank dan penanggung insurans, dalam mengurangkan kesan terhadap penilaian aset akibat pengurangan pelaburan oleh pelabur portfolio bukan pemastautin dalam pasaran kewangan domestik.

Rajah 1.55

Pengantaraan Kewangan oleh IKBB



Nota: Pengantaraan kewangan terdiri daripada (i) pelaburan ekuiti; (ii) pembiayaan; (iii) pelaburan sekuriti hutang; (iv) pensekuritian; dan (v) jaminan atau penambahbaikan kredit. Pengantaraan kredit terdiri daripada (ii) - (v).

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kaji selidik Bank Negara Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

Dalam tempoh kebelakangan ini, segelintir IKBB besar telah meningkatkan pelaburan dalam kelas aset lain yang lebih rendah tahap mudah tunainya, seperti harta tanah, infrastruktur dan ekuiti swasta, untuk mempelbagaikan pendapatan. Walau bagaimanapun, pelaburan ini secara relatif adalah kecil, mewakili secara purata kurang 5% daripada jumlah aset IKBB individu. IKBB juga terus meningkatkan pelaburan dalam aset di luar negeri. Tahap pelaburan merentas sempadan adalah berbeza mengikut institusi, antara 7.2% hingga 23.6% (2013: 2.8% hingga 19.9%) daripada jumlah aset. Apabila trend ini kian menjadi nyata dalam beberapa tahun akan datang, ia akan mengurangkan risiko limpahan terhadap sistem kewangan domestik. Walau bagaimanapun, pelaburan merentas sempadan yang semakin meningkat juga berpotensi mengubah struktur pendanaan bank disebabkan tahap penempatan deposit yang lebih rendah di bank oleh IKBB. Buat masa ini, risiko ini tidak ketara, memandangkan deposit IKBB adalah kecil dan secara kolektif mencakupi 6.5% sahaja daripada deposit sistem perbankan – sebahagian besarnya (kira-kira 85%) merupakan milik kumpulan wang simpanan dan pencen serta beberapa dana unit amanah yang besar. Secara purata, baki deposit ini mencakupi kurang 5% daripada asas deposit bank individu. Oleh itu, penyaluran deposit ini oleh IKBB ke dalam pelaburan alternatif tidak

Gambar Rajah 1.1

Kesalinghubungan antara IKBB dengan Sistem Perbankan



Dedahan			
Aset IKBB (proksi melalui IKBB yang besar kerana ketersediaan data)	1	Pelaburan dalam pasaran kewangan	• 34.0% daripada sekuriti hutang terkumpul • 27.4% daripada permodalan pasaran ekuiti
	2	Pegangan saham dalam sistem perbankan	• 34.0% daripada ekuiti yang diterbitkan oleh bank tempatan yang tersenarai
	3	Penempatan deposit dalam sistem perbankan	• 6.5% daripada asas deposit sistem perbankan
	4	Pembiayaan isi rumah	• 4.7%* daripada hutang isi rumah
Liabiliti IKBB (semua IKBB)	5	Deposit, pelaburan & sumbangan isi rumah	• 49.2% daripada aset kewangan isi rumah
	6	Sekuriti hutang yang dipegang oleh sistem perbankan	• 7.7% daripada modal sistem perbankan
	7	Peminjaman daripada sistem perbankan	• 15.0% daripada modal sistem perbankan

Ketebalan garisan biru menunjukkan tahap dedahan

* Tidak termasuk pinjaman yang diberikan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

mungkin menyebabkan pengurangan dalam mudah tunai bank.

Kebanyakan aktiviti pelaburan oleh IKBB besar dibiayai oleh sumbangan pelabur dan pemilik dana, serta dana yang dijana secara dalaman. IKBB ini mempunyai nisbah leveraj yang rendah (diukur dari segi jumlah aset kepada ekuiti), yang pada amnya kurang daripada 1.05 kali. Pergantungan kebanyakan IKBB, termasuk IKBB yang lebih besar, pada pasaran modal untuk keperluan pendanaan berterusan rendah. PDS terkumpul yang diterbitkan IKBB berjumlah RM45.4 bilion atau 9.7% daripada PDS terkumpul pada akhir tahun 2014. Tidak termasuk kumpulan syarikat Cagamas yang merupakan salah satu penerbit PDS terbesar, PDS terkumpul yang diterbitkan IKBB adalah kecil, sebanyak RM17.1 bilion atau 3.7% daripada PDS terkumpul. Tempoh hutang yang diterbitkan IKBB sebahagian besarnya sepadan dengan aset bertempoh yang serupa. Jurang kematangan bagi kumpulan Cagamas adalah kurang dari 3 bulan. Jurang kematangan bagi IKBB lain yang menerbitkan sekuriti hutang juga kecil, dengan tempoh purata terbitan PDS (pendanaan) ialah 10.5 tahun, manakala purata pembiayaan yang diberikan (aset) pada amnya tidak melebihi 10 tahun. Pendanaan melalui pasaran pembelian semula (repo) dalam negeri serta pasaran peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti juga terlalu kecil. Dedahan langsung sistem perbankan terhadap IKBB melalui pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang IKBB oleh bank secara umumnya tidak berubah dan kekal rendah pada 2.2% (2013: 2.1%) daripada aset sistem perbankan. Dedahan ini masing-masing adalah sebanyak 15% (2013: 14.7%) dan 7.7% (2013: 8.2%) daripada jumlah modal sistem perbankan.

Hubung kaitan dengan sistem perbankan, melalui penularan reputasi dan kewangan, juga boleh terbentuk melalui pemegangan ekuiti bank oleh IKBB. Pada tahun 2014, pemegangan ekuiti tersenarai bank domestik oleh IKBB secara purata meningkat kepada 34% (2013: 31.3%) daripada ekuiti yang diterbitkan oleh bank. Pada masa ini, risiko sedemikian dinilai sebagai cukup terkawal memandangkan ekuiti bank dipegang terutamanya oleh beberapa IKBB besar yang terus mengamalkan tadbir urus korporat yang mantap dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh secara berterusan. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, pemegang saham utama institusi kewangan berlesen adalah tertakluk kepada rejim kesesuaian pemegang saham. Rejim ini menggariskan keperluan

untuk mendapatkan kelulusan Bank terlebih dahulu sebelum mengambil alih apa-apa kepentingan ekuiti yang melebihi 5% dalam mana-mana bank atau penanggung insurans. Selain itu, pemegang saham yang diluluskan perlu memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam dokumen dasar kesesuaian pemegang saham secara berterusan. Ketelitian penilaian kesesuaian pemegang saham oleh Bank adalah setimpal dengan tahap pemegangan saham dalam bank atau penanggung insurans berlesen. Perlindungan ini akan terus mengurangkan risiko penularan kepada bank yang mungkin timbul daripada pemegangan ekuiti oleh IKBB.

KEKUKUHAN DAN DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Institusi kewangan terus menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh. Amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap telah menjadi teras kepada prestasi institusi kewangan yang positif secara keseluruhan, dalam tempoh ketidaktentuan yang ketara dan keadaan perniagaan yang sering mencabar. Penambahbaikan yang berterusan dalam kecekapan operasi, yang diperhatikan sejak beberapa tahun lalu, kini terus menyumbang kepada prestasi positif itu. Majoriti institusi kewangan mengekalkan profil risiko yang stabil seperti dicerminkan melalui penarafan risiko komposit (composite risk rating, CRR). CRR merangkumi penilaian tahunan Bank ke atas risiko yang sedia ada dan kualiti pengurusan risiko institusi kewangan di seluruh aktiviti utama dan subsidiarinya, dengan mengambil kira amalan pengurusan modal dan kemampanan perolehan.

Permodalan kekal pada paras yang kukuh

Industri perbankan dan insurans mengekalkan tahap permodalan yang tinggi sepanjang tahun 2014. Kedudukan modal sistem perbankan terus kukuh berbanding tahun sebelumnya. Pada akhir tahun 2014, nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1), nisbah modal Kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal sistem perbankan masing-masing pada 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Lebih 90% daripada jumlah modal terus dalam bentuk modal berkualiti tinggi yang mampu menyerap kerugian, terdiri daripada ekuiti, perolehan tertahan dan rizab. Pada tahun 2014, bank menerbitkan ekuiti baharu bernilai RM15.1 bilion, lebih dua kali lebih tinggi daripada jumlah diterbitkan pada tahun lalu, sebahagiannya bagi menggantikan instrumen modal lama di bawah Basel II yang sedang dilupuskan secara berperingkat di bawah piawaian modal Basel III. Keberuntungan yang berterusan dan dasar pengekalan perolehan yang pada umumnya konservatif, mengekalkan perolehan tertahan sistem perbankan pada RM61.8 bilion. Penampan modal yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum seterusnya meningkat kepada RM97.4 bilion (Rajah 1.56). Penampan yang kukuh ini menyokong keupayaan bank untuk mematuhi keperluan modal minimum (yang kini turut diperkukuh secara berperingkat) di bawah pelbagai keadaan yang buruk. Dengan mengandaikan tahap modal minimum Basel III telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada masa ini (tanpa mengambil kira sebarang pengaturan peralihan), bank masih mempunyai penampan yang melebihi keperluan jumlah modal minimum sebanyak RM53 bilion. Nisbah modal sistem perbankan yang lebih kukuh turut mencerminkan tahap risiko portfolio bank yang stabil. Nisbah jumlah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset secara umumnya tidak berubah pada 63.6% (2013: 63.8%), dengan risiko kredit daripada portfolio pinjaman terus merangkumi kebanyakan daripada jumlah aset berwajaran risiko. Nisbah leveraj, yang mengukur modal asas Kumpulan 1 berbanding aset bukan berwajaran risiko, seperti dilaporkan oleh bank semasa tempoh pemerhatian, hampir dua kali paras minimum 3% yang ditetapkan di bawah Basel III.

Bagi industri insurans, agregat CAR meningkat sedikit kepada 253% (2013: 246.1%) dengan lebihan penampan modal berjumlah RM30.2 bilion (Rajah 1.57). Risiko insurans (yang mengukur risiko ketidakcukupan liabiliti insurans, pengalaman tuntutan yang buruk, risiko perbelanjaan dan risiko luput) kekal sebagai komponen risiko terbesar.

Rajah 1.56

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.57

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Caj risiko insurans keseluruhan secara amnya tidak berubah, mencerminkan paras rizab dan gabungan jenis perniagaan penanggung insurans yang stabil. Kesan yang mungkin dihadapi oleh penanggung insurans ekoran banjir teruk yang melanda beberapa negeri pada akhir tahun 2014 dijangka tidak begitu ketara, dengan kerugian kasar dijangka dikekalkan kurang daripada 1% daripada jumlah modal syarikat yang terjejas. Pada tahun 2014, penanggung insurans am mencatat CAR yang lebih tinggi, yang sebahagiannya disebabkan pemurnian terhadap olahan liabiliti premium di bawah rangka kerja RBC. CAR penanggung insurans hayat hampir tidak berubah pada 260.1% (2013: 260.9%) meskipun caj risiko pasaran dan risiko kredit adalah lebih tinggi berikutan peningkatan pelaburan dalam ekuiti dan PDS untuk peningkatan kadar hasil. Pelaburan ini sebahagian besarnya adalah dalam sekuriti berpenarafan tinggi dan saham mewah (blue chips), yang caj modalnya rendah. CAR pengendali takaful, yang mula berkuat kuasa pada tahun 2014, adalah pada 192.8%, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM2.9 bilion.

Keberuntungan stabil dalam keadaan margin yang kecil

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan, termasuk bank-bank Islam, meningkat sebanyak 7.6% kepada RM32 bilion, dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 15.2%, sama seperti paras dicatat pada tahun lalu. Pemacu utama prestasi perolehan ini ialah pendapatan faedah/keuntungan bersih daripada aktiviti pembiayaan dan pendanaan (+5.3%), serta fi dan pendapatan komisen daripada aktiviti berkaitan pembiayaan (+5.7%). Pendapatan daripada perniagaan berasaskan fi yang lain, terutamanya perbankan pelaburan dan perkhidmatan berkaitan pembayaran, terus meningkat dengan stabil. Pendapatan ini kini mencakupi hampir 13.5% daripada pendapatan kasar berbanding kira-kira 9.5% dua tahun yang lalu. Walaupun pendapatan aktiviti ini membantu mengatasi kesan penyusutan margin faedah terhadap pendapatan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, khususnya dalam pasaran pemberian pinjaman runcit, sumbangan aktiviti ini kepada pendapatan masih lagi kecil berbanding dengan aktiviti pembiayaan teras.

Permodalan dan keberuntungan adalah mampan dalam keadaan kualiti aset yang kukuh dan amalan pengurusan risiko kredit yang berhemat

Kadar pinjaman meningkat sedikit sebagai tindak balas kepada kenaikan OPR pada bulan Julai 2014, dan sejajar juga dengan langkah bank mengkaji semula parameter penentuan harga untuk lebih mencerminkan risiko, sejajar dengan Piawaian Penentuan Harga Berasaskan Pengetahuan Risiko yang mula berkuat kuasa pada bulan Mac 2014. Paras delinkuensi yang terendah dalam sejarah merentas semua segmen pembiayaan utama dan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang sememangnya tinggi terus memberikan sokongan kepada margin faedah bersih bank yang bertambah baik kepada 0.66 mata peratusan (2013: 0.61 mata peratusan) (Rajah 1.58 dan Rajah 1.59). Pada paras ini, margin kekal kompetitif dan kecil. Keadaan ini memerlukan bank untuk mengambil pendekatan yang lebih teliti dalam penentuan harga risiko dan peruntukan. Bidang ini sememangnya menjadi fokus utama penilaian penyeliaan oleh Bank dalam tempoh kebelakangan ini (lihat bahagian mengenai sektor isi rumah dan perniagaan untuk butiran lanjut mengenai pemerhatian penyeliaan terhadap amalan bank).

Meskipun keadaan pasaran menjadi lebih tidak menentu, bank mencatat keuntungan bersih

Rajah 1.58

Sistem Perbankan: Margin Faedah Kasar dan Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.59

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

agregat sebanyak RM4.1 bilion daripada portfolio dagangan dan pelaburan. Pencapaian ini disokong oleh keupayaan yang meningkat dalam pengurusan risiko daripada aktiviti perdagangan dan pelaburan proprietari, selain bank secara umumnya kekal berhemat dalam pengambilan risiko. Inisiatif yang berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi turut menyumbang kepada tahap keberuntungan bank. Bank-bank terus mengawal had bagi kos overhed yang meningkat sedikit, sebanyak 6.3% (2013: +5.7%) dalam keadaan penambahan pelaburan yang lebih rendah dalam sistem pengurusan risiko dan IT, memandangkan pelaburan yang besar telah dibuat pada tahun-tahun yang lalu. Salah satu bidang yang terus diawasi dengan rapi oleh Bank ialah kesan langkah-langkah kawalan kos terhadap keupayaan pengurusan risiko dan fungsi pematuhan bagi memastikan keupayaan dan fungsi tersebut tidak terjejas. Usaha untuk mengekalkan tenaga mahir, terutamanya dalam fungsi khusus, masih merupakan antara cabaran utama kepada bank dalam persekitaran mobiliti kakitangan yang lebih tinggi dan permintaan tinggi terhadap pekerja yang cukup berpengalaman, bukan sahaja di Malaysia bahkan di luar negeri. Keadaan ini sedikit sebanyak memberikan tekanan ke atas kos kakitangan. Meskipun persaingan untuk mendapatkan tenaga mahir adalah sengit, bank telah mengekalkan bilangan tenaga kerja dalam jumlah yang secukupnya sepanjang dua tahun yang lalu. Bilangan pekerja dan kos kakitangan berubah sedikit, masing-masing sebanyak -0.8% dan 1%. Kesannya, kos bagi setiap kakitangan adalah terkawal, dan hanya meningkat sebanyak 1.1% pada tahun 2014, manakala produktiviti, seperti diukur oleh keuntungan sebelum cukai berbanding kiraan bilangan pekerja, meningkat sebanyak 8.4%. Dalam mengurus kos kakitangan, bank diingatkan untuk memastikan insentif adalah sejajar dengan pengambilan risiko yang berhemat, dan juga fungsi kawalan utama terus disokong dengan baik oleh kakitangan yang berketerampilan dan berpengalaman, termasuk dalam bidang seperti pematuhan.

Sektor insurans dan takaful mencatat prestasi bercampur-campur pada tahun 2014 (Rajah 1.60). Sektor insurans hayat dan takaful keluarga kembali pulih daripada kerugian pelaburan yang besar pada tahun 2013, untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% dalam lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang berjumlah RM13.8 bilion pada tahun 2014 (Rajah 1.61). Kerugian modal yang lebih rendah bagi portfolio pelaburan mempunyai kesan paling ketara terhadap prestasi dana hayat. Kerugian tersebut berjumlah RM924 juta pada tahun 2014, iaitu 38.7% lebih rendah daripada kerugian yang dialami pada tahun sebelumnya. Pendapatan turut disokong oleh pertumbuhan mampan dalam premium bersih (Rajah 1.62). Trend yang dapat dilihat dalam sektor hayat ialah peningkatan bahagian perniagaan berkaitan pelaburan yang kini mencakupi 42% (2013: 39%) daripada premium perniagaan baharu atau 35.7% (2013: 32.8%) daripada jumlah premium bersih. Bahagian pendapatan premium tahunan (yang membentuk sebahagian besar daripada pendapatan premium bersih penanggung insurans) yang disumbangkan oleh perniagaan berkaitan pelaburan juga meningkat dengan stabil dalam beberapa tahun yang lalu kepada 39.1% (2002: 24%). Trend ini berkemungkinan

Rajah 1.60

Sektor Insurans dan Takaful: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.61

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

menyebabkan penanggung insurans hayat lebih mudah terdedah kepada ketidaktentuan pendapatan premium, akibat fleksibiliti yang diberikan kepada pemegang polisi berkaitan pelaburan untuk mempelbagaikan caruman premium (ini juga merupakan ciri yang menjadikan produk ini menarik kepada orang ramai) dan secara umumnya permintaan yang lebih berubah-ubah, yang banyak dipengaruhi keadaan pasaran kewangan. Oleh yang demikian, kawalan kos yang berkesan dan penilaian sewajarnya berkaitan dengan kesesuaian produk mengikut keperluan dan keadaan kewangan pemegang polisi akan menjadi semakin penting untuk mengekalkan keberuntungan.

Meskipun bahagian pelaburan dalam aset yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi semakin meningkat, kadar hasil pelaburan

Rajah 1.62

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Pertumbuhan Premium Bersih dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

keseluruhan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful kekal dalam julat 5% hingga 6% setahun. Ini mencerminkan keadaan dalam pasaran kewangan dan hasil yang jauh lebih rendah daripada yang diandaikan semasa penentuan harga produk yang dijual sebelum GFC. Selaras dengan keperluan rangka kerja RBC, penanggung insurans telah meningkatkan rizab mereka terhadap obligasi yang dijamin kepada pemegang polisi dalam beberapa tahun ini untuk mencerminkan kadar hasil yang lebih rendah, lantas memastikan obligasi tersebut dapat dipenuhi oleh penanggung insurans tanpa sebarang masalah. Pada tahun 2013, beberapa penanggung insurans juga mula mengurangkan bonus yang diberikan berdasarkan budi bicara, sejajar dengan prestasi pelaburan sebenar dan untuk mengekalkan penampan dalam dana hayat. Susulan itu, bonus tunai yang dibayar pada tahun 2014 meningkat lebih perlahan pada kadar 16%, berbanding kadar purata 22% yang diberikan antara tahun 2010 hingga 2013.

Keuntungan sektor insurans am dan takaful am menyusut sedikit, pada kadar 2.3% kepada RM3.2 bilion disebabkan bayaran tuntutan bersih yang lebih tinggi dan keuntungan bersih yang lebih rendah daripada pelupusan aset. Walaupun nisbah kerugian keseluruhan terus terkawal di bawah kadar 60% bagi tiga tahun yang lepas, dan didorong oleh nisbah tuntutan kebakaran dan perniagaan motor komprehensif (yang merupakan sebahagian besar daripada bayaran tuntutan bersih) (Rajah 1.63 dan Rajah 1.64), kerugian daripada insurans liabiliti wajib motor pihak ketiga (motor `Akta´) terus memberikan tekanan kepada pengalaman tuntutan keseluruhan. Nisbah kerugian bagi segmen ini kekal melebihi 100%. Penentuan harga yang lebih fleksibel ekoran

Rajah 1.63

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Pertumbuhan Premium dan Komposisi Perniagaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.64

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Gabungan dan Nisbah Kerugian bagi Kelas Perniagaan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

penyahkawalseliaan tarif premium motor secara progresif, dijangka positif bagi prestasi industri secara keseluruhan. Walaupun keadaan ini mungkin menyebabkan penentuan harga risiko yang tidak setimpal oleh sebilangan penanggung insurans untuk memperoleh atau mengekalkan bahagian pasaran, risiko ini dapat dikurangkan oleh jalur premium yang akan terus digunakan untuk suatu tempoh tertentu. Yang lebih penting, penambahbaikan berterusan dalam usaha pengumpulan data dan pengunderaitan pada peringkat industri dan penanggung insurans secara individu, akan turut menyokong amalan penentuan harga yang kukuh (lihat Bab 2 `Peralihan Ke Arah Persekitaran Penentuan Harga Berasaskan Pasaran Yang Terurus Pada Tahun 2016´ untuk maklumat lanjut mengenai kemajuan pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu). Insentif juga dikekalkan dalam rangka kerja modal untuk menggalakkan amalan penentuan harga berhemat selain menyediakan penampan yang mencukupi bagi sebarang penentuan harga yang tidak setimpal.

Beberapa kejadian yang berkaitan dengan sektor penerbangan pada tahun 2014 hanya memberikan kesan yang kecil kepada industri insurans am domestik, memandangkan sebahagian besar risiko telah diinsuranskan semula dalam pasaran penerbangan global. Oleh itu, kerugian kepada penanggung insurans domestik akibat tuntutan insurans kapal udara dan tuntutan liabiliti adalah kecil. Dengan tahun 2014 dianggap sebagai tahun yang menelan belanja paling besar bagi industri insurans penerbangan global sejak serangan 9/11, premium risiko berkaitan penerbangan mungkin meningkat kembali setelah mengalami kitaran pasaran yang secara relatif lemah, yang disokong oleh keupayaan lebihan insurans semula dan hanya beberapa tuntutan yang besar.

Pengurusan risiko yang aktif oleh bank-bank Islam

Risiko kadar pulangan dalam sektor perbankan Islam masih terurus dengan agak baik, disokong strategi pengurangan risiko yang aktif oleh bank-bank Islam. Dari segi aset, aset kadar boleh ubah dalam akaun pembiayaan, terutamanya dalam bentuk kontrak *musyarakah* (perkongsian), *ijarah* (pajakan) dan *murabahah* (tokokan), terus berkembang sebanyak 28% (2013: +33%) untuk mencakupi 54% (2013: 50%) daripada jumlah pembiayaan. Pertambahan komposisi aset kadar boleh ubah dijangka berterusan dengan penawaran produk yang lebih pelbagai dengan komponen perkongsian risiko, termasuk produk pembiayaan berasaskan ekuiti. Dari segi liabiliti, bank-bank Islam mengeluarkan lebih banyak instrumen pendanaan berkadar tetap seperti *tawarruq*, dan instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID) (Rajah 1.65) dengan tempoh matang berkontrak yang lebih panjang untuk mengecilkan jurang penentuan semula harga antara aset dengan liabiliti. Pada akhir tahun 2014, deposit berkadar tetap, iaitu *tawarruq* mencakupi 35.7% (2013: 20.6%) daripada jumlah deposit yang diterima bank-bank Islam.

Peralihan kepada *tawarruq* dan NID juga merupakan sebahagian daripada respons kepada keperluan pengawalseliaan untuk membezakan produk

Rajah 1.65

Perbankan Islam: Perubahan Tahunan dalam Komposisi Deposit mengikut Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.66

Perbankan Islam: Perubahan Tahunan dalam Komposisi Pendanaan Mengikut Instrumen dan Kematangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

akaun deposit dan akaun pelaburan dengan jelas mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Permintaan yang kukuh terhadap produk deposit yang dijamin prinsipalnya telah menyebabkan pertumbuhan eksponen bagi *tawarruq* (+98%) untuk mencakupi 29% (2013: 17%) daripada jumlah pendanaan asas bank-bank Islam. Sebaliknya, deposit pelaburan awam atau khusus yang berasaskan *mudarabah* berkurang sebanyak 31% untuk mencakupi 19% (2013: 30%) daripada pendanaan asas (Rajah 1.66). Bank-bank Islam individu berjaya membuat penyelarasan terhadap perkembangan ini dengan agak mudah, terutamanya melalui langkah penawaran produk baharu yang relevan agar pelanggan boleh memindahkan dana mereka kepada produk baharu tersebut, lantas mengekalkan pendanaan asas yang stabil.

Ujian tekanan berbilang tahun mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menyerap kejutan

Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan keupayaan institusi kewangan yang kukuh, pada peringkat sistem dan institusi, untuk menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Ujian tekanan berasaskan kesolvenan berbilang tahun menggunakan satu siri peristiwa risiko yang jarang-jarang berlaku (risiko hujung atau `tail-risk´) berdasarkan tiga andaian landasan pertumbuhan KDNK domestik (satu senario dasar dan dua senario buruk) dan susulan keadaan makroekonomi dan kewangan dalam tempoh empat tahun dari tahun 2015 hingga 2018. Kesan daripada senario andaian ini, yang menggabungkan kejutan serentak ke atas hasil, pendanaan, risiko kredit dan pasaran, digunakan pada pendapatan dan perbelanjaan operasi, pertumbuhan lembaran imbangan dan tahap permodalan institusi kewangan, tanpa mengambil kira tindak balas pengurangan kerugian oleh institusi kewangan atau intervensi dasar oleh pihak berkuasa.

Pada akhir tempoh tekanan ini, nisbah jumlah modal agregat dan nisbah modal CET1 agregat sistem perbankan pascakejutan masing-masing melebihi 11% dan 8% di bawah senario buruk pertama (SB1), dan masing-masing melebihi 10% dan 7% di bawah senario buruk kedua (SB2) (Rajah 1.67 dan Rajah 1.68). Pada peringkat institusi, lebih 80% daripada bank mengekalkan nisbah jumlah modal, nisbah modal Kumpulan 1 dan nisbah modal CET1 yang melebihi keperluan minimum Basel III, masing-masing pada 8%, 6% dan 4.5%. Hasil bersih sebelum peruntukan menyusut sebanyak 18.3% dan 22.4% berbanding dengan senario dasar, masing-masing dalam SB1 dan SB2. Kerugian berpunca terutamanya daripada kejutan risiko kredit yang membentuk lebih 97% daripada kerugian keseluruhan dalam kedua-dua senario. Daripada peratusan ini, kemungkiran peminjam korporat besar terpilih menyumbang antara 10% hingga 20% daripada jumlah kerugian kredit. Keputusan ujian menunjukkan bahawa walaupun di bawah tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk,

bank secara keseluruhan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kesan kerugian dengan menggunakan penampan modal tersedia, tanpa mengambil kira sebarang tambahan modal sepanjang tempoh tersebut.

Keupayaan bank dan penanggung insurans untuk menyerap kejutan terbukti melalui pelbagai ujian kepekaan dan ujian tekanan berbilang tahun

Bagi industri insurans, CAR pascatekanan juga kekal melebihi keperluan pengawalseliaan minimum di bawah SB1 dan SB2. Impak terhadap permodalan ke atas penanggung insurans am adalah lebih ketara daripada impak kejutan berhubung dengan peruntukan lebih tinggi untuk tuntutan motor. Kerugian operasi akibat kesan ini mengurangkan CAR penanggung insurans am, daripada 279% pada akhir tahun 2014, kepada kira-kira 140% menjelang tahun 2018 di bawah kejutan paling teruk yang dikenakan terhadap risiko insurans am. Sebaliknya, penanggung insurans hayat pula lebih terjejas oleh turun naik pasaran kewangan pada tahun 2015, namun mengekalkan CAR yang kukuh sepanjang tempoh ujian tekanan, dengan CAR menurun daripada 260% pada akhir tahun 2014, kepada 184% menjelang tahun 2018.

Rajah 1.67

Sistem Perbankan: Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.68

Sistem Perbankan: Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan bagi Bank dan Penanggung Insurans

Ujian tekanan berasaskan kesolvenan berbilang tahun menggunakan satu siri peristiwa risiko yang jarang-jarang berlaku (risiko hujung atau `tail-risk´) berdasarkan tiga andaian landasan pertumbuhan KDNK domestik (satu senario dasar dan dua senario buruk) dan susulan keadaan makroekonomi dan kewangan dalam tempoh empat tahun dari tahun 2015 hingga 2018.

Senario buruk pertama (SB1) ialah senario berbentuk V yang melibatkan tahap kemelesetan yang bersamaan dengan sisihan daripada senario dasar sebanyak 2.5 sisihan piawaian kadar pertumbuhan jangka panjang (dikira daripada purata kadar pertumbuhan tahunan 30 tahun), diikuti pemulihan

yang pantas untuk mencapai pertumbuhan potensi pada tahun 2018. Senario ini mencerminkan pengalaman kemelesetan ekonomi Malaysia yang lalu yang diiringi pemulihan yang kukuh dan pantas. Senario ini mengambil kira: (i) kegawatan ketara secara serentak di AS dan RR China; (ii) pembetulan dalam pasaran harta tanah domestik; dan (iii) ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan domestik yang meningkatkan aktiviti penghindaran risiko, mempengaruhi sentimen pelabur dan mengurangkan kekayaan isi rumah.

Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi landasan pertumbuhan berbentuk L dengan penurunan sederhana pada awalnya, diikuti pertumbuhan lemah yang berpanjangan, mencakupi sisihan negatif kumulatif daripada senario dasar sebanyak 19.7 mata peratusan, atau lima sisihan piawaian kadar pertumbuhan jangka panjang. Senario ini mengambil kira: (i) pembetulan ekuiti yang kecil di AS dan kelemahan yang berpanjangan di RR China; (ii) ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan yang meningkatkan aktiviti penghindaran risiko, mempengaruhi sentimen pelabur dan mengurangkan kekayaan isi rumah; dan (iii) harga komoditi yang lebih rendah yang memberi kesan kepada hasil fiskal Malaysia.

Jadual 1.7

Andaian dan Parameter Kejutan Utama Ujian Tekanan Kesolvenan untuk Senario Buruk

Andaian Utama	Parameter Kejutan
Unjuran lembaran imbangan dan pendapatan	
• Penurunan pertumbuhan pendapatan, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)	• sehingga 71%
• Penurunan pertumbuhan pendapatan premium penanggung insurans	• sehingga 64%
• Pertumbuhan kredit yang sederhana	
Kejutan risiko kredit	
• Kejutan kebarangkalian mungkir (Probability of default, PD)	
- Pinjaman perniagaan	- sehingga 12%
- Pinjaman isi rumah	- sehingga 9%
• Kejutan kerugian akibat mungkir (Loss given default, LGD)	
- Pinjaman perniagaan	- sehingga 60%
- Pinjaman isi rumah	- sehingga 88%
• Kemungkiran syarikat terpilih dengan dedahan besar kepada sistem perbankan	• Syarikat di bawah senarai amatan (watch list) dan mudah terjejas oleh pergerakan kadar pertukaran yang tidak menentu dan persekitaran ekonomi tertekan yang berterusan
Kejutan risiko pasaran	
• Peningkatan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	• sehingga 253 mata asas pada tahun pertama kejutan
• Spread kredit PDS lebih luas	• sehingga 195 mata asas
• Risiko asas	• 10%
• Penurunan FBM KLCI	• sehingga 51%
• Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	• sehingga 11%
Kejutan risiko pendanaan luar	
• Kebalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin	• sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko insurans am	
• Peningkatan dalam tuntutan	• sehingga 20%
• Peningkatan dalam liabiliti tuntutan dan liabiliti premium (hanya kelas motor)	• sehingga 1.5 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara

Jadual 1.8

Ringkasan Keputusan Ujian Tekanan Utama yang Dijalankan oleh Bank

Peristiwa risiko yang disimulasikan	Andaian kejutan	Keputusan secara umum
Analisis senario luas		
Limpahan daripada siri peristiwa risiko pertumbuhan yang lebih perlahan dan risiko yang jarang-jarang berlaku dalam tempoh empat tahun (Jadual 1.7, Rajah 1.67 dan Rajah 1.68)	Kejutan terhadap risiko hasil, pendanaan, dedahan risiko kredit, pasaran dan insurans	• Nisbah modal agregat TCR dan CET1 sistem perbankan pascakejutan masing-masing kekal melebihi 10% dan 7% di bawah senario yang lebih teruk • CAR penanggung insurans am dan insurans hayat kekal melebihi 140% di bawah senario yang lebih teruk
Kebalikan aliran modal yang disebabkan kejutan luaran (contoh: kejatuhan harga minyak) dan pengembalian dasar monetari kepada keadaan normal (bahagian bertajuk `Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan´)	Aliran keluar portfolio yang teruk (dua kali jumlah yang dicatat semasa krisis kewangan dalam ekonomi maju) dalam tempoh yang pendek – kejutan terhadap pendanaan, dedahan risiko kredit dan pasaran	• TCR bank dan CAR penanggung insurans masing-masing kekal melebihi 10% dan 130% • Kekurangan mudah tunai dalam dolar AS kurang daripada 7% rizab antarabangsa Bank pada akhir tahun 2014
Analisis kepekaan		
Anggaran kerugian kepada sistem perbankan yang diakibatkan oleh insiden kemungkiran serentak merentas semua segmen pendapatan isi rumah disebabkan kos sara hidup dan peminjaman yang lebih tinggi (Jadual 1.2)	Dua kali PD dasar dan LGD tertekan	• Anggaran potensi kerugian sebanyak kira-kira RM39 bilion atau 40% daripada lebihan modal - Kira-kira 10% daripada lebihan modal untuk peminjam berpendapatan RM3,000 atau kurang sebulan
Pelarasan harga rumah yang teruk (bahagian bertajuk `Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri´)	Tiga kali PD dasar untuk pinjaman perumahan dan harga rumah menyusut sebanyak 40%	• Modal lebihan adalah lebih lima kali anggaran potensi kerugian
Implikasi daripada turun naik kadar pertukaran, kos peminjaman yang lebih tinggi, dan keuntungan lebih rendah bagi peminjam besar, dan penularan kepada bank dan syarikat insurans (rencana bertajuk `Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik´)	(i) Kejutan sisihan piawaian sehingga 3.5 bagi purata bergerak 6 bulan untuk kadar USD/RM sepanjang 20 tahun lalu (ii) Kenaikan kos peminjaman sehingga 100 mata asas (iii) Keuntungan operasi menurun 50% (iv) Kesan penularan yang disimulasikan terhadap risiko mudah tunai, kredit dan pasaran bank dan syarikat insurans	• *Kesan peminjaman dalam denominasi FCY dan peminjaman ringgit berdasarkan kadar terapung yang lebih tinggi* - Pengurangan sehingga 0.1 mata peratusan bagi ICR agregat (antara 11.8 mata peratusan hingga 41 mata peratusan bagi peminjam besar individu) • *Kesan pelanjutan kematangan PDS/sukuk dengan kadar hasil yang lebih tinggi* - Kesan yang kecil pada ICR agregat (antara 1.7 mata peratusan hingga 5.7 mata peratusan bagi peminjam besar individu) • *Kesan penurunan keuntungan operasi* - pengurangan sehingga 1.3 mata peratusan untuk ICR agregat (antara 33.5 mata peratusan hingga 67.1 mata peratusan bagi peminjam besar individu) • Kejutan kumulatif dari segi aset akibat kerugian kredit dan pasaran sebanyak 16.8% daripada jumlah modal • Pengurangan stok penampan mudah tunai sehingga 0.9 mata peratusan dan 0.4 mata peratusan masing-masing bagi kelompok matang satu minggu dan satu bulan
Risiko penularan daripada dedahan merentas sempadan bank tempatan Malaysia kepada dedahan luar negeri (rencana bertajuk `Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia´ – Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013)	Kesan langsung dan tidak langsung kepada sistem perbankan tempatan Malaysia akibat peristiwa kesukaran tunggal atau serentak yang berpunca daripada sistem perbankan di satu atau dua negara	*Negara pencetus tunggal* • Kesan langsung daripada kesukaran sistem perbankan di Singapura hanya dirasai pada pusingan penularan yang ketiga • Kesan tidak langsung daripada kesukaran sistem perbankan di AS dan UK hanya dilihat selepas semua sistem perbankan utama dalam sampel mengalami kesukaran kewangan yang teruk *Dua negara pencetus* • Kesan langsung daripada kemungkiran hanya dilihat dalam pusingan penularan yang kedua hingga keempat selepas semua sistem perbankan dalam sampel mengalami kesukaran kewangan yang teruk

*Potensi kerugian daripada andaian kemungkiran peminjam besar dengan CASTO<1 kali dan ICR<2 kali pascakejutan

2014

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Memastikan Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap
68 Memperkukuh Industri Insurans dan Takaful
71 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
73 Memajukan Agenda Rangkuman Kewangan
75 Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
77 Perkembangan Serantau dan Antarabangsa
78 *Rencana: Akaun Pelaburan di bawah IFSA*
83 Pembangunan Modal Insan Secara Berterusan

Pada tahun 2014, sektor kewangan terus mencapai kemajuan dalam beberapa bidang dalam usaha memenuhi visi dan strategi yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Meskipun proses pengantaraan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi, namun masih ada ruang bagi institusi kewangan untuk merebut peluang yang ada dengan menyokong sektor pertumbuhan baharu. Pakej pembaharuan untuk sektor insurans hayat dan takaful keluarga akan dilaksanakan mulai tahun 2015 secara berperingkat bagi memastikan prasyarat untuk beralih ke pasaran yang lebih kompetitif dan inovatif telah tersedia. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menambah baik kecekapan dan kemampanan sektor insurans motor, termasuk pelarasan premium buat kali ketiga, juga merintis jalan bagi pemansuhan tarif secara beransur-ansur mulai tahun 2016.

Proses integrasi kewangan di rantau ini terus mencapai kemajuan dengan penyempurnaan Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan dan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Beberapa terbitan penting sukuk dan hutang mata wang asing, di samping inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas dan mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ (netting-friendly jurisdiction), juga telah mempertingkat dimensi antarabangsa sistem kewangan Malaysia. Bank terus menyokong pembangunan kewangan yang inklusif pada peringkat serantau dan global, manakala langkah yang diperkenalkan dalam negeri untuk memantau dan menilai keberkesanan inisiatif rangkuman kewangan akan mendorong dasar untuk meningkatkan bukan sahaja akses kepada perkhidmatan kewangan malah bagi penggunaannya yang berkesan. Beberapa pengaturan peringkat tinggi juga diwujudkan untuk meningkatkan penawaran dan kualiti profesional kewangan yang bertujuan memastikan sektor kewangan terus mempunyai sumber yang mencukupi untuk melaksanakan mandatnya.

MEMASTIKAN PENGANTARAAN YANG BERKESAN DAN CEKAP

Pada tahun 2014, sektor kewangan terus menggembleng tabungan dan pelaburan ke arah memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan ekonomi. Jumlah pinjaman baharu yang dikeluarkan sistem perbankan terus berkembang sebanyak 13.3%. Lebih 70% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan disalurkan kepada perniagaan, dan bakinya kepada isi rumah. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga berterusan, mencakupi 30.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan yang dikeluarkan pada tahun 2014. Dalam pasaran sekuriti hutang, aktiviti memperoleh dana korporat kekal aktif meskipun persekitaran luar negara yang mencabar. Jumlah nominal sekuriti hutang swasta yang diterbitkan pada tahun 2014, termasuk sijil amanah jangka pendek (short-term trust certificates), adalah sebanyak RM137.5 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahunan sebanyak 10.7% (2013: RM124.2 bilion).

Sektor kewangan mempunyai peranan penting untuk membolehkan ekonomi Malaysia beralih ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Peranan ini tidak terhad kepada pembiayaan langsung bank. Pembangunan struktur kewangan yang inovatif, termasuk akaun pelaburan Islam, dan penyediaan bentuk perkhidmatan kewangan bukan kredit yang lain telah memperluas potensi institusi kewangan untuk memainkan peranan lebih besar dalam menyokong keperluan pembiayaan industri pertumbuhan baharu, seperti teknologi hijau, bioteknologi dan industri inovatif yang lain. Kesemua sektor tersebut menyediakan peluang pertumbuhan yang besar bagi sektor kewangan negara, ketika transformasi ekonomi Malaysia ke arah menjadi negara maju menjadi lebih nyata.

Berdasarkan kaji selidik terbaharu yang dijalankan oleh Bank terhadap institusi perbankan, sebahagian besar pembiayaan baharu kepada perniagaan terus tertumpu kepada sektor ekonomi tradisional, manakala bahagian daripada jumlah pembiayaan kepada bidang pertumbuhan baharu mencakupi kurang daripada 5% meskipun terdapat permintaan

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

pembiayaan yang tinggi, terutamanya daripada syarikat permulaan. Memandangkan ciri usaha niaga tersebut yang sangat baharu, pembiayaan bank kepada syarikat permulaan sedemikian boleh, secara tidak wajar, mendedahkan dana pendeposit kepada risiko yang besar, khususnya apabila ketahanan syarikat permulaan bergantung sepenuhnya pada kejayaan usaha niaga yang belum pernah diterokai itu. Namun, masih terdapat ruang untuk bank merebut peluang pada pelbagai peringkat kitaran pertumbuhan syarikat inovatif yang tidak akan menjejaskan keperluan kehematan. Peluang ini sebahagian besarnya masih tidak dieksploitasi disebabkan faktor berikut:

- Kurangnya kepakaran institusi kewangan dari segi pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang pertumbuhan baharu untuk membantu penilaian risiko;
- Kurangnya maklumat pasaran mengenai potensi komersial bidang pertumbuhan baharu;
- Ketidakupayaan perniagaan untuk menyediakan cagaran yang lazimnya dikehendaki oleh bank;
- Kos pembiayaan yang terlalu tinggi; dan
- Sokongan tambahan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat tersebut untuk menambah baik amalan pengurusan perniagaan dan kewangan.

Selain faktor di atas, pembiayaan bank kepada bidang pertumbuhan baharu juga boleh terhalang oleh faktor lain, seperti yang berikut:

- Rekod kredit dan rekod prestasi usaha niaga yang terhad, menyebabkan sukar untuk menentukan daya maju perniagaan;
- Kurangnya pelan perniagaan yang mantap selain penyimpanan rekod yang tidak lengkap; dan
- Tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan perniagaan lebih kecil dan baharu terhadap instrumen pembiayaan alternatif seperti ekuiti swasta dan pemajakan.

Dalam usaha menangani isu-isu tersebut dan meningkatkan keupayaan institusi kewangan untuk menyokong keperluan pembiayaan industri pertumbuhan baharu, Bank telah membantu dalam pelbagai kerjasama strategik antara industri perkhidmatan kewangan dengan pihak berkepentingan utama pada tahun 2014, termasuk Malaysia Green Technology Corporation, Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia. Kerjasama tersebut berperanan meningkatkan kesedaran dalam kalangan institusi kewangan terhadap potensi pertumbuhan industri inovatif selain membantu merapatkan jurang maklumat penting, termasuk metodologi penilaian, yang menghalang pemberian kredit kepada syarikat yang berdaya maju. Persidangan dan sesi pemadanan perniagaan juga diadakan untuk menghubungkan institusi kewangan dengan peserta industri. Beberapa institusi kewangan juga telah memulakan inisiatif bina upaya melalui program latihan dalaman dan kerjasama dengan perniagaan yang terlibat dalam industri, seperti pengeluar panel solar, dalam usaha mendapatkan bakal pelanggan.

Selain bina upaya, perubahan juga perlu dilakukan terhadap cara institusi kewangan mempertimbangkan penyediaan pembiayaan kepada bidang pertumbuhan baharu. Keputusan kredit yang berdasarkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai prospek perniagaan peminjam dan nilainya yang melangkaui aset ketara, akan lebih memudahkan akses kepada pembiayaan bagi peminjam daripada bidang pertumbuhan baharu ini. Bagi perniagaan yang mempunyai rekod kredit yang tidak lengkap atau aliran pendapatan yang tertangguh, bentuk pembiayaan alternatif seperti pemfaktoran dan pemajakan, serta pembiayaan perdagangan berstruktur boleh dipertimbangkan. Penubuhan unit khidmat nasihat khusus untuk menyediakan khidmat penyelidikan dan pembangunan dalam sektor sasaran juga akan menyokong pertumbuhan jangka panjang institusi kewangan dalam bidang pertumbuhan baharu ini.

MEMPERKUKUH INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL

Industri insurans dan takaful terus memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan

tabungan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan Malaysia. Pada tahun 2014, jumlah bayaran sektor insurans hayat dan takaful keluarga untuk tuntutan kematian, hilang upaya dan perubatan meningkat 16.6% kepada RM5.0 bilion (2013: RM4.3 bilion). Industri ini turut membayar sebanyak RM10.2 bilion (2013: RM9.8 bilion) bagi manfaat kematangan dan nilai serahan tunai, yang meningkat 3.8% berbanding tahun 2013. Pada akhir tahun 2014, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menyediakan perlindungan sebanyak RM1.7 trilion (2013: RM1.6 trilion) dalam jumlah yang diinsuranskan/jumlah penyertaan untuk semua polisi, atau 161.8% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ini bersamaan dengan jumlah diinsuranskan/jumlah penyertaan per kapita yang melebihi RM56,995. Meskipun kadar penembusan insurans, seperti diukur melalui bilangan polisi berbanding jumlah penduduk, telah meningkat dengan ketara sepanjang dekad yang lalu sebanyak 55.5% (2004: 42.6%), masih terdapat jurang yang besar dalam perlindungan, dengan masih ramai rakyat Malaysia sama ada tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans hayat, ataupun mempunyai insurans yang kurang daripada apa yang mereka benar-benar perlukan. Menurut kaji selidik yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2013, jurang perlindungan purata adalah antara RM553,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya mempunyai insurans hayat, hingga RM723,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya tidak mempunyai insurans hayat. Ini jelas menunjukkan peluang pertumbuhan selanjutnya bagi insurans hayat dan takaful keluarga dalam memenuhi keperluan ini. Bagi sektor insurans dan takaful am, sebanyak RM8.6 bilion dibayar oleh industri pada tahun 2014 bagi tuntutan berkaitan kecederaan anggota badan, kerugian dan kerosakan harta benda, serta perniagaan yang terjejas dan liabiliti pihak ketiga. Ini bersamaan dengan jumlah bayaran tuntutan purata sebanyak RM23.5 juta sehari.

Rajah 2.2

Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Jumlah Diinsuranskan dan Jumlah Penyertaan yang Masih Berkuat Kuasa*



*Tidak termasuk insurans semula dan takaful semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Pada bulan November 2013, Bank mengeluarkan kertas konsep Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Life Insurance and Family Takaful Framework, LIFE Framework), yang mengandungi pakej pembaharuan yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan saluran penyampaian serta menggalakkan inovasi produk yang lebih giat. Ini disusuli dengan perbincangan dan interaksi yang meluas dengan kumpulan industri dan pihak berkepentingan lain pada tahun 2014. Cadangan Bank pada amnya diterima dengan baik, namun beberapa kebimbangan dibangkitkan, berkaitan pemansuhan had operasi bagi ganjaran agensi dan perbelanjaan pengurusan, yang boleh mengurangkan persaingan dalam pasaran serta nasihat berkaitan dengan produk yang diterima pengguna. Ini timbul memandangkan syarikat terbesar akan menaikkan tawaran komisen mereka dengan agresif untuk menarik ejen untuk menjual produk mereka. Beberapa penanggung insurans juga menyatakan bahawa cadangan kadar peruntukan minimum, yang dirangka untuk mengekalkan nilai kepada pemegang polisi, boleh menyebabkan produk sedia ada sukar dikekalkan dalam jangka masa panjang. Walaupun kebimbangan tersebut berasas, namun Bank berpendapat kesemua itu merupakan isu-isu peralihan yang boleh ditangani. Pelaksanaan pakej lengkap pembaharuan akan mewujudkan prasyarat untuk persaingan pasaran dan evolusi produk baharu dengan usul nilai (value proposition) yang lebih besar. Sebagai sebahagian daripada proses peralihan dan bagi mengurangkan potensi gangguan terhadap penyediaan produk dan perkhidmatan kepada pengguna, Bank akan melaksanakan Rangka Kerja LIFE secara berperingkat, bermula dengan langkah-langkah berikut pada tahun 2015:

- Pelaksanaan saluran langsung dan agregator produk untuk membolehkan pengguna membandingkan produk yang ditawarkan oleh pembekal yang berbeza dan membeli produk insurans hayat atau takaful keluarga melalui saluran langsung seperti Internet.

Ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan perlindungan yang akan diwujudkan untuk menggalakkan keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi;

- Semakan terhadap rangka kerja pengawalseliaan penasihat kewangan untuk memberikan fleksibiliti operasi yang lebih tinggi selain menambah baik senarai kelayakan yang diiktiraf bagi penasihat kewangan;
- Pemansuhan had skim pembiayaan agensi dan penjajaran struktur kos antara bankasurans/banktakaful dengan ejen korporat bagi produk bukan berkaitan pelaburan selain produk perlindungan tulen untuk memperluas saluran penyampaian produk insurans dan takaful; dan
- Memperkenalkan kad skor seimbang (balanced scorecard) bagi semua pengantara untuk mendorong tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi, serta memastikan keperluan pengguna untuk mendapat nasihat dan maklumat dapat dipenuhi dengan berkesan.

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015

Langkah-langkah tersebut akan disusuli dengan liberalisasi struktur komisen bagi produk berkaitan pelaburan, termasuk pengenalan kadar peruntukan minimum. Ini dijangka merangsang inovasi produk dan saluran penyampaian yang lebih pelbagai, yang boleh memenuhi berbagai-bagai keperluan pengguna berdasarkan tahap kesanggupan mengambil risiko, matlamat kewangan dan tahap celik kewangan seseorang individu.

Peralihan ke arah persekitaran penetapan harga terurus yang berasaskan pasaran pada tahun 2016

Pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja Motor) menyaksikan peningkatan yang ketara dalam proses penyelesaian tuntutan dalam sektor insurans motor. Pada tahun 2014, Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan, iaitu perkhidmatan *hotline* 24 jam yang diperkenalkan pada tahun 2013 untuk membantu orang ramai yang terlibat dalam kemalangan jalan raya, telah mengendalikan sebanyak 6,248 panggilan kemalangan motor dan kecemasan jalan raya. Pengedaran risalah dan panduan tuntutan motor yang meluas di hospital, balai polis dan pejabat pos juga memberikan panduan kepada pemilik kenderaan dan mangsa kemalangan motor tentang langkah-langkah penting yang perlu diambil untuk mempercepat tuntutan dan melindungi diri daripada pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil kesempatan daripada kesukaran yang dihadapi. Hasil daripada inisiatif di bawah Rangka Kerja Motor ini, masa yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan kecederaan anggota pihak ketiga nyata lebih singkat pada separuh pertama tahun 2014, dengan purata pengurangan sebanyak 39 hari berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Sejak penubuhan Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan Malaysia pada tahun 2007, pelbagai langkah yang diperkenalkan turut menyumbang kepada pengurangan insiden kecurian kenderaan. Bilangan kecurian pada tahun 2014 berkurang sebanyak 19.9% berbanding tahun 2013, yang menyumbang kepada pengurangan jumlah tuntutan yang dibayar bagi kerugian kecurian sebanyak kira-kira RM125 juta.

Penambahbaikan dalam proses penyelesaian tuntutan motor hasil daripada pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu

Bagi menambah baik proses tuntutan dan pengunderaitan penanggung insurans dan pengendali takaful, ISM Insurance Services Malaysia Berhad sedang dalam proses mewujudkan Sistem Perisikan Penipuan (Fraudulent Intelligence System, FIS). FIS adalah penting untuk menghasilkan penjimatan, dan akhirnya menyumbang kepada premium yang lebih rendah, dengan pengurangan kerugian yang ditanggung setiap tahun akibat tuntutan palsu, yang dianggarkan bernilai sebanyak kira-kira RM760 juta setahun. Pada peringkat permulaan, FIS akan hanya meliputi sektor motor sebelum diperluas kepada semua jenis perniagaan insurans dan takaful.

Perkembangan ini merintis jalan bagi penerusan rancangan untuk memansuhkan tarif dalam sektor motor secara beransur-ansur pada tahun 2016. Langkah sedemikian akan menghasilkan premium yang lebih mencerminkan risiko, iaitu pemilik polisi dengan profil risiko yang lebih baik menikmati premium yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan yang berisiko tinggi. Bagi memastikan perlindungan insurans motor kekal berpatutan dan memudahkan peralihan yang teratur ke arah persekitaran yang lebih liberal, premium pada peringkat awalnya akan diselaraskan dalam lingkungan yang ditetapkan. Pelan pembangunan terperinci yang menggariskan pendekatan yang akan diambil ke arah penetapan harga berasaskan pasaran sepenuhnya akan diumumkan pada tahun 2015.

Sebagai sebahagian daripada peralihan ini, pelarasan premium motor buat kali ketiga telah dilaksanakan pada 15 Februari 2014 di bawah Rangka Kerja Motor. Pelarasan yang sama seperti pusingan sebelumnya telah dibuat ke atas premium untuk tiga kelas kenderaan sahaja – kereta persendirian, motosikal dan bas ekspres. Kadar premium bagi kelas kenderaan lain kekal tidak berubah kerana harganya pada amnya telah mencerminkan pengalaman tuntutan yang lalu. Pusingan akhir pelarasan premium akan dilaksanakan pada tahun 2015.

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Pasaran kewangan domestik terus membangun sebagai saluran penting bagi aktiviti pemerolehan dana, pelaburan dan pengurusan risiko. Pada tahun 2014, jumlah sekuriti hutang terkumpul berkembang 8.2% kepada RM1,117.0 bilion (2013: RM1,032.5 bilion), dengan nilai nominal terbitan baharu sebanyak RM505.9 bilion (2013: RM501.2 bilion). Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar di Asia Tenggara, pada 104.4% daripada KDNK. Antara perkembangan penting pada tahun 2014 ialah terbitan bon tiga tahun bernilai RMB1.5 bilion oleh Cagamas Berhad pada bulan September 2014. Terbitan ini telah menarik permintaan yang kukuh dengan nisbah bida-lindungan sebanyak lebih tiga kali dan kadar kupon tetap sebanyak 3.7% setahun. Terbitan penting tersebut dengan nama pasaran `Tiger Emas Bond´, merupakan bon renminbi terbesar oleh penerbit Malaysia pada tahun 2014. Terbitan ini juga merupakan bon renminbi dan dalam denominasi bukan ringgit yang pertama diselesaikan menerusi Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) Malaysia, lantas mengesahkan keupayaan RENTAS menyokong terbitan dan depositori bon mata wang asing di pasaran antarabangsa.

Pasaran pertukaran asing juga tumbuh dengan pesat pada tahun 2014 dengan purata jumlah dagangan harian bagi urus niaga pertukaran asing meningkat 13.5% kepada USD11.8 bilion (2013: USD10.4 bilion). Untuk terus memodenkan infrastruktur pasaran kewangan, Bank memberikan kelulusan kepada sebuah broker wang elektronik asing untuk menyediakan platform pemadanan elektronik bagi pasaran pertukaran asing antara

Rajah 2.3

Sekuriti Hutang Terkumpul (Awam dan Swasta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4

Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



* Pada September 2014

Sumber: Asian Bonds Online

Penambahbaikan Standard Penetapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR)

Berikutan pembaharuan global baru-baru ini terhadap tanda aras kewangan, termasuk pengenalan Prinsip Tanda Aras Kewangan oleh Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (International Organisation of Securities Commissions, IOSCO), Bank telah menjalankan kajian semula terhadap Standard Penetapan Kadar KLIBOR (Standard) untuk terus memperkukuh keberkesanan KLIBOR dari segi tadbir urus, pengawasan, akauntabiliti dan ketelusan. Hasil daripada kajian semula ini, Bank memperkenalkan penambahbaikan terhadap rangka kerja KLIBOR seperti yang berikut:

- Prosedur luar jangka sekiranya terdapat gangguan pasaran atau operasi;
- Pengaturan lebih kukuh akan dibuat terhadap penyumbang KLIBOR untuk menangani konflik kepentingan, keperluan latihan dan pemberian maklumat (whistle-blowing);
- Prosedur mengendalikan aduan yang diajukan kepada Bank oleh pihak yang berkepentingan;
- Pengenalan hierarki data sebagai panduan bagi input penyumbangan;
- Pelaporan berkala oleh penyumbang KLIBOR yang bertujuan untuk memantau pematuhan terhadap Standard; dan
- Penubuhan jawatankuasa perunding untuk memberi khidmat nasihat pakar mengenai kemantapan proses penetapan kadar.

Penambahbaikan ini menjadikan Standard sejajar dengan Prinsip IOSCO mengenai Tanda Aras Kewangan yang merupakan rangka kerja menyeluruh bagi pembaharuan tanda aras seperti yang disokong oleh Lembaga Kestabilan Kewangan. Cadangan penambahbaikan adalah terkandung dalam kertas konsep yang dikeluarkan Bank pada 19 November 2014 dan dijangka dimuktamadkan menjelang suku pertama tahun 2015.

bank. Pengenalan broker wang elektronik asing merupakan sebahagian daripada liberalisasi berterusan pasaran pertukaran asing Malaysia dan dijangka mempercepat pembangunan saluran elektronik yang akan memperluas manfaat peningkatan kecekapan serta peluang melangkaui pasaran antara bank kepada pengantara lain dan pengguna akhir.

Sejajar dengan peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau, inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas telah dipergiat. Antara perkembangan berkaitan yang penting pada tahun 2014 ialah:

(i) Pengoperasian Kemudahan Deposit dan Pelaburan Renminbi

Kemudahan Deposit dan Pelaburan Renminbi (Renminbi Deposit and Investment Facility, RDIF), merupakan sebahagian daripada Kemudahan Mudah Tunai Renminbi yang ditawarkan oleh Bank untuk menambahkan mudah tunai renminbi dalam pasaran domestik. RDIF menyediakan saluran alternatif kepada institusi kewangan untuk menempatkan lebihan dana renminbi mereka dengan Bank. Pada akhir tahun 2014, institusi kewangan tempatan telah menempatkan sebanyak RMB3.5 bilion dengan Bank melalui RDIF. Peluang sedia wujud bagi institusi kewangan tempatan untuk terus menggunakan RDIF, khususnya dalam mengurus mudah tunai jangka pendek mereka. Oleh itu, kemudahan ini menyediakan pemangkin untuk meningkatkan penawaran produk pelaburan renminbi seperti deposit renminbi dalam negeri.

(ii) Pelantikan bank penjelasan renminbi yang khusus

Susulan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani Bank dengan People's Bank of China pada 10 November 2014, Bank of China Malaysia Berhad telah dilantik sebagai bank penjelasan renminbi bagi Malaysia pada 5 Januari 2015. Ini menandakan satu lagi kerjasama yang bermakna dengan People's Bank of China dalam membangunkan infrastruktur kewangan Malaysia untuk memudahkan penggunaan mata wang tempatan dalam aliran perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Dengan akses langsung kepada pasaran kewangan China, bank penjelasan renminbi ini akan membolehkan institusi kewangan Malaysia untuk memperoleh dana renminbi terus daripada pasaran kewangan tempatan China pada kadar yang kompetitif. Dengan kebanyakan

bank penjelasan renminbi kini terletak di negara maju, pelantikan bank penjelasan renminbi bagi Malaysia – yang pertama untuk ekonomi sedang membangun Asia di luar China – merupakan perkembangan penting dalam penyediaan satu lagi pilihan yang berdaya maju untuk firma dan institusi kewangan di rantau ASEAN untuk mengurus urus niaga renminbi mereka dengan lebih berkesan pada masa depan.

Inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas telah dipergiat

Satu lagi perkembangan penting pada tahun 2014 ialah enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 (Netting of Financial Agreements Bill 2014, NFA) pada bulan Disember 2014 yang memberikan jaminan undang-undang bahawa pengaturan penghasilan bersih di bawah perjanjian kewangan yang lazim digunakan di Malaysia boleh dikuatkuasakan. NFA, yang berkuat kuasa pada tahun 2015, mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ dan memperkukuh hak dan obligasi kontraktual rakan niaga di bawah perjanjian kewangan yang layak. Perjanjian kewangan ini termasuk International Swap and Derivatives Association (ISDA) Master Agreement, Global Master Repurchase Agreement dan International Securities Lending Agreement yang mentadbir urus derivatif di kaunter, perjanjian beli semula, jual dan beli balik sekuriti (securities sell-buy back), serta urus niaga peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti untuk sekuriti hutang tidak tersenarai.

Walaupun penghasilan bersih memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko sistemik, diakui bahawa semasa krisis, kemampuan pihak berkuasa resolusi untuk melaksanakan strategi resolusi secara berkesan boleh terjejas dengan ketara oleh tindakan rakan niaga yang ingin menguatkuasakan penghasilan bersih. Selaras dengan Ciri Utama Rejim Resolusi Berkesan Institusi Kewangan (Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions) yang dikeluarkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan, penguatkuasaan pengaturan penghasilan bersih di bawah NFA adalah tertakluk kepada penangguhan sementara untuk memudahkan resolusi yang teratur bagi institusi kewangan di bawah senario tekanan. Ini juga selaras dengan usaha global, yang diketuai ISDA, untuk memasukkan penangguhan sementara dalam pengaturan kontraktual bagi memudahkan aplikasi keperluan resolusi merentas sempadan. Di bawah NFA, Menteri diberikan kuasa untuk menetapkan tempoh penangguhan sementara berdasarkan syor pihak berkuasa berkenaan yang bertanggungjawab terhadap resolusi institusi kewangan. Ini bagi memastikan pelaksanaan yang konsisten di semua institusi yang dikawal selia. Menteri juga mempunyai kuasa yang perlu untuk menangani perkembangan perundangan atau pasaran pada masa depan yang boleh menimbulkan ketidakpastian tentang sama ada pengaturan penghasilan bersih boleh dikuatkuasakan.

Enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´

Enakmen NFA dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ akan terus menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan pasaran derivatif Malaysia, melalui peningkatan mudah tunai pasaran dan pengurangan kos pengenalan bagi rangkaian instrumen pengurusan risiko yang lebih luas.

MEMAJUKAN AGENDA RANGKUMAN KEWANGAN

Bank terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap usaha memajukan agenda rangkuman kewangan. Bagi memantau kemajuan inisiatif rangkuman kewangan, Bank melaksanakan rangka kerja pemantauan yang sistematik berdasarkan empat dimensi am berikut:

- `Tahap boleh akses yang mudah´ mengukur ketersediaan pusat akses kewangan di setiap mukim di negara ini;
- `Kadar pengambilan' mengukur akses penduduk kepada produk dan perkhidmatan kewangan;
- `Penggunaan yang bertanggungjawab´

mengukur tahap penggunaan ataupun aktiviti berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan; dan

- `Tahap kepuasan´ yang mengukur kualiti dan kecekapan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan, berdasarkan kepuasan pengguna.

Pelaksanaan rangka kerja pemantauan rangkuman kewangan yang sistematik adalah selaras dengan objektif Deklarasi Maya dan Perjanjian Sasana. Deklarasi Maya, yang dilancarkan pada tahun 2011, merupakan set komitmen pertama yang boleh diukur yang dirumuskan oleh negara anggota Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) untuk menjangkau 2.5 bilion penduduk dunia yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan menerusi rangkuman kewangan yang lebih luas. Untuk terus mengukuhkan keberkesanan komitmen tersebut, rangkaian AFI menerima pakai Perjanjian Sasana pada tahun 2013. Di bawah Perjanjian tersebut, anggota AFI komited kepada matlamat yang boleh dinilai dan diukur di negara masing-masing dan memantau kemajuannya menerusi Set Teras Penunjuk Rangkuman Kewangan AFI.

Bank juga menjalankan kaji selidik rangkuman kewangan dari segi permintaan (financial inclusion demand-side survey) yang kedua pada bulan Januari 2015 untuk menilai keberkesanan inisiatif yang dilancarkan sejak kaji selidik pertama pada tahun 2011. Hasil kaji selidik akan terus digunakan sebagai input penting dalam penetapan keutamaan rangkuman kewangan Bank pada masa depan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam daripada kaji selidik itu mengenai keperluan kewangan penduduk yang sentiasa berubah dan akses mereka kepada perkhidmatan kewangan, pendekatan yang lebih terarah dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar boleh dicapai.

Dalam usaha meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan, Rangka Kerja Perbankan Ejen terus dikembangkan. Beberapa institusi kewangan melaksanakan inisiatif perbankan ejen pada tahun 2014 dengan penyertaan kedai runcit dan pertubuhan peladang. Rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan menerusi perbankan ejen juga lebih luas, dengan sebuah institusi kewangan pembangunan kini membenarkan pelanggan untuk membuka akaun bank menerusi ejennya. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 95% daripada 872 mukim dengan penduduk melebihi 2,000 orang atau daerah Dewan Undangan Negeri (DUN) di Sabah mendapat manfaat daripada kewujudan kemudahan perbankan (2011: 46%). Perbankan ejen mewakili satu-satunya kemudahan perbankan di 53% daripada mukim/DUN ini. Hasilnya, sebanyak 99% penduduk Malaysia mempunyai akses kepada perkhidmatan bank pada masa ini, sama ada menerusi cawangan bank, ejen atau kedua-duanya. Pada masa yang sama, sebanyak 92% penduduk dewasa di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya satu akaun deposit, dengan 90% daripadanya merupakan akaun aktif dengan deposit dan pengeluaran secara kerap. Manfaat daripada rangka kerja ini telah dapat dinikmati oleh pengguna kewangan. Beberapa komuniti, yang sebelum ini terpaksa melalui perjalanan sehingga sejauh 140 kilometer untuk pergi ke cawangan bank terdekat, kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang terletak dalam jarak yang boleh sampai dengan berjalan kaki. Dalam sesetengah keadaan, ini telah menghasilkan penjimatan dari segi kos pengangkutan sehingga RM100 bagi setiap perjalanan ke cawangan bank, dan dari segi masa perjalanan sehingga tiga jam. Masyarakat luar bandar juga mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan dalam tempoh yang lebih lama kerana urus niaga dijalankan mengikut waktu operasi ejen, yang biasanya lebih panjang daripada waktu operasi biasa cawangan bank.

Lebih banyak ejen perbankan dilancarkan dengan penawaran perkhidmatan yang lebih pelbagai

Skim Pembiayaan Mikro, yang menerusinya sektor kewangan dapat memberikan sokongan pembiayaan kepada perusahaan mikro, terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih sederhana dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jumlah pembiayaan terkumpul yang diberikan di bawah Skim Pembiayaan Mikro ialah RM863.2 juta pada akhir tahun 2014 dan telah memberikan manfaat kepada peminjam menerusi lebih 66,000 akaun. Sebanyak RM2.7 bilion telah diluluskan kepada lebih 168,000 akaun perusahaan mikro sejak skim ini dimulakan pada tahun 2006. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pembiayaan yang diberikan di bawah Skim Pembiayaan Mikro dalam beberapa tahun

kebelakangan ini sebahagian besarnya disebabkan penyediaan lebih banyak saluran pembiayaan alternatif oleh pelbagai agensi kerajaan bagi membolehkan perusahaan mikro mendapatkan pembiayaan. Beberapa bank dan institusi kewangan pembangunan yang menyertai skim ini juga mencatat jumlah pembiayaan terjejas yang lebih tinggi. Beberapa institusi kewangan yang menyertai skim ini telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengkaji semula mekanisme pemantauan sedia ada bagi membolehkan intervensi lebih awal yang bersesuaian dengan ciri peminjam, bagi mengelakkan kemungkiran. Ini termasuk menyediakan khidmat nasihat kepada peminjam mikro. Pada tahun 2014, satu skim dengan syarat pembayaran balik yang fleksibel juga dilancarkan bagi memenuhi keperluan perusahaan mikro yang mempunyai aliran pendapatan yang tidak tetap atau bermusim. Program rintis akan dilancarkan oleh sebuah institusi kewangan pembangunan pada tahun 2015 untuk menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Di bawah program ini, pemegang akaun akan membuat simpanan secara kecil-kecilan untuk suatu tempoh masa tertentu dan menikmati pulangan yang menggalakkan, dan pada masa yang sama, masih mempunyai akses kepada wang simpanan itu jika timbul sebarang keperluan yang mendesak. Produk tersebut dijangkakan dapat memupuk tabiat menabung secara kerap dan membawa kepada peningkatan taraf hidup dalam kalangan segmen berpendapatan rendah. Bagi memenuhi keperluan perlindungan segmen berpendapatan rendah dan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, produk insurans dan takaful yang mampu diperoleh sedang dirintis oleh beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful. Ejen perbankan dan pejabat pos juga sedang dikaji untuk dijadikan saluran berpotensi untuk mengedarkan produk-produk ini disebabkan jangkauannya yang luas. Bank akan mengeluarkan satu rangka kerja produk insurans mikro dan takaful mikro pada tahun 2015, dengan mengambil kira pengalaman skim rintis ini. Rangka kerja ini bertujuan memastikan persekitaran kawal selia yang menyokong produk insurans mikro dan takaful mikro yang bukan sahaja mampu diperoleh, bahkan mampan dari segi komersial.

Pada peringkat antarabangsa, Bank terus memberikan sokongan padu kepada pembangunan kewangan yang inklusif. Sebagai pengiktirafan terhadap peranan ini, Malaysia telah berjaya dalam bidaannya untuk menjadi tuan rumah bagi ibu pejabat AFI, iaitu rangkaian global penggubal dasar dari lebih 100 negara. Ini akan membuka lebih banyak peluang buat Malaysia untuk memainkan peranan strategik dalam mengukuhkan kerjasama merentas sempadan dalam bidang perbankan pusat dan kewangan. Usaha juga sedang dilaksanakan untuk menubuhkan Pertukaran Pengetahuan Rangkuman Kewangan Global (Global Financial Inclusion Knowledge Exchange) untuk menjadi repositori pusat bagi penggubal dasar yang terlibat dengan rangkuman kewangan.

Sumbangan aktif Bank kepada agenda rangkuman kewangan global juga termasuk pembangunan secara usaha sama Penunjuk Set Teras (Penunjuk) dan Indeks Rangkuman Kewangan (Indeks) di bawah Kumpulan Kerja Data Rangkuman Kewangan AFI untuk memantau kemajuan rangkuman kewangan di negara-negara yang berbeza. Pembangunan Penunjuk dan Indeks ini adalah berdasarkan metodologi dan rangka kerja yang dibangunkan secara dalaman oleh Bank untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di Malaysia. Bank juga menyumbang kepada penyediaan kertas dasar, yang disokong badan penetapan piawaian antarabangsa, termasuk Bank for International Settlements, mengenai pelbagai isu rangkuman kewangan, seperti kesan piawaian global terhadap rangkuman kewangan, pemerkasaan pengguna dan amalan pasaran, perbincangan dan interaksi sektor awam-sektor swasta, serta peningkatan akses kepada kewangan untuk PKS. Bank, dengan kerjasama AFI, juga telah menganjurkan program bina upaya yang memberikan manfaat kepada 132 penggubal dasar dari 46 negara dalam bidang-bidang yang menyokong agenda rangkuman kewangan.

MALAYSIA SEBAGAI PASARAN KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Pasaran kewangan Islam mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2014, hasil sokongan beberapa inisiatif baharu yang bertujuan menjadikan pasaran lebih teguh. Sektor perbankan Islam mencatat pertumbuhan 12.0% pada tahun 2014, mencakupi 25.6% daripada jumlah aset keseluruhan sistem perbankan. Aset mata wang asing dalam sektor perbankan Islam juga meningkat kepada RM27.7 bilion, mencerminkan peningkatan kepentingan urus niaga merentas sempadan dalam kewangan Islam (2013: RM19.3 bilion). Pada tahun 2014,

Rajah 2.5

Aset, Pembiayaan dan Deposit Mata Wang Asing Bank-bank Islam*



* Termasuk Bank-bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

tiga bank konvensional memulakan operasi jendela perbankan Islam dan operasi unit perniagaan mata wang antarabangsa, lantas meningkatkan kepelbagaian dan daya saing pasaran. Pengelasan akaun pelaburan, yang berbeza daripada deposit Islam, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) juga terus mengukuhkan potensi pertumbuhan sektor itu menerusi rangkaian produk yang lebih luas untuk memenuhi pelbagai keperluan pengguna. Susulan itu, Bank mengeluarkan Rangka Kerja Akaun Pelaburan bagi menyokong pembangunan dan pengoperasian akaun pelaburan secara teratur sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu yang berlandaskan Syariah. Butiran akaun pelaburan dihuraikan dalam rencana bertajuk `Akaun Pelaburan di bawah IFSA'.

Rangka Kerja Akaun Pelaburan akan menyokong pembangunan dan pengoperasian akaun pelaburan secara teratur sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu yang berlandaskan Syariah

Dalam sektor takaful, jumlah aset dana takaful meningkat kepada RM22.7 bilion pada akhir tahun 2014 (2013: RM20.9 bilion), manakala jumlah caruman takaful bersih merupakan 13.3% daripada jumlah premium dan caruman bersih sektor insurans dan takaful.

Malaysia juga terus menjadi destinasi pilihan untuk terbitan sukuk oleh syarikat dan organisasi antarabangsa. Pada tahun 2014, sebanyak 65.6% daripada terbitan baharu sukuk global, bersamaan dengan USD77.9 bilion, diterbitkan di Malaysia. Data terbaharu menunjukkan lebih 57% daripada jumlah sukuk global terkumpul diterbitkan di Malaysia. Sebanyak lima sukuk dalam denominasi mata wang asing diberikan status `Emas' pada tahun 2014, menjadikan jumlah sukuk berstatus `Emas' sejak tahun 2009 kepada 18. Tahun 2014 turut menyaksikan sukuk pertama dalam denominasi yen Jepun diterbitkan di Malaysia, lantas mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi terbitan sukuk pelbagai mata wang.

Pada tahun 2014, beberapa bank Malaysia dilantik sebagai pengurus utama bersama bagi memudahkan terbitan sukuk oleh organisasi antarabangsa dan Kerajaan Hong Kong SAR, Indonesia, Turki dan United Kingdom. Bursa Malaysia juga dipilih sebagai salah satu platform penyenaraian untuk perdagangan sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan Hong Kong SAR. Sebagai mencerminkan peningkatan permintaan merentas sempadan terhadap sukuk, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) akan dimasukkan dalam indeks Barclays Global

Rajah 2.6

Jumlah Sukuk Global Terkumpul Tahun 2014



Sumber: Islamic Finance Information Service, Zawya, Bloomberg, Kuwait Finance House Research

Aggregate, Asian Pacific Aggregate dan EM Local Currency Government mulai 31 Mac 2015. Ini membolehkan GII dipasarkan kepada lebih banyak pelabur antarabangsa. Bagi memperluas jangkauan kewangan Islam di seluruh dunia, Bank melancarkan platform digital Global Conversations pada bulan September 2014. Platform ini terdiri daripada satu siri *hashtag* Twitter dan aplikasi mudah alih MYIF yang memberikan maklumat terkini mengenai perkembangan, tinjauan dan aliran urus janji terkini pasaran kewangan Islam Malaysia dan dari seluruh pelosok dunia. Secara khususnya, *hashtag* #YnotIF (yang merupakan singkatan untuk `Why Not Islamic Finance' atau `Mengapa Tidak Kewangan Islam'), diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan kewangan Islam kepada komuniti kewangan global.

PERKEMBANGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Di rantau ASEAN, kemajuan ketara dalam usaha memperkukuh integrasi kewangan telah dicapai bagi merealisasikan visi pembentukan sebuah pasaran tunggal untuk barangan dan perkhidmatan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN. Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan, yang dijangka disempurnakan pada suku pertama 2015, menandakan langkah paling bermakna dalam liberalisasi perkhidmatan kewangan setakat ini di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan. Di bawah Pakej Keenam, negara ASEAN membuat tawaran akses pasaran merentas semua mod bekalan yang meliputi subsektor perbankan, insurans dan pasaran modal. Ini termasuk bidang lesen baharu, fleksibiliti yang lebih kepada bank untuk membuka cawangan, had ekuiti asing yang lebih tinggi dan pergerakan ekspatriat profesional yang lebih mudah dalam sektor kewangan. Secara kolektif, tawaran ini akan menyediakan lebih banyak akses dan kepastian bagi operasi dan pelaburan institusi kewangan di ASEAN. Bagi Malaysia, tawaran baharu ini selaras dengan dasar sektor kewangan semasa, terutamanya yang berkaitan dengan sektor insurans dan pasaran modal. Ini termasuk liberalisasi terhadap syarat kemasukan kepada penanggung insurans langsung dan penanggung insurans semula, menggalakkan pembangunan dan integrasi pasaran modal serantau menerusi liberalisasi had ekuiti asing di syarikat broker saham, dan meningkatkan kumpulan tenaga mahir menerusi pengambilan ekspatriat untuk bekerja dalam bidang khusus.

Bersama-sama dengan Pakej Keenam ini, satu lagi pencapaian yang penting ialah penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF). ABIF merupakan pendekatan pragmatik yang membolehkan integrasi perbankan serantau yang lebih kukuh melalui pengaturan dua hala yang saling memberi manfaat dengan mengambil kira tahap kesediaan setiap negara anggota. Objektif jangka terdekat ABIF adalah untuk mewujudkan pasaran perbankan yang lebih bersepadu, diterajui Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks, QAB) yang mempunyai kehadiran yang bermakna di seluruh negara ASEAN. ABIF dibentuk berdasarkan prinsip yang mengutamakan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih pesat, dan menekankan keterangkuman, ketelusan dan kesalingan dengan mengambil kira ketersediaan setiap negara anggota untuk melaksanakan liberalisasi sektor kewangan yang lebih meluas.

Di bawah ABIF, QAB yang mempunyai keupayaan dan diurus dengan baik akan menjadi penanda aras serantau. QAB ini akan diberikan lebih banyak akses dan fleksibiliti untuk meluaskan operasi di pasaran serantau. Berdasarkan penilaian manfaat timbal balik kepada negara asal dan negara tuan rumah, ABIF akan memberikan lebih banyak peluang kepada bank ASEAN untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau menerusi pengantaraan aliran kewangan merentas sempadan yang berkesan di rantau ini. Dengan pelaksanaan ABIF, pengaturan pengawalseliaan dan penyeliaan juga akan diperkukuh bagi memastikan kestabilan kewangan serantau terpelihara.

Penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN akan merintis jalan untuk mewujudkan pasaran perbankan yang lebih bersepadu dalam rantau ASEAN

Pada 31 Disember 2014, Bank, Bank Indonesia dan Otoritas Jasa Keuangan menandatangani Perjanjian (Heads of Agreement) sebagai pelopor kepada penyempurnaan ABIF. Perjanjian ini mengenal pasti langkah yang dipersetujui antara pihak berkuasa Indonesia dengan Malaysia berhubung akses pasaran dan

Akaun Pelaburan di bawah IFSA

Kewangan Islam, melalui penawaran pelbagai kontrak berlandaskan Syariah, berada pada kedudukan yang baik untuk menyediakan perkhidmatan kepada sektor ekonomi benar dan memenuhi keperluan dinamik para pelanggan. Pengenalan akaun pelaburan oleh bank-bank Islam merupakan satu langkah penting dalam merealisasikan potensi ini. Akaun pelaburan menawarkan saluran pelaburan baharu yang boleh memenuhi pilihan risiko-pulangan yang lebih pelbagai bagi pelabur, lantas menyumbang kepada pembiayaan keusahawanan dalam sektor ekonomi benar. Bagi bank-bank Islam, akaun pelaburan merupakan sumber pendanaan baharu yang membuka peluang kepada mereka untuk menyalurkan dana dengan cekap kepada aktiviti yang produktif melalui aplikasi kontrak Syariah yang lebih meluas seperti kontrak pembiayaan berasaskan ekuiti. Ini seterusnya akan memperluas peranan bank-bank Islam sebagai pengantara kewangan dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Rencana ini bertujuan memberikan gambaran mengenai konsep dan ciri utama akaun pelaburan, implikasi kepada pelanggan dan bank-bank Islam, serta langkah-langkah yang diambil industri perbankan Islam untuk menyediakan mekanisme pasaran yang cekap dalam penawaran produk akaun pelaburan.

Akaun Pelaburan sebagai Penawaran Produk Baharu kepada Pelanggan

Perbezaan yang jelas antara akaun pelaburan dengan akaun deposit di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) merintis perencanaan untuk mempercepat pertumbuhan akaun pelaburan sebagai suatu kelas aset dan sumber pendanaan berlandaskan Syariah yang unik bagi bank-bank Islam. Pelanggan yang sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi boleh memilih untuk menyimpan dana lebihan mereka dalam akaun pelaburan. Berbeza dengan deposit Islam yang boleh dikeluarkan atas permintaan dan dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), pelanggan akaun pelaburan boleh melabur dana mereka untuk tempoh yang lebih panjang dan berpeluang meraih pulangan yang lebih tinggi, namun tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran yang lebih terbatas.

Akaun pelaburan boleh distrukturkan mengikut profil risiko dan pulangan yang berbeza, bergantung pada ciri aset yang menjadi sandarannya. Dana yang diperoleh boleh disalurkan kepada pelbagai jenis pembiayaan, bukan sahaja pembiayaan berasaskan hutang, malah pembiayaan berasaskan ekuiti serta pendanaan usaha niaga berdaya maju di bawah kriteria kredit yang lebih luas (contohnya, usaha niaga di luar had penumpuan atau *concentration limits*, sesebuah bank Islam), sejajar dengan ciri penyerapan risiko akaun pelaburan. Dari segi jenis aset yang dibiayai, dana tersebut boleh disalurkan kepada aset tertentu seperti pembiayaan perdagangan kepada pengeksport individu, atau kepada sesuatu portfolio aset seperti pembiayaan kepada suatu kumpulan perusahaan kecil dan sederhana.

Akaun pelaburan merupakan saluran tambahan bagi usaha niaga mendapatkan pembiayaan selain daripada dana ekuiti swasta dan dana modal usaha niaga. Tahap pulangan kepada pelanggan bergantung pada prestasi aset sandaran, dengan pulangan lebih tinggi boleh dijana daripada struktur pembiayaan berasaskan ekuiti serta strategi pengurusan modal dan mudah tunai yang lebih cekap oleh bank-bank Islam. Bentuk pulangan akaun pelaburan ditentukan oleh jenis kontrak Syariah yang digunakan. Kontrak-kontrak tersebut pada amnya tergolong dalam kategori berikut:

- Kontrak Musyarakah (perkongsian untung dan rugi) – keuntungan dikongsi antara pelanggan dengan sesebuah bank Islam berdasarkan nisbah yang dipersetujui dan kerugian ditanggung berdasarkan jumlah modal yang disumbangkan;
- Kontrak Mudarabah (perkongsian untung dan penanggungan rugi) – keuntungan dikongsi antara pelanggan dengan sesebuah bank Islam berdasarkan nisbah keuntungan yang dipersetujui, manakala kerugian ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan sebagai penyumbang modal tunggal; atau
- Kontrak Wakalah (perwakilan) – keuntungan diberikan kepada pelanggan selepas mengambil kira pembayaran yuran perwakilan (dikenakan ketika jumlah prinsipal mula dilaburkan atau ketika pulangan dijana) dan fi prestasi diberikan kepada bank Islam apabila pulangan melebihi suatu tanda aras yang dipersetujui.

Dua jenis akaun pelaburan utama yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia ialah akaun pelaburan terhad dan akaun pelaburan tidak terhad. Akaun pelaburan terhad (restricted investment accounts, RA) membolehkan pelanggan menentukan mandat pelaburan dan memilih aset sandaran untuk tujuan pendanaan. Selaras dengan parameter pelaburan yang lebih terbatas, tempoh matang RA perlu sepadan dengan tempoh pemegangan aset sandaran yang dipilih, dengan sekatan tambahan ke atas pemegang akaun untuk mengeluarkan dana mereka sebelum tempoh matang. Akaun pelaburan tidak terhad (unrestricted investment accounts, UA) pula membolehkan bank-bank Islam menentukan mandat pelaburan dan struktur akaun pelaburan, yang mungkin melibatkan penggabungan UA yang berlainan untuk dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset sandaran, sebagai pertukaran bagi syarat pengeluaran yang lebih fleksibel oleh pelanggan. Meskipun akaun pelaburan boleh disuaipadankan untuk memenuhi keperluan dan pilihan kumpulan pelanggan yang pelbagai, pelaburan tersebut tidak dijamin oleh PIDM. Di bawah IFSA, perbezaan penting antara UA, RA dan akaun deposit perlu diperjelaskan oleh sesebuah bank Islam dalam aspek operasi dan juga urus niaganya dengan pelanggan. Gambar Rajah 1 menunjukkan produk-produk utama yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

Gambar Rajah 1

Penawaran Produk Utama oleh Bank-bank Islam



Pengurusan Akaun Pelaburan oleh Bank-bank Islam

Pengurusan akaun pelaburan adalah tertakluk kepada dasar mengenai akaun pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Mac 2014. Dokumen dasar tersebut menggariskan keperluan kecukupan modal dan mudah tunai bagi akaun pelaburan yang mencerminkan sifat penyerapan risikonya, keperluan penzahiran tambahan yang setara dengan risiko yang ditanggung pemegang akaun, dan tanggungjawab bank-bank Islam untuk mengurus pelaburan mengikut prinsip pelaburan yang berhemat. IFSA juga melindungi kepentingan pemegang akaun pelaburan dengan memberikan keutamaan kepada

pemegang akaun untuk membuat tuntutan terhadap aset sandaran yang dibiayai sekiranya berlaku pembubaran aset sandaran. Khususnya, IFSA menetapkan aset sandaran hendaklah dilindungi (ring-fenced) bagi memenuhi tuntutan pemegang akaun pelaburan. Gambaran keseluruhan mengenai pengurusan akaun pelaburan ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2

Peranan Pengantaraan Bank-bank Islam dalam Pengurusan Akaun Pelaburan



Penawaran Akaun Pelaburan Secara Cekap Melalui Platform Akaun Pelaburan

Strategi utama untuk mendapatkan penyertaan padu pelabur berpotensi dan menyedia akses seluas mungkin bagi usaha niaga pelaburan dan institusi penaja prospektif adalah dengan memanfaatkan infrastruktur yang dikongsi bersama dalam penawaran akaun pelaburan. Perkongsian infrastruktur boleh mengurangkan kos permulaan yang sepatutnya ditanggung oleh setiap bank Islam dan pada masa yang sama menyediakan asas untuk meningkatkan kecekapan pada masa akan datang. Platform Akaun Pelaburan, yang akan dibangunkan oleh industri perbankan Islam, akan berfungsi sebagai platform berpusat yang melibatkan pelbagai bank, yang membolehkan pelanggan mengakses dan memilih daripada pelbagai usaha niaga yang ditaja bank-bank Islam yang berbeza, untuk membuat pelaburan dan memantau pelaburan mereka. Platform tersebut, akan beroperasi menggunakan infrastruktur yang sama seperti perbankan Internet dan mudah alih, dilengkapi ciri inovatif berikut:

- Pelbagai pilihan usaha niaga yang berdaya maju – Usaha niaga yang tersenarai di platform ini akan dinilai dan disaring terlebih dahulu oleh bank Islam penaja. Semua usaha niaga yang tersenarai adalah berlandaskan Syariah.
- Kawalan terhadap kualiti maklumat dalam membuat keputusan – Setiap usaha niaga yang tersenarai akan disertakan maklumat penting untuk membantu pelanggan membuat pilihan pelaburan. Maklumat ini perlu mematuhi piawaian penzahiran minimum yang turut meliputi penerangan mengenai usaha niaga, syarat pembiayaan (seperti tempoh pembiayaan dan nisbah perkongsian keuntungan), anggaran kadar keuntungan dan tahap risiko usaha niaga seperti yang dikategorikan oleh bank penaja.
- Kemudahan urus niaga – Pelanggan boleh menyaring pilihan mereka mengikut jenis usaha niaga yang ingin dilabur, berdasarkan faktor seperti industri yang mendasarinya, lokasi usaha niaga,

tahap risiko dan tempoh pembiayaan. Pelanggan juga boleh menyaring usaha niaga pelaburan berdasarkan pilihan bank Islam yang menjadi penaja sesuatu usaha niaga.

- Penilaian kesesuaian – Bank penaja akan menilai kesesuaian pelaburan yang ingin dibuat berdasarkan tahap kesanggupan mengambil risiko dan kedudukan kewangan pelanggan. Walau bagaimanapun, keputusan sama ada hendak meneruskan pelaburan atau tidak masih terletak di tangan pelanggan tersebut. Mana-mana pelanggan yang memilih untuk meneruskan pelaburan yang tidak selaras dengan penilaian kesesuaian bank penaja akan diberikan peringatan sewajarnya mengenai risiko yang terbabit.
- Pemantauan yang kerap – Pelanggan akan diberikan laporan prestasi usaha niaga mereka sekurang-kurangnya dua kali setahun. Laporan itu turut mengandungi penilaian oleh bank penaja mengenai risiko yang mungkin timbul berkaitan dengan usaha niaga tersebut.

Platform Akaun Pelaburan akan ditadbir oleh sebuah entiti yang ditubuhkan oleh bank-bank Islam. Entiti tersebut akan bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus penyenaraian usaha niaga pelaburan oleh bank Islam penaja. Setiap bank Islam penaja yang menggunakan platform tersebut masih tertakluk kepada tanggungjawab fidusiari kepada pemegang akaun pelaburan melalui akaun pelaburan yang ditawarkan di bawah platform itu. Gambar Rajah 3 menunjukkan mekanisme umum Platform Akaun Pelaburan.

Gambar Rajah 3

Mekanisme Umum Platform Akaun Pelaburan



Platform tersebut akan disepadukan dengan infrastruktur pembayaran sedia ada dan sistem teknologi maklumat bank penaja bagi memastikan pemindahan dana secara cekap daripada pelanggan pada peringkat permulaan tempoh pembiayaan, serta pembayaran balik prinsipal dan sebarang keuntungan pada akhir tempoh pembiayaan. Ciri penting yang membezakan platform tersebut dengan platform lain, seperti platform pendanaan yang diperoleh daripada orang ramai (crowd-sourced funding), ialah penglibatan bank sebagai pengantara kewangan dalam urus niaga.

Platform Akaun Pelaburan dijangka menambah peluang penyertaan pengguna berdasarkan perkongsian risiko, dengan memberikan keyakinan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan aktiviti keusahawanan serta aktiviti ekonomi yang lain. Dalam jangka masa panjang, kejayaan platform ini boleh merintis kepada penawaran pembiayaan dalam pelbagai mata wang bagi usaha niaga di luar Malaysia.

Pelaksanaan akaun pelaburan secara berkesan, yang disokong Platform Akaun Pelaburan, merupakan satu lagi inisiatif strategik untuk memacu pembangunan kewangan Islam dalam menyokong aktiviti ekonomi benar. Ini boleh dicapai melalui struktur pembiayaan inovatif yang lebih luas dengan peranan penting dimainkan oleh bank-bank Islam.

fleksibiliti operasi yang akan diberikan kepada institusi perbankan yang diiktiraf sebagai QAB dalam negara masing-masing. Dalam memperlihatkan proses dua hala yang menjadi komponen penting ABIF, Perjanjian dijangka membuka jalan untuk pengendalian pengaturan dua hala lain di bawah ABIF pada masa akan datang.

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, selain usaha mengukuhkan integrasi kewangan, inisiatif menggalakkan rangkuman kewangan juga menjadi keutamaan Malaysia supaya pengguna ASEAN boleh mendapat manfaat daripada integrasi kewangan dan akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi khusus seperti AFI. Bank juga akan terus berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan negara dan serantau bagi memperkukuh inisiatif bina upaya di rantau ini untuk menyokong usaha merealisasikan potensi pertumbuhan ASEAN.

Pada tahun 2014, Malaysia telah melalui Penilaian Setara Fasa 2 Forum Global Mengenai Ketelusan dan Pertukaran Maklumat untuk Tujuan Percukaian yang menilai pelaksanaan secara praktikal piawaian global bagi pertukaran maklumat. Hasilnya, Malaysia diberikan penarafan keseluruhan `Pematuhan Hampir Menyeluruh'. Melangkah ke hadapan, Malaysia akan menerima pakai piawaian global pertukaran maklumat secara automatik untuk tujuan percukaian menjelang tahun 2018, tertakluk kepada penyempurnaan prosedur perundangan yang perlu. Ini lantas mencerminkan komitmen Malaysia untuk menjalin kerjasama antarabangsa yang lebih erat dalam memerangi aktiviti pengelakan cukai bagi memastikan integriti sistem kewangan terpelihara.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN SECARA BERTERUSAN

Pada tahun 2014, Bank meneruskan kerjasamanya dengan industri perkhidmatan kewangan untuk membangunkan infrastruktur pembangunan tenaga mahir yang menyeluruh bagi memastikan kumpulan tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan, dengan tahap piawaian profesional yang lebih tinggi.

Beberapa inisiatif utama dilaksanakan pada tahun 2014:

(i) Penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan

Bagi menyediakan hala tuju strategik bagi pembangunan tenaga mahir sektor kewangan, Bank menubuhkan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Majlis) pada bulan Julai 2014. Penubuhan Majlis ini, yang telah dikenal pasti di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, mempertemukan individu dengan pengalaman yang luas dan mendalam daripada industri perkhidmatan kewangan dan akademik. Berdasarkan permintaan terhadap tenaga mahir sektor kewangan Malaysia pada masa hadapan, Majlis berperanan mengenal pasti strategi untuk terus membangunkan, menarik minat, mengekalkan dan menempatkan tenaga mahir tempatan dan antarabangsa bagi memenuhi permintaan ini. Tumpuan jangka terdekat Majlis adalah terhadap:

- Mengenal pasti dan menentukan kekurangan kemahiran, trend asas yang memacu permintaan tenaga mahir serta sumber utama bekalan tenaga mahir; dan
- Menilai keberkesanan semua penyedia latihan dan pembangunan yang menyokong peningkatan kemahiran kumpulan tenaga mahir industri.

Infrastruktur pembangunan tenaga mahir yang menyeluruh bertujuan memastikan kumpulan tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan dengan tahap piawaian profesional yang lebih tinggi

Hasil kajian awal serta perbincangan dan interaksi Majlis telah mendedahkan beberapa pemerhatian penting seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2.1.

Melangkah ke hadapan, Majlis akan meningkatkan perbincangan dan interaksi dengan industri, sektor swasta dan sektor awam, serta institut pendidikan dan latihan. Maklum balas dan penilaian daripada sesi-sesi tersebut akan dijadikan asas kepada syor oleh Majlis.

(ii) Penubuhan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Lembaga) dibentuk oleh industri pada bulan September 2014 dengan

Gambar Rajah 2.1

Rangka Kerja Institusi Pembangunan Modal Insan yang Komprehensif untuk Menyokong Pertumbuhan Sektor Kewangan



FSTC	Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council)	Mengesyorkan strategi bagi membangunkan, menarik minat, mengekalkan dan menempatkan tenaga mahir tempatan dan antarabangsa untuk memenuhi permintaan
FSPB	Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board)	Membangunkan dan menyokong piawaian profesional dan etika untuk sektor kewangan yang diterima pakai secara sukarela
FAA	Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency)	Bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti inisiatif pembelajaran, termasuk akreditasi program, individu dan institusi
AIF	Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance)	Memperkukuh pembangunan modal insan dan pengurusan tenaga mahir dalam sektor kewangan
	Asian Institute of Chartered Bankers	Badan pendidikan profesional bagi industri perbankan dan perkhidmatan kewangan di Malaysia
	Institut Insurans Malaysia (The Malaysian Insurance Institute)	Badan profesional dan institusi pendidikan bagi industri insurans dan takaful di Malaysia
SIDC	Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (Securities Industry Development Corporation)	Menyediakan pendidikan, latihan dan maklumat berkenaan pasaran modal untuk ASEAN
IBFIM	IBFIM	Pusat latihan dan rujukan kewangan Islam bagi industri dan ahli akademik
iclif	Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (The Iclif Leadership and Governance Centre)	Menyediakan latihan untuk pengurusan kanan dalam pengurusan strategik dan kepimpinan
fstep	Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme)	Menyediakan latihan untuk siswazah terbaik bagi memperoleh asas dalam industri perkhidmatan kewangan
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance)	Menyediakan tenaga mahir dan membina kemahiran dalam kewangan Islam dengan menawarkan program siswazah dan profesional

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1

Pemerhatian Utama

Ketersediaan siswazah untuk bekerja (job-readiness) adalah penting bagi barisan tenaga mahir peringkat kemasukan.

- Sebahagian besar, atau 65% siswazah yang diambil bekerja pada peringkat kemasukan bukanlah lulusan bidang berkaitan kewangan.
- Bagi peringkat kemasukan, institusi kewangan pada amnya lebih bimbang akan kompetensi untuk sedia bekerja berbanding dengan kompetensi teknikal.

Tahap pergantungan institusi kewangan kepada penyedia latihan luar, latihan dalaman atau pengalaman di tempat kerja adalah berbeza.

- Pilihan gabungan jenis penyedia latihan sesebuah institusi kewangan bergantung pada jenis dan kecanggihan kemahiran bekerja yang memerlukan peningkatan kemahiran seterusnya.
- Sebahagian besar institusi kewangan memaklumkan mereka bergantung pada penyedia latihan luar bagi latihan asas dan keperluan kelayakan profesional.
- Perbincangan berterusan antara penyedia latihan luar dengan institusi kewangan adalah penting untuk memastikan program latihan adalah sejajar dengan keperluan peningkatan kemahiran terkini.

Pertukaran kerja antara institusi kewangan berlaku terutamanya dalam kalangan pekerja dengan pengalaman kerja yang sedikit.

- Kebanyakan peletakan jawatan pada tahun 2013 melibatkan pekerja dengan pengalaman kerja yang kurang dari lima tahun dan bertukar kerja dalam sektor kewangan domestik.
- Institusi kewangan menghadapi tekanan kos pengambilan pekerja kerana kekurangan calon yang berpengalaman telah mendorong kenaikan gaji sebanyak 15-30% kepada pekerja yang diambil dari luar, berbanding kenaikan gaji tahunan untuk pekerja sedia ada sebanyak kira-kira 5-6%.

Kesukaran untuk mendapatkan calon pekerja yang sesuai, meningkat daripada peringkat kemasukan hingga peringkat lebih tinggi.

- Secara purata, masa yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan pada semua peringkat adalah lebih kurang 40 hari, dengan tempoh diambil untuk mengisi kekosongan jawatan antara lima hingga lebih 100 hari.
- Secara purata, masa yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan adalah paling lama pada peringkat lebih tinggi, diikuti peringkat pertengahan dan peringkat kemasukan.
- Institusi kewangan perlu memastikan tenaga mahir dalam bidang kemahiran kritikal dikekalkan. Institusi memaklumkan strategi utama yang digunakan adalah berbincang dan berinteraksi dengan pekerja secara berterusan mengenai pembangunan kerjaya individu dan pengurusan penggantian.

10 Bidang Utama yang Dijangka Mengalami Kekurangan Pekerja dalam Tempoh Lima Tahun Akan Datang

Perbankan

- Unit Syariah
- Perbendaharaan
- Perbankan Korporat
- Undang-undang dan Pematuhan
- Perbankan Komersial
- Perbankan Urus Niaga
- Risiko Kredit
- Perbankan Pelaburan
- Pengurusan Risiko
- Teknologi Maklumat

Insurans dan Takaful

- Pengunderaitan
- Aktuari Dilantik
- Pembangunan Perniagaan
- Pengurusan Risiko
- Teknologi Maklumat
- Tuntutan
- Pembangunan Produk
- Perkhidmatan Aktuari
- Undang-undang dan Pematuhan
- Jualan dan Pemasaran

Jurang berulang merentas fungsi

- Calon yang mempunyai 6-10 tahun pengalaman yang berkaitan
- Calon yang memiliki kelayakan profesional dan pengalaman bekerja
- Pakar bidang khusus dan pelbagai produk
- Calon yang mempunyai kemahiran teknikal khusus
- Pengurus projek
- Calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai pasaran tempatan dan global

sokongan Bank dan Suruhanjaya Sekuriti untuk membangunkan dan menyokong penggunaan piawaian etika dan profesional yang tinggi untuk mengukuhkan keyakinan terhadap industri perkhidmatan kewangan dalam negeri dan antarabangsa. Piawaian tersebut akan digunakan dalam sektor perbankan, insurans, pasaran modal dan kewangan Islam. Lembaga tersebut, yang anggotanya terdiri daripada individu terkemuka yang mempunyai pengalaman global dalam perkhidmatan kewangan, undang-undang, perakaunan dan industri lain yang berkaitan, akan memberikan perspektif global yang penting ke arah pembentukan piawaian yang boleh digunakan di seluruh dunia. Dengan semakin banyak tumpuan diberikan pada amalan dalam industri kewangan pada peringkat global, tumpuan jangka terdekat Lembaga adalah terhadap usaha merangka tataetika untuk ahli profesional dalam industri.

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan ditubuhkan untuk membangunkan dan menyokong penggunaan piawaian etika dan profesional yang tinggi dalam industri perkhidmatan kewangan

(iii) Struktur Kelayakan Kewangan dan Piawaian Pembelajaran FAA

Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA) melancarkan Struktur Kelayakan Kewangan (SKK) dan Piawaian Pembelajaran FAA (PPF) pada bulan September 2014 untuk meningkatkan kualiti program pembelajaran tenaga mahir dan profesional dalam industri perkhidmatan kewangan. SKK bertujuan menyelaraskan dan menentukan kelayakan profesional berkaitan dengan pengamal kewangan dalam satu rangka kerja kelayakan, lantas membolehkan perbandingan dan pengiktirafan bersama dibuat terhadap pembelajaran terdahulu supaya ahli profesional kewangan boleh mengamalkannya merentas negara menerusi penggunaan satu set piawaian global. Inisiatif ini dilengkapkan oleh PPF, yang bertujuan menggalakkan piawaian minimum dalam merangka, membangunkan dan melaksanakan program pembelajaran, dan seterusnya meningkatkan kualiti program pembelajaran secara keseluruhan merentas industri. Kedua-dua inisiatif tersebut dipercayai merupakan yang pertama seumpamanya dalam industri kewangan.

(iv) Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dalam Kewangan Islam dan Pendidikan Pemimpin Syariah

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dalam Kewangan Islam dan Pendidikan Pemimpin Syariah akan ditawarkan buat julung kalinya pada tahun 2015. Program ini direka khusus untuk memperluas perspektif pengarah dan sarjana Syariah mengenai peluang yang bakal timbul dalam kewangan Islam serta melengkapi mereka dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran yang diperlukan untuk membina model perniagaan yang mampan berlandaskan prinsip Syariah. Program ini menggunakan metodologi dan pendekatan pembelajaran yang terbukti amat berkesan dalam program kompetensi kepimpinan lain yang berjaya, yang ditawarkan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif.

2014

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

89 Memperkukuh Rangka Kerja Kehematan

96 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

100 Aktiviti Penguatkuasaan

102 *Rencana: Pengurusan Risiko Siber*

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus diperkukuh pada tahun 2014, didorong oleh agenda pembaharuan global dan juga keutamaan dalam negeri. Tumpuan utama langkah pengawalseliaan adalah terhadap pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III bagi sektor perbankan dan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan untuk menyokong penyeliaan bersepadu oleh Bank Negara Malaysia (Bank).

Bank juga telah menyiapkan kajian semula ke atas beberapa piawaian kehematan sedia ada berkaitan pengurusan risiko serta pengawasan dan fungsi kawalan lain untuk terus membimbing dan meningkatkan piawaian amalan pengurusan risiko sektor kewangan. Ini termasuk memuktamadkan cadangan perubahan terhadap piawaian semasa tadbir urus korporat untuk mengambil pendekatan yang lebih konsisten merentas semua institusi kewangan berlesen dan mengukuhkan lagi keberkesanan lembaga pengarah. Rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) juga sedang diperkukuh untuk menyokong dengan lebih baik mandat khusus institusi tersebut dalam menggalakkan pertumbuhan yang lebih inklusif secara berterusan. Untuk tujuan ini, Bank bekerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian yang berkaitan, dan kini pada peringkat akhir perumusan cadangan pindaan ke atas Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada separuh pertama tahun 2015.

Pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III dan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan merupakan bidang tumpuan utama pada tahun 2014

Pada bulan November 2014, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) dan Kumpulan Asia Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia Pacific Group on Money Laundering, APG) menyiapkan penilaian berhubung dengan pematuhan Malaysia kepada Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan (International Standards on Combating Money Laundering and the Financing of Terrorism and Proliferation). Penilai tersebut mendapati pengaturan institusi di Malaysia adalah baik bagi penyeliaan risiko pencegahan pengubahan wang haram atau pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) dalam sektor perbankan dan insurans.

MEMPERKUKUH RANGKA KERJA KEHEMATAN

Pengawalseliaan kumpulan kewangan

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) memperkenalkan peruntukan penyeliaan kumpulan kewangan bagi memastikan risiko yang ketara daripada aktiviti seluruh kumpulan dapat diurus dan dikawal dengan berkesan. Di bawah undang-undang baharu ini, syarikat pemegangan kewangan (financial holding companies, FHC), yang ditakrifkan sebagai entiti tertinggi kumpulan kewangan yang bukan institusi berlesen, dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Bank. FHC juga dikehendaki mematuhi piawaian kehematan peringkat kumpulan yang berkaitan. Bank telah mengenal pasti 16 syarikat yang layak menjadi FHC. Pada akhir bulan Januari 2015, sepuluh syarikat diluluskan sebagai FHC, termasuk lapan yang dikenal pasti sebelum enakmen FSA dan IFSA. Baki enam syarikat lagi telah mengemukakan permohonan dan dijangka mendapat kelulusan Bank menjelang akhir tahun 2015. Pertimbangan utama dalam meluluskan sesuatu FHC adalah sama ada pengawasan pada peringkat tersebut akan memberikan kepada Bank, maklumat yang mencukupi mengenai risiko yang ketara di seluruh kumpulan yang mungkin boleh menjejaskan institusi berlesen dalam kumpulan itu. Bagi kumpulan kewangan milik asing, Bank turut mempertimbangkan setakat mana pergantungan boleh diberikan kepada penyeliaan bersepadu yang dibuat oleh pengawal

selia negara asal yang berwibawa. Jika pengaturan sebegini dapat diwujudkan, penyeliaan secara persendirian terhadap institusi berlesen di Malaysia yang berada dalam kumpulan itu adalah mencukupi.

Sepuluh syarikat telah diluluskan sebagai FHC pada akhir bulan Januari 2015 dan enam syarikat lain dijangka mendapat kelulusan Bank menjelang akhir tahun 2015

Set pertama piawaian kehematan yang sedang dibangunkan ialah rangka kerja modal untuk kumpulan perbankan. Susulan pelaksanaan piawaian modal yang lebih tinggi bagi institusi perbankan di bawah pembaharuan Basel III pada tahun 2013, Bank mengemukakan satu kertas perbincangan pada bulan Oktober 2014, yang menggariskan matlamat untuk meluaskan rangka kerja kecukupan modal sedia ada bagi institusi perbankan kepada kumpulan perbankan yang diterajui oleh FHC. FHC dari sesebuah kumpulan perbankan akan dikehendaki untuk menilai, memantau dan mematuhi keperluan modal secara bersepadu pada peringkat kumpulan. Objektifnya adalah untuk memastikan sesebuah kumpulan itu mempunyai modal yang mencukupi untuk menyokong risiko yang timbul daripada institusi kewangan yang dikawal selia dan juga entiti yang tidak dikawal selia. Ia juga bertujuan mengurangkan leveraj yang dikaitkan dengan penggearan modal pelbagai (multiple gearing of capital) yang boleh menyebabkan kecukupan modal kumpulan dilaporkan secara berlebihan dan meningkatkan risiko penularan dalam kumpulan itu. Di samping itu, pelaksanaan piawaian modal seluruh kumpulan akan meningkatkan kebolehbandingan (comparability) antara nisbah modal dinyatakan bagi kumpulan perbankan yang diterajui oleh FHC dengan kumpulan perbankan yang diterajui bank berlesen. Ini seterusnya akan menambah baik keadaan disiplin pasaran yang berkesan.

Bank telah menerima maklum balas untuk mengkaji semula syarat bagi instrumen modal yang diterbitkan oleh anak syarikat perbankan supaya mengandungi pencetus penyerap kerugian pada peringkat kumpulan (group-level loss absorbency triggers). Pada masa ini, instrumen modal layak yang diterbitkan boleh diubah kepada ekuiti atau dihapus kira dalam kejadian pencetus tertentu, seperti apabila modal jatuh di bawah tahap yang telah ditetapkan, atau apabila bank diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju. Dengan memasukkan pencetus penyerap kerugian peringkat kumpulan ini, instrumen modal sedemikian boleh juga diubah atau dihapus kira jika pencetus ini terjadi pada peringkat kumpulan kewangan. Bank akan terus mengkaji isu-isu ini seiring dengan lebih banyak kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan pelan pemulihan dan penyelesaian (termasuk dalam konteks merentas sempadan) untuk kumpulan kewangan. Bank juga akan mengambil langkah selanjutnya berhubung dengan: (i) impak akan datang daripada langkah memasukkan pencetus peringkat kumpulan kepada keupayaan bank untuk memperoleh pendanaan yang mampu menyerap kerugian; dan (ii) peranan pencetus peringkat kumpulan dalam memperluas risiko penularan kumpulan yang disebabkan oleh syarikat gabungan yang tidak dikawal selia. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada tahun 2015, manakala pematuhan kepada keperluan modal kumpulan minimum dijangka berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Piawaian mudah tunai

Usaha meningkatkan piawaian mudah tunai sebagai sebahagian daripada pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III telah disempurnakan pada tahun 2014. Berikutan tempoh rundingan selama dua bulan, Bank akan menerbitkan piawaian muktamad Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) pada bulan Mac 2015. Peraturan baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut rancangan masa pelaksanaan global seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Garis Masa Pelaksanaan LCR

Tahun	1 Jun 2015	1 Januari 2016	1 Januari 2017	1 Januari 2018	1 Januari 2019 dan berikutnya
Keperluan LCR minimum	60%	70%	80%	90%	100%

Piawaian baharu ini akan menggantikan Rangka Kerja Mudah Tunai (Liquidity Framework, LF) yang digunakan sejak tahun 2000. Seperti LF, LCR menghendaki sesebuah institusi perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk bertahan selama 30 hari apabila menghadapi kejutan mudah tunai. Walau bagaimanapun, LCR memperbaik andaian aliran tunai dengan mencerminkan kemungkinan senario kejutan mudah tunai yang lebih teruk, seperti yang dialami semasa krisis kewangan global yang lalu. Meskipun sebahagian besar daripada piawaian LCR adalah selaras dengan peraturan Basel III, piawaian itu telah mengambil kira pelbagai ciri struktur dan tingkah laku sistem kewangan di Malaysia, dan juga maklum balas daripada industri. Ini terutamanya relevan bagi pengelasan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA). Di bawah peraturan Basel, terdapat tiga peringkat HQLA, iaitu aset Peringkat 1, Peringkat 2A dan Peringkat 2B – dengan aset Peringkat 1 sebagai aset paling berkualiti. Dalam menentukan skop HQLA di bawah piawaian LCR, Bank telah mempertimbangkan saiz dan kedalaman pasaran bagi instrumen yang layak, dan juga kecairan aset. Berdasarkan analisis terhadap faktor-faktor ini, Bank telah menggunakan pengolahan yang lebih konservatif bagi pengiktirafan bon korporat bertaraf `AA´ dan bertaraf `A´ sebagai HQLA. Bagi bon korporat bertaraf `A´, pengiktirafan hanya terhad kepada bon korporat bukan ringgit yang mendapat penarafan antarabangsa. Perkara ini diimbang balas (counterbalanced) oleh potongan lebih rendah yang digunakan dalam keadaan yang terhad bagi kategori HQLA tertentu, seperti sekuriti bersandarkan gadai janji harta kediaman berkualiti tinggi yang diterbitkan Cagamas MBS Berhad.

Piawaian LCR juga mentakrifkan pengolahan akaun pelaburan Islam. Selaras dengan reka bentuk keseluruhan rangka kerja LCR, dana akaun pelaburan diberikan kadar ketirisan (run-off rates) berdasarkan kestabilan relatif dana tersebut. Penunjuk kestabilan termasuk kewujudan ciri kontrak (seperti syarat penebusan), ciri kecairan aset sandaran dan jenis pemegang akaun pelaburan. Pendekatan yang digunakan dalam piawaian LCR mencerminkan pengolahan mudah tunai akaun pelaburan seperti yang dicadangkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada bulan Oktober 2014.

Bank juga mengesahkan beberapa langkah lain, termasuk pengiktirafan rizab berkanun sebagai aset Peringkat 1 dan kriteria kelayakan bagi pengecualian deposit berjangka dalam pengiraan LCR bank.

Berdasarkan data pemerhatian sebelum ini, institusi perbankan dijangka dapat memenuhi tahap minimum interim pertama LCR sebanyak 60% dengan agak mudah. Sebanyak 30 daripada 54 institusi perbankan telahpun melaporkan tahap LCR melebihi 100%. Bank terus memantau rapi impak piawaian LCR ke atas pasaran kewangan dan keadaan kredit, khususnya dalam persekitaran semasa pasaran kewangan yang semakin tidak menentu dan persaingan lebih sengit untuk mendapatkan deposit daripada saluran simpanan dan pelaburan alternatif. Bank telah mempergiat penyeliaannya ke atas institusi perbankan yang perlu mengambil langkah yang lebih substantif dalam persediaan untuk mematuhi LCR sepenuhnya pada tahun 2019. Bank akan menganalisis impak kumulatif langkah yang diambil oleh setiap institusi dengan tujuan mengenal pasti dan mengurangkan sebarang akibat yang tidak diingini.

Piawaian LCR baharu akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang tempoh empat tahun

Tadbir urus korporat

Penambahbaikan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko terus menjadi tumpuan utama Bank pada tahun 2014. Pada tahun itu, Bank telah menyiapkan kajian semula secara umum terhadap rangka kerja tadbir urus korporat bagi institusi kewangan. Walaupun institusi kewangan telah mencapai kemajuan yang besar dalam meningkatkan amalan tadbir urus korporat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, namun penting bagi amalan industri untuk terus berkembang supaya dapat mengambil kira operasi yang lebih kompleks. Inovasi pasaran, pengembangan merentas sempadan dan konglomerat kewangan yang semakin bertambah, merupakan pemacu utama bagi keadaan yang lebih kompleks ini. Berdasarkan pemerhatian penyeliaan, perbincangan dan interaksi dengan pihak industri dan iktibar daripada krisis kewangan global, kajian semula tersebut mengenal pasti beberapa

bidang yang boleh mendapat manfaat daripada pencerahan yang lebih jelas dan keperluan yang diperkukuh untuk membantu lembaga pengarah berfungsi dengan lebih berkesan. Bank bercadang mengeluarkan kertas konsep pada separuh pertama tahun 2015 yang akan menggariskan cadangannya untuk meningkatkan kualiti amalan tadbir urus korporat dalam sektor perbankan dan insurans.

Kertas konsep ini akan memperkenalkan takrifan yang lebih komprehensif bagi pengarah bebas dan keperluan untuk menambah perwakilan dari kalangan pengarah sedemikian dalam lembaga pengarah institusi kewangan. Kertas ini juga akan menjelaskan pandangan Bank berhubung dengan penglibatan eksekutif kumpulan dalam lembaga pengarah sesebuah institusi kewangan. Jika didapati keupayaan seseorang eksekutif kumpulan untuk mengawasi tindakan pengurusan secara objektif terhalang, yang disebabkan oleh pelaksanaan tanggungjawab pengurusan kumpulan (contohnya, disebabkan pembabitan secara langsung dalam pembuatan keputusan pengurusan yang memberi kesan kepada institusi kewangan), maka eksekutif kumpulan itu akan tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan bagi bilangan pengarah eksekutif yang boleh diwakili dalam lembaga pengarah. Bank juga sedang berusaha mendapatkan maklum balas lanjut bagi pendekatan untuk menguatkuasakan had tempoh perkhidmatan bagi pengarah bebas.

Piawaian semakan itu juga akan digunakan terhadap FHC yang diluluskan oleh Bank. FHC dikehendaki mematuhi piawaian yang sama untuk lembaga pengarah dan pengurusannya yang bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan kawalan kumpulan kewangan. Cadangan ini memperjelas kehendak Bank dalam situasi apabila institusi kewangan ingin memanfaatkan struktur tadbir urus berpusat yang ditubuhkan oleh FHC. Keperluan ini bertujuan mengekalkan fokus yang jelas mengenai kemantapan pengurusan setiap institusi berlesen dalam kumpulan, di samping menggalakkan pandangan bersepadu mengenai risiko di seluruh kumpulan kewangan dan merentas negara di tempat mereka beroperasi.

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman

Untuk memperlengkap piawaian menyeluruh tadbir urus risiko yang dikeluarkan pada tahun 2013, Bank telah berusaha untuk menggariskan kehendak-kehendaknya mengenai kawalan utama dan norma budaya dalam bidang berisiko tinggi yang boleh mendedahkan institusi kewangan kepada kerugian kewangan atau penjejasan reputasi. Pada bulan September 2014, Bank telah mengadakan perbincangan dengan pihak industri mengenai cadangan untuk meningkatkan piawaian amalan pematuhan dalam sektor kewangan. Ini berlaku dalam keadaan industri kewangan sedang menghadapi persekitaran pengawalseliaan yang lebih mencabar. Selain piawaian kehematan dan amalan pasaran yang berkembang sejajar dengan risiko yang baru timbul, pelaksanaan perundangan baharu untuk persaingan, perlindungan data dan cukai juga telah meningkatkan dengan nyata kewajipan pematuhan institusi kewangan.

Cadangan piawaian pematuhan tersebut menangani keperluan institusi kewangan untuk mewujudkan program pematuhan yang berkesan bagi memantau dan memastikan institusi memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bank menghendaki program sedemikian mencerminkan tanggungjawab utama bahagian perniagaan untuk mengurus risiko pematuhan yang berpunca daripada operasi perniagaan. Institusi kewangan juga dikehendaki mewujudkan fungsi pematuhan, yang dikendalikan oleh ketua pegawai pematuhan, yang akan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan secara kerap mengenai keadaan pematuhan keseluruhan dan pelbagai isu pematuhan penting yang memberikan kesan kepada institusi. Satu matlamat penting piawaian pematuhan adalah untuk memastikan lembaga pengarah institusi kewangan melengkapi fungsi pematuhan dengan kuasa, sumber dan pengawasan yang mencukupi supaya mereka dapat memainkan peranan dengan berkesan dan mengelakkan kegagalan pematuhan yang melibatkan kos yang besar. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada separuh pertama tahun 2015.

Fungsi pematuhan perlu diberikan kuasa, sumber dan pengawasan yang mencukupi supaya dapat berfungsi dengan berkesan

Bank juga berusaha ke arah memuktamadkan piawaian pengurusan risiko operasi.

Kebimbangan mengenai risiko operasi telah meningkat sejak sedekad yang lalu berikutan pertumbuhan pesat institusi kewangan, selain pergantungan yang lebih pada teknologi serta pertambahan hubungkaitan dengan sistem kewangan yang lebih luas melalui pelbagai saluran, termasuk perkhidmatan perkongsian dan infrastruktur pasaran. Piawaian ini menghendaki institusi kewangan mempunyai proses yang lebih mantap dan sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau daripada insiden yang di luar kawalan institusi tersebut. Institusi kewangan hendaklah menunjukkan bahawa kawalan atas risiko operasi adalah setara dengan saiz dan tahap operasi institusi. Dalam hal ini, peserta pasaran kewangan yang aktif dan institusi kewangan yang besar dikehendaki mewujudkan fungsi kawalan risiko operasi dan jawatankuasa kecil khas dalam setiap bahagian perniagaan dan fungsi yang penting. Ini menunjukkan kepelbagaian yang besar dalam sifat risiko operasi yang berkemungkinan boleh terlepas pandang dengan mudah dalam perniagaan yang besar dan kompleks. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada separuh pertama tahun 2015.

Bank juga telah melancarkan ORION, yang merupakan sistem pemantauan risiko operasi, untuk menyokong pelaksanaan piawaian. Institusi kewangan dikehendaki melaporkan kejadian yang mengakibatkan kerugian kewangan, insiden-insiden risiko operasi dan hasil analisis senario berdasarkan kemungkinan bencana risiko operasi yang besar. Pengumpulan data berkualiti tinggi yang berterusan akan menyokong analisis trend risiko operasi dalam industri dengan lebih baik.

Penyumberan luar

Usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memperoleh lebih fleksibiliti dalam mengurus perubahan perniagaan telah membawa kepada penyumberan luar yang lebih meluas oleh institusi kewangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Institusi kewangan semakin banyak melakukan penyumberan luar untuk pelbagai proses dan fungsi dalamannya kepada syarikat gabungan dan pihak ketiga di Malaysia dan luar negara. Ini didorong keinginan untuk memberikan tumpuan yang lebih pada aktiviti perniagaan teras dan memanfaatkan sinergi kumpulan dan peluang lain untuk mendapatkan perkhidmatan dan teknologi terbaik yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, jika tidak diurus dengan berkesan, pengaturan penyumberan luar boleh meningkatkan risiko kepada institusi kewangan. Ini termasuk risiko yang dikaitkan dengan kehilangan atau salah guna data pelanggan dan kelewatan atau jurang dalam akses kepada maklumat yang boleh menghalang keupayaan sesebuah institusi untuk memantau dan mengawal dedahannya kepada risiko. Satu kebimbangan utama Bank juga ialah keupayaannya untuk mengesahkan bahawa institusi kewangan telah memenuhi kewajipan pengawalseliaan mereka bagi fungsi yang dilaksanakan oleh pihak ketiga. Dengan terlalu bergantung pada pihak lain, terutamanya dalam konteks kumpulan kewangan yang wujud kesalingbergantungan yang kompleks, boleh menghalang usaha untuk memulihkan semula fungsi perniagaan kritikal atau resolusi institusi kewangan secara teratur.

Memandangkan pengaturan penyumberan luar yang lebih meluas dalam sektor kewangan, Bank memutuskan untuk mengkaji semula rangka kerja kehematan sedia ada berhubung dengan aktiviti penyumberan luar bagi institusi kewangan. Bank akan mengeluarkan kertas konsep pada separuh kedua tahun 2015, yang akan mengemas kini dan menggabungkan keperluan khusus sesuatu sektor yang sedia ada kepada satu set piawaian yang ditambah baik. Penambahbaikan utama dalam cadangan piawaian penyumberan luar termasuk: (i) menjadikan pengaturan penyumberan luar tertentu yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan yang penting bagi sesebuah institusi tertakluk kepada kelulusan penyeliaan; (ii) proses yang lebih baik perlu diwujudkan untuk mengenal pasti fungsi perniagaan kritikal dan yang memerlukan usaha wajar yang dipertingkat ke atas bakal penyedia perkhidmatan; dan (iii) keperluan bagi institusi kewangan untuk merangka dan menguji pelan luar jangka sebagai persediaan untuk penamatan pengaturan penyumberan luar secara tiba-tiba. Walaupun Bank mengakui manfaat daripada penyumberan luar melalui sinergi kumpulan, namun piawaian ini akan menyatakan had operasi bagi pengaturan penyumberan luar. Ini bagi memastikan setiap institusi berlesen di Malaysia akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuhan peraturan tempatan. Pada masa hadapan, semua perjanjian penyumberan luar juga perlu memasukkan peruntukan yang menjamin kesinambungan perkhidmatan sekiranya institusi kewangan berkenaan gagal.

Perjanjian mesti menjelaskan dengan nyata mengenai keupayaan Bank untuk mengakses sebarang maklumat yang ada pada penyedia perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti penyumberan luar.

Piawaian sedang ditingkatkan untuk memastikan keupayaan institusi kewangan memantau dan mengawal risiko yang timbul daripada pengaturan penyumberan luar secara berkesan, tidak akan terjejas

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga (limit on exposures to single counterparties, SCEL) merupakan komponen penting rangka kerja kehematan. Objektifnya adalah untuk melindungi institusi perbankan daripada menanggung kerugian yang besar akibat kemungkiran secara tiba-tiba oleh sesuatu rakan niaga. Pada bulan Julai 2014, SCEL telah disemak untuk membolehkan institusi perbankan mengekalkan had dedahan sehingga 50% daripada jumlah modal (dan bukan lagi 25%) kepada entiti perbankan yang berkaitan tertakluk kepada kelulusan Bank terlebih dahulu. Seperti yang lazimnya di banyak negara, pengolahan ini memberikan lebih fleksibiliti untuk menampung dedahan jangka pendek dalam kumpulan, yang mungkin timbul dalam penyampaian produk dan perkhidmatan kewangan sebagai sebahagian daripada model operasi kumpulan. Untuk meluluskan had yang lebih tinggi, Bank akan mempertimbangkan sama ada: (i) terdapat sekatan undang-undang atau sekatan praktikal yang mungkin boleh menghalang sesuatu entiti perbankan berkaitan daripada memindahkan sumber modal atau membayar balik liabiliti kepada institusi perbankan; (ii) entiti perbankan yang berkaitan tertakluk kepada peraturan kehematan dan penyeliaan yang secukupnya di negara asal dan mematuhi rangka kerja yang bersamaan dengan SCEL pada peringkat kumpulan; dan (iii) Bank mempunyai akses yang tepat pada masanya kepada maklumat relevan dengan entiti perbankan yang berkaitan untuk tujuan penyeliaan.

Susulan muktamadnya rangka kerja penyeliaan Jawatankuasa Basel untuk mengukur dan mengawal dedahan besar pada bulan April 2014, Bank mungkin mempertimbangkan pelarasan selanjutnya terhadap rangka kerja SCEL selepas penelitian yang lebih terperinci dibuat ke atas piawaian global dan implikasinya jika digunakan dalam konteks sistem perbankan Malaysia.

Rangka kerja pengawalseliaan bagi kewangan Islam

Pada tahun 2014, Bank mencapai lebih banyak kemajuan dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah.

Setakat ini, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank telah meluluskan parameter Syariah untuk lapan kontrak, iaitu *murabahah*, *mudarabah*, *musyarakah*, *wadi´ah*, *bai´´inah*, *ijarah*, *tawarruq* dan *hibah*. Parameter Syariah bagi empat kontrak lain, iaitu *istisna´*, *wakalah*, *kafalah* dan *wa´d* akan dikaji semula oleh MPS pada awal tahun 2015. Berikutan itu, Bank akan mengeluarkan piawaian operasi untuk memastikan produk yang distrukturkan mengikut kontrak tersebut mematuhi keperluan tadbir urus, pengurusan risiko, dokumentasi, penzahiran dan amalan pasaran yang mantap. Bank telah mengeluarkan piawaian operasi muktamad bagi *murabahah* pada tahun 2014, dan dijangka memuktamadkan piawaian operasi bagi *musyarakah*, *mudarabah*, *ijarah* dan *istisna´* pada separuh pertama tahun 2015. Perundingan dengan pihak industri bagi piawaian yang berkaitan dengan *tawarruq*, *wadi´ah*, *hibah*, *bai´´inah*, *kafalah*, *wakalah* dan *wa´d* akan diadakan pada tahun 2015.

Pelaksanaan piawaian operasi ini akan memperluas rangkaian produk kewangan Islam yang ditawarkan, meningkatkan ketelusan dan ketekalan aplikasi kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan Islam, dan memastikan pematuhan menyeluruh kepada prinsip Syariah.

Pada bulan Mac 2014, Bank telah mengeluarkan piawaian muktamad untuk menggalakkan pengurusan akaun pelaburan Islam yang mantap. Tidak seperti deposit, institusi kewangan Islam tidak menjamin pembayaran balik prinsipal bagi akaun pelaburan Islam. Walau bagaimanapun, institusi kewangan Islam masih mempunyai tanggungjawab untuk membuat pengawasan yang kukuh ke atas pengurusan pelaburan ini dan memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah. Institusi kewangan Islam juga dikehendaki

menyediakan pengaturan pengurusan risiko yang mencukupi bagi memastikan tugas fidusiari dilaksanakan mengikut mandat pelaburan yang dipersetujui dengan pelabur. Piawaian ini juga menetapkan keperluan minimum bagi urusan yang saksama untuk melindungi pelabur dan juga keperluan penzahiran untuk membantu pelabur membuat penilaian terhadap ciri dan prestasi pelaburan mereka. Institusi kewangan Islam telah mula memindahkan akaun pelanggan sedia ada kepada akaun deposit atau akaun pelaburan seperti dikehendaki oleh IFSA. Usaha ini dijangka selesai pada bulan Jun 2015. Sebagai sebahagian daripada proses ini, pelanggan akan diberikan maklumat produk deposit alternatif yang mematuhi IFSA untuk mereka terus kekalkan dana mereka dalam akaun tersebut, atau membuat pilihan untuk melabur dalam akaun pelaburan.

Pelaksanaan piawaian operasi bagi produk berasaskan kontrak Syariah meningkatkan ketekalan penggunaan kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan Islam dan memastikan pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah

Rangka kerja kehematan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful

Satu keperluan kehematan yang penting bagi penanggung insurans dan pengendali takaful ialah penyediaan laporan keadaan kewangan (financial condition report, FCR) oleh aktuari dilantik. FCR berfungsi untuk memberikan pandangan kritikal kepada lembaga pengarah mengenai perubahan dalam persekitaran operasi dan profil risiko penanggung insurans atau pengendali takaful. Laporan itu juga merupakan sumber penting sebagai nasihat bebas kepada lembaga pengarah tentang pilihan yang ada untuk mengurangkan ancaman yang telah dikenal pasti terhadap kedudukan kewangan penanggung insurans atau pengendali takaful. Keperluan untuk menyediakan FCR diperkenalkan kepada penanggung insurans hayat pada tahun 2006 dan seterusnya diperluas kepada penanggung insurans am pada bulan April 2014. Bank telah menerbitkan kertas konsep pada bulan Disember 2014 dengan cadangan untuk menambah baik ketepatan masa laporan itu, dan untuk menggantikan peraturan preskriptif dengan pendekatan yang lebih berasaskan prinsip bagi menjalankan ujian kesolvenan dinamik (dynamic solvency testing) oleh aktuari dilantik. Penambahbaikan ini bertujuan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menjadi lebih responsif kepada keadaan yang menjejaskan perniagaan mereka dan supaya keadaan tersebut digambarkan dalam parameter ujian tekanan dan senario yang digunakan untuk menjalankan ujian kesolvenan.

Polisi sertaan merupakan kelas perniagaan yang penting dalam sektor insurans hayat di Malaysia. Polisi ini memberikan peluang kepada pemegang polisi untuk turut mendapat keuntungan daripada dana insurans, biasanya melalui pengagihan bonus yang ditentukan oleh penanggung insurans. Perniagaan ini telah berkembang pesat dalam beberapa tahun yang lalu, mencakupi 64% daripada jumlah premium yang dikumpulkan oleh penanggung insurans hayat antara bulan Januari hingga September 2014. Memandangkan penggunaan budi bicara oleh penanggung insurans yang ketara dalam menentukan pengagihan bonus dan kepelbagaian amalan penanggung insurans dalam menggunakan budi bicara ini, Bank menganggap adalah penting untuk menangani jangkaan terhadap pengurusan perniagaan hayat sertaan bagi melindungi kepentingan pemegang polisi. Ini telah membawa kepada kajian semula piawaian pengurusan polisi hayat sertaan dan diikuti oleh terbitan kertas konsep pada bulan November 2014.

Cadangan Bank menyatakan bahawa saranan aktuari dilantik kepada lembaga pengarah mengenai pengagihan bonus perlu disokong oleh kajian sokongan bonus yang wajar. Aktuari dilantik juga perlu mengambil kira jangkaan pemegang polisi dan menilai pematuhan penanggung insurans hayat kepada keperluan pengawalseliaan bagi pengurusan dana insurans. Penanggung insurans perlu mengambil kira pengolahan yang saksama bagi pemegang polisi dalam mengumpulkan polisi untuk tujuan menjalankan kajian sokongan bonus dan dalam pengurusan estet dana. Kertas konsep ini juga mencadangkan penzahiran ditambah baik bagi bahan promosi jualan dan pemasaran serta penyata polisi tahunan. Ini bagi memastikan pemegang polisi tidak membuat jangkaan yang tidak munasabah

berhubung dengan pembayaran manfaat yang tidak dijamin. Bank kini sedang dalam proses mengkaji maklum balas yang diterima daripada industri dan dijangka menerbitkan piawaian muktamad pada pertengahan tahun 2015.

Penambahbaikan laporan keadaan kewangan bertujuan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menjadi lebih responsif kepada keadaan yang menjejaskan perniagaan mereka

Pindaan terhadap AIKP

Sejak enakmennya pada tahun 2002, AIKP telah meletakkan asas bagi rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang komprehensif untuk IKP. Hal ini telah memastikan mandat pembangunan yang diberikan kepada IKP oleh Kerajaan dapat dilaksanakan secara mampan dari segi kewangan.

Sejajar dengan perubahan terhadap undang-undang perkhidmatan kewangan, Bank telah memulakan kajian semula terhadap AIKP lantas menghasilkan penerbitan draf pindaan rang undang-undang untuk perbincangan pada bulan Oktober 2014. Fokus draf rang undang-undang ini adalah pada pembaharuan dalam lima bidang, iaitu: (i) meningkatkan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko IKP; (ii) mengukuhkan mandat setiap IKP dalam menyediakan perkhidmatan kepada segmen sasaran dalam ekonomi negara; (iii) menggalakkan kecekapan operasi yang lebih tinggi; (iv) meningkatkan pematuhan kepada prinsip Syariah; dan (v) mengukuhkan peruntukan bagi penguatkuasaan dan intervensi penyeliaan yang berkesan. Pindaan yang dicadangkan adalah berpandukan ciri-ciri utama FSA dan IFSA serta bertujuan untuk terus mengukuhkan keupayaan dan keyakinan terhadap IKP dalam menggalakkan pertumbuhan yang inklusif. Pindaan ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada separuh pertama tahun 2015.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Rangka kerja AML/CFT

Rejim AML/CFT yang berkesan melindungi integriti sistem kewangan dengan mencegah unsur jenayah daripada dipergunakan untuk mendapatkan manfaat daripada hasil aktiviti haram. Selain menyumbang kepada aspirasi negara untuk mengurangkan jenayah seperti digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, rejim yang berkesan itu juga boleh meningkatkan keyakinan domestik dan antarabangsa terhadap institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia. Bank, sebagai Pihak Berkuasa Berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA) dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC), memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pelbagai inisiatif pada peringkat kebangsaan untuk memperkukuh rejim AML/CFT di negara ini. NCC telah melaksanakan beberapa inisiatif utama pada tahun 2014. Ini termasuk membuat pindaan kepada AMLA, mewujudkan Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA) dan merangka Pelan Strategik AML/CFT Negara. Inisiatif-inisiatif ini memastikan langkah yang wajar diambil pada peringkat kebangsaan untuk menangani bidang yang menimbulkan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) yang ketara, dan memastikan langkah-langkah ini disokong oleh pelaksanaan berkesan rangka kerja perundangan dan pengawalan yang kukuh.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan telah menyediakan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang komprehensif untuk membanteras jenayah kewangan. Pada tahun 2014, AMLA telah dipinda untuk memperkukuh keperluan pengawalseliaan, memperjelas selanjutnya kewajipan institusi pelaporan dan memperluas kuasa agensi penguatkuasaan undang-undang. Penalti yang dikenakan jika sabit kesalahan telah dinaikkan dengan nyata – kesalahan pengubahan wang haram kini membawa hukuman penjara sehingga 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai hasil jenayah atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi. Skop kesalahan berat juga diperluas bagi meliputi kesalahan yang dinyatakan di bawah undang-undang lain seperti Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Kanun Keseksaan dan Akta Imigresen 1959/63. Peluasan ini dibuat berikutan usaha penilaian berterusan oleh NCC bagi memastikan

kesalahan berat yang disenaraikan di bawah AMLA adalah komprehensif untuk menghadapi ancaman ML/TF yang timbul di Malaysia. AMLA yang dipinda mula berkuat kuasa pada 1 September 2014.

Pada bulan Jun 2014, NCC juga telah menyiapkan NRA, iaitu proses yang dimulakan sejak tahun 2012 untuk mengenal pasti kelemahan utama dan ancaman ML/TF merentas pelbagai sektor di negara ini. Penemuan daripada NRA sangat penting dalam membangunkan strategi AML/CFT dan akan menjadi panduan bagi menentukan peruntukan sumber, serta kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Ahli NCC dan institusi-institusi pelapor telah dimaklumkan mengenai hasil utama NRA melalui beberapa siri taklimat.

NRA telah mengenal pasti lima jenis jenayah yang menimbulkan ancaman pengubahan wang haram tertinggi, dan empat sektor yang paling terdedah kepada risiko ML/TF (Jadual 3.2 dan Jadual 3.3). NRA akan dikaji semula secara berkala bagi memastikan ia terus mencerminkan landskap risiko ML/TF semasa. Satu kajian semula terhadap tahap ancaman bagi pembiayaan keganasan akan dilaksanakan pada tahun 2015 untuk mengambil kira rumusan `Kertas Putih Mengenai Ancaman Keganasan daripada Kumpulan *Islamic State*´ yang diterbitkan Kerajaan pada bulan November 2014.

Berdasarkan penemuan NRA, satu Pelan Strategik AML/CFT Negara telah dibangunkan oleh NCC untuk menangani ancaman dan kelemahan yang dikenal pasti pada peringkat kebangsaan. Teras utama pelan ini termasuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko ML/TF dan meningkatkan keupayaan penyiasatan anggota penguatkuasa. Pelan ini juga merangkumi usaha untuk mempertingkatkan kerjasama dalam negeri dan antarabangsa serta memastikan pematuhan kepada keperluan pengawalan dan penyeliaan melalui penguatkuasaan yang berkesan. Pada bulan November 2014, Malaysia telah melalui proses Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) yang dijalankan berdasarkan Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan oleh FATF dan APG. Cadangan dan jurang yang dikenal pasti semasa proses ME akan dimasukkan dalam pelan strategik untuk terus mengukuhkan usaha negara membanteras risiko ML/TF.

Pelan Strategik AML/CFT Negara telah dibangunkan untuk menangani ancaman dan kelemahan utama pada peringkat kebangsaan

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia telah diberikan status Pemerhati oleh FATF pada tahun 2014. Ini merupakan langkah ke arah mendapatkan keahlian penuh, bergantung

Jadual 3.2

Tahap Ancaman Pengubahan Wang Haram bagi Jenayah yang Berbeza

Jenis jenayah	Tahap ancaman
Penipuan	Tinggi
Pengedaran dadah	
Rasuah dan sogokan	
Penyeludupan	
Jenayah berkaitan cukai	
Pembiayaan keganasan	Sederhana
Jenayah terancang	
Pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran	
Pemalsuan	
Mencuri dan merompak	
Pemalsuan mata wang	

Jenis jenayah	Tahap ancaman
Eksploitasi seks	Rendah
Penjualan senjata secara haram	
Pemalsuan dan cetak rompak produk	
Perdagangan orang dalam dan manipulasi pasaran	
Pembunuhan	
Jenayah alam sekitar	
Peras ugut	
Penculikan	
Lanun laut	

Jadual 3.3

Kelemahan Sedia Ada Sektor Perniagaan Berbeza Terhadap Risiko Pengubahan Wang Haram

Sektor kewangan	Tahap kelemahan
Perbankan (termasuk BSN, Bank Rakyat dan Agro Bank)	Tinggi
Pengurupan wang	
Perkhidmatan pengiriman wang bukan bank	
Pengurusan dana dan amanah saham	Sederhana
Perbankan luar pesisir	
Pengambilan deposit bukan bank	
Pembrokeran saham	Rendah
Insurans hayat	
Pemberian pinjaman wang	
Kad bukan bank	
Wang elektronik	
Institusi kewangan pembangunan (SME Bank, Bank Pembangunan dan EXIM Bank sahaja)	

Sektor bukan kewangan	Tahap kelemahan
Kasino	Tinggi
Peguam	Sederhana
Syarikat amanah luar pesisir	
Setiausaha syarikat	
Ejen harta tanah	
Syarikat amanah tempatan	
Perjudian	Rendah
Penjual barang kemas	
Akauntan	
Pajak gadai	
Notari Awam	

pada keputusan proses ME yang akan diketahui pada tahun 2015. Keahlian FATF bukan sahaja menunjukkan komitmen negara yang tinggi untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, bahkan mencerminkan persekitaran perniagaan yang selamat di Malaysia dan menyediakan platform penting untuk memajukan inisiatif integrasi kewangan dan kewangan Islam.

Pemantauan pematuhan kepada AML/CFT oleh entiti pelapor

Pada tahun 2014, Bank menjalankan pemeriksaan di premis untuk menilai keberkesanan amalan AML/CFT oleh entiti pelapor. Pemeriksaan ini dijalankan ke atas 85 institusi kewangan, 212 pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang dan 15 perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (designated non-financial businesses and professions, DNFBP), yang antara lain termasuk sebuah kasino dan syarikat-syarikat amanah. Pemeriksaan ke atas DNFBP yang beroperasi di Labuan telah dibuat bersama-sama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Pemeriksaan ini tertumpu pada keberkesanan penilaian usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), sama ada laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction reports, STR) yang dikemukakan kepada Bank adalah komprehensif, serta keteguhan dan kecukupan kawalan pengurusan risiko. Penyelia Bank mendapati pemahaman terhadap risiko ML/TF dan kewajipan AML/CFT dalam kalangan entiti pelapor semakin mendalam. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa entiti yang menghadapi cabaran untuk memenuhi sepenuhnya keperluan CDD. Cabaran ini merangkumi pelaksanaan keperluan pemilikan benefisial dan juga pengenalpastian individu yang terdedah dari segi politik dalam negeri dan ahli keluarga serta sekutu mereka. Usaha selanjutnya juga diperlukan untuk menangani risiko yang berkaitan dengan pembiayaan keganasan dan percambahan (proliferation), seperti membangunkan `bendera merah´ (`red flags´) yang lebih berkesan untuk mengenal pasti transaksi sedemikian. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus mengadakan lebih banyak perbincangan dan interaksi dengan institusi kewangan dan DNFBP. Ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan memudahkan pertukaran maklumat mengenai trend dan pemerhatian ML/TF terkini.

Memandangkan bilangan DNFBP adalah besar (26,569 entiti pada akhir tahun 2014), Bank mengeluarkan soal selidik penilaian kendiri (self-assessment questionnaire, SAQ) untuk memudahkan penyeliaan risiko AML/CFT

dalam sektor terpilih. Pendekatan ini membolehkan Bank menjalankan perbincangan dan interaksi penyeliaan yang lebih intensif dalam bidang yang mempunyai risiko yang lebih tinggi dan dengan sektor yang memerlukan lebih perhatian. SAQ pada mulanya dikeluarkan kepada firma undang-undang pada tahun 2011. Melangkah ke hadapan, Bank akan mengeluarkan SAQ kepada ejen harta tanah, setiausaha syarikat dan syarikat amanah bermula tahun 2015. Tindakan ini akan membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh berhubung tahap pematuhan AML/CFT merentas pelbagai sektor dan juga memberikan spektrum pandangan yang lebih luas daripada responden yang berbeza.

Mengukuhkan industri perniagaan perkhidmatan wang

Industri perniagaan perkhidmatan wang (terdiri daripada perniagaan pengurupan wang, perkhidmatan pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong) merupakan bidang tumpuan penting dalam usaha Bank untuk mengurangkan dedahan kepada risiko pengubahan wang haram. Pada tahun 2014, urus niaga perniagaan perkhidmatan wang yang dijalankan melalui saluran formal terus berkembang. Pengiriman wang ke luar negara berjumlah RM32.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 27.8% berbanding jumlah sebanyak RM25.1 bilion pada tahun 2013. Pertumbuhan ini adalah hasil kesedaran orang ramai yang lebih tinggi mengenai kepentingan menggunakan saluran yang sah untuk pengiriman wang, selain penyediaan perkhidmatan pengiriman wang secara mudah alih dan melalui Internet yang lebih meluas. Penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank juga terus menyediakan alternatif yang mudah dan menjimatkan kos berbanding dengan perkhidmatan yang disediakan oleh bank bagi perniagaan kecil membuat pembayaran perdagangan. Alternatif ini turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan saluran formal bagi pengiriman wang. Dalam sektor pengurupan wang, urus niaga perniagaan mata wang borong domestik meningkat dengan ketara sebanyak 40.8% kepada RM6.6 bilion. Ini disokong oleh peningkatan dalam saluran pengedaran mata wang borong, khususnya di kawasan yang mempunyai urus niaga pengurupan wang yang tinggi dan aktif. Dalam segmen runcit, jumlah dagangan daripada perniagaan pengurupan wang menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.7% kepada RM52 bilion disebabkan permintaan yang lebih rendah terhadap mata wang asing tertentu, seperti renminbi China pada tahun 2014. Semua pengurup wang berlesen telah menggunakan sistem berkomputer yang berupaya mengumpul dan menyatukan butiran urus niaga pengurupan wang. Pelaksanaan sistem berkomputer akan memudahkan pemantauan berterusan terhadap urus niaga yang mencurigakan.

Sebanyak 12 lesen perniagaan perkhidmatan wang tidak diperbaharui oleh Bank pada tahun 2014 kerana ketidakpatuhan yang ketara terhadap keperluan pengawalseliaan. Sebanyak 24 pemegang lesen lagi menyerahkan lesen mereka secara sukarela disebabkan penggabungan atau pertukaran menjadi ejen bagi pemegang lesen prinsipal yang lebih besar. Ini telah mengurangkan bilangan pemegang lesen dalam industri kepada 426 pada akhir tahun 2014. Walaupun terdapat pengurangan dalam bilangan pemegang lesen, penyediaan perkhidmatan wang kepada orang ramai kekal teragih di merata tempat di seluruh negara. Ini adalah hasil daripada pembukaan cawangan dan pengembangan rangkaian ejen oleh penyedia perkhidmatan wang berlesen yang lebih besar dan lebih kukuh. Pengembangan ini juga membolehkan peserta yang lebih kecil untuk kekal dalam industri, selain dapat memanfaatkan sistem dan kawalan pemegang lesen prinsipal yang lebih besar dalam bidang seperti penyimpanan rekod dan pematuhan AML/CFT.

Urus niaga pengiriman wang keluar yang dijalankan melalui saluran formal terus berkembang, dengan peningkatan sebanyak 27.8%

Kemajuan terus dicapai dalam usaha meningkatkan keberkesanan dasar dan amalan AML/CFT di seluruh industri. Dengan adanya dasar AML/CFT yang dipertingkatkan, terdapat pengendalian CDD yang lebih konsisten dan cara pengenalpastian urus niaga berisiko tinggi yang lebih baik oleh pemegang lesen. Perkembangan ini merintis jalan bagi penggunaan pendekatan berasaskan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko ML/TF, yang diperkenalkan kepada industri pada bulan Januari 2015. Pada tahun 2014, Bank juga telah mempergiat perbincangan dan interaksi penyeliaan bagi memastikan sistem IT penyedia perkhidmatan wang cukup teguh untuk menyokong keperluan dokumentasi di bawah pendekatan berasaskan risiko.

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (Persatuan) terus memainkan peranan penting dalam menyokong penambahbaikan pelaksanaan oleh industri terhadap program AML/CFT yang berkesan. Ini termasuk penganjuran siri program latihan berstruktur yang intensif dan praktikal untuk mendidik ahli industri mengenai pematuhan kepada keperluan AML/CFT serta manual dan prosedur rujukan. Pada tahun 2014, Persatuan ini bersama-sama dengan Bank dan Bank Dunia telah menganjurkan Persidangan Serantau Perniagaan Perkhidmatan Wang yang dihadiri oleh peserta dari 28 buah negara untuk berkongsi perspektif antarabangsa mengenai perkembangan, trend dan cabaran dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Persatuan ini juga bekerjasama rapat dengan penyedia sistem untuk memastikan solusi sistem IT yang disediakan dirangka sebaiknya bagi membantu pemegang lesen untuk memenuhi kewajipan pematuhan mereka. Tipologi juga sedang dibangunkan oleh Persatuan ini bersama-sama dengan Bank untuk mendidik dan membantu industri memahami dan mengenal pasti risiko ML/TF yang mungkin timbul daripada perniagaan perkhidmatan wang. Persatuan ini juga memainkan peranan penting dalam menerajui inisiatif untuk meningkatkan piawaian pematuhan dan tahap profesionalisme dalam industri. Pada tahun 2014, Persatuan ini telah mengeluarkan kod etika untuk memupuk disiplin pasaran dan memberikan panduan kepada industri tentang tatacara menjalankan perniagaan secara profesional dan beretika.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Mengukuhkan rangka kerja penguatkuasaan
Bank diberikan kuasa penguatkuasaan yang luas di bawah undang-undang yang ditadbirnya untuk memelihara kestabilan dan integriti sistem kewangan. Proses tadbir urus yang teguh memastikan supaya sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank mempunyai justifikasi yang kukuh, dan proses usaha wajar dibuat secara konsisten merentas pelbagai sektor dan institusi di bawah keadaan yang sama.

Memandangkan kuasa penguatkuasaan yang lebih besar telah diberikan kepada Bank oleh undang-undang yang digubal baru-baru ini (termasuk kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran dan kewangan, mengeluarkan amaran awam dan mengambil tindakan sivil), Bank terus memperkukuh prosedur penguatkuasaannya yang sedia ada di bawah rangka kerja baharu yang diterima pakai pada bulan Januari 2014. Rangka kerja ini ditadbir oleh Jawatankuasa Penguatkuasaan (Enforcement Committee, EC), iaitu badan berkuasa tertinggi untuk membuat keputusan di Bank dalam hal penguatkuasaan. EC dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya termasuk Timbalan-timbalan Gabenor dan Penolong-penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap pengawalan, penyeliaan, perundangan dan penguatkuasaan. EC membuat keputusan berhubung dengan tindakan penguatkuasaan dalam sesuatu kes yang melanggar undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Sebarang tindakan penguatkuasaan oleh Bank akan berpandukan beberapa faktor, termasuk keberkesanan tindakan penguatkuasaan, kesetaraan tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan dan sama ada tindakan-tindakan tersebut dapat mencegah pelanggaran undang-undang yang serupa pada masa hadapan.

Bank terus memantapkan prosedur penguatkuasaan sedia ada di bawah rangka kerja penguatkuasaan baharu yang diterima pakai pada bulan Januari 2014

Rangka kerja penguatkuasaan juga menetapkan cara untuk Bank menentukan jumlah penalti monetari yang dikenakan atas kesalahan melanggar undang-undang. Ini bagi memastikan proses yang konsisten dilaksanakan bagi jenis kesalahan yang serupa. Seperti dikehendaki oleh FSA dan IFSA, Bank menubuhkan Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (Monetary Penalty Review Committee, MPRC) yang ahlinya adalah bebas daripada kuasa eksekutif Bank. MPRC mempertimbangkan rayuan berkaitan dengan kuantum penalti monetari pentadbiran dan remedi kewangan yang dikuatkuasakan oleh Bank. Di bawah undang-undang ini, seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Bank boleh memfailkan rayuan kepada MPRC dalam tempoh 21 hari selepas diberitahu mengenai keputusan Bank. Maklumat lanjut mengenai MPRC, termasuk keahliannya dan proses rayuan, boleh didapati di laman sesawang Bank.

Tindakan penguatkuasaan pada tahun 2014
Tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan tepat pada masanya memastikan institusi kewangan beroperasi mengikut undang-undang

dan keperluan pengawalseliaan yang terpakai, manakala pengguna pula dilindungi daripada aktiviti tidak sah yang boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada mereka. Pada tahun 2014, sebanyak 1,104 pertuduhan yang dikemukakan oleh Bank telah disabitkan kesalahannya oleh pihak mahkamah. Bank juga memulakan 42 siasatan dan memfailkan 119 pertuduhan jenayah ke atas entiti dan individu yang menjalankan skim dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Selain itu, 536 kesalahan yang melibatkan pemegang lesen telah dikenal pasti kerana ketidakpatuhan kepada undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Jadual 3.4 mengandungi ringkasan tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2014.

Jadual 3.4

Tindakan Penguatkuasaan pada Tahun 2014

Pengambilan deposit secara haram	• Sembilan pertuduhan dibuat di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Banking and Financial Institutions Act 1989, BAFIA) terhadap dua entiti dan enam individu atas kesalahan mengambil deposit secara haram. • 11 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah BAFIA terhadap empat entiti dan lapan individu.
Pengubahan wang haram	• Satu pelucuthakan sivil di bawah S56 (1) AMLA melibatkan jumlah sebanyak RM129,275. • 68 pertuduhan dibuat di bawah S4 (1) AMLA terhadap seorang individu. • 1,083 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah AMLA terhadap tujuh individu.
Penyediaan perkhidmatan wang yang tidak sah	• 27 pertuduhan dibuat di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA) terhadap 26 entiti dan individu kerana penyediaan perkhidmatan pengurupan wang yang tidak sah. • 15 pertuduhan dibuat di bawah MSBA terhadap satu entiti dan tujuh individu kerana penyediaan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah. • 10 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah MSBA terhadap tujuh entiti dan individu kerana perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah.
Ketidakpatuhan kepada dasar AML/CFT di bawah AMLA dan FSA	• Kompaun berjumlah RM4.37 juta terhadap 11 institusi perbankan. • Kompaun berjumlah RM62,000 terhadap dua institusi pengurupan wang.
Pelanggaran peraturan pentadbiran pertukaran asing	• Kompaun sebanyak RM800,000 terhadap sebuah institusi perbankan atas kesalahan melanggar S214 (2) FSA. • Kompaun sebanyak RM80,000 terhadap sebuah institusi pengurupan wang bagi 40 ketidakpatuhan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Pengurusan Risiko Siber

Teknologi telah memainkan peranan transformatif dalam penyediaan perkhidmatan kewangan dan pembayaran. Selain meningkatkan kecekapan proses, teknologi telah membuka saluran baharu dan berinovatif untuk institusi kewangan memberikan akses dan kemudahan yang lebih baik kepada pengguna. Teknologi juga telah membolehkan institusi kewangan menawarkan dan menguruskan secara berdaya maju rangkaian produk lebih meluas yang berdaya saing serta responsif kepada keperluan pengguna yang berbeza, melalui cara yang tidak mungkin dapat dilakukan sebelum ini. Pelanggan perniagaan dan runcit telah pun menggunakan kemajuan teknologi ini, seperti yang dibuktikan melalui peningkatan berterusan nilai urus niaga perdagangan dalam talian.

Walau bagaimanapun, kemajuan ini memberikan cabaran baharu terhadap pengurusan risiko oleh institusi kewangan. Dengan kebergantungan terhadap teknologi yang semakin meningkat, institusi kewangan menghadapi risiko baharu daripada tindakan berniat jahat oleh penjenayah dan pesalah laku lain. Tindakan ini boleh mengganggu penyediaan perkhidmatan dan juga menggugat kerahsiaan dan integriti data proprietari institusi kewangan serta data pelanggan mereka. Insiden sedemikian boleh menjejaskan reputasi sesebuah institusi kewangan dan boleh melemahkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Kerugian ekonomi global akibat jenayah siber dianggarkan sebanyak kira-kira USD375 bilion setahun[1]. Serangan siber biasanya bermotifkan keuntungan kewangan tetapi juga boleh didorong hasrat ingin menimbulkan gangguan atas tujuan sosial dan politik. Berikutan beberapa insiden keselamatan siber berprofil tinggi dalam sektor kewangan, pengurusan risiko siber telah menjadi perkara yang semakin penting pada peringkat global. Laporan[2] oleh Jawatankuasa Pembayaran dan Infrastruktur Pasaran Bank for International Settlements menekankan sifat risiko siber yang kompleks dan semakin pesat berubah, serta keutamaan yang semakin tinggi diberikan terhadap pengurusan risiko ini secara berkesan. Laporan itu juga mencadangkan pendekatan yang lebih bersepadu bagi mengukuhkan daya tahan siber, yang akan mengurangkan tempoh pemulihan jika berlaku serangan siber, dan pada masa yang sama membolehkan fungsi utama sistem kritikal terus beroperasi. Di Kesatuan Eropah, Jawatankuasa Bersama Lembaga Penyeliaan Eropah juga menggesa pihak berkuasa dan peserta pasaran kewangan supaya memastikan sumber dan perhatian yang mencukupi ditumpukan pada peningkatan daya tahan sistem kewangan terhadap risiko operasi berkaitan dengan IT dan siber.

Bentuk Ancaman Siber

Serangan siber terhadap institusi kewangan kini semakin canggih dan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Tiga ancaman yang biasa berlaku dalam sektor kewangan ialah:

Penafian Perkhidmatan Teragih (Distributed Denial of Service, DDoS) – Dalam serangan DDoS, sistem yang disasarkan akan terjejas akibat aliran trafik yang besar dihalakan untuk menyebabkannya terhenti daripada beroperasi, sekali gus menafikan akses oleh pengguna yang sah. Satu rangkaian komputer yang sudah dikompromi diarahkan membuat permintaan (seperti laman sesawang tertentu) daripada sistem tersebut secara serentak dan berulang (Rajah 1). Pakar menganggarkan bilangan serangan DDoS di seluruh dunia meningkat sebanyak 20% dalam tempoh dua tahun lepas, pada purata hampir 3,000 insiden sehari, dengan 43% daripadanya disasarkan kepada penyedia perkhidmatan kewangan[3]. Beberapa bank global telah mengalami serangan DDoS yang mengganggu akses pelanggan kepada portal perbankan Internet mereka selama beberapa jam atau sehingga beberapa hari pada satu-satu masa, lantas menghalang pelanggan menjalankan urus niaga dalam talian. Meskipun beberapa bank di Malaysia mengalami serangan DDoS pada tahun 2014, namun serangan ini tidak menyebabkan gangguan perkhidmatan yang ketara.

[1] Sumber: `Net losses: Estimating the global cost of cybercrime', laporan oleh Center for Strategic and International Studies.
[2] Sumber: `Cyber resilience in financial market infrastructures', November 2014.
[3] Sumber: Akamai, Arbor Networks.

Gambar Rajah 1

Serangan Penafian Perkhidmatan Teragih (DDoS) Terhadap Laman Sesawang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Malware – Serangan *malware* melibatkan penggunaan perisian hasad (malicious software) untuk mengawal atau mengganggu operasi sistem atau peranti sasaran. *Malware* wujud dalam pelbagai bentuk, seperti virus dan cecacing, dan boleh menyebabkan kemudaratan melalui cara yang berbeza. Sejenis *malware* biasa dalam konteks perkhidmatan kewangan ialah penggunaan perisian intip yang dipasang pada mesin hos yang tidak dilindungi untuk mengumpul maklumat tentang pengguna, termasuk butiran akses perbankan Internet, nombor kad kredit, atau maklumat persendirian atau sensitif yang lain. Maklumat ini kemudiannya dihantar semula secara terselindung kepada penggodam untuk tujuan melakukan penipuan atau aktiviti haram yang lain (Rajah 2).

Gambar Rajah 2

Serangan *Malware* Terhadap Peruncit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memancing data (Phishing) – *Phishing* merupakan kegiatan penipuan yang paling lazim. Ia merupakan kegiatan memancing data dengan menggunakan laman sesawang palsu untuk mendorong seseorang pengguna yang tidak menaruh syak wasangka (unsuspecting) supaya mendedahkan maklumat sensitif seperti butiran akses perbankan Internet dan kad kreditnya. Maklumat yang dicuri akan digunakan untuk melakukan pemindahan dana tanpa kebenaran atau melakukan penipuan yang lain.

Penjenayah boleh menggabungkan teknik yang berbeza untuk melancarkan serangan canggih terhadap sistem. Sebagai contoh, *malware* boleh digunakan untuk mengawal sebilangan besar komputer untuk menjalankan serangan DDoS. Serangan seperti itu akan kelihatan seolah-olah dilakukan dari pelbagai sumber yang tidak berkaitan, yang membuatkan usaha pertahanan lebih mencabar. Dengan menggabungkan teknik *malware* dan *phishing*, penjenayah boleh memintas Kod Kebenaran Transaksi (TAC) dan melakukan transaksi perbankan dalam talian secara haram tanpa pengetahuan mangsa.

Serangan siber juga telah dilakukan bersama-sama dengan kegiatan jenayah biasa yang lain. Pada tahun 2014, *malware* telah digunakan untuk mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada 18 mesin teler automatik (ATM) dalam premis bank di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Melaka. Dalam insiden ini, penjenayah menyasarkan beberapa ATM yang kurang dikawal dan yang beroperasi menggunakan model lama, lalu mendapatkan akses fizikal kepada komponen dalaman ATM dan kemudiannya memasukkan *malware* ke dalam sistem yang membolehkan ATM tersebut beroperasi. *Malware* ini telah direka khusus untuk mengeksploitasi kelemahan dalam sistem operasi ATM yang sudah lapuk. Ia seterusnya membolehkan penjenayah mengarahkan ATM supaya mengeluarkan wang tunai tanpa apa-apa kebenaran atau pengesahan. Meskipun bank-bank yang terlibat mengalami kerugian sebanyak RM3.4 juta, namun pelanggan tidak terjejas kerana pengeluaran tidak didebitkan daripada mana-mana akaun pelanggan. Bank-bank yang terjejas telah bertindak pantas dengan menaik taraf perkakasan dan perisian ATM ini dan ATM lain yang seumpamanya. Sejak itu, industri perbankan telah mengkaji semula dan melaksanakan amalan pengurusan risiko yang diperbaik serta pelbagai langkah keselamatan fizikal untuk melindungi ATM daripada ancaman seperti itu lagi.

Memandangkan serangan yang dilancarkan menggunakan teknik yang semakin canggih, usaha mengenal pasti dan menjangka ancaman siber dan membangunkan langkah tindak balas yang berkesan terus menjadi cabaran yang kritikal. Ada kalanya, sesebuah organisasi mungkin tidak menyedari bahawa ia menjadi sasaran serangan. Dalam insiden yang dikenali sebagai serangan `hari-sifar' (zero-day), penggodam mengeksploitasi kelemahan yang tidak diketahui oleh sasaran, sehinggakan sasaran tidak mempunyai masa atau peluang untuk menangani kelemahan tersebut. `Ancaman berterusan lanjutan' (advanced persistent threats) juga muncul sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang mampu mengekalkan serangan siber secara berulang kali dalam tempoh yang panjang dan dapat disesuaikan dengan usaha untuk menentangnya.

Tindak Balas Industri Dan Pengawalseliaan Terhadap Ancaman Siber

Pada peringkat kebangsaan, inisiatif untuk menangani ancaman keselamatan siber di Malaysia dilaksanakan dan diselaraskan dengan agensi kerajaan lain sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Keselamatan Siber Negara. Di bawah rangka kerja nasional ini, Bank dan institusi kewangan yang dikawal selia dianggap sebagai Infrastruktur Maklumat Kritikal Kebangsaan (CNII), dan oleh itu tertakluk kepada perlindungan yang lebih ketat sebagai mengiktiraf peranan penting mereka kepada negara dan ekonomi. Beberapa inisiatif penting dilaksanakan untuk terus meningkatkan tahap kesediaan siber bagi CNII. Ini termasuk latihan siber tahunan yang menggunakan simulasi senario serangan siber untuk menguji keberkesanan program tindak balas oleh setiap CNII dan kesemua CNII secara kolektif terhadap serangan sistemik. Hasil daripada amalan ini kemudiannya digunakan untuk mengemas kini dan memperbaik tindakan dan strategi tindak balas. Beberapa institusi kewangan telah pun mengambil bahagian dalam latihan siber ini sejak tahun 2009 dan berjaya menamatkan latihan dengan memperlihatkan keberkesanan pelan tindak balas insiden masing-masing dalam mengurus senario serangan siber.

Pada peringkat industri, Pasukan Petugas Perbankan Internet (Pasukan Petugas) yang ditubuhkan oleh Bank dan industri perbankan telah menyokong tindak balas pengawalseliaan yang komprehensif terhadap ancaman keselamatan siber. Pasukan Petugas itu menyediakan forum bagi institusi kewangan berkongsi risikan dan membincangkan isu yang berkaitan dengan perbankan Internet, termasuk keselamatan siber. Melalui Pasukan Petugas ini dan platform yang lain, Bank dan industri

berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan agensi kerajaan yang lain, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, CyberSecurity Malaysia serta Polis Diraja Malaysia. Perbincangan dan interaksi ini membolehkan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan Internet, terus mendapat maklumat yang mencukupi tentang perkembangan ancaman terkini dan ancaman yang akan dihadapi oleh sektor kewangan, selain terus menggalakkan amalan terbaik industri berhubung dengan keselamatan perbankan Internet. Sebagai contoh, Pasukan Petugas ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan ancaman penipuan berasaskan SMS yang tersebar luas beberapa tahun yang lalu. Pasukan Petugas ini berkongsi butiran teknikal dan maklumat tentang modus operandi kegiatan penipuan ini yang membolehkan kelemahan dalam proses sedia ada dikenal pasti dan ditangani, seperti menghendaki pelanggan perbankan Internet tertentu supaya mendaftar sendiri di cawangan. Langkah ini telah membawa kepada penurunan yang ketara dalam kejadian penipuan berasaskan SMS. Dalam kapasitinya sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk menerima dan menganalisis maklumat tentang transaksi yang mencurigakan, Bank juga mengedarkan maklumat risikan kewangan berkaitan dengan individu yang disyaki memudahkan transaksi, serta pemegang akaun *mule*[4] (mule account holder), untuk menyokong siasatan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang dan mengukuhkan usaha bersama dalam memerangi jenayah siber.

Pada peringkat institusi, institusi kewangan terus mempelbagaikan taktik pertahanan dan amalan keselamatan IT untuk menghalang dan bertahan daripada ancaman siber yang bakal dihadapi, termasuk:

- pembahagian zon rangkaian untuk mengawal akses pengguna dan mengehadkan penyebaran apa-apa ancaman yang menembusi rangkaian;
- melaksanakan kawalan tambahan dalam pelbagai lapisan infrastruktur rangkaian (defense-in-depth) supaya kegagalan pada satu langkah kawalan dapat ditampung oleh kawalan dalam lapisan yang lain;
- memasang alat keselamatan rangkaian yang sesuai seperti sistem pencegahan pencerobohan (IPS) dan penggunaan *firewall* yang berlapis-lapis, termasuk *web application firewall* (WAF) untuk menambah baik strategi menangani DDoS ;
- menjalankan penilaian keselamatan yang kerap dan rapi terhadap infrastruktur IT, termasuk ujian penembusan yang ketat. Skop ujian penembusan ini juga telah diperluas untuk melibatkan aplikasi berasaskan peranti mudah alih;
- memastikan pemantauan dan pengawasan keselamatan yang berterusan bagi membolehkan pengesanan awal terhadap pencerobohan; dan
- mewujudkan pasukan tindak balas kecemasan komputer untuk menambah baik masa tindak balas terhadap insiden siber.

Keberkesanan dan ketekalan amalan ini juga sering dikaji semula oleh juruaudit institusi kewangan, dan apa-apa kelemahan yang dikenal pasti segera diketengahkan untuk pembaikan. Namun, pengurusan yang wajar bagi risiko keselamatan siber sebenarnya merupakan tanggungjawab pada peringkat lembaga pengarah. Bank menghendaki lembaga pengarah institusi kewangan supaya memastikan keutamaan dan sumber yang cukup diperuntukkan kepada pengawasan dan pengurusan risiko ini. Sesetengah lembaga pengarah telah pun mencapai kemajuan dalam bidang ini seperti yang dibuktikan melalui perbincangan yang lebih mantap tentang strategi pengurusan risiko dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai aspek keselamatan siber yang lebih teknikal.

Di pihak Bank, pelbagai garis panduan telah dikeluarkan untuk menetapkan piawaian minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan dalam penyediaan perkhidmatan perbankan elektronik dan pengurusan sistem dan rangkaian IT. Dari semasa ke semasa, ini akan disokong oleh panduan tambahan yang diterbitkan oleh Bank untuk menghadapi ancaman tertentu, seperti keperluan terperinci untuk mengukuhkan kawalan keselamatan di kiosk perbankan Internet awam dan

[4] Pihak yang membenarkan akaun bank mereka digunakan oleh penjenayah untuk menyimpan atau memindahkan wang yang diperoleh secara tidak sah.

meningkatkan ketersediaan terhadap serangan DDoS. Bank kini sedang dalam proses mengkaji semula dan mengemas kini piawaian serta panduan pengawalseliaan yang sedia ada untuk terus memantapkan piawaian keselamatan IT di seluruh sektor kewangan, serta meningkatkan pertahanan dan tindak balas industri terhadap ancaman siber yang berubah-ubah. Objektif utama piawaian baharu yang akan dikeluarkan pada tahun 2015 adalah untuk:

- mengukuhkan tadbir urus bagi keselamatan siber dalam institusi kewangan;
- memastikan fokus strategik dan sumber yang mencukupi disalurkan oleh institusi kewangan kepada pengurusan risiko keselamatan siber;
- menyediakan panduan praktikal yang mencerminkan landskap teknologi dan model perniagaan yang berubah, dan cukup fleksibel untuk berhadapan dengan ancaman baharu;
- meningkatkan ketegasan penilaian institusi kewangan terhadap ancaman siber dan kualiti maklumat yang digunakan untuk memaklumkan penilaian tersebut;
- memperbaik pelan pemulihan dan luar jangka atau pengaturan kesinambungan perniagaan; dan
- menggalakkan penilaian wajar yang lebih mantap terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kritikal.

Bagi memastikan pengguna juga dapat melindungi diri daripada ancaman-ancaman siber ini, usaha juga telah dijalankan oleh Bank bersama-sama dengan industri, untuk menggalakkan kesedaran tentang amalan dalam talian yang selamat. Selain mengadakan program pendidikan pengguna secara berterusan, institusi kewangan juga telah meningkatkan usaha memberikan panduan keselamatan perbankan dalam talian di laman sesawang mereka.

Memandangkan kaedah dan alat keselamatan IT sedia ada sentiasa menghadapi ancaman baharu, sektor kewangan perlu terus berwaspada terhadap kelemahan yang mungkin wujud dalam sistem kritikalnya, dan terus mengemas kini pertahanannya serta memperkukuh strateginya untuk menangani dan mengurus risiko siber yang akan dihadapi. Ini termasuk meningkatkan keupayaan pengumpulan maklumat risikan dan juga menggunakan pendekatan yang lebih bersepadu dan terselaras dalam menangani ancaman siber.

2014

AMALAN PASARAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

109 Mengurus Risiko Pengguna Kewangan

113 *Rencana: Keberkesanan Lembaran Penzahiran Produk Dalam Mempengaruhi Keputusan Kewangan yang Berdasarkan Maklumat yang Mencukupi*

119 Mengukuhkan Mekanisme Penyelesaian untuk Pengguna

120 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab

Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA), satu daripada objektif pengawalseliaan Bank ialah memupuk urusan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK), dan untuk melindungi hak pengguna kewangan. Pada tahun 2014, Bank terus memberikan sebahagian besar tumpuannya kepada pemantauan pematuhan terhadap amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dan sokongan kepada program pendidikan bersasaran untuk pengguna kewangan memandangkan terdapat peningkatan hutang isi rumah. Bank juga terus menambah baik rejim penzahiran dan khidmat nasihat untuk menyediakan imbang balas (counter balance) yang sesuai terhadap keadaan persaingan yang semakin meningkat dan kadar inovasi kewangan yang berterusan. Kemajuan dalam kalangan PPK dalam mengurus risiko amalan masih tidak sekata, dan secara keseluruhannya kualiti pengawasan terhadap risiko amalan perlu diperkukuh bagi memastikan amalan perniagaan sejajar dengan objektif layanan adil kepada pengguna. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mengukuhkan tumpuan PPK terhadap layanan yang adil kepada pengguna kewangan, mencakupi bidang perniagaan khusus serta pengaturan yang lebih meluas berkaitan dengan perlindungan pengguna. Suatu perkembangan penting yang berkaitan ialah pengukuhan mekanisme penyelesaian seperti yang ditetapkan di bawah FSA dan Pelan Induk Sektor Kewangan 2011-2020 yang melibatkan transformasi mekanisme penyelesaian pertikaian sedia ada kepada skim ombudsman kewangan sepenuhnya. Berkuat kuasa 2 Januari 2015, pengguna juga akan mendapat manfaat daripada ketelusan yang lebih jelas dalam penentuan kadar bagi pinjaman berkadar terapung baharu dan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada individu apabila Kadar Asas (Base Rate, BR) diperkenalkan. Maklumat lanjut mengenai BR terdapat dalam rencana `Rangka Kerja Kadar Rujukan Baharu´ dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014.

MENGURUS RISIKO PENGGUNA KEWANGAN

Amalan pembiayaan yang bertanggungjawab

Persekitaran kadar faedah yang rendah dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah membolehkan pengguna untuk meminjam pada kadar yang murah. Meskipun ini memberikan manfaat kepada pengguna, kadar yang rendah ini telah meningkatkan risiko isi rumah mengumpul hutang yang melebihi kemampuan mereka. Memastikan bahawa sebarang keputusan pengguna untuk meminjam, dan PPK untuk memberi pinjaman dibuat hanya selepas penilaian ke atas keupayaan pengguna untuk melunaskan hutang sepanjang tempoh pembiayaan, merupakan perlindungan yang penting terhadap risiko ini. Meskipun akses kepada kredit seharusnya kekal tanpa halangan kepada mereka yang berupaya untuk menanggung hutang tambahan, peminjaman secara berlebihan untuk tujuan penggunaan dan bukan untuk menjana pendapatan, boleh mendedahkan peminjam kepada risiko kesulitan kewangan yang besar. Ini terutamanya bagi peminjam yang memang sudah terikat dengan jumlah hutang yang banyak apabila kos pembiayaan meningkat. Berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2012 dan 2013 untuk mengukuhkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, Bank dalam tahun 2014 terus memantau keberkesanan langkah-langkah tersebut untuk mengawal peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan.

Pada tahun 2014, Bank menjalankan penilaian tematik kedua yang berkaitan dengan amalan pembiayaan oleh PPK. Ini bertujuan menilai sejauh mana prinsip pemberian pinjaman yang bertanggungjawab telah diamalkan oleh industri. Kajian terkini menunjukkan bahawa PPK telah mencapai kemajuan selanjutnya dalam usaha mengukuhkan amalan pengunderaitan kredit melalui pelaksanaan penilaian kemampuan yang lebih mantap. Nisbah khidmat bayaran hutang (debt service ratio, DSR) menjadi semakin penting dalam keputusan pemberian pinjaman

oleh PPK. Sebagai respons kepada intervensi oleh Bank, peningkatan terus dilihat dalam amalan pengesahan pendapatan oleh PPK dan andaian yang digunakan PPK untuk menentukan obligasi pembayaran balik hutang berjadual lain oleh peminjam. PPK juga didapati menggunakan paras ambang DSR yang lebih berhemat selaras dengan paras pendapatan peminjam. Yang ketara, hasil positif daripada intervensi Bank ialah bahagian pinjaman dan pembiayaan yang ditawarkan kepada pengguna berpendapatan rendah dengan DSR yang tidak melebihi 60% telah bertambah baik daripada 85.9% daripada pinjaman baharu yang diluluskan pada bulan Julai 2013, kepada 91.8% pada bulan Disember 2014. Sebilangan PPK telah menetapkan paras ambang minimum bagi pendapatan boleh guna bersih sebagai faktor kredit tambahan untuk memastikan peminjam mempunyai penampan pendapatan yang mencukupi untuk perbelanjaan keperluan hidup dan juga semasa kecemasan. Secara kolektif, perkembangan ini mempunyai kesan positif dalam membina penampan kewangan yang lebih kukuh supaya peminjam dapat melindungi diri mereka daripada peristiwa buruk yang tidak dijangka, kos sara hidup yang meningkat dan kemungkinan berlakunya kenaikan kadar faedah.

PPK telah mencapai kemajuan selanjutnya dalam usaha mengukuhkan amalan pengunderaitan kredit melalui pelaksanaan penilaian kemampuan yang lebih mantap

Penilaian tematik ini juga diperluas untuk meliputi sebuah persatuan pembinaan dan sebuah koperasi pengambil deposit yang besar pada bulan Julai 2013, yang dikehendaki mematuhi prinsip pembiayaan yang bertanggungjawab selaras dengan prinsip yang dikenakan kepada bank. Penambahbaikan dapat dilihat dalam parameter yang digunakan oleh pemberi pinjaman ini dalam pengiraan DSR untuk memastikan semua obligasi hutang peminjam diambil kira dengan betul. Selain itu, paras ambang DSR yang lebih berhemat diperkenalkan kepada peminjam yang berkemungkinan besar mudah terjejas kepada kejutan pendapatan atau perbelanjaan.

Hasil daripada pemantauan ini, beberapa PPK dan pemberi pinjaman telah diarahkan oleh Bank untuk memperhalusi amalan pengunderaitan kredit masing-masing. Perincian ini termasuk memastikan perbezaan dalam kos sara hidup di lokasi yang berlainan dicerminkan dalam penilaian kemampuan oleh PPK dengan secukupnya. Bagi pinjaman yang menjangkaui umur persaraan, beberapa PPK diingatkan supaya mempertimbangkan dengan sewajarnya sama ada bakal peminjam mampu melunaskan hutang apabila bersara kelak dan pada masa yang sama dapat mengekalkan gaya hidup yang munasabah. Beberapa PPK juga diarahkan untuk menambah baik pengaturan tadbir urus mereka ke atas proses pengunderaitan kredit bagi memastikan sisihan daripada dasar dalaman dihadkan serta diberikan justifikasi dan kelulusan dengan betul.

Penambahbaikan terhadap amalan pemberian pinjaman susulan pelaksanaan langkah pembiayaan yang bertanggungjawab oleh Bank dalam tempoh dua tahun yang lepas telah menyumbang kepada peningkatan hutang isi rumah yang lebih sederhana, iaitu sebanyak 9.9% pada tahun 2014 daripada 11.5% pada tahun 2013. Yang ketara, pembiayaan peribadi yang telah meningkat dengan nyata dalam kalangan pengguna berpendapatan rendah, berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.6% pada tahun 2014, berbanding 22.9% pada tahun 2011, iaitu sebelum beberapa langkah diperkenalkan pada tahun 2012 dan 2013. Meskipun paras hutang kekal tinggi dalam segmen peminjam berpendapatan rendah, paras hutang ini mulai stabil sejak tahun 2013 dan akan bertambah baik pada masa akan datang apabila paras pendapatan meningkat. Keberhutangan isi rumah dibincangkan lebih lanjut dalam bab Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada tahun 2014.

Penzahiran produk dan nasihat yang wajar

Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi semasa membeli produk kewangan, khususnya apabila produk adalah kompleks atau bersifat jangka panjang, terus menjadi cabaran kepada ramai pengguna. Pengguna yang tidak mengetahui sepenuhnya ataupun tidak memahami ciri utama produk, berkemungkinan besar akan membeli produk yang tidak memenuhi keperluan atau kehendak mereka. Cabaran untuk membuat pilihan yang betul menjadi bertambah sukar dengan tawaran pelbagai produk inovatif oleh PPK.

Semakin banyak juga produk dijual menerusi platform teknologi yang baharu. Oleh sebab kesemua faktor ini boleh mengelirukan ramai pengguna, adalah penting untuk memastikan pengguna diberikan maklumat yang mencukupi untuk memahami dan membandingkan pilihan yang ada, dan seterusnya membuat keputusan tentang perkhidmatan kewangan atau produk paling sesuai untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka.

Untuk mencapai tujuan ini, sebahagian besar aktiviti pengawasan Bank ditumpukan kepada penilaian berterusan ilustrasi jualan dan bahan promosi yang diedarkan oleh PPK. Iklan produk deposit yang mengelirukan didapati lebih tersebar luas pada tahun 2014 dengan meningkatnya persaingan untuk mendapatkan deposit. Banyak daripada iklan sedemikian cenderung menekankan peluang mendapat kadar pulangan deposit tertinggi, dan kurang memberikan penekanan kepada terma dan syarat yang menentukan kadar pulangan sebenar yang ditawarkan. Akibatnya, tujuh PPK telah diarahkan oleh Bank untuk membuat perubahan atau menarik balik 10 iklan yang mengelirukan.

Memandangkan terdapat kepelbagaian yang nyata dalam ciri-ciri (termasuk manfaat dan risiko) produk serupa yang ditawarkan dalam segmen pasaran insurans/takaful, penilaian produk pada tahun 2014 tertumpu pada produk insurans hayat, takaful keluarga serta perubatan dan kesihatan. Dua pertiga daripada produk baharu yang dinilai oleh Bank mendapati bahan-bahan jualan dan promosi tidak memenuhi keperluan Bank, khususnya dari segi kejelasan dan kesempurnaan maklumat yang diberikan. Ini termasuk PPK yang memberikan penekanan secara selektif atau memberikan hanya sedikit maklumat tentang ciri-ciri produk, dan tidak memaklumkan mengenai pengecualian dan risiko, selain penggunaan bahasa yang sukar untuk difahami pengguna. Dari segi produk yang dijual menerusi telefon, Bank juga mendapati wujudnya kejadian maklumat yang penting tidak diberikan kepada pelanggan. PPK yang terbabit telah diarahkan untuk mengambil langkah pembetulan serta-merta, termasuk melatih semula kakitangan jualan dan menarik balik semua bahan yang mengelirukan yang digunakan semasa jualan. Dalam kes produk yang telahpun terjual berdasarkan maklumat yang mengelirukan, PPK dikehendaki membuat panggilan susulan dan memberikan peluang kepada pengguna untuk mempertimbangkan semula keputusan pembelian mereka tanpa dikenakan sebarang penalti atau bayaran tambahan.

Dalam bidang kewangan Islam, akaun pelaburan yang diasingkan daripada deposit Islam meningkatkan lagi permintaan terhadap penzahiran yang sewajarnya untuk menarik perhatian penyimpan kepada profil risiko dan pulangan yang berbeza antara akaun deposit dengan akaun pelaburan. Untuk memastikan pengguna sedar tentang manfaat, kos dan risiko yang terlibat, Rangka Kerja Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Mac, menetapkan keperluan penzahiran dan penyesuaian khusus yang perlu dipatuhi berkaitan dengan produk-produk ini. Ini termasuk memerlukan akaun pelaburan ini mempunyai amaran yang jelas bahawa prinsipal mahupun keuntungan daripada produk ini adalah tidak dijamin. Maklumat lanjut mengenai akaun pelaburan terdapat dalam rencana `Akaun Pelaburan di bawah IFSA´ dalam bab `Pembangunan Sektor Kewangan´.

Pada tahun 2014, Bank menjalankan satu kajian untuk menilai keberkesanan keperluan penzahiran produk. Dapatan kajian ini menunjukkan adanya skop penambahbaikan dalam amalan ketelusan dan penzahiran oleh industri dalam beberapa bidang sejajar dengan pemerhatian Bank menerusi aktiviti penyeliaan serta perbincangan dan interaksi dengan pihak yang berkepentingan. Dapatan utama kajian ini dibincangkan dalam rencana `Keberkesanan Lembaran Penzahiran Produk Dalam Mempengaruhi Keputusan Kewangan Yang Berdasarkan Maklumat Yang Mencukupi´.

Bank juga bekerjasama dengan Consultative Group to Address the Poor (perkongsian global untuk memajukan inisiatif rangkuman kewangan) dan ideas42 (institusi penyelidikan yang berfokus pada kemajuan sains tingkah laku), untuk menjalankan kajian mengenai tingkah laku pengguna Malaysia yang membeli insurans. Melalui kaedah pembelian misteri, kajian ini meneliti pengalaman sebenar pelanggan apabila berinteraksi dengan ejen dan pengantara takaful keluarga dan insurans hayat. Kajian ini menunjukkan bahawa kurang separuh daripada 100 ejen dan pengantara yang ditemui pengguna menekankan dan menerangkan dengan jelas ciri utama produk yang dijual. Selain itu, hanya 58% daripada ejen bertanyakan

keadaan kewangan pelanggan sebagai input kepada cadangan pembelian produk. Borang fakta pelanggan yang bertujuan mendapatkan maklumat pelanggan untuk penilaian kesesuaian didapati jarang-jarang dilengkapkan. Tanpa maklumat tersebut, ejen dan pengantara tidak mungkin boleh menganalisis keperluan pengguna, dan seterusnya memberikan khidmat nasihat produk yang betul. Kajian ini juga menegaskan pentingnya memberi maklumat penting yang ringkas dan seragam kepada pengguna untuk membolehkan mereka menilai sesuatu perkhidmatan atau produk kewangan dengan sebaiknya. Dapatan kajian ini digunakan untuk menentukan keutamaan aktiviti penyeliaan Bank dengan tumpuan yang lebih pada usaha menilai kecukupan amalan PPK dalam memantau kelakuan pengantara mereka, serta reka bentuk sistem insentif untuk menggalakkan khidmat nasihat yang lebih baik kepada pengguna.

Amalan perniagaan yang dilarang

Pada bulan November, dokumen panduan mengenai Amalan Perniagaan yang Dilarang dikeluarkan dengan kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysia Competition Commission). Dokumen panduan itu bertujuan untuk membantu PPK memahami dan mematuhi spesifikasi amalan perniagaan yang dilarang seperti yang ditetapkan dalam Jadual 7 FSA dan IFSA. Dokumen tersebut menghuraikan faktor yang akan dipertimbangkan dalam menentukan sama ada PPK telah menjalankan perniagaan yang dilarang di bawah undang-undang, dan menyediakan panduan yang tidak menyeluruh (non-exhaustive) berkaitan status pelbagai amalan yang diperhati dalam industri. Tumpuan khusus diberikan untuk memberikan contoh amalan yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdaya pengguna, amalan PPK yang memberi tekanan yang tidak wajar dalam pemasaran produk kewangan atau dalam pungutan bayaran, dan amalan oleh PPK yang mempunyai kesan dalam penetapan ciri-ciri produk kewangan yang akan menjejaskan pengguna. Meskipun PPK dikehendaki mempertimbangkan panduan yang disediakan dalam dokumen apabila menilai keadilan amalan perniagaan mereka, dokumen ini bukan bertujuan untuk berfungsi sebagai respons yang definitif kepada semua jenis amalan. Respons pengawalseliaan kepada amalan yang tertentu oleh PPK akan mengambil kira keadaan unik tersebut dan juga sebarang fakta tambahan yang berkaitan dengan sesuatu kes.

Penzahiran prakontrak yang terpakai bagi kontrak insurans/takaful

Penambahbaikan terhadap obligasi penzahiran prakontrak pengguna dan pelaksanaan penyelesaian setara yang disediakan buat penanggung insurans dan pengendali takaful bagi salahnyataan merupakan langkah penting dalam mengukuhkan hak pemegang polisi insurans dan peserta takaful. Obligasi dan penyelesaian setara yang diperuntukkan di bawah FSA dan IFSA mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Peruntukan tersebut menghendaki penanggung insurans atau pengendali takaful untuk meminta bakal pelanggan menjawab soalan tertentu pada peringkat prakontrak untuk menyokong keputusan pengunderaitan penanggung insurans/pengendali takaful. Jika gagal berbuat demikian, penanggung insurans atau pengendali takaful seterusnya tidak boleh menolak tuntutan atas sebab tiada penzahiran oleh pelanggan. Peruntukan itu juga menetapkan pelbagai penyelesaian yang boleh diambil oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bergantung pada salahnyataan yang dibuat oleh pengguna pada peringkat prakontrak. Secara khusus, undang-undang ini memperuntukkan bahawa apabila salahnyataan yang diberikan oleh pengguna adalah secara tidak sengaja atau cuai, penyelesaian setara seperti perubahan terma kontrak atau pengurangan jumlah tuntutan boleh dikenakan. Dalam kes sedemikian, penanggung insurans atau pengendali takaful tidak boleh menolak sesuatu tuntutan melainkan mereka boleh menunjukkan, berdasarkan pertimbangan pengunderaitannya, bahawa mereka tidak akan menerima kontrak itu jika maklumat yang tepat diberikan oleh pelanggan pada peringkat prakontrak. Peruntukan ini juga menggantikan keperluan umum sedia ada yang menghendaki pengguna untuk menzahirkan semua maklumat penting supaya penanggung insurans atau pengendali takaful boleh membuat keputusan sama ada untuk menerima risiko itu serta kadar dan terma yang akan digunakan. Perkara ini telah dikritik kerana ianya meletakkan harapan yang tidak munasabah ke atas pemegang polisi untuk mempunyai maklumat yang cukup berkaitan dengan perkara yang mungkin relevan kepada keputusan pengunderaitan, dan memberikan terlalu banyak kuasa pertimbangan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful

Keberkesanan Lembaran Penzahiran Produk Dalam Mempengaruhi Keputusan Kewangan Yang Berdasarkan Maklumat Yang Mencukupi

Rejim penzahiran produk merupakan komponen penting dalam rangka kerja perlindungan pengguna kewangan di Malaysia. Rencana ini membuat penilaian mengenai keberkesanan rejim penzahiran produk yang sedia ada dan mengetengahkan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) apabila mengkaji semula keperluan penzahiran.

Pada tahun 2010, Bank mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk untuk meningkatkan penzahiran maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK). Garis Panduan ini menghendaki PPK menyediakan kepada pengguna Lembaran Penzahiran Produk (Lembaran) yang mengandungi maklumat penting mengenai sesuatu produk, yang ditunjukkan dalam bentuk yang konsisten bagi setiap produk yang ditawarkan. Matlamat Lembaran ini adalah untuk membantu pengguna membuat keputusan yang berdasarkan maklumat yang mencukupi apabila hendak membeli sesuatu produk kewangan, berdasarkan pemahaman yang jelas mengenai ciri dan risiko utama produk kewangan berkenaan. Lembaran ini juga bertujuan untuk membolehkan pengguna membuat perbandingan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPK yang berbeza apabila mereka hendak membeli sesuatu produk atau perkhidmatan kewangan.

Bank telah menjalankan satu kajian pada tahun 2014 untuk mengetahui sama ada amalan penzahiran produk yang sedia ada memenuhi objektif-objektif tersebut. Dengan memberikan tumpuan pada Lembaran, kajian ini meneliti sama ada amalan penzahiran adalah sejajar dengan cara pengguna membuat keputusan kewangan mereka dengan menjawab dua soalan utama: (i) ``Adakah pengguna mendapat maklumat yang berguna semasa mereka membuat keputusan?´´ dan (ii) ``Bagaimanakah kualiti maklumat (liputan, akses dan paparan) boleh ditingkatkan untuk membantu pengguna membuat keputusan yang lebih baik?´´. Lebih 400 pengguna di Lembah Klang telah ditemu bual sebagai sebahagian daripada kajian ini, untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai penggunaan dan kualiti Lembaran.

Kesedaran dan Penggunaan Lembaran Penzahiran Produk

Kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kesedaran pengguna mengenai kewujudan dan tujuan Lembaran adalah rendah. Meskipun PPK dikehendaki menunjukkan Lembaran kepada pengguna sebelum pembelian sesuatu produk dibuat, hanya separuh daripada responden menyatakan pernah melihat Lembaran tersebut. Dalam kebanyakan kes, Lembaran hanya ditunjukkan kepada pengguna selepas keputusan membeli sesuatu produk dibuat. Oleh itu, pengguna tidak begitu menyedari akan peluang yang ada untuk menggunakan maklumat dalam Lembaran bagi tujuan perbandingan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan.

Dalam kalangan pengguna yang mengetahui tentang adanya Lembaran, peratusan yang tinggi (88%) menggunakannya untuk mencari maklumat produk kewangan. Kelompok pengguna ini mendapati kandungan Lembaran adalah relevan, memandangkan semua kategori maklumat dalam Lembaran tersebut didapati penting untuk membuat keputusan pembelian (Rajah 1).

Rajah 1

Kepentingan Maklumat Dalam Lembaran Penzahiran Produk bagi Membantu Pengguna Membuat Keputusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Apabila soalan yang lazim ditanya oleh pengguna dipadankan dengan maklumat yang terdapat dalam Lembaran bagi pelbagai produk kewangan, didapati Lembaran ini menjawab hampir kesemua soalan tersebut, dengan beberapa pengecualian (Jadual 1).

Jadual 1

Soalan Lazim Pengguna yang Tidak Berjawab dalam Lembaran Penzahiran Produk yang Disediakan Penyedia Perkhidmatan Kewangan

Jenis produk kewangan	Maklumat tertentu yang tidak termasuk dalam Lembaran Penzahiran Produk yang diuji
Gadai Janji	• Amaun fi guaman dan duti setem yang dikenakan • Jumlah bulan hutang tidak dibayar yang menyebabkan harta benda diambil balik
Pelaburan Berstruktur	• Amaun fi pemindahan • Kaedah memantau nilai pelaburan
Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan	• Kemungkinan menghidupkan semula polisi yang luput disebabkan gagal membayar premium/caruman • Potongan yang dibuat daripada premium/caruman yang diterima apabila polisi ditamatkan • Had/syarat bagi pengeluaran pelaburan • Masa yang diambil untuk membuat dan menerima tuntutan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengguna yang celik kewangan juga lebih berkemungkinan untuk mendapati maklumat dalam Lembaran relevan untuk mereka membuat keputusan. Ini lantas menunjukkan bahawa pendidikan kewangan penting untuk membantu semua pengguna membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Wakil institusi kewangan memainkan peranan penting apabila menerangkan kandungan Lembaran kepada pengguna dan perlu memberikan perhatian khusus kepada pengguna yang tahap celik kewangannya lebih rendah.

Faktor yang Mempengaruhi Keputusan yang Dibuat oleh Pengguna

Penemuan dan pemerhatian daripada kajian ini memberikan pemahaman mendalam yang berguna mengenai tingkah laku pengguna. Sebahagian besar daripada pengguna menyatakan mereka membuat keputusan untuk membeli produk kewangan walaupun tidak memahami sepenuhnya ciri-ciri produk berkenaan. Pulangan (atau manfaat) merupakan faktor paling dominan semasa membuat keputusan pembelian, dengan 92% daripada pengguna yang terlibat dalam kajian ini mengakui memahami manfaat produk. Sebaliknya, hanya 25% daripada mereka memahami kos dan risiko yang berkaitan dengan produk (Rajah 2). Selain itu, 36% daripada pengguna yang terlibat dalam kajian ini tidak mengambil kira sepenuhnya kemampuan mereka apabila membuat keputusan untuk membeli. Kajian ini menunjukkan beberapa sebab bagi pemerhatian tersebut, termasuk kecenderungan am individu untuk mencari maklumat yang positif dan mengetepikan maklumat negatif, membuat andaian mengenai produk berdasarkan pengetahuan am tentang sesuatu produk yang serupa serta mempercayai penasihat kewangan, rakan atau keluarga yang mencadangkan produk tersebut.

Rajah 2

Faktor-faktor yang Difahami oleh Pengguna Sebelum Membuat Keputusan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan Lembaran secara lebih berkesan boleh menangani bias pengguna memandangkan Lembaran ini memberi lebih penekanan terhadap paparan maklumat mengenai manfaat, risiko serta kos yang objektif dan seimbang. Lembaran akan ditambah baik oleh Bank agar dapat memberikan kesedaran bahawa kemampuan berbelanja merupakan faktor penting dalam membuat keputusan pembelian. Kajian ini mendapati bahawa pengguna yang fasih berbahasa Inggeris dan Melayu (bahasa yang perlu digunakan dalam Lembaran semasa) lebih berkemungkinan untuk mempertimbangkan risiko semasa membuat keputusan pembelian, memandangkan mereka lebih memahami maklumat penzahiran yang terdapat dalam Lembaran.

Internet juga boleh terus dimanfaatkan untuk meningkatkan pemahaman pengguna mengenai ciri-ciri produk. Kajian ini mendapati hampir separuh daripada pengguna yang terlibat dalam kajian ini mengenal pasti Internet sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat produk kewangan. Pengguna sebegini jugalah yang mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai lebih banyak faktor, termasuk kos dan risiko, apabila membuat keputusan untuk membeli sesuatu produk kewangan.

Format dan Bahasa Lembaran Penzahiran Produk

Satu daripada lima pengguna yang terlibat dalam kajian ini menyatakan bahawa format Lembaran perlu dijadikan lebih mesra pengguna dengan mengurangkan jumlah halamannya (kini antara 4 hingga 8 halaman), menambah paparan visual dan menggunakan cara penerangan yang lebih mudah.

Bahasa yang lebih mantap (berbanding bahasa yang neutral) lebih digemari untuk menyatakan objektif Lembaran dan maklumat penting.

Meskipun keperluan penzahiran menghendaki penggunaan bahasa yang mudah dalam penyampaian maklumat mengenai produk kewangan, namun 40% daripada pengguna yang terlibat dalam kajian ini masih mendapati bahasa yang digunakan dalam Lembaran yang dikeluarkan oleh PPK sukar untuk difahami. Antara sebab utama yang diberikan oleh responden termasuklah penggunaan istilah teknikal atau undang-undang, kurangnya penjelasan mengenai istilah khusus bagi sesuatu produk (contohnya, *lock-in period*, tarikh pemerhatian, hilang upaya kekal dan menyeluruh) dan penggunaan ayat yang mengelirukan. Pengguna juga kadang kala keliru dengan maklumat yang terlalu banyak dalam Lembaran sehingga maklumat utama tentang produk sering kali dikaburi penerangan yang terlalu panjang. Rata-rata responden bersetuju bahawa penggunaan teks bersaiz lebih besar dan bahasa yang lebih mudah dan padat, serta penggunaan `tanda-tanda mudah´ (contohnya, simbol, gambar rajah serta tajuk utama dan tajuk kecil yang mudah dilihat) akan meningkatkan kebolehbacaan Lembaran dan membantu pengguna mencari dan mendapatkan maklumat penting dalam Lembaran.

Kesimpulan

Maklumat terperinci yang diperoleh daripada kajian ini akan digunakan sebagai input dalam kajian semula Bank terhadap rejim penzahiran mandatori. Penemuan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Lembaran merupakan dokumen penting yang membantu pengguna membuat keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat yang mencukupi. Terdapat penjajaran yang baik antara maklumat yang didapati relevan oleh pengguna untuk menentukan sama ada hendak membeli sesuatu produk kewangan atau tidak, dengan maklumat yang terkandung dalam Lembaran.
Usaha untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai kewujudan dan objektif Lembaran akan menggalakkan penggunaan Lembaran ini secara lebih meluas oleh pengguna apabila hendak membuat keputusan kewangan. Lembaran juga harus disediakan dengan lebih meluas agar mudah didapati menerusi pelbagai saluran, seperti di cawangan dan laman sesawang PPK. Bank akan bekerjasama dengan pihak industri untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap Lembaran dan perjanjian kewangan[1] agar dokumen-dokumen tersebut lebih mesra pengguna, jelas dan menarik. Ini meliputi penyediaan panduan khusus kepada PPK tentang gaya paparan maklumat yang lebih berkesan berdasarkan maklum balas pengguna yang terlibat dalam kajian ini. Walaupun dengan usaha ini, masih ada pengguna yang tidak mencari maklumat penting mengenai sesuatu produk kewangan yang mereka perlu ketahui. Banyak pengguna mungkin masih tidak memahami atau boleh membandingkan produk yang ditawarkan kepada mereka dengan baik. Bagi menangani isu ini, Bank akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama, termasuk wakil institusi kewangan, untuk melaksanakan strategi pendidikan kewangan bersasaran bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan pentingnya membaca dan memahami Lembaran dan perjanjian kewangan. Usaha akan diambil untuk memastikan Lembaran ditunjukkan dan diterangkan dengan lebih jelas semasa proses penjualan dan pengedaran produk. Selain itu, Bank akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap PPK yang gagal mematuhi keperluan ketelusan dan penzahiran di bawah piawaian yang dikeluarkan oleh Bank.

[1] Kajian ini turut mendedahkan bahawa hampir separuh daripada responden membaca tidak lebih daripada separuh perjanjian kewangan.

untuk menolak tuntutan yang sah atas alasan salahnyataan yang diberikan oleh pemegang polisi.

Penambahbaikan terhadap obligasi penzahiran prakontrak dan pelaksanaan penyelesaian setara bagi salahnyataan merupakan langkah penting dalam mengukuhkan hak pemegang polisi insurans dan peserta takaful

Piawaian amalan perniagaan bagi kad pembayaran

Bagi memastikan pengguna dilindungi secukupnya apabila membuat urus niaga menggunakan kad, piawaian amalan perniagaan yang sedia ada bagi kad kredit telah terus ditambah baik dan diperluas kepada kad caj dan kad debit. Penambahbaikan tersebut mencerminkan usaha berterusan Bank dan pihak industri untuk memastikan ciri keselamatan infrastruktur kad pembayaran dan amalan perniagaan yang adil oleh pengeluar kad berikutan terdapat peningkatan penggunaan kad pembayaran dalam pelbagai urus niaga. Penambahbaikan piawaian amalan perniagaan menghendaki pengeluar kad supaya memberikan maklumat yang tepat pada masanya dan relevan pada semua peringkat kontrak, untuk membolehkan pemegang kad membuat keputusan yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi. Piawaian ini terus melarang pengeluar kad daripada mengenakan caj berlebihan dan penalti bagi pembayaran lewat, dan melanjutkan had liabiliti urus niaga tanpa kebenaran yang pada masa ini dinikmati oleh pemegang kad kredit kepada pemegang kad debit dan kad caj juga.

Sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi keyakinan orang ramai terhadap kad pembayaran dan saluran perbankan elektronik yang lain, PPK juga dikehendaki mengambil langkah tambahan untuk memberikan tip keselamatan dan peringatan kepada pelanggan supaya menyimpan maklumat akaun dengan selamat, dan mengingatkan pelanggan supaya memeriksa baki akaun dan penyata mereka bagi mengesan perkara luar biasa seperti urus niaga tanpa kebenaran. Meskipun PPK dikehendaki menyediakan mekanisme kawalan pencegahan dan penyiasatan penipuan yang mantap, pelanggan juga dikehendaki bertanggungjawab untuk mengambil langkah keselamatan yang sesuai apabila menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik atau kad pembayaran. Sehubungan dengan itu, keadaan apabila pelanggan atau PPK perlu dipertanggungjawabkan atas kerugian akibat urus niaga tanpa kebenaran telah diperjelaskan supaya lebih mencerminkan tanggungjawab seimbang PPK dan pelanggan dalam memastikan urus niaga kad pembayaran adalah selamat.

Semakan terhadap pembayaran bonus dan dividen di bawah polisi insurans hayat sertaan

Ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih ketara dan tempoh kadar faedah rendah yang berpanjangan kekal menjadi cabaran kepada penanggung insurans hayat dalam pengurusan portfolio insurans mereka. Bagi pemegang polisi insurans hayat sertaan, pulangan pelaburan yang tidak menentu boleh menjejaskan manfaat daripada polisi tak dijamin yang diterima daripada polisi mereka. Disiplin yang lemah dalam pengurusan manfaat daripada polisi tak dijamin, telah menyebabkan penanggung insurans terpaksa membuat potongan bonus dan dividen yang besar kadangkalanya tanpa amaran yang sewajarnya kepada pemegang polisi, lantas menyebabkan pengagihan manfaat yang tidak saksama merentas kumpulan pemegang polisi yang berbeza dalam dana yang disertai. Bagi memastikan bonus berdasarkan pertimbangan atau pelarasan dividen lebih saksama dan telus kepada pemegang polisi, penanggung insurans diarahkan untuk mengukuhkan tadbir urus dalaman dan pengaturan pengawasan terhadap sebarang cadangan untuk melaraskan bonus atau dividen. Ini termasuk dasar dalaman jelas bagi menentukan pencetus bagi semakan terhadap pembayaran bonus atau dividen, dan menetapkan peraturan yang digunakan secara konsisten untuk sebarang pelarasan menaik atau menurun. Penanggung insurans juga dikehendaki menjalankan ujian sensitiviti dan tekanan setiap tahun untuk mengkaji kejadian yang mungkin boleh menyebabkan pelarasan pada masa hadapan. Sebagai persediaan bagi pelarasan bonus, penanggung insurans perlu menilai kesan pelarasan ke atas pihak berkepentingan yang berbeza, membangunkan pelan tindakan untuk

mengurus sebarang risiko yang dikenal pasti dan memastikan pemegang polisi dimaklumi dengan sewajarnya. Amalan industri yang lebih kukuh dalam perkara ini bertujuan menggalakkan disiplin dan ketelusan yang lebih baik dalam pelarasan bonus dan dividen, sejajar dengan kehendak pemegang polisi dan penzahiran yang dibuat kepada mereka. Keperluan lain yang berhubung dengan pengurusan perniagaan insurans sertaan, termasuk usaha mengurus kehendak pemegang polisi, dihuraikan dalam bab `Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan´.

Penanggung insurans diarahkan untuk mengukuhkan amalan industri dengan tujuan untuk menggalakkan disiplin dan ketelusan yang lebih baik dalam penyelarasan bonus dan dividen bagi polisi insurans hayat sertaan

Penentuan semula harga insurans perubatan dan kesihatan

Inflasi perubatan, yang antara lain disebabkan oleh kenaikan harga rundingan perubatan, prosedur, ubat-ubatan dan produk berkaitan dengan perubatan yang lain, serta penggunaan perkhidmatan perubatan yang lebih tinggi, telah mengakibatkan kenaikan tuntutan yang dibayar dalam segmen insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (medical and health insurance and takaful, MHI) dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Sejak tahun 2013, sebanyak 12 penanggung insurans dan pengendali takaful telah menentukan semula harga 29 produk MHI untuk memastikan daya maju komersial jangka panjang portfolio insurans dan takaful tersebut. Meskipun penentuan semula harga produk MHI merupakan salah satu cara penanggung insurans atau pengendali takaful memastikan supaya premium adalah mencukupi untuk memenuhi kos tuntutan, penentuan semula harga mungkin menyebabkan jurang perlindungan bagi pemegang polisi dan pemilik sijil yang tidak mampu lagi membayar kos perlindungan. Sama seperti pemerhatian terhadap pengurusan pembayaran berdasarkan pertimbangan di bawah polisi insurans hayat sertaan, kekurangan disiplin pengunderaitan bersama-sama dengan polisi yang tidak direka dengan baik, juga menyumbang kepada kenaikan premium yang ketara lantas mendedahkan pemegang polisi yang sedia ada kepada risiko tidak berupaya untuk meneruskan polisi mereka. Meskipun usaha yang lebih menyeluruh bersama-sama dengan agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan, diperlukan untuk menyediakan penyelesaian yang lebih kekal terhadap kenaikan kos perubatan, Bank telah meningkatkan usaha penilaian pematuhan PPK berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam Garis Panduan bagi Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan. Ini bagi memastikan amalan penentuan semula harga dibuat secara adil bagi pemegang polisi individu sejajar dengan pengalaman tuntutan portfolio dan mengambil kira secukupnya kehendak pemegang polisi yang munasabah terhadap perlindungan yang berterusan. PPK diarahkan mengukuhkan proses dalaman bagi penilaian semula kadar premium secara berkala untuk mengelak pelarasan kadar premium berlaku secara sekali gus dan mendadak, meningkatkan komunikasi dengan pemegang polisi mengenai sebab bagi sebarang pelarasan kadar, dan memastikan pemegang polisi diberikan pilihan yang munasabah untuk mengekalkan perlindungan mereka. PPK juga digalakkan mewujudkan saluran khusus bagi pemegang polisi yang terjejas untuk mendapatkan maklumat lanjut dan khidmat nasihat.

Amalan penyelesaian tuntutan insurans motor

Meskipun pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu telah menyumbang kepada proses penyelesaian tuntutan motor yang lebih baik, kelewatan dan pertikaian yang melibatkan pembaikan motor dan tuntutan terus menjadi aduan paling lazim diterima Bank bagi sektor insurans am dan takaful. Bank telah mengadakan rundingan yang giat dengan penanggung insurans, pengendali takaful, ajuster dan pemilik bengkel kenderaan berhubung dengan cadangan meningkatkan piawaian profesional dan menangani ketirisan yang menyumbang kepada kenaikan tuntutan dalam sektor motor. Kajian semula tematik yang berkaitan dengan amalan pengurusan tuntutan motor yang dimulakan pada tahun 2014, memberikan pemahaman berguna kepada perbincangan dan interaksi dengan industri ini. Bank dijangka menyiapkan kajian semula ini pada separuh

pertama tahun 2015 untuk dijadikan asas pertimbangan bagi penambahbaikan seterusnya terhadap garis panduan sedia ada berkaitan dengan amalan penyelesaian tuntutan.

Fi dan caj

Bidang yang dipantau dengan teliti oleh Bank ialah fi dan caj yang dikenakan oleh PPK kepada pengguna individu dan perniagaan kecil. Meskipun lazimnya boleh bergantung dengan kuasa pasaran untuk memastikan fi dan caj adalah kompetitif, namun Bank akan campur tangan apabila fi dan caj tidak sejajar dengan prinsip panduan Bank berkaitan dengan caj yang adil dan berpatutan. Pada tahun 2014, tindakan penguatkuasaan diambil terhadap empat PPK yang dikehendaki membayar balik fi dan caj berjumlah lebih RM238,000 kerana didapati melanggar prinsip ini.

Pada tahun 2014, Bank menerima permohonan yang berkurangan daripada PPK untuk memperkenalkan fi atau caj baharu bagi produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada individu dan PKS, atau untuk menaikkan fi dan caj berkenaan. Jumlah permohonan yang diterima Bank untuk membuat perubahan-perubahan tersebut menurun sebanyak 33% pada tahun 2014 jika dibandingkan dengan tahun 2013. Daripada 134 permohonan yang diterima untuk mengenakan fi baharu dan menaikkan fi, sebanyak 21% telah ditolak atau dikehendaki diturunkan berbanding 22% pada tahun 2013.

MENGUKUHKAN MEKANISME PENYELESAIAN UNTUK PENGGUNA

Pelan Induk Sektor Kewangan 2011-2020 menggesa pewujudan skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) untuk menggalakkan pengendalian yang lebih berkesan dan adil bagi pertikaian yang dihadapi oleh pengguna terhadap PPK. Dalam melaksanakan saranan ini, Bank mengeluarkan kertas konsep pada bulan Ogos, yang menggariskan cadangannya untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau) sedia ada, yang kini beroperasi sebagai pengaturan sukarela, kepada FOS yang rasmi dengan kuasa yang lebih besar seperti yang diperuntukkan di bawah FSA dan IFSA. Sebagai sebahagian daripada transformasi ini, Bank bercadang untuk mengukuhkan pengaturan tadbir urus dan operasi Biro Pengantaraan Kewangan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan juga berdasarkan prinsip asas kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, akses, akauntabiliti, ketelusan dan keberkesanan.

Rangka kerja penyelesaian pertikaian yang diperkukuh menyediakan proses penyelesaian pertikaian dua peringkat (iaitu pengantaraan dan penghakiman) yang memberikan peluang yang mencukupi kepada pihak yang bertikai untuk menilai semula fakta, isu dan percanggahan yang relevan dalam usaha untuk mencapai persetujuan secara baik. Asas bagi keputusan yang dibuat oleh FOS perlu diterangkan dengan jelas dan adalah muktamad. Meskipun keputusan yang dibuat tidak boleh dirayu, pihak yang bertikai boleh memohon supaya kes dinilai semula pada peringkat dalaman oleh FOS bagi tujuan mendapatkan pengajaran apabila mengendalikan kes yang serupa pada masa hadapan. Sepertimana pengaturan semasa yang digunakan oleh Biro Pengantaraan Kewangan, PPK akan terikat dengan keputusan FOS jika ia diterima oleh pengadu. Walau bagaimanapun, pengadu boleh menolak keputusan FOS dan memulakan tindakan undang-undang jika tidak berpuas hati dengan keputusan pertikaian itu.

FOS bakal mempunyai keahlian yang lebih banyak, dengan broker insurans dan takaful, dan penasihat kewangan menyertai bank, penanggung insurans, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang merupakan ahli semasa Biro Pengantaraan Kewangan. Rangkaian pertikaian yang dilindungi oleh FOS, dari segi nilai monetari dan jenis pertikaian, serta keputusan yang boleh dibuat akan menjadi lebih meluas daripada apa yang disediakan di bawah pengaturan sedia ada. FOS juga akan menggunakan struktur fi yang lebih saksama untuk ahli PPK bagi mencerminkan penggunaan perkhidmatan FOS dengan lebih baik. Struktur fi yang dicadangkan akan terus menggalakkan PPK untuk menyelesaikan aduan dengan berkesan dan cepat menerusi fungsi aduan mereka yang khusus.

FOS akan dipantau oleh lembaga pengarah yang berperanan menjaga kepentingan FOS, dan adalah bebas daripada mana-mana kumpulan atau badan yang mungkin dianggotai oleh mana-mana ahli lembaga pengarah. Bagi memastikan FOS memenuhi matlamat yang ditetapkan, penilaian bebas secara berkala akan dijalankan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan operasi FOS.

Berikutan sokongan yang meluas terhadap cadangan yang dibuat oleh Bank, pelan untuk menyempurnakan transformasi Biro Pengantaraan Kewangan menjelang bulan Jun 2015, telah mencapai kemajuan. Ini bagi membolehkan FOS memulakan operasinya pada separuh kedua tahun 2015.

Skim ombudsman kewangan yang diluluskan akan memulakan operasinya pada separuh kedua tahun 2015

Selain FOS, Bank juga menyediakan bantuan kepada pengguna kewangan untuk menyelesaikan isu dengan PPK menerusi BNMLINK dan BNMTELELINK. Sebanyak 7,381 aduan terhadap PPK dibuat menerusi LINK pada tahun 2014, iaitu penurunan 9.7% daripada 8,171 aduan yang diterima pada tahun 2013. Perbincangan dan interaksi dengan pengguna menunjukkan bahawa penurunan jumlah aduan yang diterima Bank sebahagian besarnya mencerminkan penambahbaikan berterusan terhadap amalan pengendalian aduan oleh PPK. Hal ini turut disahkan oleh satu kaji selidik kepuasan pengguna yang dijalankan oleh Malaysian Productivity Corporation terhadap pelanggan sembilan bank utama. Kaji selidik itu menunjukkan bahawa hanya 7% daripada responden yang pernah membuat aduan sebelum ini mengaku bahawa aduan mereka diberikan layanan yang tidak memuaskan.

PENGGUNA KEWANGAN BERPENGETAHUAN DAN BERTANGGUNGJAWAB

Produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks boleh mengelirukan pengguna yang tidak berupaya untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dan kemahiran mengenai hal kewangan. Pengguna seperti ini tidak berupaya untuk menikmati manfaat sepenuhnya daripada penyertaan mereka dalam sistem kewangan untuk merancang dan menjamin kesejahteraan kewangan masing-masing. Cabaran untuk membuat keputusan kewangan berasaskan maklumat menjadi bertambah rumit berikutan purata jangka hayat yang lebih panjang dan kos sara hidup yang semakin meningkat, serta perubahan terhadap norma sosial (termasuk bertambahnya tekanan daripada rakan sebaya untuk berbelanja melebihi kemampuan sendiri). Ini menekankan betapa penting dan perlunya tindakan segera diambil untuk mempercepat inisiatif keupayaan kewangan menerusi pendidikan.

Inisiatif pendidikan kewangan di Malaysia dilaksanakan khusus untuk menggalakkan celik kewangan sebagai kemahiran hidup yang penting. Program pendidikan kewangan direka dan disediakan untuk memperlengkap rakyat Malaysia daripada semua peringkat umur dengan pengetahuan pengurusan kewangan yang selaras dengan peringkat umur mereka. Tumpuan khusus adalah pada usaha untuk memupuk kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan generasi muda rakyat Malaysia yang kemudiannya boleh diamalkan sepanjang hidup mereka.

Program pendidikan kewangan direka dan disediakan untuk memperlengkap rakyat Malaysia daripada semua peringkat umur dengan pengetahuan pengurusan kewangan yang selaras dengan peringkat umur mereka

Murid sekolah didedahkan kepada asas pengurusan wang dan kewangan sejak daripada usia yang awal. Bank bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melaksanakan strategi pendidikan kewangan di sekolah berasaskan tiga teras:

- Menyepadukan aspek pendidikan kewangan yang penting dalam mata pelajaran utama dalam kurikulum sekolah;
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dan pensyarah untuk menyampaikan pendidikan kewangan dengan berkesan kepada semua pelajar daripada segenap lapisan umur; dan
- Mendapatkan sokongan guru besar dan pentadbir sekolah yang lain untuk memainkan peranan sebagai rakan kongsi utama yang dapat memastikan kejayaan inisiatif pendidikan kewangan di sekolah.

Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai pada tahun 2014. Kurikulum Tahun Lima yang baharu merangkumi elemen pendidikan kewangan, dan panduan guru disediakan untuk Tahun Lima dan Tahun Enam. Modul pendidikan kewangan juga telah dibangunkan dan pelbagai program latihan sedang diperkenalkan kepada guru. Integrasi pendidikan kewangan di sekolah mencapai kemajuan seperti yang dirancang berikutan pengenalan elemen pendidikan kewangan secara berperingkat untuk murid Tahun Empat pada tahun 2014, manakala inisiatif yang serupa untuk murid sekolah menengah akan dimulakan pada tahun 2017. Pendidikan kewangan dijangka diperluas kepada semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah menjelang tahun 2021.

Kandungan dan pendekatan dalam penyampaian program keupayaan kewangan dalam kalangan orang dewasa disesuaikan mengikut peringkat umur mereka. Strategi ini mengambil maklum bahawa gaya hidup dan kelakuan individu berubah mengikut peredaran masa, dan keputusan kewangan yang perlu dibuat juga berbeza pada peringkat kehidupan yang berlainan. Fasa kehidupan ini termasuklah ketika mula bekerja, berumah tangga, membesarkan keluarga dan bersara daripada pekerjaan. Pendekatan ini berasaskan kepercayaan bahawa perubahan tingkah laku yang berterusan akan tercapai apabila kemahiran dan pengetahuan kewangan disampaikan ketika individu tersebut bermotivasi untuk mendidik diri sendiri dengan mengambil kira keadaan hidupnya pada waktu itu.

Agenda pendidikan kewangan dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 dengan pelancaran program POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) yang disasarkan kepada golongan dewasa yang sudah bekerja. Program ini, yang merupakan hasil kerjasama antara Bank dengan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), meneruskan siri pertama Program POWER! yang menyasarkan penuntut universiti dan golongan muda. Program POWER! menekankan pengurusan kewangan isi rumah yang berhemat dan meliputi pengurusan hutang, pembinaan kekayaan dan persediaan untuk kejadian yang tidak dijangka.

Pelbagai program jangkauan (outreach) lain turut dijalankan untuk golongan dewasa Malaysia pada tahun 2014. Jadual 4.1 memaparkan ringkasan inisiatif pendidikan kewangan utama pada tahun 2014.

Untuk menilai keberkesanan program pendidikan kewangan dan kesannya terhadap tahap celik kewangan, Bank menjalankan kajian untuk mengukur dan mengesan tahap celik kewangan dan keupayaan rakyat Malaysia. Kajian ini, yang menerima pakai amalan terbaik antarabangsa untuk mengukur tahap celik kewangan, juga bertujuan untuk mengenal pasti bidang-bidang khusus kelemahan pengguna bagi membolehkan Bank untuk menyasarkan intervensi dasar dan pendidikan kewangan secara lebih tepat kepada bidang ini. Kajian ini dijangka siap pada separuh pertama tahun 2015.

Selain mendidik pengguna mengenai pengurusan kewangan peribadi, Bank, menerusi pelbagai program jangkauannya pada tahun 2014, juga terus menumpukan pada pendidikan orang ramai mengenai penipuan kewangan menerusi kempen intensif melalui media cetak dan media sosial. Program jangkauan ini memberikan maklumat tentang bagaimana penipuan kewangan dilakukan dan bagaimana mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Bank juga bekerjasama rapat dengan persatuan pengguna, agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat yang lain untuk memperluas jangkauan inisiatif kesedaran orang ramai yang dilaksanakannya. Satu saluran penting untuk mengingatkan pengguna tentang penipuan yang mungkin berlaku ialah Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alert List) yang disediakan Bank di laman sesawangnya. Sebanyak 66 entiti dimasukkan dalam senarai ini pada tahun 2014 untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang entiti yang tidak mendapat kebenaran untuk menerima deposit atau menjalankan sebarang aktiviti kewangan yang dikawal selia. Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan menerima kunjungan sebanyak lebih 146,000 pada tahun 2014.

Pada tahun 2014, Bank bersama-sama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengambil langkah-langkah tegas untuk membanteras penipuan menerusi telefon.

Jadual 4.1

Inisiatif Utama Pendidikan Kewangan pada Tahun 2014

Strategi	Inisiatif
Menggalakkan keupayaan kewangan dari usia muda	• Memasukkan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah kebangsaan dan kolej vokasional: - Memasukkan elemen pendidikan kewangan ke dalam kurikulum dan buku teks mata pelajaran Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral untuk Tahun Lima. - Merangka panduan guru bagi mata pelajaran yang sama untuk Tahun Lima dan Tahun Enam. - Merintis modul Pengurusan Kewangan Peribadi 40 jam di 15 kolej vokasional. Modul ini akan diperkenalkan kepada pelajar semester kelima di 57 kolej vokasional lain pada tahun 2015. • Menyediakan guru dan pensyarah dengan pengetahuan dan kemahiran mengajar pendidikan kewangan: - Mengajar kemahiran pengurusan kewangan peribadi kepada lebih 5,000 guru pelatih. - Membangunkan modul pendidikan kewangan 20 jam untuk menyediakan sekumpulan tenaga pengajar utama mulai tahun 2015. Mereka ini kemudiannya melatih guru lain pula. - Melatih lebih 1,000 guru Matematik Tahun Lima, yang kemudiannya melatih guru lain pula, untuk memasukkan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum Matematik Tahun Lima. - Melatih 57 pensyarah kolej vokasional untuk mengajar pendidikan kewangan. • Memastikan ketersediaan dan mendapatkan komitmen guru besar dan pentadbir sekolah untuk melaksanakan pendidikan kewangan di sekolah: - Memberikan taklimat kepada lebih 500 guru besar mengenai elemen pendidikan kewangan yang dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dan kepentingan memupuk keupayaan kewangan pada usia muda. - Melengkapi 21 jurulatih institut latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan KPM dengan pengetahuan pengurusan kewangan peribadi bagi menyokong latihan pengurusan kewangan peribadi bagi guru besar.
Program keupayaan kewangan yang disasarkan kepada golongan dewasa mengikut peristiwa penting peringkat kehidupan yang berbeza	• Sebanyak 220,000 orang dewasa telah menghadiri program pendidikan kewangan AKPK yang disasarkan kepada pelbagai segmen pengguna: - Meneruskan program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), yang disertai lebih 29,900 golongan muda berumur antara 18 hingga 30 tahun. - Memberikan taklimat kepada lebih 1,000 golongan muda mengenai pengurusan kewangan peribadi di bawah program `Memperkasa Informasi Generasi Muda´ yang dianjurkan oleh Kerajaan. - Memberikan latihan pengurusan kewangan peribadi kepada lebih 3,300 pelajar menerusi modul yang ditawarkan oleh 10 institusi pengajian tinggi. - Menganjurkan taklimat dan ceramah Pengurusan Kewangan Peribadi di pejabat kerajaan dan tempat awam yang lain di seluruh negara, yang dihadiri hampir 172,000 individu. - Menganjurkan ceramah mengenai penipuan kewangan dan tanggungjawab pengguna di pejabat kerajaan dan tempat awam yang lain di seluruh negara, yang dihadiri lebih 10,500 individu. - Menganjurkan ceramah pendidikan kewangan menerusi program *1Malaysia Civil Service Retirement Support* yang dilaksanakan oleh Kerajaan, yang dihadiri 3,200 pesara.
Penyampaian maklumat pendidikan kewangan yang berguna dan tepat pada masanya	• Menyebarkan maklumat dan pemberitahuan tentang pendidikan kewangan menerusi ruangan akhbar mingguan, program televisyen dan radio, serta platform dalam talian dalam pelbagai bahasa. • Terus menggalakkan Program Pembelajaran dalam Talian POWER!, dengan sebanyak 818 individu berjaya menamatkan program ini. • Menyediakan perkhidmatan MobileLINK kepada 93 mukim luar bandar di seluruh negara untuk menyebarkan maklumat pengurusan kewangan dan menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada lebih 12,000 rakyat Malaysia. • Mengedarkan lebih satu juta naskhah Buku Wang Saku kepada pelajar. • Meneruskan promosi Duitsaku.com, yang dilayari lebih daripada sejuta kali.

Ini termasuk menyekat nombor telefon yang digunakan oleh penipu dan mendakwa pemegang akaun *mule* (individu yang membenarkan akaun bank mereka digunakan oleh penipu kewangan untuk memegang atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram) di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, serta Kanun Keseksaan kerana memudahkan pengubahan daripada hasil aktiviti haram. Lebih 100 siasatan telah dijalankan oleh PDRM dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan lebih 40 kes berjaya didakwa (Sumber: PDRM). Selain itu, berkuat kuasa bulan Disember 2014, Bank telah memulakan perkongsian maklumat mengenai individu yang dilaporkan terlibat dalam aktiviti penipuan kewangan dengan institusi perbankan untuk membantu usaha wajar dan pemprofilan risiko pelanggan. Bank juga meningkatkan komunikasinya dengan orang ramai untuk menasihati mereka agar berhati-hati apabila menerima sebarang panggilan telefon yang meragukan yang kononnya daripada agensi penguatkuasaan.

2014

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

127 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

130 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit

136 Mempertingkatkan Kerjasama Merentas Sempadan dan Serantau

Pada tahun 2014, Bank Negara Malaysia (Bank) terus memastikan keselamatan dan daya tahan infrastruktur pembayaran dalam negara untuk menyokong sektor kewangan dan ekonomi. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013), Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) ditetapkan sebagai sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik, yang sekiranya berlaku gangguan terhadap sistem tersebut boleh menjejaskan keyakinan orang ramai atau kestabilan monetari dan kewangan. Sistem-sistem tersebut tertakluk kepada keperluan pengawasan dan pengawalseliaan Bank untuk memelihara integriti dan kebolehpercayaannya sebagai infrastruktur pasaran yang amat penting. Selain itu, Bank juga meluluskan dan membuat pengawasan terhadap beberapa sistem pembayaran runcit utama dan instrumen pembayaran bagi tujuan menggalakkan kecekapan, integriti dan kebolehpercayaan pengendaliannya.

Sistem pembayaran dan penyelesaian bernilai tinggi (large value payment and settlement, LVPS) dan sistem pembayaran runcit ini beroperasi dengan lancar tanpa gangguan besar. Walau bagaimanapun, Bank terus menumpukan usaha pada pengukuhan kesinambungan perniagaan dan pengaturan kontingensi bagi sistem tersebut untuk terus meningkatkan daya tahan sistem. Pengaturan ini diuji dengan rapi di bawah ujian pemulihan bencana langsung yang dijalankan untuk memastikan pemulihan segera dan penyambungan semula operasi LVPS tepat pada masanya. Langkah-langkah juga diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit dengan jangkaan bahawa jumlah urus niaga pembayaran runcit akan terus meningkat. Secara kolektif, perkembangan ini terus mengurangkan risiko sistemik.

Pada tahun 2014, Bank terus menggalakkan keyakinan pengguna terhadap penggunaan perkhidmatan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran). Meskipun kejadian penipuan pembayaran kekal rendah, para penipu telah mencuba kaedah baharu untuk melakukan penipuan perbankan dalam talian, lantas memerlukan orang ramai untuk mengambil sikap lebih berhati-hati. Selain pengemaskinian berterusan terhadap pengaturan keselamatan oleh bank dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan untuk menangani ancaman penipuan yang timbul, pengaturan perlindungan pengguna juga ditambah baik bersama-sama dengan program berterusan untuk mendidik pengguna tentang cara membuat pembayaran dan pemindahan dalam talian secara selamat.

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS)

Pada tahun 2014, RENTAS menyelesaikan urus niaga sebanyak RM49.1 trilion, iaitu 45.9 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia, berbanding dengan RM46.4 trilion pada tahun 2013. Purata harian bagi jumlah dan nilai urus niaga masing-masing meningkat 10.5% dan 6.2%, kepada 17,753 urus niaga dan RM199.7 bilion pada tahun 2014 daripada 16,061 urus niaga dan RM188 bilion pada tahun 2013 (Rajah 5.1). Penyelesaian pasaran wang antara bank, sekuriti dan pertukaran asing berjumlah

Rajah 5.1

RENTAS: Purata Harian Mengikut Bilangan dan Nilai



Sumber: Bank Negara Malaysia

RM26.3 trilion atau 53.5% daripada jumlah nilai urus niaga RENTAS, manakala baki urus niaga pula kebanyakannya merupakan pindahan dana oleh Kerajaan dan syarikat. Peningkatan jumlah urus niaga didorong sebahagian besarnya oleh pindahan dana pihak ketiga yang meningkat pada kadar purata 14.5% sejak empat tahun yang lalu.

Meskipun operasi RENTAS terus mengekalkan tahap ketersediaan pengendalian yang tinggi tanpa sebarang gangguan sistem pada tahun 2014, empat kejadian kecil berlaku apabila kesilapan teknikal dalam operasi sistem pembayaran runcit telah mengakibatkan sedikit kelewatan dalam penyelesaian kedudukan penjelasan bersih antara bank. Ini menunjukkan kebergantungan antara RENTAS dengan kebolehpercayaan pengendalian sistem pembayaran runcit yang membuat penyelesaian melalui RENTAS. Untuk mengurangkan kemungkinan kejadian yang sama berulang, beberapa langkah telah diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit. Insentif yang kukuh kepada peserta turut disediakan untuk memastikan kebolehpercayaan pengendalian menerusi pelaksanaan sistem penalti bagi gangguan yang berlaku dalam proses penjelasan dan penyelesaian.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan keupayaan RENTAS menyambung semula perkhidmatan tepat pada masanya jika berlaku sebarang gangguan, satu latihan simulasi `kegagalan pada pertengahan hari´ (mid-day failure) telah dijalankan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) untuk menguji keberkesanan pengaturan pemulihan bencana (disaster recovery, DR). Ini merupakan langkah tambahan kepada rutin ujian langsung DR bulanan dan ujian langsung DR-ke-DR dua kali setahun. Latihan tersebut yang dijalankan pada hujung minggu dan melibatkan penyertaan 66 ahli RENTAS, membuat simulasi kegagalan RENTAS pada pertengahan hari dan penyambungan semula operasi RENTAS di premis DR MyClear. Dalam latihan ini, operasi RENTAS disambung semula dalam masa satu jam, iaitu masih dalam lingkungan dua jam masa pemulihan.

Kekerapan penyelesaian GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) dalam RENTAS bertambah daripada dua kali kepada lima kali sehari untuk membolehkan pengkreditan yang lebih cepat ke dalam akaun pelanggan. Hasilnya, bagi urus niaga IBG yang dijalankan antara pukul 12.30 tengah hari hingga 5.00 petang, dana kini boleh diterima pada hari yang sama. Untuk mengurangkan risiko kredit antara bank, penyelesaian antara bank bagi urus niaga IBG kini dibuat dahulu sebelum pengkreditan akaun pelanggan. Untuk memenuhi kekerapan penyelesaian kedudukan IBG yang lebih tinggi, waktu operasi RENTAS dilanjutkan dari pukul 6.00 petang kepada 9.00 malam mulai 8 Disember 2014. Untuk memudahkan penyelesaian obligasi IBG pada sebelah petang, Bank turut memperkenalkan Kemudahan Pendanaan Semalaman Berkolateral secara Automatik (Automated Collateralised Overnight Funding Facility) untuk membolehkan peserta IBG mendapatkan dana selepas pasaran wang ditutup.

Kekerapan penjelasan GIRO Antara Bank (IBG) dalam RENTAS telah bertambah daripada dua kali kepada lima kali sehari

Pengawasan Pembayaran Runcit

Sistem pembayaran runcit utama dan eSPICK

Beberapa inisiatif utama telah diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit dengan jangkaan bahawa urus niaga e-pembayaran akan terus meningkat. Pada bulan Jun 2014, langkah penggantian teknologi (technology refresh) telah dilaksanakan untuk menaik taraf perkakasan dan perisian sistem IBG. Hasil daripada peningkatan keupayaan dan kecekapan sistem IBG akan memastikan sistem tersebut berupaya mengendalikan jumlah urus niaga IBG yang semakin meningkat. Ujian tekanan menunjukkan bahawa sistem IBG yang ditambah baik berupaya untuk memproses sekali ganda jumlah urus niaga maksimum bagi setiap jendela. Langkah penggantian teknologi turut dilaksanakan untuk Rangkaian ATM Perkongsian (Shared automated teller machine (ATM) Network, SAN) dan sistem kad debit domestik, yang meningkatkan keupayaan pemprosesan urus niaga.

eSPICK kekal berdaya tahan dan terus beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2014. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kebolehpercayaan eSPICK berterusan, usaha menaik taraf perkakasannya akan dilaksanakan pada tahun 2015, yang dijangka melanjutkan jangka masa penggunaannya untuk lima tahun lagi.

Bank juga menjalankan penyeliaan terhadap pengendali sistem pembayaran. Pada tahun 2014, aktiviti penyeliaan tertumpu pada usaha memastikan kebolehpercayaan pengendalian sistem pembayaran runcit, pengaturan kesinambungan perniagaan yang cukup dan keupayaan sistem untuk menyokong jumlah urus niaga e-pembayaran yang lebih tinggi. Penilaian ini merumuskan bahawa sistem ini mempunyai skala dan keupayaan yang mencukupi untuk memenuhi jangkaan peningkatan jumlah urus niaga. Ujian langsung DR dua kali setahun turut dijalankan ke atas sistem pembayaran runcit bagi memastikan sistem ini terus berdaya tahan sekiranya berlaku bencana di pusat data utama.

Penipuan pembayaran

Penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran, perbankan dalam talian dan cek, kekal rendah pada tahun 2014 (Rajah 5.2 dan Rajah 5.3). Ini adalah hasil daripada pelbagai langkah yang diambil untuk menambah baik ciri keselamatan pembayaran seperti perpindahan kepada kad berasaskan cip pada tahun 2005 dan pelaksanaan kaedah pengesahan (authentication) yang mantap bagi urus niaga dalam talian sejak bulan April 2012, yang memerlukan pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik setiap kali (one-time password) mengesahkan urus niaga dalam talian. Kebanyakan penipuan kad pembayaran dalam talian di Malaysia melibatkan peniaga e-perdagangan asing. Kira-kira 93% daripada jumlah kerugian akibat penipuan dalam talian ditanggung oleh institusi kewangan asing di luar negara yang masih belum melaksanakan kaedah pengesahan yang mantap. Hal ini selaras dengan peraturan skim kad pembayaran yang menghendaki pihak yang mempunyai ciri keselamatan yang lebih lemah untuk menanggung kerugian akibat penipuan.

Rajah 5.2

Penipuan, % daripada Jumlah Urus Niaga



*Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj
*Perbankan dalam talian merujuk kepada urus niaga perbankan dalam talian yang dijalankan oleh individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.3

Penipuan, % daripada Jumlah Nilai Urus Niaga



*Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj
*Perbankan dalam talian merujuk kepada urus niaga perbankan dalam talian yang dijalankan oleh individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran, perbankan dalam talian dan cek, kekal rendah pada tahun 2014 hasil daripada pelbagai langkah yang diambil untuk menambah baik ciri keselamatan pembayaran

Pada bulan Februari 2014, Bank mengeluarkan peraturan untuk menaikkan tahap keperluan keselamatan minimum bagi kad debit dan kad caj supaya setara dengan keperluan untuk kad kredit. Keperluan keselamatan ini termasuklah pelaksanaan pemberitahuan urus niaga dan kaedah pengesahan yang mantap bagi urus niaga dalam talian. Bank juga menghendaki institusi kewangan membenarkan hanya urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (card-not-present, CNP) bagi (pesanan melalui pos, pesanan melalui telefon atau pembelian dalam talian) dan urus niaga di luar negara bagi kad debit dan kad prabayar atas permintaan pemegang kad. Langkah ini terus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan urus niaga sedemikian. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh ciri keselamatan kad pembayaran, Bank turut

menetapkan tarikh akhir, iaitu pada 1 Januari 2017, kepada semua pengeluar dan pemeroleh kad untuk membolehkan pengesahan `Cip dan PIN´ bagi urus niaga di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS).

Bank telah menetapkan tarikh akhir pada 1 Januari 2017 kepada semua pengeluar dan pemeroleh kad pembayaran untuk membolehkan pengesahan `Cip dan PIN´ bagi urus niaga di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS)

Pada tahun 2014, satu modus operandi baharu untuk penipuan perbankan dalam talian telah dikesan, yang melibatkan pencurian maklumat perbankan daripada komputer atau telefon pintar mangsa dengan menggunakan perisian *malware* yang canggih. Untuk menangani ancaman baharu ini, bank dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan memperkukuh langkah pengurusan risiko masing-masing dengan menentukur semula (recalibrating) parameter risiko dalam sistem pengesanan penipuan berdasarkan profil risiko ancaman penipuan terkini dalam perbankan dalam talian dan instrumen pembayaran. Peringatan keselamatan juga terus dikeluarkan kepada pelanggan di pusat tumpuan utama untuk mendidik pengguna tentang cara melindungi diri daripada penipuan. Kaedah penipuan baharu dan lebih canggih lazimnya boleh menambah kesulitan yang dihadapi pengguna kerana masa yang lebih panjang mungkin diperlukan untuk menyiasat kejadian penipuan bagi menentukan liabiliti. Untuk menangani isu ini, institusi kewangan dikehendaki mengkreditkan akaun pelanggan buat sementara waktu sekiranya penyiasatan penipuan oleh penyiasat tidak dapat diselesaikan dalam masa yang berpatutan. Ini penting bagi mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap e-pembayaran. Namun demikian, untuk mengelakkan risiko penipuan tuntutan, institusi kewangan juga mengeluarkan peringatan yang mencukupi kepada pelanggan berhubung dengan tindakan yang boleh diambil terhadap sebarang percubaan untuk membuat tuntutan palsu.

Meskipun penipuan cek kekal kecil berbanding dengan jumlah urus niaga cek, MyClear sedang dalam proses menambah baik mekanisme yang sedia ada untuk menyelesaikan pertikaian di bawah peraturan penyertaan dan operasi eSPICK bagi menangani bentuk penipuan cek yang timbul. Satu daripada bentuk penipuan cek ialah pemintasan cek yang dihantar menggunakan sampul surat bercetak yang diberikan oleh penerima. Memandangkan langkah berjaga-jaga yang diambil pengguna merupakan pertahanan paling awal terhadap penipuan, bank terus proaktif dalam perkongsian maklumat dan usaha memberitahu pengguna mengenai kaedah penipuan yang digunakan.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Penggunaan Wang Tunai

Pada tahun 2014, nilai wang tunai dalam edaran (cash-in-circulation, CIC) meningkat 8.5% kepada RM68 bilion, manakala nisbah CIC kepada KDNK kekal pada 6.4%. Nisbah CIC Malaysia kepada KDNK, yang meningkat dengan stabil sejak tahun 2010, nyata lebih tinggi berbanding dengan negara-negara maju seperti Norway, Sweden, Denmark dan United Kingdom (UK), yang penggunaan kad debitnya adalah lebih meluas (Rajah 5.4). Berbanding dengan tahun 2013, pengeluaran wang tunai di ATM pada tahun 2014 masing-masing meningkat 10.9% dan 10% dari segi jumlah dan nilai, kepada 583.8 juta urus niaga yang berjumlah RM315.1 bilion. Meskipun urus niaga kad debit turut meningkat dalam tempoh yang sama, kepada 68.8 juta urus niaga dengan

Rajah 5.4

Perbandingan antara Negara bagi CIC sebagai bahagian daripada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia, European Central Bank Statistical Data Warehouse dan Norges Bank

nilai RM14.8 bilion, nisbah urus niaga kad debit kepada pengeluaran wang tunai di ATM kekal sangat rendah, iaitu satu urus niaga kad debit bagi setiap lapan pengeluaran wang tunai di ATM (Rajah 5.5). Statistik ini menunjukkan penggunaan wang tunai terus menjadi medium pembayaran utama di Malaysia.

Pembayaran Runcit Bukan Tunai

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat manakala penggunaan cek menurun berbanding dengan instrumen pembayaran bukan tunai lain (Rajah 5.6). Pada tahun 2014, sebanyak 92.5% daripada pembayaran bukan tunai dibuat secara elektronik berbanding 85.6% pada tahun 2010. Jumlah urus niaga e-pembayaran meningkat daripada 1.2 bilion pada tahun 2010 kepada 2.2 bilion pada tahun 2014. Pada asas per kapita, ini merupakan peningkatan daripada 43 urus niaga e-pembayaran bagi setiap individu pada tahun 2010, kepada 72 urus niaga pada tahun 2014.

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat manakala penggunaan cek menurun berbanding dengan instrumen pembayaran bukan tunai yang lain

Jumlah cek yang digunakan menurun dengan ketara pada tahun 2014, kepada 177.1 juta cek bernilai RM1.9 trilion. Ini merupakan penurunan 10.1% berbanding penurunan 3.3% pada tahun lalu, yang disebabkan terutamanya oleh pengenalan pembaharuan penentuan harga, perkhidmatan IBG yang lebih baik dan kempen kesedaran untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran (Rajah 5.7).

Rajah 5.5

Jumlah Urus Niaga Pengeluaran Tunai Melalui ATM dan Kad Debit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.6

Pembayaran Runcit Bukan Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan IBG antara bank menggalakkan

Dengan pengenalan kadar fi urus niaga yang sama, iaitu 10 sen pada bulan Mei 2013, urus niaga IBG meningkat 36.2% kepada 113.6 juta urus niaga bernilai RM432.5 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. Untuk memperluas akses kepada e-pembayaran, bank telah membolehkan ATM digunakan untuk membuat pindahan dana secara elektronik (electronic funds transfer, EFT) melalui IBG.

Rajah 5.7

Jumlah Urus Niaga Cek dan IBG



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ini bagi memenuhi keperluan segmen masyarakat yang tidak mempunyai akses kepada Internet. Pelanggan kini boleh membuat pindahan dana melalui IBG atau Pindahan Dana Antara Bank (Interbank Fund Transfer, IBFT) pada kadar 30 sen atau kurang, di 9,945 ATM di seluruh negara yang merupakan 80% daripada jumlah ATM di Malaysia. Bank-bank juga telah meletakkan kios Internet layan diri di cawangan terpilih untuk pelanggan menjalankan urus niaga IBG dan urus niaga perbankan dalam talian yang lain. Kini, kira-kira 85% daripada jumlah cawangan bank di seluruh negara telah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kios.

Perkhidmatan IBG juga telah ditambah baik untuk meningkatkan kemudahan kepada pengguna. Bagi memudahkan penyelarasan pembayaran, nama pembayar dan rujukan pembayaran kini dipaparkan dalam penyata akaun bank benefisiari. Perkhidmatan IBG tarikh hadapan (future-dated) juga diperkenalkan untuk membolehkan urus niaga IBG diproses pada tarikh terkemudian, sama seperti cek tarikh hadapan.

Perkhidmatan IBG tarikh hadapan juga diperkenalkan untuk membolehkan urus niaga IBG diproses pada tarikh terkemudian, sama seperti cek tarikh hadapan

Kad pembayaran

Penggunaan kad pembayaran (kad debit, kad kredit dan kad caj) meningkat 8.6% dari segi jumlah dan 8.8% dari segi nilai kepada 419.1 juta urus niaga bernilai RM128.8 bilion pada tahun 2014, daripada 385.8 juta urus niaga bernilai RM118 bilion pada tahun 2013. Kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling banyak digunakan, mencakupi 82.5% daripada jumlah urus niaga, manakala kad debit dan kad caj masing-masing mencakupi 16.4% dan 1% (Rajah 5.8).

Meskipun penembusan kad pembayaran berasaskan cip yang selamat adalah tinggi di Malaysia (43.4 juta kad debit dan 8.2 juta kad kredit untuk 30.3 juta orang penduduk), namun terdapat hanya 239,802 terminal POS atau lapan terminal POS bagi setiap 1,000 orang penduduk.

Rajah 5.8

Perbelanjaan Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar pertumbuhan terminal POS juga nyata lebih perlahan, daripada 14.6% pada tahun 2011 kepada hanya 5.3% pada tahun 2014, menandakan kemungkinan kapasiti terminal POS telah digunakan sepenuhnya oleh peniaga peringkat lebih tinggi, yang mampu membayar kadar diskaun peniaga pada paras semasa. Nisbah urus niaga kad debit kepada urus niaga kad kredit yang lebih rendah dan pertumbuhan terminal POS yang lebih perlahan mengesahkan terdapat beberapa herotan dalam pasaran kad pembayaran yang membawa kepada pelaksanaan pelbagai langkah oleh Bank untuk membuat pembaharuan terhadap industri kad pembayaran.

Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran

Pada tahun 2013 dan 2014, Bank telah menjalankan satu kajian menyeluruh terhadap fi pertukaran serta peraturan dan amalan kad pembayaran negara ini berikutan beberapa kenaikan fi pertukaran dalam pasaran kad pembayaran domestik. Fi pertukaran ialah fi yang biasanya dibayar oleh bank peniaga (pemeroleh) kepada bank pemegang kad (pengeluar) untuk menampung kos yang ditanggung bagi memudahkan urus niaga kad pembayaran. Kajian ini menunjukkan rejim fi pertukaran yang sedia ada di Malaysia telah mewujudkan kesan herotan kepada insentif, yang menggalakkan promosi penggunaan kad pembayaran berkos lebih tinggi lantas menjejaskan penggunaan kad pembayaran lain yang berkesan dari segi kos. Pengendali rangkaian kad pembayaran bersaing sesama sendiri bukan dengan cara menurunkan fi yang dikenakan ke atas pengeluar dan pemeroleh, tetapi dengan menaikkan fi

pertukaran sebagai insentif bagi pengeluaran dan promosi kad bayaran di bawah jenama mereka. Kenaikan fi pertukaran yang sewenang-wenang ini seterusnya meningkatkan prospek kenaikan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) di seluruh sistem, yang mungkin dipindahkan kepada pengguna melalui harga barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan kos penerimaan kad pembayaran juga akan mengekang rangkaian POS daripada berkembang, terutamanya dalam kalangan peniaga lebih kecil yang tidak mampu membayar kos MDR yang lebih tinggi. Bank juga mendapati peraturan dan amalan tertentu dalam industri kad pembayaran adalah kurang telus dan menyekat persaingan yang boleh mengekang penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos secara lebih meluas di Malaysia.

Berikutan kajian tersebut, Bank mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Rangka Kerja) pada tahun 2014 dengan tujuan untuk membangunkan industri kad pembayaran yang lebih cekap, telus dan berdaya saing di Malaysia. Khususnya, Rangka Kerja ini bertujuan memastikan kos penerimaan kad pembayaran adalah saksama dan berpatutan selain menggalakkan penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos secara lebih meluas.

Bank mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran dengan tujuan untuk membangunkan industri kad pembayaran yang lebih cekap, telus dan berdaya saing

Langkah-langkah utama

Rangka Kerja ini mempunyai dua teras utama. Teras pertama ialah memperkenalkan mekanisme yang objektif dan telus bagi penetapan fi pertukaran untuk urus niaga kad pembayaran domestik.

Jadual 5.1

Had Fi Pertukaran bagi Urus Niaga Kad Pembayaran Domestik

Urus Niaga Kad Pembayaran	Kadar Fi Pertukaran Semasa	Had Fi Pertukaran
Kad debit domestik	0.40%	• **`0.15%´ atau `50 sen + 0.01%´** (yang mana lebih rendah) • **0%** (untuk pembayaran kepada Kerajaan)[1]
Kad debit / prabayar antarabangsa	0.99% - 1.20%	• **`0.21%´ atau `70 sen + 0.01%´** (yang mana lebih rendah) • **0%** (untuk pembayaran kepada Kerajaan)
Kad kredit	1.32% - 1.80%	• **1.10%[2]** (dari tahun 2015 hingga tahun 2020) • **0.48%** (mulai tahun 2021)

1 Fi pertukaran sifar untuk pembayaran kepada Kerajaan atau agensi Kerajaan untuk enam tahun (dari tahun 2015 hingga tahun 2020)
2 Had adalah sebanyak 1.1% jika Dana Pembangunan Pasaran diwujudkan, jika tidak had ditetapkan pada 1.0%

Sumber: Bank Negara Malaysia

Di bawah mekanisme ini, fi pertukaran bagi urus niaga kad debit, kad prabayar dan kad kredit tertakluk kepada had yang ditetapkan berasaskan struktur kos yang mendasari setiap kad pembayaran (Jadual 5.1). Ini seterusnya akan menjadikan kad debit dan kad prabayar lebih berkesan dari segi kos, lantas meningkatkan penerimaannya oleh lebih ramai peniaga. Sebagai langkah untuk mempercepat penerimaan kad pembayaran oleh Kerajaan yang mencakupi sebahagian besar daripada urus niaga pembayaran, had fi pertukaran bagi kad debit dan kad prabayar akan ditetapkan pada kadar sifar untuk tempoh enam tahun.

Susulan perbincangan dengan industri, had fi pertukaran yang lebih tinggi daripada kos berkaitan urus niaga yang layak bagi kad kredit, telah dikekalkan untuk tempoh interim antara tahun 2015 hingga 2020. Ini bertujuan mewujudkan agihan kewangan oleh industri yang akan disalurkan kepada penambahbaikan infrastruktur kad pembayaran domestik dan untuk menggalakkan penggunaan kad debit. Industri kad pembayaran komited terhadap beberapa sasaran tahunan dalam

Jadual 5.2

Penunjuk Industri dari Tahun 2015 hingga Tahun 2020

Penunjuk Industri	2015	2016	2017	2018	2019	2020
1) Terminal POS kumulatif* *termasuk 30% terminal tanpa sentuhan	280,000	330,000	430,000	560,000	690,000	800,000
2) Urus niaga kad debit (juta)	89	137	246	433	681	1,000

Sumber: Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia dan National Cards Group (NCG)

tempoh ini (Jadual 5.2) yang akan menjadi asas untuk memastikan agihan kewangan telah disalurkan untuk tujuan yang sewajarnya, iaitu memperluas penggunaan dan penerimaan kad debit untuk tujuan pembayaran. Bank akan memantau dengan rapi pencapaian sasaran yang ditetapkan, dan kegagalan untuk memenuhi sasaran akan mengakibatkan had interim diturunkan ke paras kos berkaitan urus niaga yang layak, berdasarkan formula yang ditetapkan terlebih dahulu.

Rangka Kerja ini akan memperkenalkan mekanisme yang objektif dan telus untuk menetapkan fi pertukaran bagi urus niaga kad pembayaran domestik

Teras kedua Rangka Kerja ini ialah meningkatkan ketelusan dan menggalakkan persaingan dalam pasaran kad pembayaran, selain melindungi kepentingan pengguna (Jadual 5.3). Langkah-langkah yang menyokong teras ini sebahagian besarnya disasarkan untuk memperbaik isyarat harga dan memberi peniaga lebih banyak kawalan terhadap kos yang boleh ditanggung oleh mereka bagi penerimaan kad pembayaran. Dalam jangka panjang, langkah ini dijangka meningkatkan penerimaan kad pembayaran dan mengurangkan kemungkinan kenaikan kos MDR kelak dipindahkan sepenuhnya kepada pengguna.

Rangka Kerja ini dijangka menggalakkan pertumbuhan industri kad pembayaran yang teratur dan mampan dalam jangka panjang. Pengguna akan dapat menggunakan kad pembayaran dengan lebih meluas apabila lebih banyak peniaga sedia untuk menerima kad pembayaran susulan kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah. Selain kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah, peniaga juga akan mendapat manfaat daripada kemudahan dan kecekapan operasi yang lebih tinggi, yang terhasil daripada penggunaan kad pembayaran yang lebih meluas. Jumlah urus niaga kad pembayaran yang lebih tinggi juga akan menjana kenaikan hasil kepada bank menerusi perniagaan pemeroleh selain mengurangkan kos pengendalian wang tunai.

Mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran

Sepanjang tahun 2014, Bank dan industri perbankan terus menumpukan usaha dan sumber yang banyak untuk menambah baik akses, kecekapan dan kebolehpercayaan perkhidmatan e-pembayaran di Malaysia.

Pengguna akan dapat menggunakan kad pembayaran dengan lebih meluas hasil daripada kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah yang ditanggung peniaga

Berkuat kuasa 1 Oktober 2014, struktur penentuan harga berperingkat telah diperkenalkan bagi perkhidmatan e-pembayaran untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos. Di bawah struktur penentuan harga baharu, urus niaga perbankan yang dijalankan dalam talian akan dikenakan fi paling rendah, diikuti urus niaga yang dibuat di ATM dan akhir sekali, urus niaga di kaunter (over-the-counter, OTC). Sebagai contoh, fi bagi urus niaga IBG ialah 10 sen menerusi perbankan dalam talian, 30 sen di ATM dan RM2 bagi OTC.

Untuk mengekalkan usaha penambahbaikan yang berterusan terhadap infrastruktur dan perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan, Bank memperkenalkan rangka kerja Dana Insentif e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF) yang berkuat kuasa mulai 2 Januari 2015. Di bawah inisiatif ini, bank dikehendaki menyalurkan fi pemprosesan cek yang diterima untuk menyediakan insentif bagi menggalakkan pelanggan supaya menggunakan e-pembayaran. Ini termasuk memansuhkan fi urus niaga e-pembayaran, fi token keselamatan dan fi penyelenggaraan bulanan.

Untuk terus menggalakkan kesedaran pengguna, ketelusan dan persaingan, bank juga dikehendaki untuk memaparkan butiran perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan mulai 1 Oktober 2014 di semua cawangan bank dan laman sesawang institusi perbankan, Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Maklumat ini, yang meliputi

Jadual 5.3

Langkah-langkah untuk Meningkatkan Ketelusan dan Menggalakkan Persaingan dalam Pasaran Kad Pembayaran

Langkah	Rasional	Keperluan Pengawalseliaan
1. Memisahkan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) bagi kad pembayaran	Untuk memastikan MDR mencerminkan struktur kos kad pembayaran	Pemeroleh perlu memisahkan MDR untuk: • Urus niaga kad debit domestik • Urus niaga kad debit/prabayar antarabangsa • Urus niaga kad kredit
2. Memudahkan pengenalpastian kad debit dan kad prabayar antarabangsa	Untuk membolehkan peniaga membezakan antara kad debit dan kad prabayar dengan kad kredit	Pengeluar perlu memastikan kad debit dan kad prabayar antarabangsa boleh dikenal pasti secara visual dan elektronik
3. Memansuhkan halangan terhadap kad debit yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran (co-badging)	Untuk meningkatkan persaingan dalam kalangan rangkaian kad debit	• Sebarang peraturan atau amalan yang mengehadkan atau menghalang penggunaan kad debit yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran (co-badging) adalah dilarang • Pengeluar perlu memastikan keutamaan yang setara diberikan kepada penjenamaan rangkaian kad debit bagi kad debit yang menggunakan lebih daripada satu aplikasi pembayaran
4. Tiada surcaj untuk urus niaga kad debit dan kad prabayar	Untuk menggalakkan penggunaan kad pembayaran yang kos efektif	Pemeroleh perlu memastikan peniaga tidak mengenakan sebarang surcaj atas urus niaga kad debit domestik dan kad debit/prabayar antarabangsa
5. Memperkasakan peniaga untuk mendorong pelanggan supaya menggunakan kad pembayaran yang kos efektif	(a) Untuk membolehkan peniaga memilih/ menerima kad pembayaran dengan kos yang lebih rendah bagi meminimumkan kos pembayaran runcit negara (b) Untuk memastikan penzahiran kos penerimaan kad pembayaran kepada peniaga (c) Untuk memastikan MDR mencerminkan perubahan dalam fi pertukaran, dan menggalakkan persaingan dalam kalangan pemeroleh untuk menurunkan MDR	• Sebarang peraturan atau amalan berkaitan dengan perkara atau kesan yang berikut adalah dilarang: - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada mendorong pelanggan untuk menggunakan kad pembayaran atau rangkaian tertentu - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada menetapkan rangkaian utama untuk kad pembayaran yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran - Mengehadkan atau menghalang bilangan rangkaian di mana urus niaga boleh disalurkan di terminal semasa jualan (point of sale, POS) - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada memberikan keutamaan yang sama kepada semua rangkaian di POS • Penyata peniaga perlu mengandungi perkara berikut: - MDR untuk setiap urus niaga - Kadar fi pertukaran untuk setiap urus niaga - Alamat laman sesawang rangkaian pembayaran yang memaparkan kadar fi pertukaran - Notis berhubung dengan pengurangan MDR berikutan pengurangan fi pertukaran, atau penjelasan sekiranya tiada penurunan pada MDR
6. Larangan berkaitan hak eksklusif kepada akaun atau kemudahan kredit	Untuk menggalakkan persaingan dalam kalangan rangkaian kad pembayaran dan sistem pembayaran	Sebarang peraturan atau amalan yang mengehadkan atau menghalang akses kepada akaun atau kemudahan kredit menerusi rangkaian kad pembayaran atau sistem pembayaran yang berbeza adalah dilarang
7. Tawaran produk minimum untuk kad pembayaran	Untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada pengguna dan mengelakkan pengeluar mengenakan fi yang berlebihan untuk ciri kad pembayaran yang tidak diperlukan	Pengeluar akan menawarkan pilihan kepada pemegang kad untuk mendapatkan kad pembayaran asas tanpa fi atau dikenakan fi yang nominal. Kad pembayaran asas akan memudahkan pembayaran kepada peniaga di dalam atau luar Malaysia, atau di Malaysia sahaja bergantung pada pilihan pemegang kad

Sumber: Bank Negara Malaysia

fi urus niaga, masa pengkreditan dan had urus niaga, akan membolehkan orang ramai untuk membandingkan perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan memilih perkhidmatan terbaik yang boleh memenuhi keperluan mereka.

Berkuat kuasa 1 Oktober 2014, struktur penentuan harga berperingkat diperkenalkan bagi perkhidmatan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos

Kad pembayaran saling boleh kendali

Tahun 2014 juga menyaksikan pelancaran inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification), iaitu usaha pihak industri yang diselaraskan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan MyClear, untuk memindahkan kad debit domestik daripada piawaian proprietari semasa kepada piawaian Europay-MasterCard-Visa (EMV). Penggunaan piawaian EMV akan meningkatkan kecekapan, memupuk elemen saling boleh kendali yang lebih baik dan meluaskan penerimaan kad debit domestik oleh peniaga di seluruh negara. Mulai tahun 2015, pemegang kad akan diberikan kad berlandaskan EMV baharu dengan fungsi tanpa sentuhan secara berperingkat. Fungsi tanpa sentuhan akan memberikan lebih banyak kemudahan kepada pemegang kad dan menambah baik kecekapan operasi bagi peniaga menerusi pengurangan masa urus niaga. Langkah perpindahan ini dijangka selesai pada 1 Januari 2018.

MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA MERENTAS SEMPADAN DAN SERANTAU

Bank terus aktif dalam penyertaannya di forum serantau yang mempunyai peranan penting dalam usaha menggalakkan integrasi infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang lebih kukuh selain menambahbaik kecekapan dan kestabilan sistem pembayaran. Bank merupakan salah satu anggota dalam beberapa kumpulan kerja sistem pembayaran serantau, termasuk Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), Forum Infrastruktur Penyelesaian Merentas Sempadan ASEAN+3 (ASEAN+3 Cross-border Settlement Infrastructure Forum, CSIF) dan Jawatankuasa Kerja ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS).

Pada tahun 2014, WCPSS merumuskan Prinsip Ketelusan dan Penzahiran Produk bagi Penyelesaian Perdagangan Merentas Sempadan (Prinsip) (Principles for Product Transparency and Disclosure on Cross-border Trade Settlement) untuk memastikan pelanggan mempunyai akses maklumat yang tepat pada masanya mengenai caj dan tahap perkhidmatan yang ditawarkan institusi kewangan bagi penyelesaian perdagangan merentas sempadan di rantau ASEAN. Tahap ketelusan yang lebih tinggi juga akan meningkatkan kecekapan penyelesaian dan memudahkan perdagangan antara ekonomi ASEAN. Kumpulan negara pertama yang melaksanakan Prinsip ini ialah Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, manakala Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar dan Vietnam akan menerima pakai Prinsip ini menjelang akhir tahun 2015. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai integrasi ekonomi serantau yang lebih kukuh seperti yang dihasratkan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC), WCPSS juga menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan merentas sempadan dan peningkatan kesalinghubungan pembayaran runcit merentas sempadan untuk memudahkan urus niaga kad pembayaran dan pemindahan dana secara elektronik merentas sempadan.

2014

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Perangkaan Penting Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Kewangan

A.1	Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama	MS 1
A.2	Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful	MS 2

Sistem Perbankan

A.3	Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 3
A.4	Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 4
A.5	Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 5
A.6	Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 6
A.7	Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja	MS 7
A.8	Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi	MS 7
A.9	Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi	MS 8

Sektor Insurans
Perniagaan Insurans Hayat

A.10	Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 8

Perniagaan Insurans Am

A.11	Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian	MS 9

Sektor Takaful
Perniagaan Takaful Keluarga

A.12	Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 9

Perniagaan Takaful Am

A.13	Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian	MS 10

Institusi Kewangan Pembangunan

A.14	Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 11
A.15	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 12
A.16	Institusi Kewangan Pembangunan bukan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 13
A.17	Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 14
A.18	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 15
A.19	Institusi Kewangan Pembangunan bukan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 16
A.20	Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih	MS 17
A.21	Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk	MS 18
A.22	Penunjuk Pembayaran Asas	MS 19
A.23	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Bilangan Urus Niaga	MS 20
A.24	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga	MS 20
A.25	Sistem Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga	MS 21

Perniagaan Perkhidmatan Wang

A.26 Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS MS 22

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.27 Saluran Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga MS 23
A.28 Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran MS 23
A.29 Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia MS 24
A.30 Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale) MS 24
A.31 Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran MS 24
A.32 Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen MS 25

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	14.8	15.7	15.7	-	-
Nisbah Modal Teras	13.0	13.7	13.9	-	-
Nisbah Jumlah Modal[1]	-	-	-	14.9	15.2
Nisbah Modal Kumpulan 1[1]	-	-	-	13.5	13.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[1]	-	-	-	12.6	12.6
Pulangan atas Aset	1.5	1.6	1.6	1.5	1.5
Pulangan atas Ekuiti	16.6	17.4	17.4	15.9	15.2
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset[2]	15.6	16.0	13.8	11.6	13.1
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek[2]	48.1	45.4	42.5	36.5	42.6
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	2.3	1.8	1.4	1.3	1.2
Caj Modal untuk Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas[1]	2.0	1.7	1.7	1.5	1.5
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas[1]	8.5	6.7	6.1	5.7	4.9
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas[1]	1.2	0.9	0.6	0.8	1.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	224.6	222.5	219.1	246.1	253.0
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	14.1	12.7	17.9	13.2	13.8
Premium / Caruman Perniagaan Baharu (RM bilion)	11.2	10.9	12.0	12.1	12.8
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	253.2	248.5	242.3	260.9	260.1
Insurans dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.9	0.5	1.7	1.8	1.8
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	2.1	1.7	2.9	3.2	3.2
Premium / Caruman Langsung Kasar (RM bilion)	14.1	15.4	16.6	17.8	19.0
Nisbah Tuntutan	62.1	66.7	57.3	57.1	57.5
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	204.4	222.9	227.7	231.7	279.2
Sektor Isi Rumah (IR)					
Jumlah Hutang IR (RM bilion)	594.2	674.2	767.6	855.9	940.4
Jumlah Aset Kewangan IR (RM bilion)	1,399.5	1,519.6	1,712.3	1,902.6	2,012.6
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	74.5	76.2	81.5	86.7	87.9
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	235.5	225.4	223.1	222.3	214.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Jumlah Hutang IR	166.9	159.2	159.3	159.4	150.4
Nisbah Pembayaran Balik Hutang	47.0	47.4	46.8	47.0	44.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	2.3	1.8	1.5	1.3	1.2
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	5.4	5.5	5.1	4.8	4.9*
Pulangan atas Ekuiti	10.0	10.2	9.0	9.3	8.5*
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	39.2	45.5	42.5	40.0	42.7*
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	8.0	6.9	5.4	7.7	6.4*
Margin Operasi	12.6	13.2	12.2	12.9	12.0*
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	5.2	4.1	3.0	2.8	2.5
Institusi Kewangan Pembangunan[3]					
Pinjaman kepada Sektor Terpilih (% perubahan)	13.0	7.1	10.1	8.1	6.9
Deposit Digembleng (% perubahan)	20.5	16.1	7.1	7.2	5.3
Nisbah Pinjaman Terjejas	9.0	7.3	6.3	5.6	4.7
Pulangan atas Aset	2.2	2.7	2.5	2.2	1.6

[1] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
[2] Mulai bulan Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai
[3] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
*Berdasarkan data dari Januari hingga September 2014

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset[1]	351,195.0	434,665.5	494,705.20	558,295.0	625,227.7
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	20.7	22.4	23.8	25.0	25.6
Jumlah pembiayaan[1]	222,214.3	268,251.5	314,973.30	370,673.8	427,887.8
% daripada jumlah pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	22.7	24.3	25.8	27.5	29.2
Jumlah deposit[1]	277,549.8	340,695.8	386,196.8	436,327.6	494,738.3
% daripada jumlah deposit seluruh sistem perbankan[1]	22.6	24.4	25.6	26.7	28.2
	%				
Nisbah Modal Wajaran Risiko	14.9	15.0	14.5	-	-
Nisbah Modal Teras	12.7	12.1	12.0	-	-
Nisbah Jumlah Modal[2]	-	-	-	15.1	15.6
Nisbah Modal Kumpulan 1[2]	-	-	-	12.8	12.2
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[2]	-	-	-	12.8	12.2
Pulangan atas Aset	1.3	1.0	1.3	1.2	1.1
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	2.1	1.6	1.2	1.0	0.9
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	14,659.3	16,948.2	19,045.6	20,934.2	22,744.5
Keluarga	12,420.9	14,377.2	16,289.8	17,952.2	19,618.1
Am	2,238.3	2,570.9	2,755.9	2,982.0	3,126.4
% daripada industri insurans dan takaful	8.3	8.8	9.0	9.0	9.1
Pendapatan Caruman Bersih	4,423.6	4,863.0	5,887.8	6,204.4	6,314.0
Keluarga	3,392.8	3,703.6	4,574.8	4,803.9	4,769.7
Am	1,030.8	1,159.4	1,313.0	1,400.5	1,544.3
% daripada industri insurans dan takaful	12.6	13.0	14.3	14.1	13.3
Takaful Keluarga					
Caruman Perniagaan Baharu	2,587.1	2,695.1	3,474.5	3,563.5	3,460.3
Takaful Am					
Caruman Langsung Kasar	1,325.7	1,599.1	1,737.6	1,908.8	2,163.7
Nisbah Tuntutan (%)	59.5	67.8	56.9	53.6	47.9

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[2] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal yang dilaporkan adalah berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
a Awalan

Jadual A.3

Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	65,681.9	73,681.0	83,760.1	83,079.3	89,564.5
Tolak: Perbelanjaan faedah	31,331.3	38,918.2	46,292.9	43,621.4	48,010.4
Pendapatan faedah bersih	34,350.6	34,762.8	37,467.3	39,457.8	41,554.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	8,562.6	8,951.8	9,125.5	9,617.6	10,165.5
Tolak: Kos kakitangan	11,467.0	12,841.9	13,810.3	13,561.5	13,702.6
Kos overhed	12,209.4	11,751.1	12,666.5	13,383.7	14,221.8
Keuntungan operasi kasar	19,236.9	19,121.6	20,116.0	22,130.2	23,795.1
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	4,366.9	2,835.6	1,501.9	2,427.1	1,469.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	14,870.0	16,286.0	18,614.1	19,703.1	22,326.0
Campur: Pendapatan lain	8,088.7	9,909.6	10,604.9	10,054.5	9,694.9
Untung sebelum cukai	**22,958.7**	**26,195.6**	**29,219.0**	**29,757.6**	**32,020.8**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.5	1.6	1.6	1.5	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	16.6	17.4	17.4	15.9	15.2
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	193.5	213.3	231.9	236.2	256.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	46.4	45.9	46.3	45.6	45.5
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	68.9	70.7	70.7	68.3	67.2
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	106.5	91.5	91.7	98.7	103.8
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	96.6	102.7	108.8	108.4	109.6

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.4

Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	63,744.4	71,668.9	81,931.8	81,085.9	87,707.9
Tolak: Perbelanjaan faedah	30,103.6	37,417.0	44,943.9	42,165.1	46,598.7
Pendapatan faedah bersih	33,640.8	34,251.8	36,988.0	38,920.9	41,109.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi	6,590.5	6,904.9	7,620.1	7,874.4	8,180.8
Tolak: Kos kakitangan	10,550.9	11,736.6	12,789.4	12,399.9	12,496.6
Kos overhed	11,105.8	10,747.1	12,031.4	12,571.6	13,232.2
Keuntungan operasi kasar	18,574.5	18,673.1	19,787.3	21,823.8	23,561.2
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	4,170.7	2,938.6	1,509.0	2,467.4	1,487.0
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	14,403.8	15,734.5	18,278.3	19,356.4	22,074.2
Campur: Pendapatan lain	7,802.8	9,360.4	9,920.3	9,409.3	8,680.0
Untung sebelum cukai	**22,206.5**	**25,094.9**	**28,198.5**	**28,765.7**	**30,754.2**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.6	1.6	1.5	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.2	17.7	17.4	16.0	15.2
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	201.9	219.9	242.3	246.3	264.6
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	45.1	44.5	45.5	44.4	44.4
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	64.4	65.6	67.1	64.2	62.6
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	105.3	91.6	94.1	101.4	105.9
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	95.9	102.8	109.0	106.7	107.6

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.5

Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	1,937.5	2,012.1	1,828.3	1,993.3	1,856.6
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,227.7	1,501.1	1,349.0	1,456.4	1,411.7
Pendapatan faedah bersih	709.9	511.0	479.3	536.9	444.9
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1,972.1	2,046.9	1,505.4	1,743.2	1,984.6
Tolak: Kos kakitangan	916.0	1,105.3	1,020.9	1,161.5	1,206.0
Kos overhed	1,103.6	1,004.0	635.1	812.2	989.7
Keuntungan operasi kasar	662.4	448.5	328.7	306.4	233.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	196.2	-103.1	-7.1	-40.4	-17.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	466.2	551.6	335.8	346.8	251.8
Campur: Pendapatan lain	285.9	549.2	684.6	645.2	1,014.8
Untung sebelum cukai	**752.1**	**1,100.8**	**1,020.4**	**991.9**	**1,266.6**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.1	1.7	1.6	1.7	2.3
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	7.8	12.3	11.5	10.6	12.3
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	86.3	117.4	108.4	107.7	143.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	68.0	67.9	62.0	67.5	63.7
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	284.5	412.8	345.5	367.6	493.6
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	120.5	90.8	62.2	69.9	82.1
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	105.1	117.9	106.2	131.8	137.0

[1] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.6

Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan	11,994.8	13,643.1	16,415.7	18,106.3	20,416.1
Tolak: Perbelanjaan	5,105.5	6,535.8	7,965.1	9,422.9	10,888.9
Pendapatan bersih	6,839.2	7,107.4	8,450.6	8,683.3	9,527.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi	790.1	835.7	1,055.2	1,048.4	1,058.7
Tolak: Kos kakitangan	1,166.4	1,377.6	1,636.7	1,740.0	1,741.9
Kos overhed	2,398.6	2,388.1	3,016.8	3,079.2	3,225.5
Keuntungan operasi kasar	4,064.4	4,177.3	4,852.3	4,912.5	5,618.6
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	1,286.9	1,692.1	609.0	443.8	785.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	2,777.5	2,485.2	4,243.2	4,468.7	4,833.0
Campur: Pendapatan lain	409.2	541.7	608.9	444.0	253.1
Untung sebelum cukai	**3,186.8**	**3,026.9**	**4,852.1**	**4,912.7**	**5,086.1**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.3	1.0	1.3	1.2	1.1
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	15.8	13.5	18.2	17.0	15.5
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)[2]	137.6	119.0	173.8	167.0	172.4
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	27.1	25.1	25.7	24.6	22.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	52.1	53.0	55.1	55.5	52.1
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	205.6	173.4	184.3	177.0	185.2
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)[2]	50.4	54.1	58.6	59.1	59.0

[1] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
[2] Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.7

Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja

	Pada akhir tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
Bilangan institusi	55	56	56	55	54
Bank perdagangan	*23*	*25*	*27*	*27*	*27*
Bank pelaburan	*15*	*15*	*13*	*12*	*11*
Bank-bank Islam	*17*	*16*	*16*	*16*	*16*
Rangkaian pejabat	2,312	2,435	2,481	2,479	2,494
Bank perdagangan	*2,006*	*2,050*	*2,056*	*2,029*	*2,045*
Bank pelaburan	*133*	*133*	*148*	*135*	*135*
Bank-bank Islam[1]	*2,102*	*2,147*	*2,171*	*2,177*	*2,192*
Bilangan bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Internet	26	27	28	31	31
Bilangan pekerja	120,580	125,065	126,902	125,071	124,986
Bank perdagangan	*103,093*	*106,274*	*107,541*	*106,006*	*106,783*
Bank pelaburan	*8,972*	*9,577*	*9,610*	*8,814*	*8,801*
Bank-bank Islam	*8,515*	*9,214*	*9,751*	*10,251*	*9,402*

[1] Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional
a Awalan

Jadual A.8

Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	6,247.1	6,509.9	6,053.5	5,284.8	6,762.4
Komitmen pengeluaran pinjaman	379,644.9	409,756.4	444,293.6	470,299.8	472,371.9
Pengganti kredit langsung	19,293.0	21,302.3	24,960.5	33,087.9	29,897.3
Kontrak berkaitan pertukaran asing	407,639.0	476,725.8	518,150.2	577,388.4	760,062.7
Kontrak berkaitan kadar faedah	643,923.3	695,982.4	716,494.7	772,958.0	791,624.5
Kontingensi berkaitan perdagangan	12,154.7	11,721.1	10,644.2	10,677.4	13,720.5
Kontingensi berkaitan urus niaga	35,037.2	41,059.9	45,928.8	50,561.5	57,967.2
Obligasi penajajaminan	1,187.7	789.5	445.0	522.0	466.0
Lain-lain	61,185.2	65,938.4	72,179.0	55,541.2	63,046.9
Jumlah	**1,566,312.2**	**1,729,785.7**	**1,839,149.5**	**1,976,320.9**	**2,195,919.2**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.9

Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	326.9	20.4	19.2	12.4	77.0
Komitmen pengeluaran pinjaman	2,796.8	3,353.6	3,666.1	5,454.8	5,609.1
Pengganti kredit langsung	258.2	322.6	201.5	316.6	418.0
Kontrak berkaitan pertukaran asing	2,864.4	3,958.7	5,536.6	7,548.1	7,941.7
Kontrak berkaitan kadar faedah	13,852.2	10,573.4	9,161.6	9,779.4	8,957.2
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	1.1	1.1	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	10.5
Obligasi penajajaminan	693.3	717.5	190.3	680.8	90.2
Lain-lain	2,343.8	1,523.1	2,205.8	3,402.7	3,296.3
Jumlah	**23,146.0**	**20,480.9**	**20,992.6**	**27,205.4**	**26,399.9**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.10

Insurans Hayat[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Premium bersih	21,854.2	22,877.7	25,005.7	26,458.1	28,820.9
Tolak: Faedah polisi bersih	13,035.4	14,015.5	14,342.4	16,357.7	17,997.6
Imbuhan agensi	3,248.3	3,384.1	3,551.9	3,667.9	3,836.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	1,852.4	2,092.9	2,287.6	2,481.8	2,632.6
Baki transaksi	3,718.2	3,385.2	4,823.8	3,950.7	4,354.0
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	5,449.8	6,039.5	6,706.8	7,208.4	7,625.9
Perolehan modal bersih (kerugian)	2,590.0	659.0	2,181.6	-1,344.2	-868.0
Pendapatan lain bersih	907.1	1,112.7	1,735.7	1,272.8	522.2
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**12,665.1**	**11,196.4**	**15,447.8**	**11,087.7**	**11,634.1**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global insurans hayat
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.11

Insurans Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	10,715.2	11,236.9	12,418.7	13,821.3	14,877.3
Tolak: Tuntutan bersih	6,731.8	7,483.7	7,126.7	7,934.2	8,689.9
Komisen bersih	1,284.0	1,374.3	1,587.4	1,789.8	1,962.1
Jumlah perbelanjaan pengurusan	1,895.0	1,990.2	2,220.2	2,477.1	2,667.4
Keuntungan pengunderaitan	804.3	388.7	1,484.3	1,620.1	1,557.9
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	813.3	924.6	970.1	1,015.7	1,063.7
Perolehan modal bersih (kerugian)	61.9	18.9	19.6	24.8	-28.5
Pendapatan lain bersih	229.9	127.2	114.9	180.5	176.1
Keuntungan kendalian	**1,909.4**	**1,459.5**	**2,588.9**	**2,841.1**	**2,769.3**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global insurans am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.12

Takaful Keluarga[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Caruman bersih	3,392.8	3,703.6	4,574.8	4,803.9	4,769.7
Tolak: Faedah sijil bersih	1,601.2	1,660.9	1,635.9	1,999.2	1,996.0
Komisen bersih	531.6	599.2	711.2	761.2	730.5
Jumlah perbelanjaan pengurusan	414.3	476.5	574.6	642.5	732.5
Baki transaksi	845.7	967.0	1,653.2	1,401.0	1,310.7
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	447.3	494.2	590.1	659.1	729.8
Perolehan modal bersih (kerugian)	45.0	27.8	54.6	-164.4	-56.4
Pendapatan lain bersih	92.4	78.1	155.8	204.4	138.7
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**1,430.4**	**1,567.1**	**2,453.7**	**2,100.1**	**2,122.8**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful keluarga
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.13

Takaful Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

	Untuk tahun kalendar				
	2010	2011	2012	2013	2014*a*
	RM juta				
Pendapatan caruman diperoleh	938.6	1,090.3	1,282.1	1,390.0	1,467.5
Tolak: Tuntutan bersih	558.4	738.9	730.0	743.2	703.0
Komisen bersih	85.8	96.7	156.7	192.4	91.9
Jumlah perbelanjaan pengurusan	181.6	155.9	206.0	247.4	408.8
Keuntungan pengunderaitan	112.7	98.7	189.5	207.0	263.8
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	68.4	84.5	96.3	102.8	110.6
Perolehan modal bersih	17.7	35.8	41.6	80.4	11.8
Pendapatan lain bersih (kerugian)	3.8	17.5	-18.3	-7.7	-5.3
Keuntungan kendalian	**202.5**	**236.5**	**309.1**	**382.5**	**380.9**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana wang takaful am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.14

Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
	RM juta					
Sumber:						
Ekuiti pemegang saham	27,474.6	28,851.7	7,912.1	8,836.1	35,386.7	37,687.8
Modal berbayar	*11,111.1*	*11,111.1*	*3,011.5*	*3,044.5*	*14,122.6*	*14,155.6*
Rizab	*7,604.5*	*7,219.1*	*2,602.1*	*175.4*	*10,206.6*	*7,394.5*
Perolehan/Kerugian tertahan	*8,759.0*	*10,521.5*	*2,298.5*	*5,616.2*	*11,057.5*	*16,137.7*
Liabiliti	151,503.9	164,663.1	55,942.5	61,831.8	207,446.4	226,494.9
antaranya:						
Deposit diterima	109,727.8	113,511.7	46,574.4	52,228.3	156,302.2	165,740.0
Peminjaman	18,051.3	18,271.2	6,643.2	6,823.1	24,694.5	25,094.3
Kerajaan	*13,499.1*	*13,971.4*	*1,773.2*	*1,764.3*	*15,272.3*	*15,735.7*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*2,932.2*	*2,499.8*	*27.2*	*18.2*	*2,959.4*	*2,518.0*
Lain-lain	*1,620.0*	*1,800.0*	*4,842.8*	*5,040.6*	*6,462.8*	*6,840.6*
Sekuriti hutang diterbitkan	7,455.1	15,546.1	-	-	7,455.1	15,546.1
Jumlah	**178,978.5**	**193,514.8**	**63,854.6**	**70,667.9**	**242,833.1**	**264,182.7**
Kegunaan:						
Aset						
antaranya:						
Penempatan deposit	9,161.0	10,400.8	10,203.1	8,093.0	19,364.1	18,493.8
Pelaburan	39,058.5	42,050.7	33,690.9	42,059.1	72,749.4	84,109.8
antaranya:						
Sekuriti Kerajaan	*25,390.5*	*26,076.8*	-	-	*25,390.5*	*26,076.8*
Saham	*803.1*	*861.3*	*10,668.2*	*14,193.2*	*11,471.3*	*15,054.5*
Disenaraikan	*754.0*	*812.2*	*10,521.6*	*14,057.0*	*11,275.6*	*14,869.2*
Tidak disenaraikan	*49.1*	*49.1*	*146.6*	*136.2*	*195.7*	*185.3*
Pinjaman dan pendahuluan	120,111.5	128,450.9	7,627.3	8,376.2	127,738.8	136,827.1
Aset tetap	3,741.5	3,757.6	4,721.8	5,686.6	8,463.3	9,444.2
Jumlah	**178,978.5**	**193,514.8**	**63,854.6**	**70,667.9**	**242,833.1**	**264,182.7**
Kontingensi:						
Jaminan	405.6	595.0	1,507.9	2,050.7	1,913.5	2,645.7
Insurans kredit eksport	976.2	1,072.9	-	-	976.2	1,072.9
Jumlah	**1,381.8**	**1,667.9**	**1,507.9**	**2,050.7**	**2,889.7**	**3,718.6**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

[3] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.15

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun 2014						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Sumber:							
Ekuiti pemegang saham	12,418.9	2,506.4	7,384.0	2,454.6	3,003.3	1,084.5	28,851.7
Modal berbayar	*2,973.7*	-	*3,078.7*	*1,000.0*	*2,708.7*	*1,350.0*	*11,111.1*
Rizab	*3,811.1*	*977.4*	*1,872.9*	*596.1*	-	*-38.4*	*7,219.1*
Perolehan/Kerugian tertahan	*5,634.1*	*1,529.0*	*2,432.4*	*858.5*	*294.6*	*-227.1*	*10,521.5*
Liabiliti	79,167.5	31,815.9	24,896.4	10,818.6	8,612.3	9,352.4	164,663.1
antaranya:							
Deposit diterima	68,717.8	28,312.9	5,928.3	6,732.7	-	3,820.0	113,511.7
Peminjaman	2,018.7	20.1	9,153.5	2,063.1	2,284.0	2,731.8	18,271.2
Kerajaan	*218.7*	*20.1*	*8,804.1*	*2,063.1*	*170.1*	*2,695.3*	*13,971.4*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	-	-	*349.4*	-	*2,113.9*	*36.5*	*2,499.8*
Lain-lain	*1,800.0*	-	-	-	-	-	*1,800.0*
Sekuriti hutang diterbitkan	3,020.6	-	5,900.0	-	5,105.3	1,520.2	15,546.1
Jumlah	**91,586.4**	**34,322.3**	**32,280.4**	**13,273.2**	**11,615.6**	**10,436.9**	**193,514.8**
Kegunaan:							
Aset							
antaranya:							
Penempatan deposit	2,283.7	1,246.4	2,112.0	1,096.9	1,970.9	1,690.9	10,400.8
Pelaburan	23,449.7	10,466.1	1,370.0	4,056.7	119.9	2,588.3	42,050.7
antaranya:							
Sekuriti Kerajaan	*16,430.9*	*6,911.8*	*564.4*	*1,139.7*	-	*1,030.0*	*26,076.8*
Saham	*257.3*	*168.8*	*261.3*	*46.7*	-	*127.2*	*861.3*
Disenaraikan	*245.6*	*168.8*	*233.1*	*46.7*	-	*118.0*	*812.2*
Tidak disenaraikan	*11.7*	-	*28.2*	-	-	*9.2*	*49.1*
Pinjaman dan pendahuluan	62,104.1	18,766.8	27,064.5	6,866.7	8,786.0	4,862.8	128,450.9
Aset tetap	1,260.3	1,226.4	199.8	506.7	131.0	433.4	3,757.6
Jumlah	**91,586.4**	**34,322.3**	**32,280.4**	**13,273.2**	**11,615.6**	**10,436.9**	**193,514.8**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.16

Institusi Kewangan Pembangunan[1] bukan di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaaan Dana

	Pada akhir tahun 2014							
	LTH	CGC	SDB	MIDF	SCC	BDC Sarawak	BDC Sabah	Jumlah
	RM juta							
Sumber:								
Ekuiti pemegang saham	2,953.2	2,994.2	843.0	1,554.9	448.3	33.3	9.2	8,836.1
Modal berbayar	-	*1,785.6*	*535.0*	*466.1*	*200.0*	*25.0*	*32.8*	*3,044.5*
Rizab	*-846.6*	*626.5*	*-0.8*	*365.5*	*0.6*	*14.6*	*15.6*	*175.4*
Perolehan/Kerugian tertahan	*3,799.8*	*582.1*	*308.8*	*723.3*	*247.7*	*-6.3*	*-39.2*	*5,616.2*
Liabiliti	51,873.3	1,398.5	5,602.8	850.9	1,936.1	112.0	58.2	61,831.8
antaranya:								
Deposit diterima	51,128.5	-	1,059.8	-	-	-	40.0	52,228.3
Peminjaman	-	1,200.5	3,422.0	349.3	1,833.5	17.1	0.7	6,823.1
Kerajaan	-	*1,189.4*	-	*331.1*	*243.8*	-	-	*1,764.3*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	-	-	-	*18.2*	-	-	-	*18.2*
Lain-lain	-	*11.1*	*3,422.0*	-	*1,589.7*	*17.1*	*0.7*	*5,040.6*
Sekuriti hutang diterbitkan	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	**54,826.5**	**4,392.7**	**6,445.8**	**2,405.8**	**2,384.4**	**145.3**	**67.4**	**70,667.9**
Kegunaan:								
Aset								
antaranya:								
Penempatan deposit	6,518.2	1,339.4	43.9	122.6	33.5	-	35.4	8,093.0
Pelaburan	37,961.8	2,664.9	104.7	1,306.5	12.1	8.6	0.5	42,059.1
antaranya:								
Sekuriti Kerajaan	-	-	-	-	-	-	-	-
Saham	*14,156.7*	-	*35.7*	*0.6*	-	-	*0.2*	*14,193.2*
Disenaraikan	*14,021.0*	-	*35.7*	*0.3*	-	-	-	*14,057.0*
Tidak disenaraikan	*135.7*	-	-	*0.3*	-	-	*0.2*	*136.2*
Pinjaman dan pendahuluan	-	256.4	5,718.8	120.1	2,276.2	2.9	1.8	8,376.2
Aset tetap	5,589.9	25.0	2.4	27.4	38.8	2.2	0.9	5,686.6
Jumlah	**54,826.5**	**4,392.7**	**6,445.8**	**2,405.8**	**2,384.4**	**145.3**	**67.4**	**70,667.9**

[1] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.17

Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
	RM juta					
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6,875.6	7,707.4	309.2	272.8	7,184.8	7,980.2
Perlombongan dan kuari	126.8	125.6	49.7	37.6	176.5	163.2
Perkilangan	4,795.9	5,162.4	500.8	512.7	5,296.7	5,675.1
Bekalan elektrik, gas dan air	3,114.0	3,554.3	495.5	468.6	3,609.5	4,022.9
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	3,067.1	3,412.1	133.6	123.5	3,200.7	3,535.6
Sektor harta benda yang luas	24,623.8	21,740.8	3,010.7	3,383.8	27,634.5	25,124.6
Pembinaan	*16,696.9*	*12,641.0*	*1,704.0*	*1,963.2*	*18,400.9*	*14,604.2*
Pembelian harta kediaman	*7,203.1*	*8,296.0*	*107.2*	*90.0*	*7,310.3*	*8,386.0*
Pembelian harta bukan kediaman	*231.6*	*211.5*	*33.8*	*28.5*	*265.4*	*240.0*
Harta tanah	*492.2*	*592.3*	*1,165.7*	*1,302.1*	*1,657.9*	*1,894.4*
Maritim	2,453.0	2,442.5	-	-	2,453.0	2,442.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,438.9	10,234.5	46.1	40.5	5,485.0	10,275.0
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	3,595.5	4,115.4	198.6	322.3	3,794.1	4,437.7
Kredit penggunaan	62,101.9	66,656.4	1,943.8	2,159.7	64,045.7	68,816.1
antaranya:						
Pembelian kenderaan bermotor	*1,225.0*	*1,456.7*	*2.9*	*1.9*	*1,227.9*	*1,458.6*
Kad kredit	*710.8*	*804.3*	-	-	*710.8*	*804.3*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	2,705.2	2,825.9	7.2	6.1	2,712.4	2,832.0
Pembelian sekuriti	97.1	85.0	-	-	97.1	85.0
Lain-lain sektor	1,116.7	388.6	932.1	1,048.6	2,048.8	1,437.2
Jumlah	**120,111.5**	**128,450.9**	**7,627.3**	**8,376.2**	**127,738.8**	**136,827.1**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[3] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.18

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	Pada akhir tahun 2014						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Pertanian, perhutanan dan perikanan	437.2	-	-	6,866.6	392.8	10.8	7,707.4
Perlombongan dan kuari	87.3	-	-	-	-	38.3	125.6
Perkilangan	299.3	155.3	2,275.3	-	1,522.3	910.2	5,162.4
Bekalan elektrik, gas dan air	100.1	-	2,073.7	-	1,363.4	17.1	3,554.3
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	164.8	317.6	1,119.3	-	518.2	1,292.2	3,412.1
Sektor harta benda yang luas	3,663.1	6,436.3	8,857.4	-	2,146.8	637.2	21,740.8
Pembinaan	*1,403.8*	-	*8,857.4*	-	*1,804.8*	*575.0*	*12,641.0*
Pembelian harta kediaman	*1,911.6*	*6,384.4*	-	-	-		*8,296.0*
Pembelian harta bukan kediaman	*159.6*	*51.9*	-	-	-		*211.5*
Harta tanah	*188.1*	-	-	-	*342.0*	*62.2*	*592.3*
Maritim	-	-	2,401.2	-	41.3	-	2,442.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	297.3	4.0	8,329.8	-	829.6	773.8	10,234.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	2,009.7	115.1	-	-	1,624.9	365.7	4,115.4
Kredit penggunaan	54,920.4	11,736.0	-	-	-	-	66,656.4
antaranya:							
Pembelian kenderaan bermotor	*1,118.5*	*338.2*	-	-	-	-	*1,456.7*
Kad kredit	*468.8*	*335.5*	-	-	-	-	*804.3*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	41.1	…	1,996.5	-	-	788.3	2,825.9
Pembelian sekuriti	84.1	0.9	-	-	-	-	85.0
Lain-lain sektor	-	1.3	11.3	-	346.7	29.3	388.6
Jumlah	**62,104.4**	**18,766.5**	**27,064.5**	**6,866.6**	**8,786.0**	**4,862.9**	**128,450.9**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

… Terlalu kecil

Jadual A.19

Institusi Kewangan Pembangunan[1] bukan di bawah AIKP[2]: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	Pada akhir tahun 2014							
	LTH	CGC	SDB	MIDF	SCC	BDC Sarawak	BDC Sabah	Jumlah
	RM juta							
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-	4.2	268.4	-	0.2	-	-	272.8
Perlombongan dan kuari	-	0.6	37.0	-	-	-	-	37.6
Perkilangan	-	53.2	392.0	67.5	-	-	-	512.7
Bekalan elektrik, gas dan air	-	0.6	468.0	-	-	-	-	468.6
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	-	96.8	...	26.7	-	-	-	123.5
Sektor harta benda yang luas	-	69.4	3,193.5	-	116.2	2.9	1.8	3,383.8
Pembinaan	-	*69.4*	*1,890.9*	-	-	*2.9*	-	*1,963.2*
Pembelian harta kediaman	-	-	*0.5*	-	*87.7*	-	*1.8*	*90.0*
Pembelian harta bukan kediaman	-	-	-	-	*28.5*	-	-	*28.5*
Harta tanah	-	-	*1,302.1*	-	-	-	-	*1,302.1*
Maritim	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	-	7.2	28.3	5.0	...	-	-	40.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	-	14.6	291.7	16.0	-	-	-	322.3
Kredit penggunaan	-	-	-	-	2,159.7	-	-	2,159.7
antaranya:								
Pembelian kenderaan bermotor	-	-	-	-	*1.9*	-	-	*1.9*
Kad kredit	-	-	-	-	-	-	-	-
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	-	6.1	-	-	-	-	-	6.1
Pembelian sekuriti	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain sektor	-	3.7	1,039.9	5.0	-	-	-	1,048.6
Jumlah	**-**	**256.4**	**5,718.8**	**120.2**	**2,276.1**	**2.9**	**1.8**	**8,376.2**

[1] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

... Terlalu kecil

Jadual A.20

Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

	Pada akhir tahun					
	2013			2014		
IKP di bawah AIKP[1]:	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	145	599	4,695	174	650	4,642
Bank Simpanan Nasional	400	982	6,760	403	885	6,961
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	331	-	-	331
Bank Pertanian Malaysia Berhad	184	255	3,488	190	258	3,347
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	296	-	-	298
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	18	-	1,024	29	-	1,028
Jumlah kecil	747	1,836	16,594	796	1,793	16,607
IKP bukan di bawah AIKP[1]:						
Lembaga Tabung Haji	120	-	2,050	121	-	2,090
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	-	473	16	-	500
Sabah Development Bank Berhad	-	-	87	-	-	88
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	288	5	-	293
Sabah Credit Corporation	12	-	186	12	-	184
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	-	-	34	-	-	36
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	-	-	18	-	-	20
Jumlah kecil	153	-	3,136	154	-	3,211
Jumlah	**900**	**1,836**	**19,730**	**950**	**1,793**	**19,818**

[1] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.21

Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk

	2010	2011	2012	2013	2014
	RM juta				
Jumlah kiriman keluar[1]	**13,414.9**	**15,682.1**	**19,736.4**	**25,132.5**	**32,128.8**
Dihantar melalui:					
Bank	6,712.3	7,791.1	8,922.2	10,992.6	14,660.9
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[2]	6,702.6	7,891.0	10,814.2	14,139.9	17,468.0
Jumlah kiriman masuk[3]	**4,696.0**	**5,215.1**	**6,359.4**	**7,991.4**	**10,312.5**
Dihantar melalui:					
Bank	4,202.1	4,654.0	5,755.7	7,211.2	9,331.8
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	493.9	561.1	603.7	780.2	980.7
Pada akhir tempoh					
Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang	**81**	**80**	**79**	**77**	**77**
Bank perdagangan	40	41	43	43	43
Institusi kewangan pembangunan	2	2	2	2	3
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[4]	39	37	34	32	31

[1] Merujuk kepada gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta wang yang dikirim oleh mereka dari Malaysia ke negara-negara lain
[2] Merujuk kepada penyedia perkhidmatan kiriman wang dan institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
[3] Merujuk kepada gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta wang yang dikirim oleh mereka dari negara-negara lain ke Malaysia
[4] Tidak termasuk institusi kewangan pembangunan

Jadual A.22

Penunjuk Pembayaran Asas

	2010	2011	2012	2013	2014
Penduduk (juta)	28.6	29.1	29.5	29.9	30.3
KDNK (RM juta)	797,327	885,339	941,949	986,733	1,070,008
Tunai dalam edaran (RM juta)	47,685.2	53,488.5	57,395.6	62,710.2	68,029.4
Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):					
Cek[1]	7.2	7.1	6.9	6.6	5.9
E-pembayaran:	43.1	49.2	55.1	64.2	72.0
Kad kredit	10.3	10.9	11.0	11.1	11.4
Kad caj	0.2	0.1	0.1	0.1	0.1
Kad debit	0.6	0.9	1.2	1.7	2.3
Wang elektronik	24.5	27.7	31.3	35.0	38.8
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	0.2	0.9	1.0	1.0
Sistem GIRO Antara Bank	1.7	2.1	2.4	2.8	3.8
Debit Terus	…	…	…	…	…
ATM[3]	1.4	1.4	1.6	1.5	1.8
Perbankan Internet[4]	4.3	5.6	6.3	7.3	8.8
Perbankan mudah alih[4]	…	0.1	0.2	0.5	0.7
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5]	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank[6]	-	-	-	3.0	3.1
Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):					
Tunai dalam edaran	1,668.0	1,840.5	1,945.0	2,096.3	2,248.0
Cek[1]	64,437.0	68,125.3	68,899.4	68,845.2	64,047.9
E-pembayaran:	340,325.6	446,921.6	512,358.2	539,300.4	572,344.4
Kad kredit	2,791.6	3,055.4	3,188.2	3,333.9	3,485.7
Kad caj	164.0	185.4	218.9	241.5	282.9
Kad debit	164.5	215.3	292.1	382.9	488.9
Wang elektronik	94.7	119.7	143.8	164.4	174.6
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	1.0	2.6	4.4	3.3
Sistem GIRO Antara Bank	4,437.7	5,716.8	7,172.5	9,535.9	14,293.1
Debit Terus	132.0	166.3	279.5	376.1	488.9
ATM[3]	1,094.3	1,282.9	1,387.7	1,477.8	1,806.6
Perbankan Internet[4]	47,429.8	64,264.0	62,650.4	75,556.7	88,476.0
Perbankan mudah alih[4]	4.2	24.4	124.2	260.3	400.8
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5]	284,012.6	371,890.5	436,898.4	428,537.2	449,721.8
Debit terus dan arahan tetap intrabank[6]	-	-	-	19,429.3	12,721.7
Bahagian daripada KDNK:					
Tunai dalam edaran (%)	6.0	6.0	6.1	6.4	6.4
Cek[1] (kali)	2.3	2.2	2.2	2.1	1.8
E-pembayaran (kali):	12.2	14.7	16.1	16.4	16.2
% daripada KDNK:					
Kad kredit	10.0	10.0	10.0	10.1	9.9
Kad caj	0.6	0.6	0.7	0.7	0.8
Kad debit	0.6	0.7	0.9	1.2	1.4
Wang elektronik	0.3	0.4	0.5	0.5	0.5
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	…	…	…	…
Sistem GIRO Antara Bank	15.9	18.8	22.5	28.9	40.4
Debit Terus	0.5	0.5	0.9	1.1	1.4
ATM[3]	3.9	4.2	4.3	4.5	5.1
Perbankan Internet[4]	170.1	211.0	196.3	229.1	250.2
Perbankan mudah alih[4]	…	0.1	0.4	0.8	1.1
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5] (kali)	10.2	12.2	13.7	13.0	12.7
Debit terus dan arahan tetap intrabank[6]	-	-	-	58.9	36.0

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Merujuk kepada kad pembayaran satu tujuan
[3] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
[4] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan dan urus niaga kad kredit, Sistem GIRO Antara Bank dan pihak ketiga RENTAS secara dalam talian
[5] Merujuk kepada pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk kepada urus niaga dengan nilai minimum RM10,000, dengan pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS
[6] Merujuk kepada bayaran yang didebitkan secara terus oleh bank dari akaun semasa dan simpanan. Data diperoleh mulai tahun 2013
… Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.23

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Bilangan Urus Niaga

	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	Juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**206.7**	**204.9**	**203.8**	**197.1**	**177.1**	**-3.3**	**-10.1**
Kad kredit	**294.9**	**316.9**	**325.3**	**332.4**	**345.9**	**2.2**	**4.1**
Kad caj	**4.7**	**3.9**	**4.1**	**4.0**	**4.4**	**-2.3**	**8.0**
Kad debit	**18.3**	**25.1**	**36.0**	**49.4**	**68.8**	**37.0**	**39.4**
Kad debit jenama antarabangsa	*13.3*	*19.8*	*29.7*	*41.9*	*60.5*	*41.1*	*44.2*
Kad debit domestik[2]	*5.0*	*5.4*	*6.3*	*7.4*	*8.4*	*17.7*	*12.7*
Wang elektronik	**699.3**	**804.8**	**923.0**	**1,048.0**	**1,175.0**	**13.5**	**12.1**
Berasaskan kad	*692.2*	*797.4*	*914.6*	*1,028.0*	*1,153.0*	*12.4*	*12.2*
Berasaskan rangkaian	*7.1*	*7.4*	*8.5*	*20.1*	*22.0*	*137.0*	*9.4*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Jadual A.24

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	RM juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**1,842,189**	**1,979,858**	**2,033,221**	**2,059,504**	**1,938,218**	**1.3**	**-5.9**
Kad kredit	**79,810**	**88,797**	**94,085**	**99,733**	**105,485**	**6.0**	**5.8**
Pembelian	*76,285*	*85,364*	*91,270*	*97,291*	*103,081*	*6.6*	*6.0*
Pendahuluan tunai	*3,525*	*3,432*	*2,815*	*2,442*	*2,405*	*-13.3*	*-1.5*
Kad caj	**4,689**	**5,388**	**6,459**	**7,223**	**8,563**	**11.8**	**18.5**
Pembelian	*4,651*	*5,359*	*6,435*	*7,202*	*8,544*	*11.9*	*18.6*
Pendahuluan tunai	*37*	*28*	*24*	*21*	*19*	*-11.8*	*-10.2*
Kad debit	**4,704**	**6,256**	**8,619**	**11,454**	**14,795**	**32.9**	**29.2**
Kad debit jenama antarabangsa	*2,202*	*3,239*	*4,954*	*7,092*	*10,051*	*43.2*	*41.7*
Kad debit domestik[2]	*2,502*	*3,016*	*3,665*	*4,362*	*4,743*	*19.0*	*8.8*
Wang elektronik	**2,708**	**3,477**	**4,244**	**4,919**	**5,284**	**15.9**	**7.4**
Berasaskan kad	*2,113*	*2,424*	*2,983*	*3,361*	*3,837*	*12.7*	*14.1*
Berasaskan rangkaian	*595*	*1,054*	*1,261*	*1,557*	*1,447*	*23.5*	*-7.1*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Jadual A.25

Sistem Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga

	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
RENTAS[1]							
Bilangan urus niaga	3.2	3.4	3.6	4.0	4.4	10.5	10.1
Nilai urus niaga	39,434.6	47,175.6	46,169.4	46,437.7	49,127.3	0.6	5.8
Sistem GIRO Antara Bank							
Bilangan urus niaga	49.8	60.4	70.1	83.4	113.6	19.0	36.2
Nilai urus niaga	126.9	166.1	211.7	285.3	432.5	34.8	51.6
	'000/RM juta						
Bursa Pemprosesan Kewangan							
Bilangan urus niaga	488.9	878.4	1,440.9	2,211.7	3,099.7	53.5	40.2
Nilai urus niaga	309.9	618.9	821.6	1,372.2	4,191.4	67.0	205.4
Debit Terus							
Bilangan urus niaga	438.6	575.7	708.8	924.2	1,278.4	30.4	38.3
Nilai urus niaga	3,774.0	4,832.0	8,248.2	11,251.9	14,796.2	36.4	31.5

[1] Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata

Jadual A.26

Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS

Bilangan Urus Niaga	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	'000					% Perubahan tahunan	
Jumlah	**3,152.7**	**3,425.0**	**3,588.7**	**3,967.1**	**4,367.2**	**10.5**	**10.1**
IFTS[1]	**3,059.1**	**3,310.3**	**3,467.5**	**3,847.7**	**4,257.3**	**11.0**	**10.6**
Operasi pasaran wang	98.2	95.9	90.8	87.3	88.1	-3.9	0.9
Penyelesaian pertukaran asing	74.0	85.9	91.8	100.0	107.6	8.9	7.6
antaranya: USD CHATS[2]	*42.0*	*44.4*	*41.2*	*47.8*	*53.7*	*16.1*	*12.3*
Urus niaga pihak ketiga	2,086.1	2,449.4	2,701.5	3,020.2	3,383.8	11.8	12.0
Lain-lain	800.8	679.0	583.4	640.2	677.8	9.7	5.9
SSDS[3]	**93.6**	**114.7**	**121.2**	**119.4**	**110.0**	**-1.5**	**-7.9**
Nilai Urus Niaga	RM bilion						
Jumlah	**39,434.6**	**47,175.6**	**46,169.4**	**46,437.7**	**49,127.3**	**0.6**	**5.8**
IFTS[1]	**37,437.6**	**44,227.9**	**43,153.2**	**43,903.3**	**46,743.0**	**1.7**	**6.5**
Operasi pasaran wang	18,354.9	21,473.2	17,520.1	18,656.7	18,935.5	6.5	1.5
Penyelesaian pertukaran asing	2,618.9	3,831.6	3,955.7	3,839.6	4,966.6	-2.9	29.4
antaranya: USD CHATS[2]	*1,681.6*	*2,414.3*	*2,401.6*	*2,594.8*	*3,595.2*	*8.0*	*38.6*
Urus niaga pihak ketiga	8,119.6	10,807.9	12,892.9	12,819.7	13,609.5	-0.6	6.2
Lain-lain	8,344.1	8,115.2	8,784.4	8,587.2	9,231.5	-2.2	7.5
SSDS[3]	**1,997.0**	**2,947.7**	**3,016.3**	**2,534.5**	**2,384.3**	**-16.0**	**-5.9**
Pusing Ganti kepada KDNK (kali)	**49.5**	**53.3**	**49.0**	**47.1**	**45.9**		
Purata harian:							
Bilangan urus niaga ('000)	12.7	14.0	14.6	16.1	17.8	9.6	10.5
Nilai urus niaga (RM bilion)	159.0	192.6	188.4	188.0	199.7	-0.2	6.2

[1] Sistem Pemindahan Dana Antara Bank
[2] Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) yang dilancarkan pada tahun 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS USD CHATS
[3] Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.27

Saluran Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga

Bilangan Urus Niaga	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet[1]	153.3	198.4	227.3	269.8	350.7	18.7	30.0
Individu	*104.7*	*141.3*	*161.7*	*194.8*	*252.2*	*20.4*	*29.5*
Korporat	*48.6*	*57.1*	*65.6*	*75.0*	*98.5*	*14.2*	*31.3*
Perbankan mudah alih[1]	0.7	2.2	7.1	16.1	23.3	124.6	45.1
ATM[2]	38.8	42.1	46.4	45.3	53.7	-2.5	18.7
Nilai Urus Niaga	RM juta						
Perbankan Internet	1,415,351	1,934,208	2,978,435	3,457,627	4,108,271	16.1	18.8
Individu	*115,575*	*153,648*	*171,825*	*224,852*	*304,177*	*30.9*	*35.3*
Korporat	*1,299,776*	*1,780,560*	*2,806,610*	*3,232,775*	*3,804,094*	*15.2*	*17.7*
Perbankan mudah alih	138	852	4,237	9,243	14,677	118.2	58.8
ATM[2]	31,286	37,283	40,950	44,208	54,672	8.0	23.7

[1] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan
[2] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.28

Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran

Bilangan Urus Niaga	2013			2014		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	107.9	6.8	29.5	162.2	11.5	38.7
Pembayaran bil[1]	55.0	3.2	4.1	62.7	4.1	4.1
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	5.8	…	0.1	6.3	…	0.1
Tambah nilai	20.6	4.8	3.1	23.1	5.9	2.8
Pembayaran balik kad dan pinjaman	19.0	1.2	8.5	22.2	1.6	8.1
Nilai Urus Niaga	RM juta					
Pindahan dana	2,351,127	7,215	31,847	2,669,945	11,965	43,042
Pembayaran bil[1]	12,813	463	3,473	16,588	536	3,013
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	58,019	…	1,826	66,165	…	1,475
Tambah nilai	365	72	145	433	92	128
Pembayaran balik kad dan pinjaman	24,380	1,392	6,776	29,382	1,947	6,913

[1] Termasuk pembayaran insurans
… Terlalu kecil

Jadual A.29

Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia

	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
Bilangan pengeluaran wang tunai	Juta					% Perubahan tahunan	
	518.8	556.8	565.7	526.5	583.8	-6.9	10.9
Nilai pengeluaran wang tunai	RM juta						
	255,308.7	279,484.7	294,149.1	286,491.2	315,144.5	-2.6	10.0
Purata nilai setiap urus niaga (RM)	492.1	501.9	520.0	544.1	539.8	4.7	-0.8

Jadual A.30

Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)

Pada akhir tempoh	2010	2011	2012	2013	2014
	Unit				
Jumlah terminal[1]	181,562	208,092	220,829	227,832	239,802
antaranya:					
Kad pembayaran jenama antarabangsa	178,677	205,551	218,307	225,190	236,081
Kad debit domestik[2]	105,731	123,991	138,937	158,204	184,910
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk	6	7	7	8	8

[1] Terminal yang menerima kad pembayaran jenama antarabangsa dan kad debit domestik. Termasuk terminal yang dimiliki institusi bukan bank
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Jadual A.31

Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran

Pada akhir tempoh	2010	2011	2012	2013	2014	2013	2014
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	8,547	8,281	8,150	8,128	8,160	-0.3	0.4
Kad caj	181	154	138	155	142	12.8	-8.8
Kad debit	29,941	34,993	38,165	40,039	43,385	4.9	8.4
antaranya: Kad debit domestik[1]	*20,992*	*22,426*	*20,772*	*18,769*	*18,241*	*-9.6*	*-2.8*
Wang elektronik	74,701	84,178	91,008	97,735	45,557	7.4	-53.4
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	9,848	11,873	13,678	15,524	17,600	13.5	13.4
Individu	*9,638*	*11,637*	*13,430*	*15,225*	*17,254*	*13.4*	*13.3*
Korporat	*209*	*236*	*248*	*299*	*346*	*20.6*	*15.6*
Kadar penembusan (%) kepada jumlah penduduk	*34.4*	*40.9*	*46.4*	*51.9*	*58.2*		
Perbankan mudah alih	898	1,560	2,446	4,379	5,639	79.0	28.8
Kadar penembusan (%):							
kepada jumlah penduduk	*3.1*	*5.4*	*8.3*	*14.6*	*18.6*		
kepada pelanggan telefon mudah alih	*2.6*	*4.3*	*5.9*	*10.2*	*12.9*		

[1] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Jadual A.32

Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen

Pada akhir tempoh	2010	2011	2012	2013	2014
	Unit				
RENTAS	**64**	**68**	**68**	**68**	**68**
Bank Negara Malaysia	*1*	*1*	*1*	*1*	*1*
Bank	*55*	*56*	*56*	*55*	*55*
Institusi Kewangan Pembangunan	*5*	*6*	*6*	*6*	*6*
Bukan bank	*3*	*5*	*5*	*6*	*6*
SPICK/eSPICK	**45**	**46**	**48**	**47**	**46**
Kad kredit	**26**	**25**	**26**	**25**	**26**
Bank	*22*	*21*	*22*	*22*	*23*
Bukan bank	*4*	*4*	*4*	*3*	*3*
Kad debit[1]	**23**	**22**	**22**	**25**	**25**
Kad debit jenama antarabangsa	*8*	*9*	*10*	*13*	*14*
Kad debit domestik[2]	*14*	*13*	*13*	*13*	*13*
Lain-lain[3]	*9*	*11*	*10*	*10*	*10*
Kad caj	**6**	**6**	**6**	**7**	**7**
Bank	*4*	*4*	*4*	*6*	*6*
Bukan bank	*2*	*2*	*2*	*1*	*1*
Wang elektronik[4]	**21**	**21**	**25**	**25**	**24**
Bank	*6*	*6*	*7*	*6*	*7*
Bukan bank	*15*	*15*	*18*	*19*	*17*
Perbankan Internet	**25**	**26**	**29**	**29**	**30**
Perbankan mudah alih	**11**	**13**	**13**	**13**	**13**
FPX	**7**	**7**	**10**	**11**	**11**
Bank	*7*	*7*	*7*	*8*	*8*
Bukan bank	*-*	*-*	*3*	*3*	*3*
Debit Terus	**12**	**13**	**16**	**17**	**17**
Bank	*12*	*13*	*13*	*14*	*14*
Bukan bank	*-*	*-*	*3*	*3*	*3*
Sistem GIRO Antara Bank	**24**	**26**	**28**	**29**	**30**

[1] Terdapat bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
[3] Merujuk kepada kad yang mempunyai fungsi kad debit jenama antarabangsa dan kad debit domestik (berasaskan PIN)
[4] Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa